

**DARI
SINOLOGI
KE INDOLOGI**

LI CHUAN SIU



DARI SINOLOGI KE INDOLOGI

LI CHUAN SIU



PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
KUALA LUMPUR

diterbitkan oleh
PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
399A Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

© **PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.**

Cetakan Pertama ... 1994
ISBN 967-937-362-2

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.** terlebih dahulu.

Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia
No. 7001

806043

Dicetak oleh:
PERCETAKAN POLYGRAHPIC (M) SDN. BHD.
Lot 21, Jalan 3A, Kawasan Perusahaan Cheras Jaya,
Balakong, Batu 11,
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan

11 DEC 1995
Perpustakaan Negara
Malaysia

SEPATAH KATA

Maksud saya mengarang Memoir ini ada dua:

Yang pertama ialah untuk menceritakan riwayat pendek hidup saya dengan menggunakan kata ganti 'aku' kerana saya seolah-olah bercerita kepada diri saya sendiri. Riwayat itu bermula dari masa saya kecil di kampung Kartasura (Jawa, Indonesia) sampai kepada hari tua saya di bandar Sydney (Australia). Selama sepuluh tahun yang lalu banyak pahit getir dan suka duka yang saya alami, tetapi dengan berusaha terus-menerus dan berkat rahmat daripada Tuhan Yang Maha Esa, dapatlah saya atasi kesukaran-kesukaran itu. Banyak juga fakta sejarah yang saya kutip dalam Memoir ini sebagai latar belakang perubahan hidup saya. Tujuan hidup saya sangat dipengaruhi oleh ucapan mendiang Dr. Sun Yat-Sen yang berbunyi: "Jangan hanya berharap untuk menjadi pegawai negeri yang tinggi pangkatnya, haruslah berharap menjadi orang yang berbuat jasa yang besar kepada masyarakat dan negara!"

Yang kedua ialah untuk memberi galakan kepada para pemuda dan pemudi yang senasib atau mirip nasibnya dengan nasib saya supaya terus berjuang sekuat hati dan tenaga untuk mencapai cita-cita masing-masing, kerana Tuhan akan membantu mereka yang mahu membantu dirinya sendiri. Kalau perjuangannya menemui jalan buntu, janganlah mudah berputus asa, carilah jalan lain yang dapat ditempuh, bukalah jalan baru yang rintangannya dapat diatasi, seperti kata peribahasa Jawa 'rawe-rawe nntas, malang-malang putong'.

Dan akhirul-kalam, perlu saya terangkan di sini bahawa kerana sudah puluhan tahun lamanya, mungkin ada kesalahan tentang nama orang atau nama tempat yang termuat dalam Memoir ini. Untuk ini, saya terlebih dahulu memohon sebanyak-banyak kemaafan.

Li Chuan Siu
Sydney, 03 Ogos, 1992

Untuk
ISTERI dan ANAKKU



KANDUNGAN

Halaman

Bab I	Kampung Halaman Dekat Reruntuk Keraton Kerajaan Mataram	1
Bab II	Meneruskan Pelajaran di Kota Solo	5
Bab III	Melanjutkan Pelajaran di Kota Semarang	9
Bab IV	Berusaha untuk Melanjutkan Pelajaran ke Tiongkok	11
Bab V	Belajar di Institut Chimei, Tiongkok Selatan	16
Bab VI	Mengungsi ke Universiti Amoy	21
Bab VII	Menjadi Jurutulis di Chuan Min Kung Hwee, Solo	26
Bab VIII	Meletusnya Perang Pasifik dan Jatuhnya Malaya ke Tangan Jepun	31
Bab IX	Jatuhnya Hindia Belanda ke Tangan Jepun	40
Bab X	Bekerja Sebagai Jurubahasa di Pejabat Pentadbiran Tentera Jepun di Solo	42
Bab XI	Ramalan Joyoboyo dan Pengisytiharan Kemerdekaan	47
Bab XII	Zaman Perjuangan dan Perang Surabaya	50
Bab XIII	Pemerintah R.I. Dipindahkan ke Yogyakarta dan Berdirinya Universitas Gajah Mada	53
Bab XIV	Persetujuan Linggarjati dan <i>Police Action</i> Pertama	55
Bab XV	Majlis Keselamatan Campur Tangan	59
Bab XVI	Persetujuan Renville dan Aku Mengungsi ke Semarang	62
Bab XVII	Pemberontakan Madiun, <i>Police Action</i> Kedua dan Persetujuan Roem-Van Royen	66
Bab XVIII	Aku Mohon Masuk Menjadi Mahasiswa Tingkat 1 di Universitas Indonesia	70
Bab XIX	Lulus Ujian Masuk dan Menjadi Mahasiswa Universitas Indonesia di Jakarta	72

Bab XX	Penyerahan Kedaulatan oleh Pemerintah Belanda kepada Republik Indonesia Syarikat	75
Bab XXI	Isteriku Ikut Pindah ke Jakarta	77
Bab XXII	Percubaan <i>Coup D'etat</i> Paul Westerling	79
Bab XXIII	Aku Lulus Ujian <i>Propadeutisch</i> /Persiapan di Fakultas Sastera	81
Bab XXIV	Aku Lulus Ujian <i>Candidaats</i> /Sarjana Muda di Fakultas Sastera	83
Bab XXV	Dr. Tjan Tjoe Som Dilantik Menjadi Profesor Lembaga Sinologi	89
Bab XXVI	Menempuh Ujian <i>Doctoraal</i> /Sarjana Sastera	92
Bab XXVII	Dilantik Menjadi Ahli Bahasa Kelas Satu di Fakultas Sastera	96
Bab XXVIII	Merangkap Menjadi Ketua Sekolah Pa Hwa	99
Bab XXIX	Menjadi Jurubahasa Bagi Delegasi Republik Indonesia Dalam Perundingan Dwi-Kewarganegaraan dengan Delegasi Republik Rakyat Tiongkok	103
Bab XXX	Menjadi Pensyarah Bahasa Melayu di Universiti Nanyang, Singapura	109
Bab XXXI	Dari Sinologi ke Indologi	117
Bab XXXII	Mulai Menerbitkan Buku-buku Tentang Bahasa Melayu	121
Bab XXXIII	Kunjungan Asraf dan Abdullah Hussain kepadaku	125
Bab XXXIV	Naik Pangkat Menjadi Profesor Madya	130
Bab XXXV	Akibat Berdirinya Malaysia Terhadap Diriku	132
Bab XXXVI	Minta Pekerjaan di Holland (Belanda)	144
Bab XXXVII	Minta Pekerjaan di Australia	146
Bab XXXVIII	Dilantik Menjadi Pensyarah di Universiti Sydney	149
Bab XXXIX	Pindah ke Australia	153
Bab XL	Pertemuan-pertemuan dan Permulaan Tugas Mengajar	157

Bab XLI	Perkembangan di Jabatan Kami dan Penerbitan Bukuku	160
Bab XLII	Kesempatan Membeli Rumah, Naik Pangkat dan Penerbitan Kesusasteraan Melayu Baru	163
Bab XLIII	Kekecewaan, Harapan Baru dan Galakan	167
Bab XLIV	Balik ke Universiti Nanyang atau Tetap di Universiti Sydney	171
Bab XLV	Bertungkus-Lumus Mengarang Buku dan Akibatnya	175
Bab XLVI	Berkunjung Semula ke Singapura dan Kuala Lumpur	179
Bab XLVII	Membuat Perjalanan Keliling Dunia	185
Bab XLVIII	169 Hari di Singapura	203
Bab XLIX	Melawat Sumatera, Jawa dan Bali	207
Bab L	Situasi Baru di Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya	213
Bab LI	Mengarang Buku Penggalakan Perkembangan Sastera Melayu	215
Bab LII	Menerbitkan <i>Essentials of Indonesian Grammar</i>	220
Bab LIII	Menghadiri Persidangan Penulis-Penulis ASEAN di Kuala Lumpur	222
Bab LIV	Melawat Republik Rakyat Tiongkok	231
Bab LV	Cuti Belajar Terakhir (Berkunjung ke Kota-kota Besar di Asia Tenggara)	242
Bab LVI	Bersara	251

Bab I

KAMPUNG HALAMAN DEKAT RERUNTUK KERATON KERAJAAN MATARAM

AKU dilahirkan di Kartasura, sebuah kota kecil di Jawa Tengah, Indonesia, pada 03/08/1914, tepat pada waktu meletusnya Perang Dunia I. Rumah orang tuaku letaknya tidak jauh dari reruntuk sebuah keraton. Menurut cerita dalam buku-buku sejarah Indonesia, Kerajaan Mataram di bawah perintah Sultan Agung yang bertakhta dari tahun 1613 hingga 1647 Masehi, istananya yang terletak di Plered (sebuah kota dekat kota Yogyakarta sekarang) telah dibakar oleh seorang pangeran Madura yang bernama Trunojoyo pada tahun 1677. Pada waktu itu yang menjadi raja di Mataram ialah Amangkurat I, putera Sultan Agung. Baginda Amangkurat I bersama keluarganya terpaksa meninggalkan Plered dan mengembara dari desa ke desa, akhirnya baginda mangkat dalam tahun itu di Wonoyoso, sebuah desa dekat kota Tegal (dekat Semarang, Jawa Tengah). Putera baginda, Pangeran Adipati Anom, menggantikan baginda sebagai raja dengan gelar Amangkurat II.

Akhirnya Trunojoyo dapat dikalahkan dan menyerah pada 27/12/1679, lalu dihukum mati oleh Amangkurat II. Baginda tidak mahu balik ke Plered, sebaliknya baginda mendirikan keraton baru di desa Wonokerto dan dinamakan Kartasura. Keraton itu tetap

menjadi ibu kota kerajaan Mataram hingga tahun 1742. Pada tahun itu kaum pelawan terhadap merajalelanya pengaruh penjajahan Belanda, berontak dengan bantuan para pelarian Tionghua dari Jakarta terhadap raja Mataram, iaitu Susuhunan Paku Buwono II, kemanakan raja Amangkurat II. Pada 30/06/1742, mereka membakar keraton Kartasura dan setelah ada perdamaian, Susuhunan Paku Buwono II memindahkan keratonnya ke Solo, yang letaknya hanya 11 kilometer saja dari bekas keraton di Kartasura. Nama rasmi ibu kota yang baru itu ialah Surakarta Adiningrat, tetapi biasanya orang banyak menyebutnya kota Solo. Hal ini terjadi dalam tahun 1744 Masehi.

Ketika aku sudah berumur 9 tahun kerap kali aku meninjau ke bekas keraton itu yang letaknya hanya lebih kurang satu kilometer saja dari rumah orang tuaku. Masih ada sisa-sisa tembok tinggi yang dahulu mengelilingi keraton itu, dan ada juga sebuah bukit yang di atasnya ada tiga kuburan. Menurut kata orang tua-tua, itu adalah kuburan tiga orang puteri dalam keraton itu.

Di dekat pasar di kota Kartasura ada sebuah sekolah Tionghua yang didirikan oleh penduduk Tionghua di kota itu dengan melantik sebuah Badan Pengurus yang mengurus hal kewangan, melantik guru dan lain-lainnya. Gurunya hanya seorang saja, sedangkan jumlah muridnya lebih kurang 30 orang banyaknya yang dibagi jadi empat darjah, iaitu dari Darjah I sampai Darjah IV. Sekolah itu adalah Sekolah Dasar (Elementary School) yang menggunakan bahasa Mandarin dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Bagi murid yang telah lulus Darjah IV, kalau mahu meneruskan pelajarannya, harus naik kereta api ke Solo. Di sana ada sebuah sekolah, iaitu Tiong Hwa Hwee Kwan School yang besar dan lengkap dari Darjah I sampai Darjah VI. Pada waktu itu belum ada Sekolah Menengah Tionghua di Solo. Maka murid-murid yang telah lulus Darjah VI terpaksa harus mulai bekerja, hanya yang bercita-cita tinggi dan orang tuanya mampu sajalah yang dapat melanjutkan pelajarannya ke Tiongkok.

Schabis Perang Dunia I, banyak orang Tionghua di Solo yang mendirikan rumah gedung. Mungkin mereka mendapat keuntungan besar daripada peperangan itu. Untuk membuat bangunan-bangunan itu sudah barang tentu mereka memerlukan batu-bata. Aku ingat bahawa ayahku dan abang-abangku semuanya sibuk mengurus pembuatan dan penjualan batu-bata. Namun sampai tahun 1923,

agaknya gedung-gedung itu sudah selesai semuanya dan penjualan batu-bata sudah sangat merosot, sehingga orang tuaku terpaksa pindah ke desa Wuryantoro, lebih kurang 14 kilometer di sebelah selatan dari kota Wonogiri yang letaknya di sebelah selatan kota Solo, satu jam perjalanan dengan kereta api. Abangku yang sulung dan adik perempuanku ikut serta pindah ke Wuryantoro, sedangkan abangku yang nombor dua masih tetap di Kartasura, bekerja di sebuah kilang gula di Gembongan, dua kilometer jauhnya dari rumah orang tuaku di Kartasura. Abangku nombor tiga yang baru saja lulus Darjah VI dari Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo telah dilantik menjadi guru di Sekolah Tionghua di Boyolali, sebuah kota yang terletak di sebelah barat Kartasura dan Solo (jaraknya hanya 26 kilometer dari kota Solo). Abangku yang nombor empat mengembara dan bekerja di Bandung, ibu kota Priangan di Jawa Barat. Hanya abangku yang nombor lima dan aku sajalah yang ditinggalkan di kota Kartasura di bawah belaan dan asuhan abangku nombor dua yang bekerja di kilang gula tersebut.

Kerana ayah dan ibuku akhirnya menetap dan membuka sebuah toko kecil di desa Eromoko, yang letaknya lebih kurang 4 kilometer ke selatan desa Wuryantoro, dan di sana tidak ada sekolah Tionghua, maka aku pergi ke kota Boyolali ikut abangku yang menjadi guru di Sekolah Tionghua di kota itu. Aku pun meneruskan sekolahku di sana sampai aku lulus Darjah IV pada pertengahan tahun 1927.

Selama lebih kurang tiga tahun lamanya aku bersekolah di kota Boyolali itu, aku mempelajari bahasa Mandarin dan bahasa Melayu, ilmu hitung, sejarah, ilmu bumi, pengetahuan umum, *sipoa* (abacus) serta kutipan-kutipan dari Kitab Yang Empat (The Four Books), iaitu ajaran filsafat dan akhlak oleh Kong Hu Cu (Confucius) di bawah pimpinan abangku, satu-satunya guru di sekolah Tionghua di kota itu. Titik berat pengajaran di sekolah-sekolah Tionghua pada masa itu ialah semangat cintakan tanah leluhur (dalam hal ini ialah Tiongkok kerana pada masa itu Indonesia masih di bawah kekuasaan Belanda), maka ketika Dr. Sun Yat-sen, Bapak Republik Tiongkok, meninggal dunia di Peking (sekarang Beijing) pada 12/03/1925, di Solo diadakan Upacara Berkabung yang dihadiri oleh wakil-wakil perkumpulan-perkumpulan dan sekolah-sekolah Tionghua di seluruh keresidenan Surakarta yang terdiri daripada kota-kota Kartasura, Boyolali, Klaten, Sragen dan

Wonogiri. Seorang murid wanita bernama Go Tjoe Nio dan aku dibawa oleh abangku pergi ke Solo dengan kereta untuk turut serta dalam upacara tersebut. Pada waktu itu mendiang Dr. Sun Yat-sen disebut Bapak Negara Sun.


Sebagai penutup Bab I ini perlu diterangkan di sini bahawa unsur-unsur yang dapat membangkitkan perasaan 'Cinta Tanah Air' (Tiongkok) dan 'Berkhidmat kepada Negara' (Tiongkok) terdapat dalam buku-buku pelajaran bahasa, sejarah dan ilmu bumi yang diajarkan di sekolah-sekolah Tionghua pada masa itu, maka inilah yang telah dapat mengharukan hati kami murid-murid dan mendekatkan hati kami kepada tanah leluhur (Tiongkok), misalnya akibat-akibat yang merugikan, melemahkan dan merendahkan Tiongkok kerana Perang Candu (1839-1842), Perang Tiongkok-Inggris dan Perancis (1859-1860), Perang Tiongkok-Jepun (1894-1895), Pemberontakan Boxer (1900-1901), Perang Rusia-Jepun di daerah Tiongkok (1904-1905) dan sebagainya.

Bab II

MENERUSKAN PELAJARAN DI KOTA SOLO

PADA pertengahan tahun 1927 aku meneruskan pelajaranku ke Tiong Hwa Hwee Kwan School di kota Solo, 26 kilometer jauhnya dari kota Boyolali. Aku diterima duduk di Darjah V. Kerana jaraknya sangat jauh dari Boyolali dan naik kereta api pulang pergi akan memakan waktu 4 jam lamanya, maka aku dipondokkan di rumah bekas kawan sekolah abangku di Pasar Legi, hanya satu kilometer jauhnya dari sekolah tersebut. Tiap hari aku naik basikal sebagai kenderaan pulang pergi ke dan dari sekolah. Aku senang hati dapat tinggal di kota besar dan memperoleh banyak kawan baru di kota Solo yang bersejarah.

Solo dalam tahun 1744 dijadikan ibu kota negeri Mataram dengan Susuhunan Paku Buwono II sebagai raja. Setelah baginda mangkat dalam tahun 1749, putera mahkota naik takhta dengan gelar Susuhunan Paku Buwono III. Baginda harus mengindahkan surat keterangan yang ditandatangani oleh almarhum ayahandanya, iaitu kerajaan Mataram diserahkan tanpa syarat kepada Kompeni Belanda. Almarhum Susuhunan Paku Buwono II terpaksa menandatangani surat keterangan tersebut kerana kalau tidak mahu berbuat begitu, Kompeni Belanda tidak mahu mengakui putera mah-



Murid-murid Darjah V Tiong Hua Hwee Kwan School, Solo (1927) bergambar bersama-sama guru mereka. Drs. Li berdiri nombor 5 dari kanan

kota menjadi Susuhunan yang baru. Penyerahan tersebut menyebabkan kemarahan paman raja yang baru, iaitu Pangeran Mangkubumi dan saudara sepupu baginda yang bernama Mas Said. Mereka segera mengumpulkan pahlawan-pahlawan Jawa untuk berperang dengan Kompeni Belanda. Mereka terus-menerus menyerang tempat-tempat Belanda dengan muslihat bergerak cepat sehingga tiada terkejar oleh tentera Belanda. Walaupun pada pertengahan tahun 1752 pasukan-pasukan baru dikirim dari Batavia (Jakarta), akan tetapi tentera Belanda dapat dikalahkan juga oleh Mangkubumi dan Mas Said.

Kerana tidak berdaya, Susuhunan Paku Buwono III dan Kompeni Belanda terpaksa mengakui Pangeran Mangkubumi sebagai Sultan Amangku Buwono (biasanya disebut Sultan Yogyakarta) yang beribu kota di Yogyakarta. Hal ini terjadi pada tanggal 13/02/1755. Sejak tarikh itu negeri Mataram menjadi dua negeri, iaitu negeri Surakarta dengan Susuhunan Paku Buwono III sebagai rajanya dan Negeri Ngayogyakarta dengan Sultan Amangku Buwono I sebagai rajanya.

Selanjutnya pada tanggal 17/03/1757 Mas Said juga diakui menjadi raja dengan gelar Pangeran Adipati Aryo Mangkunegoro I dan mendapat sebahagian daerah dari negeri Surakarta

sehingga negeri itu terbagi pula menjadi Negeri Kesunanan dan Negeri Mangkunegaran.

Sekarang baiklah kulanjutkan perihal persekolahan di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo. Sekolah itu besar gedungnya dan banyak muridnya. Guru-gurunya kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Tionghua totok dari Tiongkok. Hanya guru bahasa Inggeris dan guru Darjah Persiapan (semacam Taman Kanak-kanak) sajalah yang terdiri daripada orang-orang Tionghua peranakan (Indonesian-born Chinese). Di Darjah V mulai diajarkan bahasa Inggeris, tetapi bahasa Melayu tidak diajarkan di sekolah tersebut. Pada waktu itu aku sudah agak faham dalam bahasa Melayu sehingga aku dapat membaca surat khabar Sin Po (Edisi Melayu) dan majalah-majalah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Oleh itu aku mempunyai banyak waktu untuk mencurahkan perhatianku kepada bahasa Mandarin dan Inggeris.

Guru bahasa Inggerisku adalah seorang Tionghua peranakan yang setelah lulus dari Tiong Hwa Hwee Kwan School tersebut, lalu melanjutkan pelajarannya ke Shanghai, dan setelah lulus sekolah menengah di sana, meneruskan pula pelajarannya ke salah sebuah universiti di Amerika Syarikat sehingga memperoleh gelar Sarjana Muda dalam Ilmu Perniagaan. Di bawah pimpinan beliau, aku mempelajari tatabahasa Inggeris dengan sungguh-sungguh, dan bahasa Mandarinku sangat maju kerana aku banyak membaca cerita-cerita sejarah dan pendekar-pendekar silat dalam bahasa itu. Pada waktu itu cita-cita untuk masuk universiti di Hong Kong atau Tiongkok mulai berkembang dalam hati sanubariku. Aku ingin memperoleh gelar yang ada huruf 'R'nya, iaitu gelar Mr. (Meester in de Rechten = Master of Laws), Ir. (Ingenieur = Engineer) atau Dr. (Doktor = Medical Practitioner).

Tetapi aku sedar bahawa aku salah jalan kerana untuk dapat memperoleh salah satu gelar tersebut, aku harus masuk sekolah yang menggunakan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar, iaitu *H.C.S.* (Hollandsch Chineesche School = Dutch Chinese Primary School: Darjah I — Darjah VII), lalu ke *M.U.L.O.* (Meer Uitgebreid Lager Onderwijs = Junior High School: Darjah I — Darjah III), kemudian ke *A.M.S.* (Algemeene Middelbare School = Senior High School: Darjah I — Darjah III). Jadi jalan untuk memperoleh salah satu gelar tersebut di pulau Jawa buntu bagiku. Akan tetapi dengan

masuk sekolah menengah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang terletak di kota Semarang, 100 kilometer jauhnya dari kota Solo, aku ada kesempatan untuk memperoleh salah satu gelar itu setelah lulus ujian Matrikulasi yang tiap tahun diadakan oleh Universiti Hong Kong di sekolah itu. Jadi dimisalkan aku berhasil lulus ujian itu, aku harus pergi ke Hong Kong atau London untuk memasuki sebuah universiti Inggeris dan belajar di sana 3 atau 5 tahun lamanya untuk maksud tersebut.

Jalan lain yang kedua ialah meneruskan pelajaran ke Shanghai atau Peking (sekarang Beijing) untuk memperoleh ijazah Senior High School, lalu memasuki salah sebuah universiti di sana yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar.

Setelah belajar dua tahun lamanya di Tiong Hwa Hwee Kwan School tersebut, dalam bulan Jun tahun 1929 aku tamat Darjah VI dan timbullah persoalan 'Quo Vadis', iaitu hendak melanjutkan pelajaran ke mana? Kawan-kawanku yang juga sudah tamat Darjah VI juga bimbang. Maka kami bersama-sama mengajukan permohonan kepada Pengurus Tiong Hwa Hwee Kwan School supaya diadakan Bagian Junior High School, tetapi kerana kekurangan kewangan, beliau tidak sanggup mengadakan Kelas I Bagian Junior High School. Yang disanggupi ialah cuma mengadakan Kelas Persiapan untuk Sekolah Menengah. Apa boleh buat, kami semua terpaksa memasuki Kelas Persiapan itu dalam pertengahan tahun 1929.

Bab III

MELANJUTKAN PELAJARAN DI KOTA SEMARANG

MASA berlalu dengan sangat cepat dan tahu-tahu bulan Jun tahun 1930 sudah tiba. Ini bererti bahawa kami harus meninggalkan Tiong Hwa Hwee Kwan School dan masing-masing berusaha untuk menyesuaikan dirinya dalam dunia yang fana ini: ada yang bekerja sebagai pegawai toko atau perusahaan, ada yang membantu perniagaan orang tuanya, ada yang menganggur di rumah, hanya ada seorang saja yang dapat meneruskan pelajarannya ke Singapura, kemudian ke London dan akhirnya menjadi juruterbang. Aku memberanikan diri untuk masuk The Chinese English School di Semarang dan aku diterima masuk Kelas II Junior High School untuk pelajaran dalam bahasa Mandarin dan Kelas V untuk pelajaran dalam bahasa Inggeris. Aku belajar dengan sungguh-sungguh dan dalam ujian tahunan aku mendapat markah yang bagus, rata-rata lebih daripada 80 dalam dua bagian itu. Oleh kerana itu aku diberi *Double Promotion*, jadi boleh lompat ke Kelas I bagian Senior High School untuk bagian bahasa Mandarin dan ke Kelas III bagian bahasa Inggeris. Sistem sekolah ini agak istimewa, sebab Kelas II dan Kelas I dalam bagian bahasa Inggeris adalah yang dinamakan 'Junior' dan 'Senior', setelah itu ada lagi Kelas Khas untuk Matrikulasi.

Dengan hasil yang gilang-gemilang itu, sudah barang tentu aku sangat gembira, tetapi kegembiraanku itu hanya sebentar saja, kerana ketika sekolah tersebut libur dan aku pulang ke rumah orang tuaku di desa Eromoko dekat kota Wonogiri, ayahku dengan menyesal mengatakan kepadaku bahawa beliau tidak sanggup membiayai belanja sekolahku di Semarang selanjutnya. Alasannya ialah perdagangannya sangat merosot kerana adanya *Malaise* (world economic crisis). Abangku yang menjadi guru di Boyolali pun sudah berhenti mengajar dan tinggal bersama orang tuaku untuk membantu menguruskan perniagaannya. Di Semarang, aku harus *indekos* (sewa kamar dengan mendapat makan tiga kali sehari) yang memakan belanja lebih kurang 30 rupiah tiap bulan dan wang sekolah 25 rupiah tiap bulan, ditambah pula wang saku 10 rupiah tiap bulan, jadi semuanya berjumlah lebih kurang 65 rupiah tiap bulan (ini mungkin sama dengan RM250 pada masa ini).

Pada masa itu belum ada biasiswa daripada negeri atau sekolah, maka aku hanya dapat mengajukan permohonan kepada Pengurus The Chinese English School supaya aku dibebaskan daripada pembayaran wang sekolah 25 rupiah tiap bulan dengan alasan orang tuaku kurang mampu, tetapi aku harus melanjutkan pelajaranku kerana aku memperoleh *Double Promotion* yang jarang sekali terjadi di sekolah tersebut. Sayangnya sekolah tersebut juga kena akibat *Malaise* dan tidak dapat meluluskan permohonanku. Tetapi kemahuanku besar dan aku segera mencari jalan untuk bersekolah di Tiongkok.

Bab IV

BERUSAHA UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE TIONGKOK

Kedaaan di Tiongkok sejak berdirinya Republik Tiongkok pada 01/01/1912 sangat mengecewakan: banyak perebutan kekuasaan, banyak perang saudara dan banyak tekanan kaum imperialis, terutama oleh kerajaan Jepun yang sangat agresif, tetapi sejak tanggal 29/12/1928, Generalissimo Chiang Kai-sek dapat menyatu-padukan Tiongkok dengan kekuatan tentera dan mendirikan Pemerintahan Nasionalis yang beribu kota di Nanking (Nanjing) dengan mendapat pengakuan daripada dunia antarabangsa. Hanya kaum komunis sajalah yang masih bergerak di bawah tanah untuk menentang Chiang Kai-sek dengan mendirikan sebuah Republik Soviet Tiongkok di antara propinsi Hunan dan propinsi Kiangsi di bawah pimpinan Mao Tse-tung, Chu Teh, Chou En-lai dan kawan-kawannya.

Walaupun demikian Pemerintah Nasionalis di bawah pimpinan Chiang Kai-sek mendapat kemajuan yang cukup besar dalam hal mengembangkan ekonomi, lalu-lintas, pertambangan dan sebagainya dan pendidikan mencapai kemajuan yang mengagumkan: sekolah-sekolah dan universiti-universiti baru banyak didirikan kerana sokongan yang banyak daripada pemerintah tersebut.

Keadaan yang bagus itu sangat menggembirakan orang-orang Tionghua perantau di seluruh dunia, dan aku pun tertarik untuk melanjutkan pelajaranku ke Tiongkok. Untuk melaksanakan niatku itu, aku menemui beberapa bekas guruku di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo untuk minta nasihat mereka. Dengan senang hati mereka itu memberikan keterangan-keterangan dan nasihat-nasihat yang berguna sebagai berikut:

1. Melanjutkan pelajaran ke kota besar Shanghai: Ada sebuah universiti yang istimewa didirikan untuk menerima pelajar-pelajar keturunan Tionghua dari luar Tiongkok, Universiti Chinan (Jinan) namanya. Universiti ini terletak di luar kota Shanghai, perjalanan dengan kereta api dari Shanghai ke universiti itu hanya makan waktu lebih kurang 15 minit lamanya. Di universiti itu ada juga Bagian Sekolah Menengah Pertama dan Sekolah Menengah Atas. Yang tersebut belakangan ini terbagi pula dalam dua jurusan, iaitu Jurusan Umum dan Jurusan Calon Guru. Kerana dimaksudkan untuk melatih pelajar-pelajar untuk menjadi guru di sekolah-sekolah Tionghua di seberang laut, maka mereka yang lulus dalam Ujian Masuk (Entrance Examination) dan diterima di jurusan Calon Guru akan dibebaskan daripada pembayaran wang sekolah dan belanja *indekos*. Guru-guruku menganjuri aku supaya memilih jurusan tersebut.

Aku pun sangat setuju dengan cadangan tersebut, tetapi ada satu hal yang sangat meragukan: di kota Shanghai ada turun salji pada musim dingin (*winter*), jadi aku mesti mempunyai wang yang cukup untuk membeli *mantel* (*overcoat*), *sweater* dan baju dan celana dalam yang tebal, selimut untuk musim dingin dan sebagainya. Ini akan makan belanja lebih kurang dua ratus dolar Tiongkok banyaknya. Aku juga tidak mempunyai sanak saudara atau sahabat di Shanghai atau di universiti tersebut. Persoalan inilah yang merupakan jalan buntu bagiku untuk belajar di Shanghai.

2. Melanjutkan pelajaran ke Amoy (Xiamen): Amoy adalah sebuah pulau kecil, naik kapal api dari Hong Kong cuma makan waktu 20 jam, manakala kalau dari Taiwan (Formosa) cuma 10 jam. Di dekat Amoy ada sebuah desa kecil yang terletak di daerah propinsi Hokkian, Chimei (Jimei) namanya. Di desa itu ada sebuah kompleks sekolah-sekolah yang didirikan oleh mendiang Tuan Tan Kah Kee, bekas Raja Getah di Singapura. Kompleks itu disebut Institut Chimei. Di dalamnya ada Bagian Taman Kanak-kanak, Sekolah Menengah Pertama dan Atas, Sekolah Pertanian, Sekolah Pernia-

gaan dan Sekolah Penangkapan Ikan dan Pelayaran. Di Bagian Sekolah Menengah Atas ada juga Jurusan Umum dan Jurusan Calon Guru. Tetapi institut itu bersifat swasta, jadi para pelajar harus membayar wang sekolah, *indekos* dan lain-lain lagi.

Menurut keterangan daripada dua orang bekas guruku yang lulus dari institut itu, belanja untuk bersekolah di Bagian Sekolah Menengahnya sangat murah: wang sekolah tiap satu penggal pelajaran (term) atau 6 bulan hanya 20 dolar, belanja *indekos* tiap satu penggal hanya 40 dolar, jadi tiap penggal akan memakan belanja 60 dolar, ditambah dengan wang saku dan pembelian buku-buku pelajaran, lebih kurang hanya 40 dolar saja. Jadi tiap penggal aku harus mempunyai wang 100 dolar untuk membayar belanja-belanja tersebut. Lagi pula hawa di Chimei yang termasuk daerah Tiongkok Selatan tidak terlalu dingin pada musim dingin. Hanya dengan memakai sehelai *sweater* saja sudah cukup, jadi dengan wang 8 dolar sudah cukup buat membeli *sweater* itu. Pada waktu itu satu dolar Tiongkok sama dengan 54 sen wang Hindia Belanda, jadi tiap penggal aku hanya memerlukan wang 54 rupiah Hindia Belanda. Orang tuaku sanggup mengirim wang 10 rupiah tiap bulan kepadaku, jadi tiap penggal aku akan menerima wang 60 rupiah, cukup untuk membayar segala belanja tersebut, bahkan masih akan ada lebihan 6 rupiah tiap penggal.

Sebetulnya aku lebih suka melanjutkan pelajaran ke kota besar Shanghai yang mungkin dapat memberikan kesempatan-kesempatan bagiku untuk bekerja di sana kalau aku sudah lulus dari universiti. Tetapi bukan saja aku tidak mempunyai sanak saudara atau sahabat di kota besar itu, bahkan pula aku tidak faham bahasa daerah Shanghai, dan yang paling mustahak aku tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar sewa kamar dan belanja makan sebelum aku lulus Ujian Masuk dan didaftar sebagai pelajar dalam Kelas Calon Guru di Bagian Sekolah Menengah Atas universiti itu. Sebaliknya di Institut Chimei ada seorang pelajar Tingkat III bagian Kelas Calon Guru yang berasal dari Solo dan bekas kawan sekolah abangku di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo. Aku juga kenal akan dia, Kauw Tiang Ling namanya. Jadi dimisalkan aku menemui kesukaran apa jua pun, aku boleh minta pertolongan daripadanya.

Sekarang yang menjadi soal ialah dari mana aku boleh mendapat wang untuk membayar tiket kereta api dari Solo ke Surabaya

atau Batavia (Jakarta) dan tiket kapal api dari salah sebuah kota tersebut untuk belayar ke Amoy yang menurut perhitunganku akan memakan belanja lebih kurang 100 rupiah. Selain daripada itu wang makan selama aku belum lulus Ujian Masuk dan terdaftar sebagai pelajar di Institut Chimei juga harus disediakan. Untunglah selagi aku mengelamun di rumah orang tuaku, tiba-tiba pada suatu hari aku menerima telegram daripada Guru Besar Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo, Tjong Swie Hian namanya, isinya minta aku segera datang ke sekolah itu untuk bertemu dengan beliau. Dari pertemuan itu aku diberi pekerjaan sebagai guru bantu sementara untuk mewakili seorang guru wanita yang bercuti dua bulan kerana akan melahirkan anak. Aku akan diberi gaji 40 rupiah tiap bulan dan boleh *indekos* di rumahnya dengan pembayaran 15 rupiah tiap bulannya. Maka ketika masa dua bulan sudah habis, aku mempunyai wang simpanan sebanyak 50 rupiah.

Selama jadi guru bantu di sekolah tersebut, aku berkenalan dengan seorang pemuda keturunan Tionghua yang pernah pulang Tiongkok pada waktu kecil, Tan Kiauw Tek namanya. Dia faham akan bahasa daerah Hokkian dan anak orang yang berada. Pada waktu itu dia juga menganggur dan dia bersetuju untuk bersama-sama aku melanjutkan pelajaran ke Institut Chimei. Dengan demikian bulatlah sudah tekadku untuk belayar ke Amoy dan belajar di Institut Chimei tersebut. Kemudian aku mohon bertemu dengan Presiden Tiong Hwa Hwee Kwan School, Jap Kioe Ong namanya. Dalam pertemuan itu aku menyatakan kepada beliau bahawa aku bertekad untuk melanjutkan pelajaran ke Institut Chimei, tetapi kekurangan wang 85 rupiah untuk membeli tiket kapal api dari Surabaya ke pulau Amoy. Setelah mendengar pernyataanku itu, beliau berfikir sebentar lalu katanya: "Bagus betul cita-citamu untuk belajar ke Tiongkok. Atas nama Tiong Hwa Hwee Kwan School, aku suka memberikan wang 85 rupiah ini sebagai sumbangan daripada organisasi kami. Aku sangat gembira bahawa di antara bekas murid Tiong Hwa Hwee Kwan School ada yang mahu melanjutkan pelajarannya ke negeri leluhur. Aku hanya pesan kalau kelak kemudian hari engkau sudah berhasil mendapat gelar di sana, berkhidmatlah kepada tanah air kita, kalau mungkin jangan kembali ke pulau Jawa!" Nasihat beliau itu kumasukkan ke dalam hati sanubariku dan dengan perasaan terharu aku menerima wang 85 rupiah itu dan minta diri untuk bersiap-siap meninggalkan kota Solo.


Bersama dengan kawan baruku (Tan Kiauw Tek), pergilah kami ke kantor Residen di Solo untuk mengurus surat kelahiran dan pasport. Setelah semuanya itu selesai, ayahku memberi wang saku 25 rupiah kepadaku. Dengan demikian aku mempunyai wang yang cukup untuk membeli *bankdraft* 100 dolar Tiongkok (sama dengan 54 rupiah Hindia Belanda), tiket kereta api dari Solo ke Surabaya (3.50 rupiah) dan tiket kapal api (85 rupiah). Pada tanggal 03/06/1931, berangkatlah kami ke Surabaya dengan kereta api cepat. Abangku yang dulu jadi guru di Boyolali menemani aku sampai ke stesen kereta api di Solo, sedangkan dua orang anggota famili Sdr. Tan Kiauw Tek terus menemani kami sampai di Surabaya. Kami menginap 2 malam di hotel di Surabaya, dan pada tanggal 6 Jun, 1931 belayarliah kami berdua dari pelabuhan Tanjung Perak di Surabaya dengan kapal Belanda Tjilebut ke Amoy dengan melalui Makasar, Balikpapan dan Hong Kong. Pada waktu itu usiaku sudah genap 17 tahun dan alangkah besarnya hasratku untuk menuntut ilmu supaya dapat kugunakan untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Bab V

BELAJAR DI INSTITUT CHIMEI, TIONGKOK SELATAN

Pada 20/06/1931, lebih kurang pada pukul 2 petang, kapal 'Tjilebut' pun sampai di pulau Amoy. Kerana pelabuhan di pulau itu sedang dibangun, maka kapal tersebut berlabuh di tengah laut. Bekas kawan sekolah abangku, Sdr. Kauw Tiang Ling datang menjemput kami dengan naik sampan. Lalu kami bertiga mendarat di pulau itu dengan naik sampan juga, kemudian dengan naik *ricksbow* kami bertiga pergi ke perhentian kapal tambang untuk naik motobot yang agak besar yang menuju ke desa Chimei di wilayah Hokkian. Perjalanan itu memakan waktu satu jam lamanya. Maka lebih kurang pada pukul 5 petang sampailah kami bertiga di desa itu yang penuh dengan bangunan-bangunan besar dan moden; itulah yang disebut Institut Chimei. Dengan berjalan kaki kami dibawa oleh Sdr. Kauw Tiang Ling ke Bagian Sekolah Menengahnya yang terdiri daripada 4 buah gedung; dua buah di antaranya ialah asrama untuk para pelajar, sebuah lainnya ialah gedung yang penuh dengan bilik-bilik darjah dan beberapa buah pejabat pentadbiran sekolah, yang keempat ialah gedung besar untuk ruang makan yang cukup untuk ratusan pelajar makan bersama.

Pada waktu itu ujian tahunan di sekolah itu baru saja selesai



Perkumpulan Pemuda-Pemudi Tionghoa Perantau di Solo bergambar beramai-ramai sebagai memperingati akan berangkatnya Tan Kiauw Tek dan Li Chuan Siu ke Tiongkok untuk melanjutkan pelajarannya (1931)

dan para pelajar banyak yang pulang kampung, hanya ada puluhan pelajar dari sebarang laut (Hindia Belanda, Malaya (Malaysia), Singapura, Indo-China, Filipina, Burma (Mynmar) dan lain-lain saja-lah yang tetap tinggal di asrama itu. Maka kami boleh memilih sesuka hati bilik tidur mana saja yang kami sukai untuk tinggal di situ sampai sekolah dibuka semula pada awal bulan September, 1931. Keadaan inilah yang memberi kesempatan kepada kami untuk menyiapkan diri dalam menghadapi Ujian Masuk yang akan diadakan dalam pertengahan bulan Ogos tahun 1931.

Mengikut surat keterangan daripada The Chinese English School di Semarang, sebetulnya aku berhak mendaftarkan nama untuk ujian masuk ke Kelas 1 Bagian Senior High School, Jurusan Calon Guru, tetapi aku yakin bahawa walaupun kepandaianku dalam hal bahasa Mandarin, Inggeris, Sejarah dan Ilmu Bumi cukup untuk menempuh ujian itu, namun pengetahuanku dalam hal Ilmu Pasti (Ilmu Ukur dan Algebra) agak kurang kerana aku melompati satu kelas ketika memperoleh *Double Promotion* di sekolah tersebut di Semarang, jadi aku terpaksa mendaftarkan diri untuk masuk Kelas III Junior High School di institut itu. Untuk menjaga jangan sampai tidak lulus dalam Ujian Masuk itu, aku belajar sendiri



Pelajar-pelajar Tiongkok dan Hindia Belanda yang belajar di Institut Chunan, Amoy, Tiengkok dalam tahun 1934. Drs. Li Berdin nomor 3 dari kanan baris kedua.

algebra dan ilmu ukur sedapat mungkin, tetapi kerap kali menemui kesukaran. Untunglah di institut itu ada sebuah organisasi pelajar-pelajar dari Hindia Belanda yang bernama Ikatan Pelajar-Pelajar Keturunan Tionghua dari Hindia Belanda. Perkumpulan ini mengadakan kursus-kursus bahasa Inggeris, Ilmu Pasti dan sebagainya selama sekolah libur untuk para pelajar yang baru datang dari Hindia Belanda supaya mereka itu cukup persiapannya dalam menghadapi Ujian Masuk yang akan datang. Aku segera ikut serta dalam Kursus Ilmu Pasti di bawah pimpinan seorang pelajar yang masih duduk di Kelas III Bagian Senior High School, Lim Oen Lay namanya. Dia datang dari kota Jember di Jawa Timur.

Kursus Ilmu Pasti itu besar sekali faedahnya kepadaku dan akhirnya aku lulus dalam Ujian Masuk Darjah III Junior High School di Chimei. Setelah sekolah dibuka semula pada awal bulan September, 1931, aku belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat lulus Ujian Terakhir untuk memperoleh ijazah Junior High School pada akhir tahun pelajaran 1931/1932.

Sementara itu kawanku dari Solo, Tan Kiauw Tak, telah pindah ke kota Amoy untuk bersekolah di Kolej Tung Wen kerana dulu dia pernah belajar di situ. Dia juga diterima di Darjah II Bagian Junior High School sampai dia lulus Darjah III lalu pindah ke Chimei untuk belajar di Bagian Sekolah Kesenian yang dibuka dalam pertengahan tahun 1933.

Segala sesuatu agaknya berjalan baik menurut rencana, tetapi Jepun yang sangat kekurangan tanah dan bahan mentah ingin sekali menduduki tiga propinsi di bagian timur laut Tiongkok yang biasanya disebut Manchuria. Dacrah ini adalah di bawah kekuasaan Marshal Chang Hsueh-liang yang terkenal sebagai semacam *playboy* dan telah berkompromi dengan Generalissimo Chiang Kai-sek dengan menyatakan kesetiiaannya kepada Pemerintah Nasionalis di Nanking. Khabarnya ketika tentera Jepun mencero boh ke Manchuria pada 18/09/1931, beliau sedang berfoya-foya di Peking dan setelah diberitahu tentang pencerobohan tentera Jepun ke daerah kekuasaannya, beliau memberikan perintah kepada jeneral-jeneralnya supaya tidak melakukan perlawanan terhadap pencerobohan tentera Jepun dan mundur teratur ke Tiongkok Utara. Tindakan Marshal Chang itu juga bersesuaian dengan arahan daripada Generalissimo Chiang supaya Marshal Chang tidak berperang dengan tentera Jepun dan menarik mundur tenteranya ke Tiong-

kok Utara. Selanjutnya pada 30/09/1931, Pemerintah Nasionalis di Nanking telah mengajukan permohonan kepada Liga Bangsa-Bangsa (The League of Nations) di Geneva supaya mengutus satu suruhanjaya yang bebas ke Manchuria untuk melakukan penyelidikan tentang pencerobohan tersebut. Sementara itu walaupun Jepun setuju akan perlantikan itu, tetapi sebelum suruhanjaya itu tiba di Manchuria, Jepun telah mendirikan sebuah negeri yang disebut Manchukuo dan berhasil memujuk bekas kaisar yang terakhir daripada Wangsa Ch'ing untuk menjadi Ketua Negara Manchukuo.

Sentimen anti-Jepun meluap di seluruh Tiongkok dan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah dan mahasiswa-mahasiswi di universiti-universiti banyak sekali yang mendaftarkan diri untuk masuk Barisan Sukarela untuk melawan Jepun. Maka baru 18 hari aku belajar di Institut Chimei, aku juga ikut latihan tentera yang diadakan di sekolah kami.

Sementara itu Jepun bertekad untuk menjajah Manchuria. Untuk menginsafkan Pemerintah Nasionalis di Nanking akan tekadnya itu, pada 28/02/1932, Jepun mengirim tenteranya untuk menyerang daerah-daerah di luar Konsesi Asing di kota Shanghai, tetapi serangan itu dapat dipatahkan dengan tentangan yang gagah berani daripada Tentera Garis Penyerang Ke-19 (The 19th Route Army) yang di bawah pimpinan Jeneral Chiang Kwang-nai dan Jeneral Ch'ai Ting-kai, tetapi kapal-kapal terbang Jepun berhasil mengebom daerah-daerah tersebut hingga hampir rata dengan tanah, terutama gedung-gedung The Commercial Press yang menerbitkan buku-buku pelajaran dan majalah-majalah yang moden untuk seluruh Tiongkok, bahkan Universiti Chinan pun dibom berkali-kali sehingga para mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar-pelajar lainnya lari dari universiti itu dan mengungsi ke Konsesi Asing atau ke Amoy, Hong Kong, Canton (Guangzhou) dan sebagainya. Yang mengungsi ke Amoy kebanyakannya tinggal di Institut Chimei, di antaranya adalah Go Siang Gan dari Solo dan Lim Thian Siong dari Bali. Pada waktu itu aku merasa sangat bersyukur kepada Tuhan Yang Esa kerana aku diberi ketabahan hati untuk belajar di Institut Chimei di Amoy. Dimisalkan aku nekad pergi ke Shanghai dan belajar di Universiti Chinan, tentulah aku juga menjadi pengungsi dan lari ke Amoy untuk menghindarkan diri daripada pengeboman kapal-kapal terbang Jepun.

Bab VI

MENGUNGI KE UNIVERSITI AMOY

Walaupun ada pencerobohan tentera Jepun di Manchuria, tetapi kerana letaknya adalah sangat jauh dari pulau Amoy, maka selain diadakan latihan-latihan tentera untuk persediaan penyusunan Barisan Sukarela, pelajaran di semua sekolah di Institut Chimei berlangsung seperti biasa. Pada pertengahan bulan Januari 1932, cuti musim dingin dimulai untuk 4 minggu lamanya. Kerana aku tidak mempunyai sanak saudara di Amoy atau di pedalaman propinsi Hokkian (sama dengan Fukien dalam ejaan sitem Wade untuk bahasa Mandarin), maka selama cuti itu aku dengan kawan-kawan sekolah yang datang dari Hindia Belanda dan juga yang tidak mempunyai famili di pulau atau propinsi itu, tetap tinggal di asrama sekolah. Sekolah dibuka semula dalam pertengahan bulan Februari 1932.

Lebih kurang 5 minggu setelah pelajaran dimulai semula, tiba-tiba desa Chimei terancam bencana besar. Dalam tahun 1928, Mao Tse-tung dengan Chu Teh, Chou En-lai, P'eng Teh-huai dan Ho Lung memperkembangkan pangkalan pemberontakan petani yang pertama di perbatasan antara propinsi Hunan dan propinsi Kiangsi. Tak lama kemudian satu rentetan soviet-soviet Tionghua tersebar

ke timur, iaitu melalui propinsi Kiangsi ke dalam propinsi Hokkian (Fukien). Dalam tahun 1931, Republik Soviet Tiongkok didirikan dengan beribu-kotakan Jui-chin. Banyak khabar angin yang mengatakan di mana saja kaum komunis itu tiba, tuan-tuan tanah dibinasakan dan tanah-tanahnya dibagi-bagikan kepada rakyat jelata. Orang-orang yang kaya banyak yang dirampas harta bendanya dan pemuda-pemuda dipaksa masuk menjadi soldadu merah. Ketika Tentera Merah menyerbu ke propinsi Hokkian, desa Chimei turut terancam sehingga pihak yang berwajib di Institut Chimei terpaksa menutup semua sekolah dan pelajar-pelajar disuruh pulang ke kampung atau mengungsi ke pulau Amoy. Aku dengan beberapa orang kawan dari Hindia Belanda terpaksa mengungsi ke Universiti Amoy.

Pulau Amoy adalah sebuah bandar pelabuhan yang sejak tahun 1842 dibuka untuk perniagaan antarabangsa kerana Tiongkok kalah dalam Perang Candu (1840-1842). Britain yang menang dalam perang itu memaksa Kerajaan Wangsa Ch'ing menandatangani Perjanjian Nanking yang sangat merugikan Tiongkok, bukan saja membayar kerugian perang, penggantian harga candu yang dibakar, bahkan pulau Hong Kong terpaksa diserahkan kepada Britain sebagai jajahan Inggeris dan 5 bandar (Canton, Amoy, Fuchow, Ningpo dan Shanghai) dibuka untuk perniagaan antarabangsa. Banyak kapal dagang asing yang keluar masuk pulau Amoy dan biasanya ada sebuah kapal perang Tiongkok yang berlabuh di situ untuk maksud pertahanan. Universiti Amoy didirikan oleh mendiang Tuan Tan Kah Kee, bekas Raja Getah di Singapura, pada 06/04/1921 dengan meminjam sebuah gedung di Institut Chimei. Satu tahun kemudian setelah sebagian gedung-gedung yang didirikan di pulau Amoy selesai, universiti itu dipindahkan dari Chimei ke situ. Presidennya yang pertama bernama Teng Ts'ui-ying, tetapi beliau terpaksa meminta berhenti kerana dilantik menjadi Penasihat di Kementerian Pelajaran di Peking. Penggantinya adalah seorang peranakan Tionghua di Singapura, Dr. Lim Boon Keng namanya. Beliau adalah doktor perubatan tamatan Universiti Edinburgh di Scotland.

Di bawah pimpinan Dr. Lim Boon Keng, Universiti Amoy maju dengan pesatnya sehingga terdiri 5 fakulti, iaitu Fakulti Sastera, Fakulti Ilmu Pengetahuan, Fakulti Ilmu Pendidikan, Fakulti Ilmu Hayat dan Fakulti Hukum. Letaknya di bagian barat laut pulau Amoy,

berlatarbelakangkan gunung-ganang dan berhadapan dengan Laut Tiongkok Selatan. Kalau kami melihat ke jurusan laut dari asrama, maka nampaklah kapal-kapal dagang yang keluar masuk pelabuhan Amoy. Universiti ini bersifat swasta, tetapi dalam musim bunga tahun 1937, sebelum Perang Tiongkok-Jepun meletus, Tuan Tan Kah Kee menyerahkan Universiti Amoy kepada Kementerian Pelajaran dari Pemerintah Nasionalis di Nanking, dan bermula sejak itu, universiti itu menjadi kepunyaan negara.

Sekarang kembali kepada penyerbuan komunis ke propinsi Hokkian. Tentera komunis menggunakan siasah perang gerila, maka ketika angkatan perang Chiang Kai-sek didatangkan, Tentera Merah itu mundur balik ke pangkalannya di Kiangsi sehingga ancaman kepada Institut Chimei tidak ada lagi. Sekolah-sekolah di Institut Chimei dibuka semula setelah ditutup lebih kurang dua bulan lamanya. Dalam pertengahan bulan Jun 1932, aku menempuh ujian tamat belajar Kelas III Junior High Schoolnya. Aku sangat gembira dapat lulus dalam ujian itu dan diberi sehelai ijazah untuk digunakan untuk melanjutkan pelajaran ke Senior High School di sekolah mana saja di Tiongkok.

Setelah ujian tahunan dan ujian tamat belajar selesai, cuti musim panas dimulakan dari 01/07/1932 untuk 8 minggu lamanya. Kawan-kawanku ada yang melanjutkan pelajaran ke Peking, Shanghai atau Tientsin (Tienjin). Ada juga yang pulang ke pulau Jawa atau Sumatera, tetapi aku dengan beberapa kawan lainnya tetap tinggal di asrama sekolah. Maka datanglah masanya bagiku untuk membuat keputusan hendak belajar apa dan bersekolah di mana. Aku ingat akan pesan Tuan Jap Kioe Ong, Presiden Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo, bahawa aku harus belajar suatu jurusan yang dapat digunakan untuk berkhidmat kepada negeri leluhur, jadi kalau mungkin janganlah balik ke pulau Jawa. Aku juga ingat akan hasratku untuk menjadi doktor (perubatan), *insinyur* (engineer) atau *meester* (peguam). Untuk mencapai salah satu gelaran tersebut, pertama-tama aku harus belajar 3 tahun di Bagian Umum dari Sekolah Menengah Atas, kemudian setelah lulus dalam ujian tamat belajar, aku harus masuk belajar di Fakulti Kedokteran, Fakulti Teknologi atau Fakulti Hukum di salah sebuah universiti di bandar besar seperti bandar Shanghai, Peking atau Canton. Di Universiti Amoy juga ada Fakulti Hukum, jadi kalau aku cuma mahu jadi *meester* (peguam), aku boleh tetap tinggal di Amoy.

Tetapi aku tidak dapat tinggal terlalu lama di Tiongkok kerana keadaan kewangan orang tuaku lebih lama lebih merosot, jadi aku mesti masuk Sekolah Menengah Atas Kejuruan yang dapat diselesaikan dalam masa tiga tahun dan setelah lulus ada banyak kemungkinan untuk mendapat pekerjaan di Tiongkok. Kebetulan di Institut Chimei ada sebuah sekolah kejuruan, iaitu Akademi Perikanan dan Pelayaran Chimei (The Chimei Fishery and Navigation Academy) yang menerima pelajar-pelajar tamatan Junior High School untuk dilatih menjadi *Second Mate* di kapal dagang atau kapal penangkap ikan. Masa belajar cuma tiga tahun dan ditambah satu tahun untuk latihan di atas kapal penangkap ikan kepunyaan akademi itu dengan harapan bahawa 4 tahun kemudian aku ada kesempatan untuk bekerja sebagai *Second Mate* di salah satu kapal dagang di Tiongkok.

Mata-mata pelajaran yang kusukai di akademi itu ialah Ilmu Ukur Ruang, Ilmu Ukur Segitiga dan Ilmu Pelayaran. Hanya pelajaran tentang perikanan sajarah yang agak menjemukan kerana para pelajar diharuskan menghafal ratusan nama ikan melalui gambar-gambar ikan saja. Dua tahun lamanya aku belajar di akademi tersebut. Aku belajar dengan penuh semangat dan rajin, tetapi menjelang kenaikan ke Tingkat III pada permulaan bulan September, 1934, ayahku menulis surat kepadaku menyatakan bahawa berhubung dengan hebatnya *malaise*, beliau tidak sanggup mengirimi wang kepadaku lagi untuk belanjaku bersekolah di akademi itu. Pada waktu itu tidak ada biasiswa dari sumber mana pun, maka aku terpaksa berhenti belajar di akademi tersebut dan pindah ke Universiti Amoy untuk menumpang tinggal sementara waktu di salah satu bilik yang didiami kawan-kawanku di asrama universiti itu. Mereka itu telah lulus dari Bagian Senior High School, Institut Chimei. Dalam pada itu aku segera menulis surat kepada Tuan Jap Kioe Ong, Presiden Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo, mohon pertolongan beliau supaya mencarikan suatu pekerjaan bagiku di Solo. Kutegaskan juga bahawa aku bermaksud hendak mengumpulkan wang dari gajiku yang akan kuterima daripada pekerjaan itu untuk menyelesaikan pelajaranku di Tiongkok di kemudian hari.

Tuan Jap sangat bersimpati kepadaku dan ketika ada kekosongan jawatan jurutulis bahasa Mandarin di perkumpulan sosial Chuan Min Kung Hwee di Solo, beliau sebagai ketua muda

perkumpulan itu mendapat persetujuan daripada badan pengurusnya untuk melantik aku menjadi jurutulis itu. Gajinya tiap bulan ialah 40 rupiah Hindia Belanda yang pada masa itu merupakan sumber penghasilan yang lumayan. Setelah menerima surat itu aku segera mengirim telegram kepada beliau, menyatakan bahawa aku sanggup menerima perlantikan tersebut. Maka setelah tinggal lebih kurang dua bulan lamanya di Universiti Amoy, pada 04/11/1934, belayalah aku pulang ke pulau Jawa dengan naik kapal Belanda, 'S.S. Tjibadak' namanya. Kapal itu belayar dari Tokyo ke pulau Jawa melalui Shanghai, Amoy, Hong Kong, Manila dan Makasar. Dua minggu kemudian aku mendarat di bandar Surabaya lalu pulang ke Solo dengan naik kereta api ekspres.

Bab VII

MENJADI JURUTULIS

DI CHUAN MIN KUNG HWEE, SOLO

Sejak 01/12/1934, aku bekerja di Chuan Min Kung Hwee di Solo sebagai jurutulis bahasa Mandarin dengan gaji 40 rupiah Hindia Belanda tiap bulan. Perkumpulan itu bersifat sosial dan hiburan. Ahli-ahlinya harus membayar yuran lebih kurang dua rupiah tiap bulan. Jikalau dirinya sendiri, isteri atau orang tuanya meninggal dunia, perkumpulan itu akan memberikan sumbangan lebih kurang 150 rupiah dan segala urusan mengenai penguburan dan sebagainya dikerjakan oleh perkumpulan itu. Untuk hiburan tiap bulan diadakan Heren Avond (Malam untuk Orang Laki-laki) dua atau tiga malam lamanya. Selama masa itu ahli-ahli lelaki boleh datang untuk berjudi atau mendengar keroncong (muzik Indonesia yang popular) atau *kelenengan* (muzik Jawa yang popular) yang selalu diiringi oleh seorang penyanyi wanita yang cantik. Dari tengah hari hingga tengah malam banyak sekali ahli yang berjudi di ruang belakang, sedangkan ruang depan adalah tempat hiburan. Ahli-ahli juga dapat bermain pingpong atau biliad di ruang samping.

Aku berjanji kepada Tuan Jap bahawa 75% daripada gajiku tiap bulan akan kutabungkan di bank, jadi tiap bulan aku hanya akan menggunakan wang 10 rupiah untuk membayar sewa kamar

dan belanja makanan dan minuman. Dengan demikian kuharap dalam masa 4 tahun aku sudah akan mampu untuk belajar lagi ke Tiongkok. Mungkin aku akan menempuh ujian masuk di salah satu fakulti kedoktoran di Shanghai kerana seorang yang sudah genap 21 tahun umurnya biasanya diperbolehkan masuk ke Tingkat I di universiti dengan menempuh ujian masuk istimewa.

Pekerjaanku sebagai jurutulis dalam bahasa Mandarin di perkumpulan tersebut sangat ringan. Aku hanya diwajibkan membuat pengumuman bulanan dalam bahasa Mandarin tentang kemasukan wang yuran daripada ahli-ahli dan daripada *Heren Avond* (pertemuan untuk perjudian) dan pengeluaran wang untuk gaji pegawai-pegawai, pemeliharaan gedung dan alat-alat serta sumbangan kematian kepada ahli-ahli atau orang tuanya yang meninggal dunia. Kadang-kadang aku juga disuruh membalas surat jawapan dalam bahasa Mandarin kepada ahli-ahli yang tidak faham bahasa Melayu (pada waktu itu bahasa Indonesia belum diakui oleh Pemerintah Hindia Belanda). Oleh kerana itu aku ada banyak kesempatan untuk memperdalamkan pengetahuanku tentang Ilmu Pasti, Ilmu Pengetahuan, Sejarah, Ilmu Bumi, Ilmu Hayat, bahasa Mandarin dan Inggeris dan sebagainya untuk persiapanku apabila aku sudah menabung sejumlah wang yang kuperlukan untuk memasuki salah satu Fakulti Kedoktoran di Shanghai atau Peking dengan menempuh ujian masuk istimewa bagi calon mahasiswa yang sudah genap atau lebih daripada 21 tahun usianya.

Mengikut rancangan, aku akan mampu untuk belajar lagi di Tiongkok pada pertengahan tahun 1939, tetapi malang bagiku kerana tiba-tiba pada 07/07/1937, terjadi Peristiwa Lukouch'iao (peristiwa penembakan soldadu Jepun di Jambatan Marco Polo), sebuah jambatan di sebelah barat bandar Peking, lebih kurang 15 kilometer jaraknya. Peristiwa itu memang ditimbulkan dengan sengaja oleh pihak Jepun sehingga meletuslah Perang Tiongkok-Jepun yang akan makan waktu 8 tahun lamanya. Sekali ini Generalissimo Chiang Kai-sek terpaksa melawan Jepun, tetapi tentera Jepun dengan cepat dapat menduduki bandar-bandar Peking dan Tientsin. Ini terjadi pada 29/07/1937. Lalu Jepun melejang ke selatan, iaitu ke propinsi-propinsi di Tiongkok Utara. Kemudian dalam bulan Ogos, 1937 peperangan itu meluas ke Shanghai yang segera menjadi medan pertempuran yang utama.

Di bandar raya Shanghai ini, Generalissimo Chiang Kai-sek

menceburkan angkatan perangnya yang utama untuk berperang mati-matian dengan Jepun sampai tiga bulan lamanya, sehingga sebagian besar tenteranya rosak binasa dan pada 11/11/1937, bandar tersebut jatuh ke tangan Jepun. Sebelum Jepun menyerang Nanking, Chiang Kai-sek telah memindahkan Pemerintah Nasional ke bandar Chungking yang terletak di sebelah hulu Sungai Yangtze (Chang Jiang), lebih kurang 2200 kilometer jauhnya dari bandar Shanghai. Pegawai-pegawai negeri, kilang-kilang dan universiti-universiti ikut pindah ke bandar pegunungan itu. Akhirnya bandar Nanking jatuh ke tangan Jepun pada 13/12/1937 dan dalam bulan Oktober 1938, bandar Hankow di Tiongkok Tengah dan bandar Canton di Tiongkok Selatan semuanya jatuh ke tangan Jepun.

Waktu Perang Shanghai yang kedua itu terjadi, Universiti Chinan juga dibom dan ditembak dengan senapang mesin oleh angkatan udara Jepun. Banyak mahasiswa yang mati kena letupan bom atau tembakan senapang mesin itu. Aku ingat ada salah seorang kawanku yang dulu bersekolah di Institut Chimei juga mati ditembak, Chen Shih Hwa namanya. Kalau tidak salah dia datang dari Celebes (Sulawesi). Hong Kong tetap aman kerana masih menjadi jajahan Inggeris, tetapi pulau Amoy telah diduduki oleh Jepun dan Universiti Amoy pindah ke pedalaman propinsi Hokkian (Fukien).

Oleh kerana peperangan tersebut, maksudku untuk belajar lagi di Tiongkok pada pertengahan tahun 1939 tergendala, apalagi pada 01/09/1939, Jerman menyerang Polandia (Poland) dan Inggeris serta Perancis mengumumkan perang terhadap Jerman pada 03/09/1939. Hanya Amerika Syarikat sajalah yang jauh dari medan perang dan masih aman, tetapi aku tidak mempunyai wang yang cukup untuk belajar ke Honolulu atau San Francisco. Apa boleh buat aku harus menunggu sampai ada perdamaian antara Tiongkok dan Jepun.

Kemalangan tidak datang dengan bersendirian, kerana tiba-tiba Tuan Jap Kioe Ong, Timbalan Presiden Chuan Mun Kung Hwee, meninggal dunia di hospital di Yogyakarta dan dikuburkan di Solo. Aku kehilangan seorang pelindung yang selalu bersedia menghulurkan pertolongan kepadaku. Setelah beliau meninggal dunia, mungkin ada musuhnya di dalam perkumpulan tersebut yang tidak suka kepadaku. Maka dengan pengaruhnya yang kuat dia mengusulkan kepada Dewan Pimpinan perkumpulan itu supaya jawatan jurutulis



Jambatan Marco Polo (Lu Kou Cb'iao) yang menjadi alasan Jepun memulakan Perang Tionghok-Jepun kerana kejadian tentera Jepun tertembak di atas jambatan itu pada 7 Julai, 1937. Foto ini diambil ketika Drs. Li menjadi Profesor Tamu di Peking dalam tahun 1979.

dalam bahasa Mandarin di perkumpulan itu dihapuskan kerana tiada banyak gunanya bagi perkumpulan itu. Alhasil aku diberhentikan dengan hormat dan diberi pampasan tiga bulan gaji. Ini terjadi pada akhir tahun 1939.

Sejak itu aku menjadi Guru Besar di sekolah Tionghua di Kartasura, kemudian di Delangu, semuanya di luar kota Solo, tetapi aku tetap tinggal di Solo, sebab sekolah-sekolah tersebut tidak terlalu jauh jaraknya dari Solo, pulang pergi dapat ditempuh dengan naik bas atau kereta api. Di samping itu aku juga merangkap menjadi guru bahasa Inggeris pada dua keluarga Tionghua, iaitu memberikan private lessons kepada anak-anak mereka.

Sementara itu peperangan di Eropah makin menjadi-jadi. Pada 10/05/1940 Jerman menyerang Luxembourg, Holland dan Belgium dan dengan mudah dapat diduduki oleh tentera Jerman, sehingga Ratu Wilhelmina melarikan diri dari Holland ke England. Kemudian pada 14 /06/1940, tentera Jerman memasuki bandaraya Paris. Tiga hari kemudian Pemerintah Perancis yang berkedudukan di ibu

kota yang baru, Vichy namanya, menyerah kalah dan pada 22/06/1940 menandatangani Perjanjian Gencatan Senjata dengan Jerman. Pada waktu itu keadaan di Hindia Belanda tetap tenang, tetapi banyak juga orang yang merasa bimbang, terutama pegawai-pegawai tinggi pemerintah dan orang-orang kaya serta kaum terpelajar.

Bab VIII

MELETUSNYA PERANG PASIFIK DAN JATUHNYA MALAYA KE TANGAN JEPUN

HARAPAN KU untuk melanjutkan pelajaranku ke Tiongkok timbul lagi ketika Jepun berhasil memujuk Wang Ching-wei, salah seorang pengikut mending Dr. Sun Yat-sen yang setia dan tertua, menjadi Ketua Negara Tiongkok Timur yang diduduki oleh Jepun dengan beribu kota di Nanking pada 31/03/1940. Negara boneka ini mengandung propinsi-propinsi di pantai Tiongkok yang dapat menghasilkan kekayaan yang besar dan sangat berguna bagi keperluan tentera Jepun. Dengan demikian yakinlah Jepun bahawa Chiang Kai-sek tidak mampu mengadakan serangan besar-besaran kepada tentera pendudukan Jepun di Tiongkok dan Mao Tse-tung pula hanya mampu berperang secara gerila. Semuanya itu tidak akan dapat menggulingkan kekuasaan tentera Jepun di Tiongkok Timur. Maka pemimpin-pemimpin tentera Jepun yang agresif dan imperialistik sudah bertekad hendak menyerang dan menduduki negara-negara di Asia Tenggara, jadi mega mendung sudah meliputi daerah-daerah di Lautan Pasifik. Aku insaf bahawa aku harus tetap tinggal di Solo sambil menunggu datangnya kemungkinan-kemungkinan yang lain.

Dengan desakan Jerman, Pemerintah Perancis di Vichy bersetuju

untuk menyerahkan pangkalan-pangkalan udaranya di Indo-China kepada Jepun. Hal ini terjadi pada 22/09/1940, lalu pada 27/09/1940, Jepun bersetuju menandatangani Persetujuan Berlin untuk membentuk ikatan bantu-membantu antara Jerman, Itali dan Jepun. Mereka terkenal sebagai Negara-Negara Paksi (The Axis). Selain daripada itu, untuk menghindari pembokongan oleh Rusia sewaktu Jepun menyerang Asia Tenggara, maka Jepun memperolehi persetujuan daripada Rusia untuk menandatangani Perjanjian Keneutralan antara kedua-dua negara tersebut. Untuk memperoleh simpati daripada rakyat negara-negara di Asia Tenggara pula, Jepun medengung-dengungkan cogannya yang berbunyi 'Asia untuk Bangsa Asia'. Jepun juga menyebut daerah-daerah di Timur Jauh dan di Asia Tenggara sebagai Lingkungan Pengaruhnya (Japan's Sphere of Influence).

Sepak terjang Jepun yang agresif itu berlawanan dengan politik Amerika Syarikat di Asia dan tidak mengindahkan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh Jepun, Inggeris, Perancis, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi. Pemerintah Amerika Syarikat mengajukan protes-protes tentang hal tersebut, dan ditegaskannya pula bahawa Jepun melanggar undang-undang antarabangsa dan kedaulatan Tiongkok. Sebaliknya Jepun menuduh Amerika Syarikat memihak kepada Pemerintah Republik Nasionalis Tiongkok di Chungking dengan mengirimkan alat-alat perang, peluru serta perbekalan ke Chungking dengan menggunakan Jalan Burma (Burma Road). Jalan ini dibuat oleh Pemerintah Tiongkok di Chungking dalam tahun 1937 dengan mempekerjakan 200,000 orang Tionghua dan Burma, dimulai dari bandar Lashio di Burma (sekarang Myanmar) terus sampai ke Chungking dengan melalui propinsi Yunan, berbelok-belok dan melingkar-lingkar seperti ular raksasa melalui hutan belantara dan gunung-ganang sepanjang 800 batu (1280 km) jaraknya. Juga dibuat 300 jambatan supaya lori-lori dan gerabak-gerabak mudah menyeberangi sungai-sungai. Bantuan senjata dan peluru serta perbekalan dari England dan Amerika Syarikat ke Chungking dapat diangkut melalui Jalan Burma tersebut sejak pembukaannya dalam tahun 1939.

Dalam tahun 1940, Jepun mengajukan protes kepada Inggeris tentang penggunaan Jalan Burma itu. Kerana Inggeris sedang berperang dengan Jerman dan tidak mahu bermusuhan dengan Jepun, maka diadakan persetujuan antara kedua-dua negara itu

untuk menutup Jalan Burma, sehingga segala bantuan kepada Chungking hanya dapat dilakukan dengan menggunakan kapal terbang pengangkut. Penutupan tersebut diprotes oleh Amerika Syarikat dengan alasan bahawa Amerika Syarikat mempunyai kepentingan yang sah untuk dibukanya lagi Jalan Burma itu. Maka setelah persetujuan itu habis waktu berlakunya pada akhir bulan yang keenam, Inggeris membuka semula jalan itu.

Dakwa-mendakwa dan protes-memprotes antara Jepun dan Amerika Syarikat berlangsung terus-menerus sampai berbulan-bulan lamanya, terutama setelah Pemerintah Perancis Boneka di Vichy menerima baik permintaan Jepun untuk menduduki Indo-China. Hal ini terjadi pada 23/07/1941. Setelah itu jumlah tentera Jepun yang didaratkan di Indo-China makin lama makin banyak, sehingga Pemerintah Amerika Syarikat memperingatkan Jepun jikalau sikap agresifnya diluaskan ke daerah-daerah lain di Asia Tenggara, maka hal itu akan menyebabkan timbulnya perang di Pasifik.

Ketegangan tersebut menyebabkan Perdana Menteri Jepun, Hediki Tojo, seorang jeneral yang pro-Axis dan agresif, mengutus seorang Duta Istimewa, Saburo Kurusu namanya, ke Washington D.C. pada 05/11/1941 dengan membawa Usul Terakhir (The Last Proposals) untuk berunding dengan Pemerintah Amerika Syarikat mengenai perselisihan-perselisihan antara kedua-dua negara itu. Tetapi pada waktu itu Jepun sudah yakin bahawa Amerika Syarikat yang belum siap untuk berperang dapat dikalahkan kalau didahului dengan serangan mendadak (surprise attack) yang dahsyat. Pada 07/11/1941, baru dua hari setelah Duta Istimewa tersebut berangkat ke Amerika Syarikat, pemimpin-pemimpin tentera Jepun berhasil menetapkan siasah serangan mendadak itu. Serangan terhadap armada Amerika Syarikat akan dilakukan pada hari minggu tanggal 07/12/1941, kerana diagak hampir semua kapal perang musuh berlabuh di Pearl Harbour, sedangkan serangan terhadap Hong Kong, Filipina dan Malaya akan dilakukan pada hari Isnin bertepatan dengan tanggal 08/12/1941. Walaupun menurut tarikh ada berbeza satu hari, tetapi kerana adanya Garis Tarikh Antarabangsa (International Date Line), kedua-dua hari tersebut sebetulnya sama saja, hanya ada perbezaan waktu beberapa jam saja antara berbagai-bagai serangan mendadak tersebut.

Walaupun dalam bulan November 1941 itu orang ramai di

Hindia Belanda sudah merasa mega mendung peperangan di Pasifik makin menebal, tetapi kerana Duta Istimewa Jepun sedang melakukan perundingan dengan Pemerintah Amerika Syarikat, maka mereka tidak mengagak bahawa Jepun akan melakukan serangan mendadak di daerah Pasifik.

Pada hari Isnin, 08/12/1941, kira-kira pada pukul 1 tengah hari, ketika aku pulang sehabis mengajar di Tionghua School di Delangu, aku terkejut melihat banyak polis berkumpul di rumah tetanggaku untuk menangkap seorang Tionghua dari Taiwan yang akan di*internir* (diasingkan), tetapi keluarganya hanya disuruh pergi kerana rumah itu akan di*segel* (disita). Isterinya adalah seorang peranakan Tionghua kelahiran Solo, begitu pula anak-anaknya yang masih kecil, maka mereka itu tidak turut di*internir* (menurut undang-undang pada waktu itu, semua orang asing yang dilahirkan di Hindia Belanda dianggap sebagai rakyat Hindia Belanda dan tidak boleh di*internir*). Kemudian daripada surat khabar yang terbit pada petang itu tahulah aku bahawa Jepun telah melakukan serangan mendadak terhadap armada Amerika Syarikat di Pearl Harbour di Honolulu, sedangkan Hong Kong, Filipina dan Malaya juga diserang. Orang-orang Tionghua di Hindia Belanda merasa senang hati kerana pada keesokan harinya Amerika Syarikat telah mengumumkan perang terhadap Jepun dan mereka, termasuk aku sendiri, yakin bahawa lama-kelamaan Jepun tentu akan dikalahkan oleh Amerika Syarikat dan Tiongkok juga akan bebas daripada pendudukan Jepun.

Aku juga yakin bahawa Inggeris yang mempunyai pangkalan angkatan laut yang kuat di Singapura dan puluhan ribu soldadu Inggeris, Australia dan India tentulah dapat berperang dengan tentera Jepun yang mendarat di pantai timur Semenanjung Malaya. Aku percaya bahawa kalau Jepun dapat dikalahkan di Malaya dan Singapura tidak diduduki oleh tentera Jepun, maka serbuan Jepun ke Hindia Belanda mungkin tidak akan terjadi. Tetapi kepercayaanku itu segera hilang apabila pada 11/12/1941, aku mendengar khabar bahawa pada 10/12/1941, dua buah kapal perang Inggeris, *the Prince of Wales* dan *the Repulse* telah dapat ditenggelamkan oleh kapal-kapal terbang pengebom Jepun di laut pantai timur Semenanjung Malaya, kira-kira 140 batu (224 km) jauhnya dari Singapura. Dua buah kapal perang besar itu cuma diiringi oleh empat buah kapal pembinasas (*destroyers*) tanpa perlindungan daripada kapal-

kapal terbang penyerang (fighters) kerana angkatan udara Inggeris di Singapura tidak mempunyai kapal terbang penyerang yang cukup, sedangkan Jepun mempunyai ratusan kapal terbang yang sudah tersedia di lapangan terbang tentera di Kota Bharu. *The Prince of Wales* dan *the Repulse* diserang oleh 34 buah kapal terbang pengebom dan 51 buah kapal terbang torpedo Jepun. Orang ramai sangat hairan mengapa Pucuk Pimpinan Angkatan Laut Inggeris di London tidak mengirimi kapal induk untuk mengiringi kapal-kapal perang besar itu. Pada hakikatnya sebuah kapal induk, *Indomitable* namanya sudah diperintahkan untuk mengiringi kapal-kapal perang besar itu ke Singapura, tetapi selagi kapal induk itu bersiap untuk belayar, tiba-tiba kandas dan terpaksa dibatalkan keberangkatannya ke Timur Jauh. Ini adalah kemalangan yang besar sekali bagi angkatan laut Inggeris di Malaya dan Singapura.

Walaupun menderita banyak kerosakan *tank-tank* dan senjata-senjata, Jepun berhasil mendaratkan tenteranya di Kota Bharu. Kapal-kapal terbang Jepun pula dapat menimbulkan banyak kerosakan di lapangan-lapangan terbang di Kedah dan Butterworth, sedangkan lapangan terbang di Kota Bharu yang sudah diduduki oleh tentera Jepun dapat digunakan sebagai pangkalan terbang Jepun untuk menyerang tentera Inggeris atau kota-kota lainnya di Semenanjung Malaya. Lalu tentera Jepun maju ke selatan dari Kota Bharu dengan tujuan untuk menyerang Singapura dari Johor bersama dengan tentera-tentera Jepun yang mendarat di Patani dan Singgora yang di dalam wilayah Thailand tanpa mendapat perlawanan daripada tentera Thai. Ini kerana Pemerintah Pusat Negara Thai di Bangkok sudah di dalam cengkaman Jepun dan terpaksa bekerjasama dengan tentera Jepun.

Dengan menggunakan *tank-tank* dan bantuan serangan oleh kapal-kapal terbang, tentera Jepun yang mendarat di Patani maju ke selatan dan dapat menembusi pertahanan Inggeris di Jitra yang terletak di bagian utara negeri Kedah. Tentera Inggeris itu terdiri daripada soldadu-soldadu India, Gurkha dan Inggeris, tetapi mereka tidak mempunyai *tank* dan kekurangan kapal terbang yang dapat membantu menyerang musuh, sehingga pada 12/12/1941, terpaksa mundur ke garisan pertahanan kedua di Gurun di bagian tengah negeri Kedah dengan menderita kerosakan besar dan pengorbanan ribuan jiwa soldadu-soldadu tersebut. Beberapa hari

kemudian, pertahanan Inggeris di Gurun juga dapat ditembusi oleh tentera Jepun dan tentera Inggeris mundur lagi ke pertahanan ketiga yang terletak di Kampar di sebelah selatan negeri Perak. Dengan demikian tentera Jepun yang turun dari Singgora di Negara Thai dapat menyerbu ke Butterworth dan menduduki Pulau Pinang pada 19/12/1941. Tentera Inggeris yang mundur ke selatan Malaya tidak sempat memusnahkan kapal-kapal kecil, tongkang-tongkang, jong-jong dan sampan-sampan di Pulau Pinang, sehingga alat-alat pengangkutan tersebut dapat digunakan oleh tentera Jepun untuk belayar ke selatan dan memasuki Teluk Anson (Teluk Intan) untuk menyerang pertahanan Inggeris di Kampar dari belakang. Orang-orang Jepun yang sebelum Perang Pasifik tinggal di Malaya sebagai tukang gunting, tukang gambar, pekebun dan sebagainya, memberikan bantuan besar kepada tentera Jepun dengan memberikan kepada mereka peta-peta tentang jalan-jalan besar atau kecil, letaknya sungai-sungai dan jalan-jalan di hutan-hutan dan ladang-ladang getah. Tentera Inggeris hampir kehabisan tenaga dan menderita kekalahan demi kekalahan sehingga akhirnya mundur ke negeri Johor dan membuat kubu-kubu di seberang Sungai Muar dan mengadakan pengadangan di sebelah barat bandar Gemas yang terletak di utara Sungai Muar. Ratusan soldadu Jepun yang menaiki basikal-basikal rampasan yang dijual oleh pedagang-pedagang Jepun dengan harga murah kepada penduduk di Malaya pada masa sebelum perang dapat dibinasakan oleh tentera Inggeris yang terdiri daripada soldadu-soldadu India, Australia dan Inggeris. Peristiwa ini terjadi pada 14 dan 15/12/1942.

Sementara itu ibu kota Malaya, Kuala Lumpur, telah diduduki oleh tentera Jepun pada 11/12/1942, dan walaupun tentera Inggeris di kubu-kubu di Muar dapat menahan majunya tentera Jepun sampai 6 hari lamanya, dengan perang mati-matian terjadi antara kedua-dua belah pihak, tetapi Jepun dapat menggunakan serangan dari belakang dengan mendaratkan tenteranya dari Pulau Pinang di Batu Pahat yang terletak di selatan Muar, sehingga tentera Inggeris terpaksa ditarik mundur ke Singapura pada 30 dan 31/01/1942. Sekarang tentera-tentera Jepun yang maju dari Kota Bharu, dan yang maju dari Kuala Lumpur serta yang maju dari Pulau Pinang dapat bergabung menjadi satu di Johor Bahru, ibu kota negeri Johor dan bersiap-siap untuk mendarat di Singapura.

Kerana Tambak Johor telah rosak akibat ledakan dinamit

oleh tentera Inggeris, maka Pucuk Pimpinan Tentera Jepun, Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita, memerintahkan tenteranya menyeberangi Selat Teberau dengan kapal-kapal barkas bermotor dan kapal-kapal pendarat lainnya untuk mendarat di bagian barat laut pulau Singapura. Sebelum pendaratan dilakukan, mereka berlatih menyeberangi sungai-sungai di daerah Johor dengan menggunakan perahu-perahu getah yang dapat dilipat. Sementara itu lapangan-lapangan terbang, pangkalan Angkatan Laut, pelabuhan, gedung-gedung dan rumah-rumah di bandar Singapura dibom oleh kapal-kapal terbang Jepun setiap hari, sehingga menimbulkan banyak kerosakan dan kebakaran besar. Korban jiwa manusia pun tidak sedikit, tiap hari lebih kurang dua ratus orang yang mati kena ledakan bom atau tembakan mitraliur dari kapal-kapal terbang tersebut. Pada waktu itu Jepun mempunyai 200 kapal terbang di Johor, sedangkan pihak Inggeris di Singapura hanya mempunyai beberapa puluh buah kapal terbang Hurricane dan beberapa buah kapal terbang Buffalo yang kuno. Sungguhpun Angkatan Udara Inggeris tersebut dengan gagah berani melawan angkatan udara musuh dan dapat menembak jatuh beberapa buah di antaranya, tetapi banyak juga kapal terbang Inggeris yang dapat ditembak jatuh oleh kapal terbang Jepun.

Pucuk pimpinan tentera Jepun di Johor Bahru yang bermarkas besar di dalam istana Sultan Johor telah memilih bagian barat laut pulau Singapura untuk mendaratkan tenteranya. Waktu fajar menyingsing pada hari Ahad bertepatan dengan 08/02/1942, daerah tersebut dihujani bom dan tembakan mitraliur oleh kapal-kapal terbang Jepun sampai dekat tengah hari baru berhenti, tetapi meriam-meriam Jepun yang ditempatkan di tempat-tempat yang tinggi di Johor terus-menerus menembaki daerah itu sehingga menimbulkan kerosakan besar ke atas kubu-kubu Inggeris di situ yang dijaga oleh tentera Australia, iaitu *the 22nd Australian Brigade*. Kawat-kawat telefon tentera dari daerah itu ke Markas Besar Tentera Inggeris di Benteng Canning (Fort Canning) terputus sama sekali sehingga ketika tentera pendarat Jepun melakukan pendaratan pada pukul 10.30 malam, Unit Lampu Sorot tidak dapat dihubungi dengan telefon supaya menyalakan lampu-lampu sorot itu. Dalam gelap gulita, 4000 tentera Jepun yang terbagi dalam beberapa rombongan mulai menyeberangi Selat Teberau dengan kapal-kapal barkas bermotor dan perahu-perahu getah lipat. Walaupun

rombongan pertama dapat dibinasakan oleh tentera Australia, tetapi rombongan yang kedua cuma mendapat kerosakan kecil dan rombongan-rombongan lainnya dapat mendarat dan memasuki tempat-tempat kosong, lalu menyerang tentera Australia dari belakang sehingga tentera itu menjadi kelam-kabut dan terpaksa ditarik mundur dengan kerosakan besar ke Lapangan Terbang Tengah (Tengah Airfield) di sebelah barat Sungai Jurong pada pukul 1 tengah malam.

Sementara itu tentera Australia yang menjaga daerah antara muara Sungai Kranji dan Tambak Johor, melawan mati-matian tentera Jepun yang mencuba mendarat di situ sehingga membimbangkan hati Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita kerana semua soldadu Jepun yang mencuba mendarat di situ dapat dimusnahkan oleh tentera Australia. Tetapi entah apa sebabnya tentera Australia tersebut semuanya ditarik mundur sebelum fajar menyingsing pada 10/02/1942. Hal ini sangat menghairankan hati Jeneral Jepun itu dan beliau segera memerintahkan tenteranya mendarat di situ bersama dengan *tank-tank*, lori-lori, meriam-meriam dan sebagainya.

Kembali kepada tentera Australia yang mundur ke Lapangan Terbang Tengah: ketika tentera Jepun maju ke arah lapangan terbang itu, tanpa berperang tentera Australia ditarik mundur dan membuat pertahanan di seberang Sungai Jurong, tetapi pada 10/02/1942, tentera itu ditarik mundur lagi ke Bukit Timah yang dekat dengan bandar Singapura. Dengan demikian jalan besar bagi tentera Jepun dengan alat-alat perang lengkap mendapat kemungkinan untuk maju dan menyerang bandar Singapura.

Pada tarikh tersebut, Jeneral Sir Archibald Wavell, Komander Agung ABDA (American, British, Dutch, Australia) tiba di Singapura dengan kapal terbang dari pulau Jawa untuk memeriksa suasana peperangan melawan Jepun di pulau itu. Beliau sangat terkejut apabila mengetahui bahawa semua garisan pertahanan tentera Inggeris menyusut. Maka segera beliau memberi arahan kepada Leftenan Jeneral A.E. Percival, Panglima Pertahanan Malaya dan Singapura, supaya memerintahkan tenteranya membuat serangan balas (counter attack) terhadap tentera Jepun. Tetapi tentera Inggeris, termasuk tentera Australia, Gurkha, India dan Melayu, yang sudah keletihan kerana berperang sambil mundur dari utara Malaya sampai pulau Singapura tanpa perlindungan yang cukup daripada ang-

katan udara dan tidak mempunyai *tank-tank*, tidak mampu melaksanakan perintah itu dan terpaksa bertahan diri di bagian selatan Jalan Bukit Timah. Hairannya pada tengah malam sebelum beliau terbang balik ke Jawa, sisa angkatan udara Inggeris yang hanya terdiri daripada 8 buah kapal terbang Hurricane dan 6 buah kapal terbang Buffalo kuno diperintahkannya untuk diterbangkan ke Hindia Belanda.

Sementara itu tentera Jepun telah berhasil menduduki pusat bandar Bukit Timah dan gudang-gudang penyimpanan makanan dan depo-depo penyimpanan minyak petrol. Pada 11/02/1942, Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita mengirim sepucuk surat yang dialamatkan kepada Leftenan Jeneral A.E. Percival dan dijatuhkan dari kapal terbang Jepun, bunyinya mempersilakan Panglima Tentera Inggeris itu menyerah kalah. Keesokan harinya ternyata bahawa kolam-kolam penyimpanan air hampir kosong semuanya, persediaan petrol dan makanan sudah hampir habis. Pada 13/02/1942, Laksamana Muda Inggeris E.J. Spooner memerintahkan sisa kapal-kapal perang Inggeris diungsikan ke pulau Jawa dan depo-depo petrol kepunyaan angkatan laut Inggeris dibinasakan. Pada 14/02/1942, tentera Jepun dapat menembusi pertahanan Inggeris di Pasir Panjang di bagian selatan pulau Singapura dan memasuki Hospital Tentera di situ, lalu melakukan pembunuhan besar-besaran kepada pegawai-pegawai dan orang-orang sakit di hospital itu.

Pada 15/02/1942, hampir tidak ada air lagi di bandar Singapura kerana paip-paip air banyak yang bocor atau putus, sehingga Leftenan Jeneral A.E. Percival terpaksa menyerah kalah tanpa syarat kepada tentera Jepun yang di bawah pimpinan Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita.

Walaupun keluhuran Inggeris merosot di Asia Tenggara, namun tentera Inggeris (termasuk tentera Australia, India, Gurkha dan Melayu) dapat juga berperang dengan tentera Jepun sampai 70 (tujuh puluh) hari lamanya tanpa *tank-tank* dan sangat kekurangan bantuan daripada angkatan udara Inggeris. Kita tidak dapat menyalahkan Leftenan Jeneral A.E. Percival walaupun kebijakannya dalam hal mengatur pertahanan di pulau Singapura memang menimbulkan pertanyaan-pertanyaan yang besar.

Bab IX

JATUHNYA HINDIA BELANDA KE TANGAN JEPUN

Setelah Malaya dan Singapura jatuh ke tangan Jepun, Hindia Belanda sudah terang sekali tidak dapat dipertahankan. Daerahnya luas sekali tetapi terdiri daripada banyak pulau; yang besar hanya empat, iaitu pulau Sumatera, pulau Jawa, pulau Kalimantan, dan pulau Sulawesi, sedangkan angkatan lautnya cuma terdiri daripada dua buah kapal penjelajah (cruiser) dan beberapa buah kapal kecil. Angkatan udaranya kurang daripada seratus buah kapal terbang yang agak kuno dan angkatan daratnya lebih kurang 35,000 soldadu banyaknya. Walaupun demikian, ketika angkatan laut dan udara Jepun hendak menyerang Pulau Jawa, angkatan laut dan udara Belanda dengan bantuan beberapa kapal perang dan kapal terbang Inggeris dan Australia melakukan perlawanan yang sengit, tetapi kerana kalah dalam hal jumlah dan perlengkapan senjatanya, mereka itu dapat dikalahkan oleh angkatan perang Jepun. Hal ini terjadi pada akhir bulan Februari, 1942. Pada waktu itu sudah banyak soldadu Jepun yang mendarat di pelbagai tempat di pulau Sumatera.

Mulai 01/03/1942, angkatan darat Jepun melakukan pendaratan di pelbagai tempat di pulau Jawa dan pada 05/03/1942,

Jakarta telah dapat diduduki oleh tentera Jepun dan mengancam hendak menyerang kota Bandung yang menjadi Markas Besar Pucuk Pimpinan Angkatan Perang Belanda di bawah perintah Leftenan Jeneral Ter Poorten. Pada waktu itu ada lebih kurang lapan ribu soldadu Inggeris (termasuk Australia dan sebagainya) dan Amerika Syarikat, di bawah pimpinan Mejar Jeneral Sitwell yang berniat hendak meneruskan perlawanan terhadap tentera Jepun, tetapi Leftenan Jeneral Ter Poorten, atas nama semua angkatan perang Belanda dan Sekutu di pulau Jawa dan tanpa berunding dengan Mejar Jeneral Sitwell, telah menandatangani dokumen menyerah kalah tanpa syarat kepada Jepun pada 08/03/1942. Maka mulai dari 09/03/1942, Hindia Belanda terlepas dari tangan orang Belanda dan jatuh ke dalam tangan Jepun. Untuk mengambil hati orang peribumi, oleh Jepun nama itu diganti kepada Indonesia.

Memang sejak meletusnya Perang Pasifik, Radio Jepun di Tokyo ada membuat siaran-siaran yang membicarakan hal pembebasan Indonesia daripada kekuasaan Belanda, lalu diiringi dengan siaran lagu Indonesia Raya. Kapal-kapal terbang Jepun menjatuhkan bendera-bendera kecil kebangsaan, Sang Merah Putih dan risalah-risalah yang mengumumkan bahawa 'Ramalan Joyoboyo' akan segera menjadi kenyataan. Adapun ringkasan ramalan tersebut ialah setelah Indonesia dijajah oleh bangsa berkulit putih lebih kurang tiga ratus tahun lamanya, akan ada bangsa berkulit kuning dari utara yang akan mengusir bangsa berkulit putih itu dan membebaskan bangsa Indonesia, tetapi pemerintahan bangsa berkulit kuning di Indonesia itu cuma sebentar saja, seumur jagung lamanya. Orang Indonesia, terutama orang Jawa, sangat percaya akan ramalan tersebut dan bangsa Jepunlah yang dianggap sebagai bangsa berkulit kuning itu. Maka ketika tentera Jepun mendarat di pulau Jawa, mereka disambut dengan riang gembira oleh orang Jawa.

Bab X

BEKERJA SEBAGAI JURUBAHASA DI PEJABAT PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DI SOLO

Tentera Jepun masuk ke kota Solo pada 05/03/1942. Dua tiga hari sebelum itu, aku melihat banyak sekali tentera Belanda terdiri daripada orang Belanda dan suku bangsa Ambon yang lari ke Solo, lalu menghilang entah ke mana, mungkin ke Cilacap untuk diusungkan ke Australia. Depo-depo minyak dimusnahkan dan beberapa lokomotif dirosakkan. Hanya ada sebuah kapal terbang Jepun yang terbang di ruang udara kota Solo, tetapi tidak menjatuhkan bom, lalu terbang menghilang ke sebelah utara. Pada waktu itu di Solo ada sebuah federasi perkumpulan Tionghoa dengan nama *Cbineseche Burgerfront Organisatie* di bawah pimpinan mendiang Tuan Ong Siang Tjoen. Entah dengan cara bagaimana beliau dapat menghubungi Komandan Tentera Jepun yang menduduki kota Solo dan mengetahui bahawa Komandan itu, Funabiki namanya, pandai bercakap Mandarin dan kerana pegawai-pegawai sivil Jepun belum datang dan tidak mempunyai jurubahasa, maka Tuan Ong tersebut mengerahkan guru-guru bahasa Mandarin yang faham bahasa Indonesia. Maka pada 07/03/1942, aku pun dipanggil ke pejabat federasi itu dan dijadikan jurubahasa di bawah pimpinan Ketua dan Wakil Ketua Seksi Jurubahasa yang bernama Kho

Kian Tjhing dan Tan Gie Gan. Mereka adalah bekas kawan sekolahku di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo. Hanya mereka itu daripada keluarga orang yang mampu sehingga Kho Kian Tjhing dapat meneruskan pelajaran ke Universiti Yenching di Peking dan Tan Gie Gan setelah tamat sekolah Inggeris di Singapura dapat belajar di Akademi Penerbangan di London dan lulus dengan mendapat ijazah juruterbang pemiagaan.

Kedua-dua mereka itu acap kali pergi dengan Tuan Funabiki untuk meng*internir* pembesar-pembesar Belanda yang mustahak. Aku dengan beberapa orang guru lainnya bekerja di bekas pejabat Gabenor Belanda untuk menterjemahkan surat-surat rasmi daripada bahasa Indonesia ke bahasa Mandarin yang kemudian dihantar ke pejabat Tuan Funabiki. Setelah diperiksa oleh beliau, sesuatu keputusan telah ditulis oleh beliau di atas surat-surat itu yang kemudiannya diamalkan oleh Ketua Jurutulis, Tuan Saleh namanya, yang sudah dari sebelum perang bekerja di situ. Dia tidak di*internir* kerana dia orang Indonesia asli.

Pada waktu itu semua sekolah, baik sekolah Belanda, Cina atau Indonesia, semuanya ditutup sambil menunggu keputusan berdirinya pemerintahan sivil Jepun. Aku terpaksa menerima pekerjaan sebagai jurubahasa itu kerana bukan saja aku memerlukan gaji tiap bulan, tetapi juga tidak berani menolak panggilan untuk bekerja di bawah Tuan Funabiki. Semua jurubahasa pada permulaannya diberi ongkos hidup empat puluh rupiah tiap bulan dengan mendapat makan siang. Khabarnya wang itu keluar dari saku Tuan Ong Siang Tjoen sendiri.

Tak lama kemudian di Solo berdiri juga Pejabat Polis Tentera Jepun, *Kempeitai* namanya. Mungkin sebagian *kempei* (polis tentera) itu didatangkan dari daerah pendudukan Jepun di Tiongkok, kerana ada dua orang gurubahasa Mandarin, Tjan Kim Oh dan Kho Eng Giong, diambil jadi guru bahasa di situ. Pada suatu hari Sdr. Kho Eng Giong yang kenal baik dengan aku, datang ke rumahku dan menunjukkan kepadaku sehelai *surat kaleng* (surat layang) yang tertulis di atas sehelai poskad dan dialamatkan kepada Pejabat *Kempeitai*. Isinya mengatakan bahawa aku memberi *private lesson* gelap kepada murid-muridku di rumahku, tetapi Sdr. Kho Eng Giong waktu menterjemahkan *surat kaleng* (surat layang) itu secara lisan kepada seorang polis tentera Jepun yang menjadi ketuanya, dia sengaja mengelirukan terjemahan itu dengan mengatakan bahawa

aku ada minta izin untuk memberi *private lesson*; sudah barang tentu ketuanya menyuruh menolak permohonan itu dan surat itu diserahkan kepada Sdr. Kho Eng Giong tersebut. Aku merasa sangat beruntung dan bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa; dimisalkan isi surat itu diterjemahkan sebagaimana yang tertulis, sudah pasti aku akan ditangkap dan diseksa oleh *Kempettai*. Kemudian setelah kedudukanku di pejabat Tuan Funabiki dihapuskan kerana sudah mulai banyak pegawai sivil Jepun yang didatangkan, aku dipindahkan ke Markas Besar Kepolisian Sipil kerana di situ ada banyak polis sivil yang didatangkan dari Formosa dan pandai berbahasa Hokkian yang sedikit banyak aku faham juga kerana dulu aku pernah bersekolah di Institut Chimei di Amoy, Hokkian. Sejak itu tidak ada *surat kaleng* lagi yang dikirim oleh orang yang mungkin benci kepadaku. Kebaikan hati Sdr. Kho Eng Giong tidak kulupakan begitu saja, kerana setelah Jepun menyerah kalah dengan tidak bersyarat, aku pindah ke Semarang dan dapat mencarikan pekerjaan sebagai guru bahasa Mandarin untuk Sdr. Kho Eng Giong tersebut yang tidak mudah mendapat pekerjaan di Solo kerana pernah bekerja dengan *Kempettai*.

Selama menjadi jurubahasa di Markas Besar Kepolisian Sipil Jepun di Surakarta, aku terpaksa memahami bahasa Indonesia kerana semua laporan dari Pejabat-pejabat Kepolisian di luar kota Solo yang dikirim ke Markas Besar itu adalah tertulis dalam bahasa Indonesia. Aku menterjemahkan laporan-laporan itu ke dalam bahasa Mandarin yang dapat difahami oleh ketuaku di Seksi Rahsia (Kotoka). Ketuaku yang pertama bernama Tanaka. Dia sangat percaya kepadaku, tetapi setelah dia dipindahkan ke Jakarta, penggantinya yang bernama Matsuoka, mula-mula curiga kepadaku kerana mana boleh seorang jurubahasa bangsa Cina bekerja di Seksi Rahsia yang mengawasi segala pergerakan politik segala bangsa di kotaku itu. Namun setelah yakin bahawa aku 100% boleh dipercayai, maka dia juga menaruh kepercayaan kepadaku sampai Jepun menyerah kalah dalam bulan Ogos, 1945.

Ketika aku masih bekerja di bawah Tuan Tanaka, banyak orang Belanda yang disuruh berkumpul di suatu tempat untuk diperiksa, sama ada mereka mempunyai bukti bahawa ibu mereka adalah orang Indonesia asli atau tidak. Kalau 50% darahnya adalah darah Indonesia, maka orang itu dapat dibebaskan daripada *interniran*. Akulah yang diberi kuasa oleh Tuan Tanaka untuk

menetapkan peratusan darah orang yang berkenaan dengan memeriksa surat-surat lahir dan sebagainya. Banyak orang yang dapat kutolong masukkan ke dalam daftar orang yang boleh dibebaskan daripada *interniran* itu dengan mengabaikan keragu-raguan yang timbul kerana kurang lengkapnya bukti-buktinya. Baiknya Tuan Tanaka tidak sangat meneliti surat-surat bukti itu dan percaya saja apa yang diajukan kepadanya. Ini mungkin juga kerana kekurangan tenaga ahli untuk mengurus kilang-kilang gula dan industri-industri lainnya, jadi tenaga, kepandaian dan pengalaman orang-orang yang tidak di*internir* dapat digunakan untuk kepentingan tentera Jepun. Bagi orang-orang Belanda yang tidak di*internir* besar sekali ertinya. Mereka boleh hidup bersama keluarga seperti biasa dan tetap ada pekerjaan dan penghasilan kewangan. Aku senang juga kerana sebanyak sedikitnya aku ada menolong juga orang-orang Belanda yang hampir putus asa.

Di dalam Seksi Rahsia itu ada bekerja beberapa orang Indonesia asli yang terpelajar dan bagus bahasa Indonesianya. Mereka itu adalah guruku untuk memahami bahasa Indonesia kerana kalau ada barang sesuatu dalam laporan-laporan dari Pejabat-pejabat Polis di seluruh daerah Surakarta yang aku tidak faham, merekalah yang menerangkan erti dan susunan kalimatnya. Selama 3½ tahun bekerja dengan orang Jepun, buah manis yang dapat kuperoleh ialah pengertian yang lebih dalam tentang bahasa Indonesia. Jadi daripada bahasa Melayu pasar naik ke bahasa Indonesia yang betul.

Kerana orang Cina di Indonesia pada umumnya tidak mempunyai keinginan untuk memperoleh kekuasaan politik, dan hanya mengutamakan perniagaan untuk mendapat keuntungan dan mereka itu tersebar di mana-mana yang mungkin dapat digunakan oleh Jepun untuk membantu pelaksanaan rencana ekonomi Jepun dalam masa peperangan, maka Pemerintah Pusat Tentera Jepun di Jakarta mengizinkan sekolah-sekolah dasar yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar di seluruh pulau Jawa dibuka lagi, tetapi bahasa Jepun harus dijadikan pelajaran yang dimestikan dan segala buku pelajaran harus ditapis oleh sebuah *instansi* yang ditunjuk oleh Pemerintah Pusat tersebut. Bahasa Belanda dan bahasa Inggeris tidak boleh diajarkan dan Badan Pengurus Sekolah serta guru-gurunya mesti menandatangani surat pengakuan bersetia kepada tentera Jepun. Sekolah-sekolah

Belanda atau Inggeris tidak boleh dibuka lagi, hanya sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar boleh dibuka dari Tingkat Sekolah Dasar sampai Tingkat Sekolah Menengah Atas. Sekolah Tinggi Kedokteran dan Sekolah Tinggi Pertanian serta Sekolah Tinggi Teknologi juga dibuka semula tetapi di bawah pimpinan Guru-Guru Besar Jepun dan menggunakan bahasa Indonesia dan Jerman sebagai bahasa pengantarnya.

Oleh kerana banyak sekali pemuda Cina yang perlu mendapat pelajaran setingkat dengan Sekolah Menengah Pertama, maka aku berdaya upaya untuk memperoleh izin daripada Pemerintah Jepun di Solo untuk membuka sebuah kursus yang boleh memberi pelajaran setingkat Sekolah Menengah Pertama. Untunglah pada waktu itu Ketua Markas Besar Kepolisian Sipil yang bernama Tuan Nishimia adalah seorang yang ramah tamah, maka dengan melalui Ketua Bagian Rahsia, Tuan Matsuoka, aku mengajukan permohonan untuk diizinkan membuka kursus tersebut, jadi tidak menggunakan nama Sekolah Menengah Pertama, tetapi menggunakan nama Kursus Menuntut Ilmu yang di dalamnya diajarkan juga bahasa Mandarin dan bahasa Jepun serta bahasa Indonesia. Betapa girangnya hatiku ketika izin itu diberikan kepadaku! Hampir dua ratus pemuda dan pemudi Cina mengikuti kursus tersebut. Gurugurunya terdiri daripada bekas guru-guru di sekolah-sekolah Cina di Solo. Kursus itu diberikan pada waktu petang hari setelah pejabat-pejabat pemerintah tutup pada pukul 1.30 petang seperti pada masa Pemerintahan Kolonial Belanda. Setelah Jepun menyerah kalah dengan tidak bersyarat dalam bulan Ogos, 1945, keadaan di Indonesia bergelora kerana berdirinya Republik Indonesia yang tidak diakui oleh Belanda, sehingga timbul peperangan dan kursus tersebut terpaksa ditutup.

Bab XI

RAMALAN JOYOBOYO DAN PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN

Kembali kepada ramalan Joyoboyo, iaitu ramalan seorang raja Jawa di Kediri dalam abad ke-14. Diterangkan oleh baginda bahawa bangsa berkulit kuning yang dapat mengusir bangsa berkulit putih itu akan memerintah Indonesia seumur jagung lamanya. Menurut pengalaman para petani, apabila biji benih jagung ditanam sampai tumbuh besar dan tinggi serta berbuah, hanya memakan waktu tiga bulan lamanya. Tetapi sampai 09/06/1942, angkatan perang Jepun masih tetap kuat dan berperang mati-matian melawan angkatan perang Amerika syarikat di Lautan Pasifik.

Sementara itu, pengibaran bendera merah putih dan menyanyikan lagu Indonesia Raya tidak diperbolehkan, dan mendirikan perkumpulan atau mengadakan pertemuan umum harus minta izin. Selain daripada itu, bahan makanan (terutama beras dan daging) dan bahan bakar (petrol dan sebagainya) dicatu dan orang ramai tidak boleh mengendarakan motokar dan lori, kecuali untuk keperluan negeri. Banyak orang terpaksa memakan ubi manis (keledek) atau ubi kayu sehingga tidak sedikit yang terserang penyakit beri-beri. Ubat-ubatan pula sangat kekurangan dan bahan pakaian susah diperolehi kecuali diberi kupon oleh pejabat yang ditunjuk

oleh pemerintah. Pasar gelap merajalela, tetapi kalau kena tangkap oleh polis dan diajukan ke pengadilan, berat sekali hukumannya. Mungkin bahan-bahan tersebut dikirim oleh Pemerintah Tentera Jepun kepada tentera Jepun yang sedang berperang di Lautan Pasifik. Lama-kelamaan rakyat Indonesia hilang kepercayaannya kepada Jepun yang dulu dianggap sebagai pembebas belunggu kepada rakyat Indonesia daripada Pemerintah Kolonial Belanda, tetapi kerana bengisnya *Kempetai*, tidak ada orang yang berani mengkritik Jepun dengan terang-terangan.

Ternyata ramalan Joyoboyo itu betul juga, kerana setelah Amerika Syarikat menjatuhkan bom atom di Hiroshima pada 06/08/1945, yang sekaligus telah menghancurkan kota itu dan hampir 100,000 orang penduduknya mati, kemudian disusul dengan pengumuman perang terhadap Jepun oleh Rusia yang menyerbu ke Manchuria pada 07/08/1945, dan pengguguran bom atom yang kedua di kota Nagasaki pada 09/08/1945, Pemerintah Jepun pada 10/08/1945, mengajukan permohonan kepada negara-negara Sekutu (Amerika Syarikat, England, Perancis, Tiongkok dan Rusia) untuk menyerah kalah. Pada 14/08/1945, Tokyo menerima baik perjanjian menyerah kalah dengan tidak bersyarat kepada Pihak Sekutu dan peperangan di daerah Pasifik dan Tiongkok berhenti dengan serta-merta. Tetapi orang ramai di Indonesia belum mengetahui akan hal tersebut, hanya tiba-tiba pada 17/08/1945, mereka terkejut bercampur girang dan agak bimbang mendengar bahawa Ir. Soekarno dan Drs. Mohammad Hatta mengumumkan kemerdekaan Indonesia dan berdirinya Republik Indonesia pada hari itu. Aku sendiri merasa agak bimbang melihat pembesar-pembesar Jepun berkumpul di Pejabat Kepolisian Surakarta berjam-jam lamanya. Hanya pada 22/08/1945, barulah orang ramai mendengar khabar rasmi bahawa Jepun telah menyerah kalah tanpa syarat. Jadi cuma 3 tahun lima bulan delapan hari lamanya Jepun memerintah di Indonesia. Dalam sejarah, masa lebih kurang tiga tahun itu adalah pendek sahaja, tidak salah kalau disamakan dengan seumur jagung.

Sebelum Ketua Seksi Rahsia dari Markas Besar Kepolisian Sipil di Surakarta (termasuk dua tiga orang pegawai bangsa Jepun) diinternir oleh Barisan Pemuda Indonesia, aku ditanya apakah mahu dipindahkan ke lain kota supaya aku tidak sampai mendapat kesusahan daripada penduduk Cina di Solo yang benci kepada Jepun

dan para *kolaboratonya*. Aku tidak dapat meninggalkan kota Solo kerana aku mempunyai tanggungan terhadap dua orang kewanakan perempuan dan seorang adik perempuan. Aku juga tidak pernah berbuat kekejaman kepada orang-orang yang pernah ditangkap dan dihukum oleh polis dan pengadilan, maka kutolaklah tawaran mereka itu. Aku diberi pula surat perlantikan sebagai Pegawai Menengah Tingkat III supaya aku boleh tetap bekerja di Markas Besar Kepolisian Sipil itu sebagai jurutulis atau jurubahasa. Aku juga tidak menjadi orang kaya kerana bekerja dengan pemerintah Jepun selama hampir $3\frac{1}{2}$ tahun lamanya. Gajiku pada waktu Jepun menyerah hanya 150 rupiah tiap bulan dengan mendapat catuan beras, daging, gula dan sebagainya.

Tetapi ada juga tersiar khabar bahawa setelah tentera Inggeris mendarat di Singapura pada 05/09/1945 dan Pertadbiran Tentera (Military Administration) didirikan, tidak sedikit *kolaborator-kolaborator* Jepun yang ditangkap dan dihukum. Aku khuatir juga apabila pemerintah Hindia Belanda dapat berkuasa semula, aku boleh dianggap sebagai *kolaborator* Jepun dan dihadapkan ke muka pengadilan untuk dijatuhi hukuman penjara. Maka setelah aku mengetahui bahawa bangsa Indonesia menyokong berdirinya Republik Indonesia yang menentang kembalinya kekuasaan Belanda atas bumi Indonesia, hatiku lega juga kerana banyak sekali orang Indonesia, termasuk banyak orang yang terpenting dalam kabinet Republik Indonesia, yang secara langsung atau tak langsung pernah bekerjasama dengan Jepun di Jawa, Sumatera dan lain-lain daerah bekas jajahan Belanda, maka tentulah Pemerintah Republik Indonesia tidak akan menangkap dan menghukum para bekas *kolaborator* Jepun yang tidak sedikit jumlahnya itu.

Bab XII

ZAMAN PERJUANGAN DAN PERANG SURABAYA

Republik Indonesia yang baru didirikan itu menghadapi banyak persoalan, di antaranya yang paling berbahaya ialah kemungkinan berperang dengan Belanda yang ingin menjajah bumi Indonesia lagi. Oleh sebab itu pemerintah Republik Indonesia pada 29/08/1945, telah menyusun angkatan perang daratnya yang terdiri daripada bekas PETA (Pembela Tanah Air) yang telah dibubarkan oleh pemerintah tentera Jepun dan barisan-barisan pemuda daripada pelbagai organisasi. Angkatan perang darat ini dinamakan Badan Keamanan Rakyat, kemudian pada 05/10/1945, nama itu diganti menjadi Tentera Keamanan Rakyat.

Barisan-barisan Tentera Keamanan Rakyat itulah yang berjuang untuk menduduki gedung-gedung pemerintah di pelbagai kota yang masih dikuasai oleh pemerintah tentera Jepun dan percubaan untuk merampas senjata-senjata dari tangan tentera Jepun juga dilakukan. Di beberapa kota kecil mereka berhasil dalam usahanya tersebut kerana pembesar-pembesar Jepun di kota-kota itu merasa kecewa dan putus asa atas kekalahan perang negaranya, sehingga membiarkan pemuda-pemuda Indonesia merampas senjata-senjatanya. Pertarungan antara Jepun dan Indonesia di kota-

kota besar berlangsung secara terputus-putus selama bulan September, 1945. Selagi pertarungan-pertarungan tersebut memuncak, maka pada 29/09/1945, rombongan pertama tentera Sekutu mendarat di Jakarta. Tentera ini adalah tentera Inggeris yang terdiri daripada soldadu Inggeris, India dan Gurkha. Tugas mereka adalah melucuti persenjataan tentera Jepun, memulangkan mereka ke negara Jepun dan menjaga keamanan. Tetapi selama dua minggu yang pertama dalam bulan Oktober, 1945, terjadi pertempuran-pertempuran yang hebat antara tentera Jepun dan Indonesia untuk menguasai kota-kota besar seperti Bandung, Garut, Surakarta, Yogyakarta, Semarang dan Surabaya. Di Bandung, Garut dan Surabaya, tentera Indonesia berhasil menguasainya untuk sementara waktu, tetapi kota Yogyakarta tetap dikuasainya sampai 19/12/1948. Pertempuran di Semarang berlangsung beberapa hari lamanya dan lebih kurang dua ribu pemuda Indonesia terbunuh di medan peperangan melawan serangan soldadu Jepun. Ketika tentera Sekutu mendarat di Semarang pada 19/12/1945, pertempuran itu sudah berhenti dan tentera Indonesia terpaksa mundur ke pedalaman.

Sementara itu, kerana Sekutu masih mengakui kedaulatan Pemerintah Belanda atas bumi Indonesia yang dulu disebut Hindia Belanda, maka tentera Belanda di bawah pentadbiran NICA (Netherlands Indies Civil Administration) diperbolehkan mendarat di Jakarta, Semarang dan Surabaya. Di Jakarta, tentera Belanda yang berkawal acapkali bertempur dengan Tentera Keamanan Rakyat. Dalam peristiwa-peristiwa pertarungan tersebut, tentera Sekutu (dalam hal ini tentera Inggeris, India dan Gurkha) kadang-kadang terlibat juga. Di Surabaya banyak sekali senjata tentera Jepun yang jatuh ke tangan Barisan Pemberontakan Pemuda yang di bawah pimpinan Sutomo (lebih terkenal dengan nama Bung Tomo). Pada akhir bulan Oktober, 1945, kegentingan pertempuran antara tentera Sekutu dan Barisan Pemberontakan Pemuda tersebut timbul dan yang tersebut belakangan ini dapat mengurung satu briged tentera Sekutu sehingga Sukarno didatangkan ke Surabaya untuk mengatur gencatan senjata bagi kedua-dua belah pihak. Beliau berhasil dalam usahanya untuk maksud tersebut, tetapi beberapa jam setelah beliau terbang balik ke Jakarta, satu pasukan pemuda menyerang dan menembak mati Brigedier Jeneral tentera Sekutu yang bernama Mallaby. Oleh sebab pihak Indonesia dianggap bertang-

gungjawab atas sergapan itu, maka pihak Sekutu mendatangkan bala bantuan dari Jakarta dan mengurung kota Surabaya.

Pada 08/11/1945, pihak Sekutu mengeluarkan *ultimatum* (kata dua), memerintahkan segala satuan tentera Indonesia di Surabaya supaya pada keesokan harinya di tempat dan pada waktu yang tertentu menyerah dengan tidak bersyarat dan menyerahkan semua senjata apinya. Jikalau *ultimatum* itu tidak diindahkan, maka penggeledahan-pengeledahan akan dilakukan dan barang siapa didapati menyimpan senjata api dapat dijatuhkan hukum mati. Pihak Indonesia tidak mahu menghiraukan *ultimatum* tersebut. Maka pada 10/11/1945, tercetuslah Perang Surabaya yang berlangsung lebih kurang dua minggu lamanya. Tentera Sekutu dibantu oleh kapal-kapal perang dan kapal terbang pengebomnya, tetapi Barisan Pemberontakan Pemuda Indonesia melakukan perlawanan mati-matian dan walaupun akhirnya terpaksa mundur ke pedalaman dengan menderita kerosakan besar dan pengorbanan banyak jiwa, namun dunia antarabangsa jadi gempar dan yakin bahawa rakyat Indonesia memang penyokong berdirinya Republik Indonesia dengan jiwa dan raga.

Selanjutnya di kota Bandung di Jawa Barat, tentera Sekutu hanya menguasai sebahagian saja, yang sebahagian besar adalah dalam kekuasaan Republik Indonesia, terutama daerah pedalaman yang menghasilkan bahan makanan. Pada waktu itu di kota tersebut ada banyak orang Belanda, termasuk banyak bekas tawanan Jepun, maka terjadilah pemboikotan di pasar-pasar terhadap orang Belanda sehingga mereka kekurangan makanan. Kerana kesejahteraan orang-orang Belanda itu adalah tanggungjawab tentera Sekutu, maka pemboikotan itu mesti dipecahkan dengan menggunakan kekuatan tentera. Mungkin kerana kekurangan soldadu, maka pihak Sekutu menggunakan tentera Jepun untuk maksud tersebut. Selama bulan Disember 1945, pertempuran yang sengit berlangsung dan pihak Indonesia menderita banyak korban jiwa. Pada 24/03/1946, setelah diberi *ultimatum* sekali lagi oleh pihak Sekutu, barisan-barisan pemuda Indonesia mundur ke pedalaman, tetapi mereka berniat hendak merebutnya kembali dan mereka menyusun sebuah lagu revolusi yang berjudul 'Halo Bandung' dan dinyanyikan untuk mempertebalkan semangat perjuangannya.

Bab XIII

PEMERINTAH R.I. DIPINDAHKAN KE YOGYAKARTA DAN BERDIRINYA UNIVERSITAS GAJAH MADA

BERHUBUNG dengan perbuatan soldadu-soldadu Belanda yang main tembak saja secara mana suka, terutama pada waktu malam ketika mereka berkawal, maka untuk menjaga keselamatan Presiden, Wakil Presiden dan Menteri-Menterinya, Pemerintah Republik Indonesia terpaksa dipindahkan ke Yogyakarta dalam bulan Januari, 1946. Aku merasa senang dan tenang hati mengetahui bahawa ibu kota Republik Indonesia tidak jauh letaknya dari kota Solo, hanya 60 kilometer saja, dan dapat ditempuh dengan kereta api cepat atau bas yang makan waktu lebih kurang dua jam lamanya. Aku lebih girang lagi ketika mendengar bahawa sebuah universiti telah didirikan di Yogyakarta dalam bulan Mac, 1946, dengan nama Perguruan Tinggi Gajah Mada. Pejabat dan ruang kuliah bertempat di bagian depan keraton Sultan Yogya. Fakulti Hukumnya diketuai oleh Profesor Djokosoetono dan Fakultas Sasteranya diketuai oleh Prof. Dr. Prijono. Kerana kuliah diberikan pada waktu petang, maka aku ingin masuk menjadi mahasiswa di universiti itu. Tiap tengah hari aku boleh berangkat ke Yogya dengan naik kereta api. Setelah mengikuti kuliah dan menginap satu malam di rumah kawan, pagi-pagi keesokan harinya aku dapat naik kereta

api yang paling pagi untuk pulang ke Solo dan masuk bekerja. Maka dalam bulan April, 1946 aku pergi ke Yogya dan mendaftarkan nama untuk menjadi mahasiswa Tingkat I dalam Fakultas Hukum. Paniteranya ialah Ibu Prijono, isteri Prof. Dr. Prijono tersebut. Beliau menyuruh aku menemui Profesor Djokosoetono kerana aku tidak mempunyai ijazah Sekolah Menengah Atas dari sekolah Belanda atau Indonesia di Indonesia. Tetapi kerana pada waktu itu aku sudah berumur 31 tahun dan memegang kad pengenalan Pegawai Negeri Menengah Tingkat III, maka Profesor Djokosoetono mahu memberikan izin istimewa dan aku diterima menjadi mahasiswa Tingkat I dalam Fakultas Hukum. Dengan demikian keinginanku dari dulu untuk belajar di universiti terkabul tanpa pergi ke Tiongkok yang pada masa itu sedang mengalami perang saudara antara Pemerintah Nasionalis di bawah pimpinan Chiang Kai-sek dan Tentera Merah daripada Parti Komunis di bawah pimpinan Mao Tse-tung. Sayangnya aku cuma berpeluang dua kali seminggu untuk mengikuti kuliah-kuliah tetapi hal ini tidak menjadi persoalan kerana mengikut sistem universiti di Belanda atau di Indonesia, mahasiswa-mahasiswa adalah merdeka untuk mengikuti kuliah atau tidak dan boleh minta menempuh ujian secara *tentamen* pada sebarang waktu yang sesuai bagi dirinya.

Bab XIV

PERSETUJUAN LINGGARJATI DAN *POLICE ACTION* PERTAMA

SEMENTARA itu pucuk pimpinan tentera Sekutu di Indonesia menjadi insaf bahawa Republik Indonesia memang betul-betul memperoleh sokongan yang kuat daripada rakyat Indonesia, jadi ia bukanlah Republik Boneka ciptaan Jepun. Pemerintahan Belanda didesak supaya mahu melakukan perundingan dengan pemerintah Republik Indonesia sebelum tentera Sekutu di Indonesia ditarik mundur dari Indonesia pada akhir bulan November 1946. Perundingan itu berlangsung dengan perlahan di Linggarjati dekat kota Cirebon. Naskhah persetujuan tercapai pada 12/11/1946, dan setelah disahkan oleh Parlimen Belanda dan K.N.I.P. (semacam Parlimen juga) Indonesia, maka persetujuan itu ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak pada 25/03/1947. Inilah yang dinamakan Persetujuan Linggarjati. Tetapi isi persetujuan itu adalah samar-samar dan bererti dua (ambiguous), sehingga kedua-dua belah pihak masing-masing melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh dianggap melanggar persetujuan tersebut. Pada waktu itu tentera Belanda di Indonesia sudah dekat 100,000 soldadu banyaknya dan mempunyai persenjataan yang moden serta lengkap. Dalam bulan Jun 1947, sikap pemerintah Belanda berkeras dan dalam bulan

Julai 1947, tanpa mencuba menggunakan *arbitrasi* (timbangtara), mereka mengumumkan bahawa syarat-syarat dalam Persetujuan Linggarjati tidak diindahkan oleh Republik Indonesia dan oleh kerana itu mereka tidak lagi terikat oleh Persetujuan itu. Pada 21/07/1947 tentera Belanda dikerahkan untuk menyerang dan menduduki daerah-daerah yang termasuk wilayah Republik Indonesia. Gerakan tentera ini disebut *Politiele Acties* (Police Action) yang sangat mengejutkan dunia antarabangsa.

Pada pagi hari tanggal 21/07/1947 itu sebetulnya aku tidak tahu bahawa tentera Belanda telah melakukan serangan ke daerah Republik Indonesia, dan kerana aku masih bekerja di Kantor Pusat Kepolisian di Surakarta, maka pada pagi itu aku didatangi oleh seorang kawan sekerjaku yang berpangkat detektif. Ia mengatakan bahawa aku dipanggil oleh Ketua Bagian P.A.M. (Pengawas Aliran Masyarakat) untuk segera datang ke kantor. Ketika kami sampai di kantor, aku agak terkejut melihat begitu banyak kawan sekerjaku yang hadir, tetapi aku akhirnya disuruh pulang saja kerana aku bukan polis dan tidak berhak melakukan tugas mengegedah rumah-rumah orang yang disyaki pro-Belanda. Pada waktu itu barulah aku insaf bahawa ada gerakan tentera Belanda ke daerah Republik Indonesia, tetapi keterangan yang lanjut belum dapat kuketahui. Aku harus menunggu siaran radio pada petang hari itu yang dapat kudengar di dalam perkumpulan sosial, Chuan Min Kung Hwee namanya, kerana aku sendiri tidak mempunyai radio.

Perlu kuterangkan di sini bahawa pada waktu itu aku sudah menikah dengan seorang gadis Tionghua yang pernah belajar di Tingkat VI di Kristelijke Kweekschool (Christian Teachers Training College) di Solo. Kami menikah pada 29/04/1947 dan pada 11/05/1947, kami pernah pergi ke Jakarta untuk menghantar kedua-dua kemanakan perempuan kami yang telah diterima menjadi calon jururawat di Hospital Jang Seng Ie di kota tersebut. Kami hanya tinggal 4 hari di Jakarta, lalu pulang ke Solo lagi. Jadi baru lebih kurang 63 hari setelah kami menikah, Belanda telah melakukan gerakan tentera dan menduduki banyak kota yang termasuk daerah Republik Indonesia. Dalam bulan Mei, 1947 itu Persetujuan Linggarjati masih berlaku, maka perjalanan kami berempat dari Solo ke Jakarta dengan kereta api berlangsung dengan selamat, hanya kami harus menginap satu malam di kota Cikampek. Oleh kerana

kami membawa surat izin perjalanan ke Jakarta daripada Meester Tan Po Goan yang menjadi Menteri Negara R.I. di Yogyakarta, maka Kantor Kepolisian di Cikampek mahu mengesahkan izin itu dengan mudah saja, hanya penjaga pintu masuk ke kereta api yang akan membawa kami ke Jakarta agak cerewet, tetapi dengan *angpau* seratus rupiah, dia mengizinkan kami masuk dan naik ke dalam kereta api tersebut. Kemudian di Pos Pemeriksaan di Tambun, kami disuruh turun dengan membawa *koper-koper* (beg) kami untuk diperiksa. Penjaga-penjaga tersebut tidak banyak cerewet dan semua penumpang, termasuk kami berempat, diizinkan naik kembali ke kereta api yang segera berangkat ke Jakarta dengan melalui Bekasi, Jatinegara dan akhirnya berhenti di stesen Menggarai. Kami turun di stesen ini dan dijemput oleh seorang kawan kami yang tinggal di Jakarta. Kami menginap di rumah Meester Tan King Liam di Jalan Selamba, Jakarta, tidak jauh dari Universiti Indonesia. Beliau masih termasuk sanak pada pihak isteriku. Pada malam itu juga Hospital Jang Seng Ie ada mengutus seorang doktor dan seorang jururawat untuk menjemput dua kemanakan kami untuk dimasukkan ke dalam asrama jururawat di hospital itu di Jakarta-Kota, lebih kurang 12 kilometer dari Jalan Salemba.

Kami berdua suami isteri hanya tinggal empat malam di Jakarta, kerana banyak sekali tentera Belanda. Kami cuma melihat Glodok, Pasar Atom dan Pasar Baru saja. Pada 16/05/1947, pukul 8 pagi kami pulang ke Solo dengan naik kereta api lagi; sekali ini hanya tukar kereta api di Cikampek yang dapat membawa kami sampai di kota Solo. Di Cikampek kami tidak payah memberi *angpau*, tetapi tiap gerabak penumpang dijaga oleh seorang penjaga. Dia mencegah kami naik ke dalam gerabak, tetapi setelah menunjukkan kad pengenalan ku sebagai Pegawai Republik Indonesia, ia terpaksa mengizinkan kami naik dan masuk ke gerabak kereta api itu. Perjalanan dari Cikampek ke Solo memakan waktu lebih kurang 10 jam lamanya dan lebih kurang pukul 8.30 malam selamatlah kami tiba di stesen Balapan di Solo.

Sekarang baiklah kuceritakan khabar-khabar yang kudapat datang daripada siaran radio dan khabar-khabar angin yang tersiar dari mulut ke mulut di kota Solo. Pada 21/07/1947 itu, tentera Belanda di Jakarta, Bandung, Semarang dan Surabaya di pulau Jawa dan yang di Medan, Padang dan Palembang di pulau Sumatera menyebu ke daerah Republik Indonesia dan menduduki kota-kota

dan pelabuhan-pelabuhan yang penting. Yang tersebut akhir ini adalah sumber kemasukan perbekalan ke dalam daerah Republik Indonesia. Selain daripada itu perkebunan-perkebunan yang kaya di Sumatera Timur dan daerah-daerah sekitar kota Palembang yang menghasilkan minyak dan arang batu juga dikuasai oleh Belanda. Satu hal yang perlu disebutkan di sini ialah diasingkannya penduduk Tionghua di kota-kota kecil ke beberapa kota besar oleh tentera Republik Indonesia yang mundur ke pedalaman; ada juga terjadi rompakan milik dan pembunuhan orang-orang Tionghua lelaki, terutama yang terjadi di kota kecil Bumiayu yang terletak antara kota Tegal dan kota Purwokerto di bagian barat Jawa Tengah. Kota Solo dibanjiri oleh pengungsi-pengungsi dari Salatiga, Ampel, Boyolali, Klaten, Delangu dan tempat-tempat lain lagi.

Kejadian yang menyedihkan itu adalah akibat siasat bumi hangus yang dilakukan oleh tentera Republik Indonesia yang mundur ke pedalaman kerana menyingkiri perang berhadapan dengan tentera Belanda yang lebih lengkap senjatanya. Oleh kerana *instalasi-instalasi* yang maha penting tidak sempat dimusnahkan, maka yang menjadi korban hanyalah orang-orang yang disyaki pro-Belanda atau yang memiliki harta benda yang dapat digunakan oleh tentera yang mundur itu. Kejadian-kejadian tersebut juga terjadi di Sukabumi dan Tasikmalaya. Menurut laporan dari *Consular Commission* yang dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ditaksir ada 1000 orang Tionghua yang terbunuh, 10,000 orang yang hilang dan 100,000 orang yang kehilangan rumahnya. Angka-angka tersebut terdapat dalam *Security Council Records*, 1947, September 4, h. 18.

Bab XV

MAJLIS KESELAMATAN CAMPUR TANGAN

GERAKAN tentera Belanda itu menggemparkan dunia antara-bangsa, terutama India dan Australia yang mengajukan soal itu kepada Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada 01/08/1947, PBB telah memutuskan supaya Belanda dan Indonesia mengadakan gencatan senjata (cease fire) dan menyelesaikan pertikaian mereka dengan *arbitrasi*. Pada 03/08/1947, pemerintah Belanda memerintahkan Leftenan Gabenor Van Mook untuk melaksanakan gencatan senjata itu mulai tengah malam 04/08/1947 dan pemerintah Republik Indonesia juga mengeluarkan perintah yang sama kepada tenteranya.

Walaupun pihak Belanda tidak meneruskan gerakan tenteranya untuk menduduki Yogyakarta yang menjadi ibu kota Republik Indonesia, tetapi mereka tetap melakukan gerakan tentera yang dimaksud untuk menyapu bersih tentera Republik Indonesia yang masih berada dekat kota-kota besar yang telah didudukinya, jadi masih tetap ada peperangan antara Belanda dan Indonesia.

Banyak perdebatan terjadi di Majlis Keselamatan, tetapi semuanya menemui jalan buntu. Hanya pada 25/08/1947, jalan buntu itu terbuka kerana Majlis Keselamatan menerima baik usul

Amerika Syarikat yang ringkasan bunyinya begini:

"Jikalau kedua-dua belah pihak mengajukan permohonan supaya Majlis membantu untuk menyelesaikan masalah mereka secara damai melalui suatu suruhanjaya Majlis yang terdiri daripada tiga ahli dengan tiap-tiap pihak memilih seorang ahli dan ahli yang ketiga, sebagai ketuanya, dipilih oleh kedua-dua ahli yang sudah dipilih itu, maka Majlis bersedia untuk menerima baik terbentuknya suruhanjaya itu."

Alhasil pada 18/09/1947, Pemerintah Belanda telah memilih ahli daripada Pemerintah Belgium dan Republik Indonesia telah memilih wakil daripada Pemerintah Australia, kemudian kedua-dua ahli itu memilih ahli daripada Pemerintah Amerika Syarikat untuk membentuk suruhanjaya itu, yang dalam bahasa Inggeris disebut *Committee of Good Offices* (Suruhanjaya Majlis Keselamatan). Pada 20/10/1947, suruhanjaya itu mengadakan perhimpunan yang pertama di New York dan seminggu kemudian mereka itu tiba di Indonesia.

Tetapi rasa saling tidak percaya antara Pemerintah Belanda dan Pemerintah Indonesia adalah begitu besar sehingga soal tempat untuk bertemu dan berunding sukar dicapai persetujuan antara kedua-dua belah pihak. Hanya setelah Amerika Syarikat menawarkan supaya tempat berunding diadakan di tempat neutral di atas kapal perang Amerika, Renville, barulah kedua-dua belah pihak bersetuju. Pada 08/12/1947, barulah Suruhanjaya Majlis Keselamatan itu dapat mengadakan persidangan yang dihadiri oleh wakil-wakil kedua-dua belah pihak bersama dengan tiga ahli suruhanjaya tersebut di atas kapal perang Amerika Syarikat yang berlabuh di pelabuhan di Jakarta.

Dalam perundingan itu pihak Republik Indonesia menuntut supaya tentera Belanda ditarik mundur ke kedudukannya dahulu sebelum gerakan tentera tanggal 21/07/1947, tetapi pihak Belanda yang sudah menduduki hampir 2/3 bahagian daripada pulau Jawa dan banyak daerah di Sumatera tidak mahu menerima baik tuntutan tersebut, dan hanya berjanji akan mengadakan pungutan suara di daerah-daerah yang didudukinya untuk mengetahui kemahuan rakyat di daerah-daerah tersebut, sama ada mereka itu mahu

kembali ke bawah kekuasaan Republik Indonesia atau mahu mendirikan pemerintahan sendiri. Belanda berjanji bahawa pungutan suara itu akan diadakan dalam masa 6 bulan atau tidak lebih satu tahun. Rencana Belanda ialah kedaulatan atas Indonesia akan diserahkan kepada Republik Indonesia Syarikat yang akan dibentuk dengan memasukkan semua negara bagian yang telah berdiri sendiri, ditambah dengan Republik Indonesia sebagai salah satu negara bagian.

Bab XVI

PERSETUJUAN RENVILLE DAN AKU MENGUNGI KE SEMARANG

PADA mulanya wakil-wakil Republik Indonesia tidak mahu menerima baik usul-usul pihak Belanda tersebut. Mereka tetap menuntut supaya tentera Belanda ditarik mundur ke kedudukannya sebelum gerakan tentera 21/07/1947 itu. Namun begitu Suruhanjaya Majlis Keselamatan menegaskan bahawa kalau jalan buntu itu tidak dapat diatasi oleh kedua-dua belah pihak, maka persoalan itu akan dikemukakan kepada Majlis Keselamatan yang dikhuatirkan tidak akan menerima baik tuntutan Republik Indonesia kerana wakil negara Perancis (France) di Majlis Keselamatan tentu akan menggunakan kuasa veto terhadap tuntutan itu. Jadi terpaksa wakil-wakil Republik Indonesia menerima baik usul-usul pihak Belanda itu dan menandatangani Persetujuan Renville pada 19/01/1948, iaitu setelah ketua suruhanjaya, Dr. Frank Graham memberikan jaminan bahawa pemerintahnya (Amerika Syarikat) tentu akan menggunakan pengaruhnya supaya Persetujuan Renville diindahkan oleh pihak Belanda dan pungutan suara benar-benar akan diadakan.

Sementara itu Palang Merah Antarabangsa telah memberikan jasa-jasa baiknya untuk menyelenggarakan penghantaran pulang

pengungsi-pengungsi Tionghua ke Surabaya atau Semarang. Hal ini disetujui oleh pihak Belanda dan juga oleh pihak Republik Indonesia. Pada waktu itu aku masih bekerja di Markas Besar Kepolisian Sipil di Solo, tetapi aku yakin bahawa tak akan ada hari depan yang gemilang bagiku untuk terus bekerja di situ kerana aku bukan polis yang terlatih, maka aku berusaha untuk pindah ke Semarang. Tetapi aku dan isteriku bukanlah pengungsi dari Semarang, jadi kami harus mencari kawan yang betul-betul pengungsi dari Semarang dan yang mahu memasukkan nama kami sebagai ahli keluarganya. Aku beruntung sekali berhasil mendapat kawan yang bersedia memasukkan nama kami berdua berserta adik lelaki isteriku ke dalam daftar namanya sebagai pengungsi yang minta dihantar pulang ke Semarang. Maka dalam bulan April 1948, kami bertiga berserta kawanku yang baik budi itu berangkat ke Semarang bersama satu rombongan pengungsi lainnya. Dari Solo kami naik kereta api dan diturunkan di dekat garis pertahanan Belanda. Kami harus berjalan kaki lebih kurang empat kilometer jauhnya baru disambut oleh petugas-petugas Palang Merah Antarabangsa dan dinaikkan ke dalam kereta api yang membawa kami ke kota Semarang.

Setelah turun dari kereta api di stesen Semarang Tawang, kami diangkut dengan bas ke Asrama Pengungsi dan harus tinggal di situ empat hari lamanya sebelum diperbolehkan keluar dan pulang ke tempat tinggal asalnya atau ke rumah sanak-saudaranya. Mujurlah bagi kami bertiga kerana mentuaku mempunyai sahabat karib, Siauw Koen Hong namanya, yang tinggal di sebuah rumah yang besar di Jalan Pendrikan. Dia bersedia menerima kami tinggal bersama dia dan isterinya. Setelah tinggal empat hari lamanya di Asrama Pengungsi itu dengan mengalami penderitaan tidak ada air untuk mandi dan buang air di tandas yang tidak bersih, kami dijemput oleh Paman Siauw Koen Hong dan isterinya untuk tinggal di rumahnya yang cukup luas dan indah.

Perlu kuterangkan di sini bahawa sebelum aku meninggalkan kota Solo, aku telah diizinkan oleh Ketua Seksi PAM untuk bercuti tiga bulan lamanya, tapi di rumah aku sudah menulis surat mohon berhenti dengan hormat daripada jabatan Pegawai Menengah Tingkat III di Markas Besar Kepolisian Surakarta. Surat itu sudah kutandatangani tetapi belum kuberi tarikhnya dan kuserahkan kepada mentuaku dengan permohonan supaya beliau menyerahkan

surat itu kepada Ketua Seksi PAM tersebut dalam bulan Julai 1948, jikalau aku dan isteriku sudah selamat berada di Semarang.

Walaupun pada waktu itu aku tidak dapat mengirim surat dari Semarang ke Solo, tetapi daripada Palang Merah di Solo mentuaku mengetahui bahawa aku dengan isteri dan ipar lelakiku telah selamat sampai di Semarang. Dalam bulan Julai 1948 surat permohonan berhentiku telah diberi tarikh oleh beliau dan disampaikan kepada Markas Besar Kepolisian di Solo. Kemudian dalam tahun 1950 ketika mentuaku pindah ke Semarang dengan keluarganya, beliau menyerahkan kepadaku surat izin berhenti kerjaku di markas tersebut yang ditandatangani oleh Ketua Markas Besar tersebut yang di dalamnya dinyatakan bahawa aku diberhentikan bekerja sebagai Pegawai Menengah Tingkat III dari markas itu mulai 31/08/1948.

Waktu aku dengan isteri dan ipar lelakiku ikut rombongan pengungsi yang pulang ke Semarang, aku tidak berani menggunakan namaku yang dikenal di markas tersebut sebagai Lie Tjwan Sioe kerana aku takut kalau-kalau ada orang yang melaporkan namaku sebagai *kolaborator* Jepun kepada *NEFIS* (Netherlands Forces Intelligence Service = Badan Penyelidik Tentera Belanda) dan ada kemungkinan aku akan ditangkap oleh tentera Belanda di Semarang, maka aku terpaksa menggunakan nama Li Chuan Siu. Dengan demikian ketika aku berada di dalam asrama pengungsi di Semarang, walaupun ada pegawai dari *NEFIS* yang memeriksa di asrama itu, aku selamat dan luput daripada penangkapan oleh pihak Belanda. Aku juga harus berterima kasih kepada orang-orang dalam rombonganku yang berada di asrama itu, kerana mereka tidak memberitahu polis tentera Belanda tentang kerjasamaku dengan orang Jepun selama pendudukan Jepun di Solo.

Untuk hidupku dengan keluargaku di Semarang, aku berdaya upaya untuk mendapat pekerjaan sebagai guru bahasa Mandarin. Dengan pertolongan bekas kawan-kawanku yang dalam tahun tiga puluhan bersama belajar di Institut Chip Bee (Institut Chimei) di Amoy, Tiongkok, aku diperkenalkan kepada Presiden Sekolah-sekolah Tionghua di Semarang; alhasil aku diberi pekerjaan sebagai guru sementara untuk mewakili seorang guru wanita yang bercuti kerana akan melahirkan anak untuk dua bulan lamanya.

Sekolah tempat aku mengajar itu terletak di Jalan Bojong dengan menggunakan bekas gedung Chinese English School yang

dulu dalam tahun 1930 aku pernah belajar di situ. Ketika masa dua bulan itu habis dan tahun pelajaran baru akan dimulai dalam bulan Ogos 1948, aku diberi kontrak bekerja satu tahun untuk mengajar di sekolah tersebut. Tetapi pada waktu itu Departemen Pendidikan Pemerintah Belanda di Jakarta telah mengizinkan bahasa Mandarin diajarkan di Sekolah-sekolah Dasar Tionghua yang menggunakan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar. Jadi aku ditawarkan pekerjaan guru bahasa Mandarin di Chung Hwa Hwee School di Jalan Karangturi, Semarang dengan gaji yang lebih besar dan tempoh kerja tidak dibatasi dengan kontrak. Maka dalam bulan Ogos 1948 aku mulai bekerja di sekolah itu yang di bawah pimpinan Tuan Oei Boen Kong sebagai Guru Besarnya.

Isteriku juga berjaya memperoleh ijazah guru dari departemen (jabatan) tersebut dan diberi pekerjaan guru di sebuah sekolah dasar di Jalan Pendrikan. Sekolah itu juga menggunakan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar. Jadi kami berdua suami isteri ada pekerjaan yang tetap dan mendapat penghasilan yang lumayan, sehingga belanja hidup kami dapat kami tanggung sendiri, hanya kami masih tetap tinggal dengan Paman dan Bibi Siauw Koen Hong dengan tidak perlu membayar sewa kamar.

Bab XVII

PEMBERONTAKAN MADIUN, *POLICE ACTION* KEDUA DAN PERSETUJUAN ROEM-VAN ROYEN

SEMENTARA itu Pemerintah Belanda di Jakarta dengan tidak mengindahkan syarat-syarat dalam Persetujuan Renville, telah mendirikan Negara Madura pada 21/01/1948 dan Negara Pasundan pada 26/02/1948 serta Negara Sumatera Selatan pada 30/08/1948. Protes-protes daripada pihak Republik Indonesia tidak dipedulikannya. Pihak Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga tidak dapat berbuat apa-apa, melainkan mengirimkan laporan-laporan kepada Majlis Keselamatan yang juga tidak mendatangkan hasil apa jua pun. Kemudian dalam daerah Republik Indonesia terjadi Pemberontakan Komunis di Madiun yang meletus pada 18/09/1948, tetapi tentera Republik Indonesia yang lebih lengkap senjatanya dapat mengalahkan tentera pemberontakan itu yang lari mundur ke daerah pergunungan. Pemberontakan itu dapat dihancurkan pada 28/10/1948, dan ketua pemberontakan itu, Musso namanya, terbunuh dalam pertempuran kecil pada 31/10/1948. Selama pemberontakan itu berlangsung, Belanda ada menawarkan bantuan tentera kepada Republik Indonesia untuk menentang pihak komunis, tetapi tawaran itu ditolak oleh Pemerintah Republik Indonesia kerana dikhuatirkan Belanda tidak mahu menarik mun-

dur tenteranya dari daerah Republik Indonesia setelah pemberontakan komunis itu dapat dihancurkan. Selain daripada itu, Pemerintah Amerika Syarikat juga memberi tekanan kepada Pemerintah Belanda di Den Haag supaya tidak turut campur tangan mengenai gerakan tentera yang menghancurkan pemberontakan tersebut.

Sebaliknya di negara Belanda dalam musim panas tahun 1948 telah diadakan pilihanraya umum dan Parti Katolik yang agak konservatif menang dan membentuk Kabinet baru. Parti ini mengambil sikap yang kurang progresif terhadap Indonesia. Alhasil Letenan Gabenor Jeneral Belanda di Indonesia, Dr. Hubertus van Mook, dibebaskan dari jabatannya, dan penggantinya, Dr. L.J.M. Beel, mengambil alih jabatan itu dengan pangkat Pesuruhjaya Tinggi Belanda dalam bulan November, 1948.

Pada awal bulan November 1948 itu juga perselisihan-perselisihan kecil antara Republik Indonesia dan Pemerintah Belanda dapat diselesaikan. Perundingan dapat dilangsungkan mengenai persoalan pembentukan Pemerintah Federal Sementara yang akan dijadikan Republik Indonesia Syarikat setelah melalui batas waktu yang tertentu dan setelah Perlembagaannya dapat disahkan. Selepas itu barulah Pemerintah Belanda akan menyerahkan kedaulatannya atas bumi Indonesia kepada Republik Indonesia Syarikat. Lebih kurang 15 Negara Bagian dan Daerah Istimewa yang bersama dengan Republik Indonesia akan terbentuk dalam Pemerintah Federal Sementara itu. Pemerintah Republik Indonesia bersedia mengakui kedaulatan Belanda selama masa sementara dan juga bersedia untuk menggabungkan angkatan perangnya dan hubungan diplomasinya dengan angkatan perang dan hubungan diplomasi Pemerintah Federal Sementara tersebut, tetapi Pemerintah Republik Indonesia tidak bersetuju Pesuruhjaya Tinggi Belanda mempunyai kuasa veto yang mutlak dan kekuasaan tentera untuk mengirim tenteranya ke daerah-daerah yang dianggap oleh beliau perlu diamankan.

Pihak Belanda tidak mahu menerima baik tuntutan-tuntutan pihak Republik Indonesia dan memberitahu kepada Suruhanjaya Majlis Keselamatan bahawa perundingan dengan Republik Indonesia telah menemui jalan buntu dan mereka berniat hendak membentuk Pemerintah Federal Sementara tanpa Republik Indonesia. Kerana terancam akan adanya serangan tentera daripada Belanda, Perdana Menteri Republik Indonesia, Drs. Mohammad Hatta

menyatakan bahawa pemerintahannya bersedia mengakui kuasa veto tersebut asal ada batasan yang tertentu mengenai penggunaannya. Namun pihak Belanda memberi jawapan yang berupa *ultimatum* (kata dua) yang isinya menyatakan bahawa permusuhan akan dimulai lagi kecuali kalau pihak Indonesia menerima baik usul Belanda bahawa Republik Indonesia mahu disamaratakan statusnya dengan Negara-Negara Bagian dan Daerah-daerah Istimewa yang sudah terbentuk dan menerima baik kuasa veto tersebut. Dengan tidak memberikan waktu yang cukup bagi Republik Indonesia untuk menjawab tuntutan tersebut, pihak Belanda mengadakan *Police Action* kedua dengan menyerang dan menduduki ibu kota Republik Indonesia di Yogyakarta pada waktu awal pagi bertepatan dengan tarikh 19/12/1948. Pada hari itu juga Presiden Sockarno, Perdana Menteri Drs. Mohammad Hatta, Menteri Luar Negeri Haji Agus Salim dan beberapa Menteri lainnya dan juga Sjahrir yang waktu itu berada di Yogyakarta sebagai Penasihat, semuanya ditangkap oleh pihak Belanda. Beberapa hari kemudian, Sockarno, Salim dan Sjahrir diasingkan di kota Prapat dekat Danau Toba di Sumatera Timur, sedangkan yang lain-lainnya diasingkan di pulau Bangka, dekat pulau Sumatera bagian selatan.

Seruan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 24/12/1948, supaya gencatan senjata segera dilakukan dan pembebasan pembesar-pembesar Republik Indonesia daripada pengasingan tidak dipedulikan oleh pihak Belanda, sebaliknya Belanda mengirim tenteranya untuk menduduki kota-kota lain yang termasuk daerah Republik Indonesia (termasuk kota Surakarta). Seruan Majlis Keselamatan tersebut diulangi sekali lagi pada 28/12/1948, tetapi pihak Belanda tetap tidak mahu mengindahkannya kerana mereka yakin bahawa 'lenyapnya Republik Indonesia' lama-kelamaan tentu akan diterima baik sebagaimana yang telah terjadi sesudah *Police Action* yang pertama dalam bulan Julai 1947.

Majlis Keselamatan, pada 28/01/1949, telah meluluskan satu resolusi yang menyatakan bahawa seruan Majlis pada 24 dan 28/12/1948 belum dilaksanakan. Majlis itu sekali lagi menyeru kepada Pemerintah Belanda supaya dengan segera menghentikan segala gerakan tentera dan kepada Pemerintah Republik Indonesia juga, supaya menghentikan perang gerilanya. Selanjutnya Majlis menyeru kepada Pemerintah Belanda supaya memerdekakan semua tahanan

politik yang ditangkap sejak 19/12/1948 dan memudahkan penghantaran pulang mereka ke Yogyakarta supaya dapat melakukan tugasnya sebagai pemerintah di daerah Yogyakarta. Majlis juga menganjurkan supaya kedua-dua pemerintah itu mengadakan perundingan yang berdasarkan Persetujuan Linggarjati dan Persetujuan Renville, sehingga pada 15/03/1949, sebuah Pemerintah Federal Sementara dapat didirikan yang berhak mengadakan pemilihan umum untuk memilih wakil-wakil dan akan duduk dalam Majlis Pembentukan Perlembagaan yang harus sudah terbentuk pada 01/10/1949. Akhirnya Majlis menyeru supaya penyerahan kedaulatan atas bumi Indonesia oleh Pemerintah Belanda kepada Republik Indonesia Syarikat dilaksanakan pada 01/07/1950.

Oleh kerana Pemerintah Belanda tetap berkeras kepala dengan tidak menghiraukan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan, maka beberapa orang Senator di Amerika Syarikat berpendapat bahawa bantuan kewangan dan persenjataan untuk pembangunan kembali negara Belanda harus ditangguhkan dan hal ini akan dibicarakan dalam Senat Amerika Syarikat. Ketika Menteri Luar Negeri Belanda, Dr. Dirk Stikker berkunjung ke Washington D.C., Menteri Luar Negeri Amerika Syarikat, Tuan Dean Acheson, menerangkan kepadanya kemungkinan akan adanya penangguhan tersebut. Kerana bantuan tersebut sangat diperlukan oleh Pemerintah Belanda untuk pembangunan kembali negaranya, dan sebagiannya boleh digunakan untuk membelanjai biaya perangnya di Indonesia, ditambah pula dengan menghebatnya serangan-serangan gerila oleh tentera Republik Indonesia, maka Belanda bersetuju untuk mengadakan perundingan dengan Republik Indonesia. Pada 12/04/1949, rombongan perwakilan Belanda yang diketuai oleh Dr. J.H. van Royen tiba di Jakarta dan pada 14/04/1949, perundingan dimulai. Rombongan perwakilan Republik Indonesia diketuai oleh Mr. Mohammad Roem. Setelah mengalami jalan-jalan buntu, akhirnya kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan dan Persetujuan Roem-van Royen ditandatangani pada 07/05/1949.

Bab XVIII

AKU MOHON

MASUK MENJADI MAHASISWA

TINGKAT 1 DI UNIVERSITAS INDONESIA

SEMENTARA itu hidupku mengalami perubahan besar apabila dalam bulan Mei 1949, Kementerian Pelajaran Belanda di Jakarta mengumumkan bahawa pelajar-pelajar Tionghua yang telah lulus Chinese Senior High School dibenarkan masuk menjadi mahasiswa/siswi Universitas Indonesia di Jakarta dengan melalui ujian masuk istimewa. Pada waktu itu Fakultas Sasteranya ada mengadakan Bagian Sinologi di bawah pimpinan Prof. Dr. M. H. van der Valk, seorang sarjana hukum yang faham bahasa Tionghua dan mempunyai pengetahuan yang dalam tentang sejarah dan kebudayaan Tiongkok. Dengan menggunakan surat keterangan dari Universitas Gajah Mada di Yogyakarta yang menerangkan bahawa aku adalah mahasiswa Tingkat I dalam Fakultas Hukumnya, aku mengajukan permohonan masuk ke Tingkat 1 Bagian Sinologi di Universitas Indonesia. Pada waktu itu aku sudah berumur 34 tahun dan sudah sejak bulan Disember 1934 aku tidak mempelajari Ilmu Pasti, Ilmu Pengetahuan (Ilmu Hayat, Ilmu Kimia dan Ilmu Fizik) serta Ilmu Bumi dan Sejarah Dunia, tetapi aku mempunyai dasar yang mendalam tentang sejarah dan ilmu bumi Tiongkok serta

bahasa Mandarin. Oleh sebab itu aku tidak minta masuk ke Fakultas Kedokteran atau Teknologi.

Setelah bulat tekadku, maka pada 15/07/1949, aku menulis surat kepada Ketua Fakultas Sastera Universitas Indonesia di Jakarta, mohon diizinkan menempuh ujian masuk ke Tingkat I Bagian Sinologi. Pada 13/08/1949, Dr. R.F. Beerling, Ketua Fakultas Sastera, membalas suratku tersebut dengan menerangkan bahawa Majlis Presiden dan Penasihat-Penasihatnya telah mempertimbangkan permohonanku untuk menuntut pelajaran di Bagian Sinologi dan telah mengambil keputusan meluluskan permohonanku itu dengan syarat aku harus menempuh ujian masuk yang akan diadakan di gedung Fakultas Sastera pada 30/08/1949. Ujian itu akan dijalankan secara lisan dalam bahasa Inggeris dan beliau berharap supaya aku hadir di tempat tersebut pada hari yang sudah ditentukan itu.

Setelah menerima surat jawapan tersebut, hatiku bimbang kerana takut aku akan diuji pengetahuanku dalam bidang yang tidak ditentukan. Suatu keputusan harus kuambil: pergi ke Jakarta untuk menempuh ujian itu atau tidak. Kalau aku tidak mahu pergi, tentulah aku kelak di kemudian hari tidak akan mendapat kesempatan untuk dilantik menjadi Pensyarah atau Mahaguru di universiti mana pun. Kalau aku pergi dan tidak lulus dalam ujian itu, tentulah aku akan malu menghadapi kawan-kawanku di Semarang. Maka aku menulis surat lagi kepada Dr. R.F. Beerling, mohon keterangan dalam bidang apa ujian itu akan dilakukan. Pada 22/08/1949, aku menerima balasan daripada beliau yang isinya menganjurkan aku supaya tidak mengorbankan kesempatan yang baik untuk belajar di Universitas Indonesia dengan menempuh ujian itu yang mengikut pendapat beliau, hanya pengetahuan umum sajarah yang akan ditanyakan dalam ujian masuk itu.

Bab XIX

LULUS UJIAN MASUK DAN MENJADI MAHASISWA UNIVERSITAS INDONESIA DI JAKARTA

AKU harus bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa dan kepada Dr. Beerling yang baik hati itu kerana tekadku menjadi bulat dan berangkat ke Jakarta untuk menempuh ujian itu. Inilah suatu keputusan yang tepat kerana dengan demikian akan terbukalah jalan baru bagi hidupku sampai hari tua. Ternyata Panitia Ujian Lisan itu hanya terdiri daripada Prof. Dr. van der Valk dan Mr. (Master of Laws) M. J. Meijer. Setelah ditanya tentang latar belakang hidupku, aku hanya disuruh menyatakan pendapatku tentang komunisme di Tiongkok yang dalam bulan Ogos 1949 itu Tentera Merah masih berperang mati-matian dengan tentera Kuomintang. Aku sudah tidak ingat apa yang kunyatakan dalam ujian itu. Cuma pada masa itu aku masih yakin bahawa tentera Kuomintang yang lebih baik persenjataannya akhirnya akan menang dalam perang saudara itu. Setelah ujian itu selesai, waktu aku keluar dari ruang ujian, Mr. Meijer juga keluar dan menyatakan kepadaku bahawa hasil ujianku itu cukup baik. Lalu aku pulang ke Semarang sambil menunggu surat rasmi daripada pihak Fakultas Sastera.

Sementara itu, mengikut Persetujuan Roem-van Royen, tentera Belanda telah ditarik mundur dari Yogyakarta pada 30/06/1949

dan para pemimpin Republik Indonesia yang ditahan oleh Belanda telah dimerdekan dan dihantar pulang ke kota tersebut dan Persidangan Meja Bulat sedang diadakan di Den Haag mulai 23/08/1949. Keadaan di pulau Jawa dan Sumatera pada waktu itu adalah aman kerana pihak Belanda dan pihak Republik Indonesia, masing-masing mengindahkan persetujuan gencatan senjata.

Dengan demikian hatiku menjadi tenang untuk pindah ke Jakarta setelah aku menerima surat daripada Dr. Beerling bertarikh 14/09/1949 yang isinya menyatakan bahawa aku lulus dalam ujian masuk dan dipersilakan mendaftarkan nama dan membayar wang kuliah untuk menjadi mahasiswa Tingkat I di Bagian Sinologi.

Sebelum berangkat ke Jakarta, aku mengajukan permohonan berhenti mengajar bahasa Mandarin di Chung Hwa Hwee School di Semarang. Aku telah mendapat persetujuan daripada Sdr. Kho Eng Giong yang masih tinggal di Solo untuk kuusulkan kepada Ketua Sekolah tersebut, Sdr. Oei Boen Kong, supaya dia dilantik menjadi penggantikku. Aku berbuat demikian kerana mengingat budi baik Sdr. Kho kepadaku pada permulaan zaman pendudukan Jepun di Solo dalam bulan Mac 1942 (Ada orang mengirim surat layang kepada *kempeitai* di Solo yang mengatakan aku memberi pelajaran bahasa Mandarin tanpa izin di rumahku, tetapi Sdr. Kho yang membacakan surat itu kepada ketuanya mengubah bunyinya, iaitu bahawa aku minta izin kepada *kempeitai* untuk mengajar bahasa Mandarin, jadi aku terlepas daripada tangkapan dan seksaan Jepun. Sudah barang tentu ketuanya itu mengatakan tidak diizinkan dan perkara itu habis sampai di situ saja.)

Kerana aku belum tahu sama ada aku ada kesempatan untuk mengikuti kuliah sambil membuat kerja sambilan, maka untuk menjamin belanja hidupku di Jakarta, aku mengajukan permohonan kepada perkumpulan Chung Hwa Hwee di Semarang untuk diberi pinjaman wang seratus rupiah tiap bulan daripada tabung pelajarannya dengan perjanjian aku akan mengembalikan wang itu setelah aku tamat belajar di Bagian Sinologi itu. Atas dorongan daripada Sdr. Oei Boen Kong yang duduk sebagai salah seorang ahli dalam perkumpulan itu, permohonanku diluluskan. Sayang pinjaman itu maksimumnya hanya seratus rupiah tiap bulan yang rasanya tidak cukup untuk membayar biaya *indokos*, pengangkutan, pembelian buku dan wang saku. Untunglah aku pernah bekerja

sambilan di surat khabar harian, Sin Min namanya, yang juga mempunyai tabung pelajaran. Maka aku segera menemui pemilik surat khabar itu yang namanya aku sekarang sudah tidak ingat, untuk mohon diberi pinjaman wang belajar seratus rupiah tiap bulan dengan perjanjian aku akan membayar kembali wang itu setelah tamat belajar di Jakarta. Permohonan itu juga diluluskan. Maka pada 30/10/1949, aku berangkat ke Jakarta dengan sementara meninggalkan isteriku bekerja di Semarang. Pada 01/11/1949, aku mendaftarkan nama di Bagian Tatausaha Universitas Indonesia dengan membayar wang kuliah 300 rupiah untuk satu tahun pelajaran.

Bab XX

PENYERAHAN KEDAULATAN OLEH PEMERINTAH BELANDA KEPADA REPUBLIK INDONESIA SYARIKAT

PERSIDANGAN Meja Bulat antara wakil-wakil Pemerintah Belanda, Pemerintah Republik Indonesia dan Negara-Negara Bagian serta Daerah-Daerah Istimewa yang didirikan atas inisiatif Belanda telah selesai pada 02/11/1949 dengan hasil yang cukup baik:

1. Tanpa pembentukan Pemerintah Federal Sementara, Pemerintah Belanda akan menyerahkan kedaulatannya atas bumi Indonesia, kecuali Irian Barat, kepada Republik Indonesia Syarikat (RIS).
2. Republik Indonesia Syarikat berjanji akan membayar kepada Pemerintah Belanda wang 4,300 juta rupiah Belanda untuk melunaskan hutang-hutang bekas Pemerintah Belanda di Indonesia kepada kreditor-kreditor luar negeri dan negara Belanda.
3. Pemerintah Belanda berjanji untuk membubarkan tenteranya di Indonesia dalam bulan Julai 1950.
4. Perundingan mengenai status Irian Barat harus diadakan dalam bulan Oktober 1950 (tetapi pada hakikatnya persoalan ini makan waktu lebih kurang 12 tahun baru dapat diselesaikan, iaitu dalam bulan Ogos 1962).

Perlu diterangkan di sini bahawa Perlembagaan Republik Indonesia Syarikat telah disahkan oleh wakil-wakil semua Negeri Bagian dan Daerah Istimewa serta Republik Indonesia dan ditandatangani di Scheveningen (Holland) pada 29/10/1949 dan Ir. Soekarno diangkat sebagai Presiden Republik Indonesia Syarikat pada 16/12/1949. Pada 27/12/1949, Ratu Juliana menandatangani Persetujuan Persidangan Meja Bulat di istananya di Amsterdam. Dengan demikian kedaulatan atas bumi Indonesia telah diserahkan kepada Republik Indonesia Syarikat di bawah pimpinan Ir. Soekarno sebagai Presidennya. Pada hari itu juga Presiden Soekarno terbang dari Yogyakarta ke Jakarta dengan pesawat terbang Garuda Indonesian Airways; dengan demikian tamatlah kekuasaan Belanda di Indonesia.

Bab XXI

ISTERIKU IKUT PINDAH KE JAKARTA

PADA waktu itu Universitas Indonesia sedang mengadakan libur Hari Natal dan Tahun Baru 1950, maka aku berkesempatan balik ke Semarang untuk menziarah keluarga dan berkumpul lagi dengan isteriku. Mengingat bahawa masa belajarku di Bagian Sinologi akan makan waktu lebih kurang 4 tahun lamanya, maka isteriku ingin juga pindah ke Jakarta, tetapi ia harus pergi ke sana untuk mohon persetujuan daripada Pemimpin Sekolah-sekolah Kristian di Jakarta supaya ia ditempatkan di salah satu sekolah menengah pertama untuk mengajar bahasa Indonesia atau mata pelajaran lainnya. Maka waktu aku kembali ke Jakarta dalam bulan Januari 1950, ia juga ikut berangkat ke sana. Setelah bertemu dengan pemimpin tersebut, permohonannya diluluskan dan ditempatkan di Sekolah Menengah Pertama di Jalan Salemba, tidak jauh dari gedung Fakultas Sastera. Pekerjaan ini baru dapat dimulai dalam bulan Mac 1950, maka ia harus balik ke Semarang dulu.

Tempat *indekosku* di Jalan Tengah, Jakarta sangat dekat dengan Fakultas Kedokteran Universitas Indonesia dan tidak jauh dari Fakultas Sasteranya, tetapi bilik tidurnya hanya satu saja. Selain aku yang tidur di bilik itu, ada lagi seorang pemuda yang juga

indekos di situ, maka aku harus mencari tempat *indekos* lain yang mempunyai bilik tidur yang agak besar dan cukup untuk aku dan isteriku tinggal di situ. Untunglah di Lorong Solitude, Jatinegara, ada kamar kosong yang boleh kusewa dan cukup buat kami berdua, jadi waktu isteriku ikut aku ke Jakarta dalam bulan Januari itu, kami sudah boleh ber*indekos* di situ. Walaupun kamar itu kurang bagus, tetapi kami diberitahu bahawa dalam satu atau dua bulan lagi, akan ada kamar yang lebih bagus yang dikosongkan kerana penyewanya akan pindah ke rumah baru yang sudah dibelinya. Jadi dalam bulan Mac 1950 ketika isteriku pindah dari Semarang ke Jakarta, kami tinggal bersama di Lorong Solitude itu. Tiap pagi kami naik *opelet* (sebuah bas kecil cukup untuk 7 penumpang dan seorang pemandunya) untuk isteriku mengajar di sekolahnya dan untuk aku mengikuti kuliah di Fakultas Sastera.

Bab XXII

PERCUBAAN *COUP D'ETAT* PAUL WESTERLING

DALAM bulan Mac 1950, keadaan di Jakarta sudah cukup aman, terutama setelah percubaan *coup d'etat* oleh bekas kapten Paul Westerling dapat dihancurkan. Ia pada akhir tahun 1946 bertanggungjawab atas pembunuhan rakyat di Sulawesi Selatan yang mengikut sumber keterangan daripada pihak Republik Indonesia berjumlah lebih daripada 20,000 orang banyaknya; tetapi mengikut keterangan Westerling, jumlahnya hanya 600 orang saja. Pada pertengahan bulan November 1949 ia bersara dan pindah ke Jawa Barat dan mulai menyusun sebuah angkatan perang yang terdiri daripada soldadu-soldadu yang telah *didemobilisasikan* oleh pemerintah Belanda dengan menggunakan nama Angkatan Perang *Adil*; jumlahnya lebih kurang 800 orang yang bersenjata lengkap (300 orang di antaranya adalah soldadu-soldadu Belanda yang masih berada di Bandung). Mereka memasuki kota Bandung pada 23/01/1950 dan berperang dengan tentera Republik Indonesia Syarikat, yang tersebut akhir ini menderita kekalahan dan lebih kurang 60 soldadunya tewas dalam perang itu. Tentera Westerling menduduki tempat-tempat yang penting di dalam kota itu, dan setelah dipujuk oleh Mejar Jeneral Engels, panglima angkatan

Belanda yang masih berada di Bandung, Westerling dan angkatan perangnya mahu juga meninggalkan kota Bandung; tetapi pada 26/01/1950, mereka menyeludup ke kota Jakarta untuk melakukan *coup d'etat* tersebut. Hal ini dapat diketahui oleh Pemerintah Pusat Republik Indonesia Syarikat dan sebelum Westerling berkesempatan menyusun tenteranya yang menyeludup ke Jakarta dalam rombongan-rombongan kecil, tentera Pemerintah Pusat berhasil mengusir mereka keluar dari ibu kota. Setelah diadakan penyelidikan yang mendalam, Pemerintah Pusat mengetahui bahawa Sultan Hamid II yang menjadi salah seorang Menteri dalam kabinet Pemerintahan Pusat, adalah orang yang mendalangi gerakan tentera Westerling itu. Hal ini menyebabkan jatuhnya Sultan Hamid II yang setelah terbukti salahnya, dijatuhkan hukum penjara. Westerling yang terkenal sebagai '*Westerling the Turk*' kerana ia dilahirkan di Constantinople berhasil melarikan diri ke Malaya. Akhirnya ia ditangkap oleh pihak berwajib di Singapura pada 26/02/1950 dan dihantar pulang ke negara Belanda; akhirnya ia bekerja sebagai penyanyi opera di sana.

Dalam bulan Januari 1950 itu, aku juga mengalami dua peristiwa yang agak mengejutkan hatiku. Yang pertama ialah bunyi tembak-menembak pada waktu malam yang tanggalnya aku sudah lupa; mungkin itu adalah perang kecil antara tentera pemerintah dan pengikut-pengikut Kapten Westerling. Yang kedua ialah ketika pada suatu petang aku pulang dari kota ke Lorong Solitude dengan naik *opelet*; di dalam *opelet* itu ada seorang penumpang dari suku bangsa Ambon yang menunjukkan pistolnya dan berkata: "Siapa berani mengacau akan kutembak!" Setelah kejadian-kejadian tersebut aku tidak berani keluar pada waktu malam, hanya tekun belajar dan rajin mengikuti kuliah yang diadakan di Fakultas Sastera pada pagi hari.

Bab XXIII

AKU LULUS UJIAN *PROPADEUTISCH*/ PERSIAPAN DI FAKULTAS SASTERA

SETELAH mengikuti kuliah di Fakultas Sastera lebih kurang tiga bulan lamanya, aku maklum bahawa dalam masa lima tahun aku akan dapat menyelesaikan pelajaranku di Bagian Sinologi itu untuk mencapai gelar *Doctorandus*/Sarjana Sastera dengan melalui tiga tingkat ujian.

Ujian tingkat pertama akan kuterangkan di bawah, manakala ujian yang kedua dan ketiga akan kuterangkan belakangan.

1. Ujian *Propadeutisch*/Persiapan: Ujian ini dapat ditempuh setelah selesai mengikuti kuliah satu tahun pelajaran dalam Tingkat I. Mata pelajaran yang akan diuji ada empat jenis, iaitu Ilmu Bahasa (Linguistik), Antropologi, Bahasa Tionghua Moden dan Sejarah Tionghok. Dua mata pelajaran yang tersebut duluan itu dapat ditempuh secara *tentamen* (ujian lisan perseorangan di rumah atau di pejabat profesor yang mengajar mata pelajaran itu); dua mata pelajaran yang tersebut akhir itu akan diuji oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Ketua atau Panitera Fakultas dan dua orang profesor yang mengajar mata pelajaran itu.

Mata pelajaran Ilmu Bahasa adalah di bawah pimpinan Prof. Dr. K. Heeroma, mata pelajaran Antropologi di bawah pimpinan Prof. Dr. G.J. Held, mata pelajaran Sejarah Tionghok di bawah

pimpinan Prof. Dr. M.H. van der Valk dan mata pelajaran Bahasa Tionghua Moden di bawah pimpinan Meester M.J. Meijer, seorang *lektor* di Bagian Sinologi itu.

Dengan usaha yang susah payah aku lulus dalam *tentamen* untuk Ilmu Bahasa dan Antropologi dan menerima ijazah *tentamen* daripada Prof. Dr. K. Heeroma dan Prof. Dr. G.J. Held. Mereka mengizinkan aku menempuh *tentamen* itu dengan menggunakan bahasa Inggeris kerana mereka mengerti bahawa aku adalah bekas lulusan sekolah menengah Tionghua. Dengan dua helai ijazah tersebut aku diizinkan menempuh *propadeutisch examen* pada 01/08/1950 dan berhasil lulus dalam ujian tersebut dengan menggondol sehelai ijazah yang akan membolehkan aku menempuh Ujian *Candidaats*/Sarjana Muda setelah selesai mengikuti kuliah-kuliah Ilmu Bumi Tiongkok, Sosiologi Tiongkok, Bahasa Tionghua Moden dan Klasik serta Sejarah Tiongkok pada akhir tahun pelajaran ketiga, ditambah pula dengan penulisan sebuah tesis dengan judul yang boleh kupilih sendiri.

Waktu aku menerima ijazah *propadeutisch examen* dari tangan Wakil Ketua Fakultas Sastera, Prof. Dr. S. P. Uri, aku bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa yang telah memberikan kekuatan rohani kepadaku untuk masuk ke Universiti Indonesia daripada pergi lagi ke Tiongkok untuk meneruskan pelajaran di Peking atau Shanghai. Sebagaimana telah diketahui oleh orang ramai, Pemerintah Nasionalis di bawah pimpinan Generalissimo Chiang Kai-sek telah dipindahkan ke Taiwan/Formosa sejak awal tahun 1949 kerana tenteranya sudah dikalahkan oleh Tentera Merah di bawah pimpinan Mao Tse-tung dan Republik Rakyat Tiongkok telah didirikan di Peking pada 01/10/1949. Kemudian dalam tahun 1950, Republik tersebut terlibat dengan Perang Korea. Ini juga merupakan pendorong kepadaku untuk meneruskan saja pelajaran di Universitas Indonesia. Aku juga sangat berterima kasih kepada Prof. Dr. M. H. van der Valk yang sebagai Ketua Jawatankuasa Ujian Masuk telah sangat bersimpati kepadaku sehingga aku lulus dalam ujian masuk pada 30/08/1949. Beliau juga bertindak atas nama Presiden Universitas Indonesia untuk menjadi *promotor* kepada Meester M. J. Meijer yang hendak mencapai gelar Doktor dalam Ilmu Hukum dengan mempertahankan *disertasinya* di hadapan majlis para mahaguru Universitas Indonesia. Setelah itu, kira-kira pada awal tahun 1951, beliau bersara dan pulang ke Belanda.

Bab XXIV

AKU LULUS UJIAN *CANDIDAATS* SARJANA MUDA DI FAKULTAS SASTERA

SETELAH Prof. Dr. M. J. van der Valk bersara dan pulang ke Belanda, pimpinan Bagian Sinologi jatuh ke tangan Dr. M. J. Meijer. Beliau bertugas mengajar Bahasa Tionghua Moden, Sosiologi Tiongkok, Sejarah dan Ilmu Bumi Tiongkok. Kemudian beliau dibantu oleh seorang *lektor* sambilan (part-time lecturer), Dr. R.P. Kramers namanya yang bertugas mengajar Bahasa Tionghua Klasik. Pada waktu itu Republik Indonesia Syarikat sudah berganti menjadi sebuah negeri persatuan (unitary state) dengan menggunakan nama Republik Indonesia yang telah diumumkan dengan rasmi oleh Presidennya, Ir. Soekamo, pada 17/08/1950, walaupun pemberontakan oleh Dr. Somoukil dan para pengikutnya yang mendirikan Republik Maluku Selatan dalam bulan April 1950 baru dapat dipatahkan dalam pertengahan bulan November 1950 dan sisa pengikut dan tenteranya mengungsi ke Belanda. Di sana mereka mendirikan Pemerintah Republik Maluku Selatan Dalam Buangan dengan harapan di kemudian hari kelak dapat memerdekakan daerah Maluku dengan bantuan Belanda.

Dengan latar belakang yang demikian itu, aku mendapat firasat bahawa Dr. M. J. Meijer pun tak lama lagi akan berhenti dari



Drs. Li Chuan Siu bergambar dengan isterinya di Jakarta pada 7 Oktober, 1951 setelah lulus Ujian Sarjana Muda Sastra pada 4 September, 1951.

Lembaga/Bagian Sinologi dan pulang ke Belanda. Oleh kerana itu aku harus berdaya upaya supaya dalam tahun 1951 itu aku dapat menempuh Ujian *Candidaats*/Sarjana Muda. Mungkin kerana sudah akan berhenti dari Lembaga tersebut, Dr. M. J. Meijer mengizinkan aku dengan serentak mengikuti kuliah-kuliah untuk tahun kedua dan ketiga. Bagiku Bahasa Tionghua Klasik dan Modern tidak menjadi soal kerana aku mempunyai dasar yang kuat untuk kedua-dua bahasa itu, sedangkan Ilmu Bumi Tionghok dan Sosiologi Tionghok dapat ditempuh melalui ujian *tentamen* dengan menggunakan bahasa Inggeris; hanya Sejarah Tionghok (termasuk Sejarah Jepun) sajalah yang menjadi soal besar bagiku kerana ujianya akan didasarkan pada sebuah buku dalam bahasa Perancis yang berjudul *La Question D'Extreme-Orient* karangan Piere Ranouvin. Walaupun aku pernah belajar bahasa Perancis di Semarang dalam tahun 1948/1949 di bawah pimpinan Tuan J. A. Vandoorn, seorang *opsir* Bagian Tatausaha tentera Belanda di Semarang lebih kurang 18 bulan lamanya, tetapi buku sejarah tersebut mengandungi 435 muka surat, sehingga aku harus terus-menerus menggunakan kamus Perancis-Belanda atau Perancis-Inggeris untuk memahami maksud kalimat-kalimat dan paragraf-paragraf dalam buku itu. Sebelum menghadapi ujian, aku pernah minta per-

tolongan Sdr. Sie Ing Djiang dari Solo yang pada waktu itu sudah lulus Ujian *Candidaats* dalam bidang Sinologi untuk menerangkan beberapa bagian daripada isi buku itu yang aku kurang mengerti. Ini adalah pertolongan besar yang aku selalu ingat kerana dengan pertolongan itu aku jadi faham betul mengenai isi buku itu.

Mengenai tesis, aku juga berhasil menyelesaikannya pada 28/02/1951 dengan judul Sejarah Masyarakat dan Pendidikan Perantau Tionghua di Indonesia yang mengandungi 203 muka surat. Bahasa yang kugunakan dalam tesis itu ialah Bahasa Tionghua Moden atau bahasa Mandarin. Waktu kupersembahkan tesis itu kepada Dr. M. J. Meijer, beliau menerimanya dan menyatakan kepadaku bahawa beliau merasa kagum dan memuji kelebihanku dalam kajianku, tetapi beliau juga memberi nasihat supaya di kemudian hari kelak kalau aku menulis tesis lagi supaya memilih judul yang kecilan, kerana dengan demikian aku dapat membuat kajian yang lebih mendalam dan menghasilkan karya ilmiah yang lebih bernilai; tetapi akhirnya beliau menerima baik tesisku itu sebagai salah satu syarat bagi Ujian *Candidaats*/Sarjana Muda.

Aku juga lulus dalam ujian *tentamen* untuk Ilmu Bumi Tiongkok dan Sosiologi Tiongkok, dan dengan memegang dua helai ijazah *tentamen* itu aku mendaftarkan diri untuk menempuh Ujian *Candidaats*/Sarjana Muda yang akan diadakan pada 04/09/1951 di bilik nombor 13 di gedung Fakultas Sastera. Jawatankuasa Ujian itu terdiri daripada Prof. Dr. Prijono (Ketua), Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem (Panitera), Dr. M. J. Meijer (penguji Bahasa Tionghua Moden dan Sejarah Tiongkok) dan Dr. R. P. Kramers (penguji Bahasa Tionghua Klasik). Pada pagi hari itu ada tiga orang yang akan menempuh ujian Sarjana Muda, iaitu Sdri. Tan Lan Hiang, Sdr. Tan Ngo An dan aku sendiri. Yang pertama dipanggil masuk untuk diuji ialah Sdri. Tan Lan Hiang. Ia harus menempuh ujian lisan untuk 3 mata pelajaran tersebut. Ujian lisan untuk tiap mata pelajaran makan waktu lebih kurang 20 minit lamanya. Setelah lebih kurang 50 minit lamanya, ia keluar dan menunggu panggilan masuk lagi. Setelah menunggu 10 minit lamanya, ia dipanggil masuk lagi dan beberapa minit kemudian ia keluar dengan membawa sehelai ijazah Sarjana Muda. Giliran kedua jatuh kepada Sdr. Tan Ngo An yang lebih kurang 1 jam kemudian juga berhasil mendapat ijazah Sarjana Muda. Akhirnya pada lebih kurang pukul 11 pagi hari itu, aku dipanggil masuk untuk diuji. Aku dipersila-

kan duduk menghadapi Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem sebagai Ketua, Dr. M.J. Meijer dan Dr. R. P. Kramers sebagai penguji dan di sampingku adalah Sdr. Burhan Djajadiradja, Ketua Bagian Tatausaha di Lembaga Sinologi yang duduk di situ sebagai penterjemah bagi para penguji dan juga bagi aku. Tindakan ini adalah kebaikan hati Dr. M. J. Meijer yang hendak membantu aku untuk mengerti pertanyaan-pertanyaan yang diajukan dalam bahasa Belanda dan menterjemahkan jawapan-jawapanku dalam bahasa Indonesia ke dalam bahasa Belanda.

Aku tidak memerlukan bantuannya, kerana segala pertanyaan Dr. Meijer dan Dr. Kramers dalam bahasa Belanda dapat kufahami dan dapat kujawab dalam bahasa Inggeris. Jawapan-jawapanku mengenai pertanyaan-pertanyaan Dr. Meijer tentang sejarah Tiongkok sangat lancar dan tepat sehingga Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem menyentuh lengan Dr. Meijer supaya mengakhiri ujian itu, tetapi Dr. Meijer sangat ingin mengetahui pengetahuanku dalam sejarah Tiongkok dengan mengajukan pertanyaan yang terakhir yang juga kujawab dengan sempurna. Setelah disuruh tunggu di luar lebih kurang 10 minit lamanya, aku dipanggil masuk dan menghadap lagi Jawatankuasa Ujian itu; lalu Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem atas nama Ketua Fakultas Sastera, Prof. Dr. Prijono, memberikan ijazah Sarjana Muda kepadaku sambil berkata: "Setelah menimbang hasil-hasil ujian saudara, kami sama sekali tidak keberatan untuk memberikan gelar Sarjana Muda kepada saudara."

Sekali lagi aku bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana impianku untuk mencapai gelar universiti telah tercapai setelah belajar dengan tekun lebih kurang dua tahun lamanya. Dimisalkan aku pergi ke Tiongkok dan belajar di salah sebuah universiti di Peking atau Shanghai, aku harus belajar empat tahun lamanya untuk mencapai gelar Sarjana Muda dan harus meninjakkan isteriku di Indonesia kerana ia tidak faham akan bahasa Tionghua dan tidak akan mendapat pekerjaan di negara komunis yang baru berdiri itu.

Beberapa bulan sebelum aku menempuh Ujian *Candidatus* Sarjana Muda Sastera itu, aku dengan isteri telah pindah dari Lorong Solitude ke Jalan Pintu Besi di Jakarta Pusat, *indekos* di rumah mendiang Tuan Liem Khoen Hian, pengasas dan Presiden yang pertama Persatuan Tionghua Indonesia dalam tahun 1932. Beliau hanya mempunyai seorang anak perempuan, Liem Yong Nio nam-

nya, yang memerlukan kawan perempuan atau sepasang suami-isteri yang mahu tinggal di rumah ayahnya. Kami senang hati untuk tinggal dengan mereka kerana bukan saja letak rumahnya di Jakarta Pusat, tetapi juga kerana biaya *indekosnya* boleh kami tetapkan sendiri mengikut kemampuan kami.

Sementara itu bahasa Indonesia telah dijadikan mata pelajaran yang diwajibkan di semua sekolah, dari sekolah-sekolah dasar (*primary schools*) sampai ke sekolah-sekolah menengah (*secondary schools*), baik di sekolah-sekolah negeri mahupun di sekolah-sekolah swasta, termasuk semua sekolah Tionghua yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantarnya. Selain daripada itu orang ramai pun mulai menaruh perhatian kepada bahasa Indonesia. Inilah suatu kesempatan baik bagiku untuk membuka kursus-kursus malam untuk bahasa Indonesia dan bahasa Mandarin dengan meminjam bilik-bilik belajar di salah sebuah sekolah dasar swasta di Jalan Pintu Besi. Banyak pemuda-pemudi dan orang-orang dewasa Tionghua dalam dunia perniagaan yang mengikuti Kursus Bahasa Indonesia. Juga kerana tentera sukarela dari Republik Rakyat Tiongkok berperang dengan gagah berani melawan tentera Amerika Syarikat di Korea sehingga memasyhurkan nama bangsa dan Negara China, maka ada sebahagian orang Indonesia dan orang Tionghua yang dulu belajar di sekolah-sekolah



Belajar dewasa yang telah tamat belajar dalam Kursus Bahasa Indonesia di bawah arahan Drs. Li Chuan Situ di Jakarta pada 8 November, 1953. Ketua Panitia Ujian, Li Chuan Situ (bercermin mata) duduk di tengah, manakala Drs. Li duduk di sebelah kanan dan Nyonya Li duduk di sebelah kirinya.

Belanda yang mengikuti Kursus Bahasa Mandarin. Mujurlah bagiku berpeluang mengajar dua macam bahasa itu pada waktu malam kerana kuliah-kuliah di Bagian Sinologi hanya diberikan pada waktu pagi dan tengah hari. Jadi petang dan malamnya aku mempunyai waktu untuk mengajar. Daripada pembayaran wang kursus yang kuterima daripada para pelajar, aku berjaya mengumpulkan wang untuk persediaan pembayaran *wang kunci* kalau aku hendak menyewa rumah sendiri.

Bab XXV

DR. TJAN TJOE SOM DILANTIK MENJADI PROFESOR LEMBAGA SINOLOGI

PADA awal tahun 1952, Dr. M.J. Meijer berhenti mengajar di Lembaga Sinologi dan pulang ke Belanda. Dr. Tjan Tjoe Som, seorang Tionghua peranakan dari Solo yang telah tamat belajar dalam bidang Sinologi dan telah dipromosikan menjadi Doktor Sastra dan Filsafat di Universiteit van Leiden di Belanda, telah diangkat menjadi profesor di Lembaga atau Bagian Sinologi di Fakultas Sastra, Universitas Indonesia di Jakarta.

Aku kenal akan beliau ketika beliau masih di Solo dalam tahun 1934 dan 1935. Beliau adalah salah seorang ahli daripada beberapa keluarga Tionghua di Solo yang menganut agama Islam. Kalau aku tidak salah ingat, dalam tahun 1935 beliau pergi ke negara Belanda dan menjadi mahasiswa Bagian Sinologi, Universiteit van Leiden. Adik laki-lakinya yang bernama Tjan Tjoe Siem, mendapat gelar doktor juga dari Universiteit van Leiden, tetapi dalam bidang Indologi. Beliau juga menjadi profesor di Fakultas Sastra, bahkan merangkap menjadi Paniteranya.

Mengikuti khabar yang kudengar daripada kawan-kawan yang belajar di Bagian Sinologi di Fakultas Sastra, Dr. Tjan Tjoe Som sebelum pulang ke Indonesia, pernah ditawarkan kedudukan profesor

di Sinologisch Instituut di Universiteit van Leiden untuk menggantikan Prof. Dr. J.J.L. Duyvendak yang khabarnya telah meninggal dunia. Tetapi Dr. Tjan Tjoe Som lebih suka menjadi profesor di Lembaga/Bagian Sinologi di Universiti Indonesia di Jakarta kerana beliau adalah warganegara Indonesia yang ingin berkhidmat kepada nusa dan bangsanya, iaitu negara dan bangsa Indonesia.

Setelah beliau tiba di Jakarta dan mulai bertugas di Lembaga/Bagian Sinologi, aku diberi peluang untuk berjumpa dengan beliau. Dalam perjumpaan itu, beliau menyatakan masih ingat akan aku dan kami merundingkan rencana bagiku untuk menempuh Ujian *Doctoraal*/Sarjana Sastera. Untuk ujian tersebut ada dua mata pelajaran yang utama, iaitu Bahasa Tionghua Klasik dan Sejarah Kebudayaan Tionghua, termasuk Bahasa Dokumenter Tionghua dan Bibliografi Tionghua. Ada pula dua mata pelajaran tambahan yang boleh kupilih sendiri, tetapi beliau menganjurkan supaya aku mengambil bahasa Indonesia sebagai salah satu mata pelajaran tambahan tersebut. Sudah barang tentu aku setuju dengan syornya itu kerana bahasa Indonesia adalah Bahasa Kebangsaan Republik Indonesia, sedangkan untuk mata pelajaran tambahan lainnya aku memilih Ilmu Kebudayaan (Antropologi).

Untuk mengikuti kuliah bahasa Indonesia, aku harus mendapat persetujuan profesornya, iaitu Prof. Dr. Prijono, yang juga merangkap Ketua Fakultas Sastera. Waktu aku menghadap beliau di pejabatnya, beliau mengatakan bahawa aku harus mengikuti tiga macam kuliah, iaitu kuliah bahasa Indonesia di bawah pimpinan beliau sendiri, kuliah sastera Melayu klasik di bawah pimpinan Dr. R. Roolvink, dan kuliah penggunaan bahasa Indonesia di bawah pimpinan pujangga Nur Sutan Iskandar. Selain daripada itu, aku harus dapat membaca buku-buku Melayu klasik yang tertulis dalam tulisan Arab. Aku insaf bahawa aku harus belajar dengan sungguh-sungguh dalam masa dua tahun kuliah untuk dapat menempuh ujian *tentamen-tentamen* mengenai tiga macam kuliah tersebut.

Untuk mata pelajaran tambahan kedua, Antropologi, aku harus menemui lektornya, iaitu Dr. F.A.E. van Wouden. Dalam pertemuan dengan beliau, aku disuruh memilih dua buah buku daripada sehelai daftar bacaan tentang Antropologi untuk kupelajari sendiri. Aku juga diwajibkan mengikuti kuliahnya dua jam seminggu. Beliau juga tahu bahawa aku adalah lulusan dari sekolah

...nghua, maka beliau bersetuju bahawa *tentamennya* boleh ditempuh dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Dalam tahun 1952, keadaan kewanganku sudah agak lumayan dan berhasil mendapat rumah sewaan di Jalan Kemboja di daerah Penang dengan membayar *wang kunci*. Maka aku dengan isteri pindah dari rumah mendiang Tuan Liem Khoen Hian ke rumah sewaan tersebut. Di depan rumah tersebut adalah jalan kereta api dari Jakarta-Kota ke Jatinegara. Jadi suasananya agak ramai kerana lalu lintas kereta api itu, tetapi bagiku sudah merupakan sebagai satu loncatan ke rumah yang lebih bagus di kemudian hari kalau keadaan kewanganku mengizinkan.

Bab XXVI

MENEMPUH UJIAN

DOCTORAAL/SARJANA SASTERA

UNTUK menempuh Ujian *Doctoraal/Sarjana Sastera*, aku juga diwajibkan untuk menulis tesis yang judulnya mesti dipersetujui oleh Prof. Dr. Tjan Tjoe Som, Ketua Lembaga/Bagian Sinologi. Beliau sangat bersimpati terhadap diriku, mungkin kerana beliau tahu bahawa aku faham akan bahasa Tionghua moden dan klasik, dan mungkin juga kerana beliau kekurangan tenaga pengajar di Lembaga tersebut. Maka dengan tidak cerewet beliau bersetuju bahawa aku menulis tesis dalam bahasa Indonesia tentang Perguruan Tionghua di Indonesia, 1729-1951 dengan berdasarkan tesisku untuk gelar *Candidaats/Sarjana Muda* yang kutulis dalam bahasa Tionghua dalam tahun 1951.

Pada permulaan tahun 1952, aku mulai menempuh *tentamen* Bahasa Tionghua Dokumenter, Bahasa Indonesia, Sastera Melayu Klasik, Bibliografi Tionghua dan Ilmu Kebudayaan (Antropologi). Pada permulaan bulan Mei, 1953, aku sudah lulus dalam *tentamen-tentamen* tersebut. Maka dengan persetujuan Prof. Dr. Tjan Tjoe Som yang telah menerima baik tesisku, aku mendaftarkan nama untuk menempuh Ujian *Doctoraal/Sarjana Sastera*. Pada pukul 11

pagi bertepatan dengan 29/05/1953, aku dipanggil masuk ke dalam ruang ujian di Fakultas Sastera untuk diuji di hadapan Jawatankuasa Ujian yang terdiri daripada Prof. Dr. Prijono sebagai Ketua, Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem sebagai Panitera dan Prof. Dr. Tjan Tjoe Som sebagai penguji. Mata pelajaran yang diuji hanya dua macam, iaitu Bahasa Tionghua Klasik dan Sejarah Kebudayaan Tiongkok. Ujian itu makan waktu kurang lebih 50 minit lamanya. Setelah disuruh menunggu di luar ruang ujian lebih kurang 10 minit lamanya, aku dipanggil masuk lagi dan duduk di depan Jawatankuasa Ujian, lalu Prof. Dr. Prijono sebagai Ketua berkata kepadaku begini: "Setelah menimbang hasil-hasil *tentamen* dan ujian saudara pada hari ini, kami sama sekali tidak keberatan untuk memberikan gelar Sarjana Sastera kepada saudara dan Guru Besar saudara minta perhatian saudara supaya mencruskan penyelidikan ilmiah sehingga mencapai gelar yang tertinggi." Setelah itu beliau memberikan ijazah Sarjana Sastera itu kepadaku.

Sejak waktu itu aku berhak memakai gelar Drs. (*Doctorandus*). Aku boleh juga memakai gelar S.S. (Sarjana Sastera), tetapi pada waktu itu orang lebih suka memakai gelar Drs. atau Dra. (*Doctoranda* untuk wanita yang telah lulus ujian *Doctoraal*). Untuk mencapai gelar yang tertinggi yang disebut Dr. (Doctor) dengan melalui apa yang disebut promosi, sang calon diharuskan membuat satu tesis atau *disertasi*. Isinya harus dipersetujui oleh profesor yang akan bertindak sebagai *promotomya* atas nama Presiden Universiti yang harus menyetujui judulnya dan menetapkan hari dan jam promosi itu. Tesis atau *disertasi* yang disertai sedikit-dikitnya 6 pendirian harus dipertahankan di hadapan Majlis Profesor yang ahlinya bukan saja profesor dari fakultas yang berkenaan, tetapi juga dari fakultas-fakultas lain. Ini adalah sistem universiti Belanda yang sampai sekarang masih berlaku di Indonesia.

Setelah aku memperoleh gelar *Doctorandus* pada 29/05/1953, aku menderita sakit beberapa minggu lamanya kerana beratnya mempelajari segala buku yang diwajibkan untuk diuji secara *tentamen* atau ujian terakhir di hadapan Jawatankuasa Ujian. Namun begitu aku merasa sangat bahagia bahawa aku berhasil menyelesaikan pelajaranku dalam masa 4 (empat) tahun saja. Mahasiswa-mahasiswa lain di Lembaga/Bagian Sinologi biasanya memerlukan waktu 6 atau 7 tahun baru berani menempuh ujian *doctoraal* itu kerana bahasa Tionghua moden dan klasik tidak mudah dikuasai

oleh para calon yang lulus dari Sekolah Menengah Belanda atau Indonesia, tetapi aku adalah lulusan sekolah Tionghua dan aku menguasai bahasa itu. Ini kerana aku selain belajar bahasa itu di sekolah, aku juga sangat suka membaca buku-buku cerita sejarah atau silat yang tertulis dalam bahasa moden dan/atau klasik. Aku juga dapat menulis karangan-karangan dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Pernah kuterangkan dalam Bab XXIV bahawa aku ada membuka kursus bahasa Mandarin dan bahasa Indonesia pada waktu petang dan malam, tetapi pada waktu itu (permulaan tahun lima puluhan), jarang sekali terdapat buku-buku pelajaran bahasa Indonesia yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar bagi pelajar-pelajar dalam Sekolah Menengah Tionghua dan orang-orang Tionghua dewasa. Maka aku terpaksa mengarang bahan-bahan pelajaran bahasa Indonesia yang kstensil terlebih dulu. Lama-kelamaan bahan-bahan tersebut cukup untuk diterbitkan sebagai buku. Dengan bekerjasama dengan The World Publishing Company di Jakarta-Kota yang mempunyai hubungan dengan percetakan di Hong Kong, bahan-bahan tersebut dapat diterbitkan menjadi buku dengan judul Kitab Bacaan dan Tata-bahasa Bahasa Indonesia. Jilid Pertama terbit dalam bulan Mac 1953, Jilid Kedua dalam bulan Julai 1953 dan Jilid Ketiga dalam bulan Julai 1954. Mengenai buku-buku untuk bahasa Mandarin, pada waktu itu ada banyak bahan pelajaran yang didatangkan dari Hong Kong atau Taiwan, jadi tidak perlu bagiku mengarang bahan-bahannya.

Karya buku pelajaran bahasa Indonesia tersebut bukanlah karya yang bersifat ilmiah, melainkan karya yang bersifat pendidikan yang dapat memberi faedah yang besar kepada para guru yang mengajar bahasa Indonesia dan ribuan murid yang mempelajari bahasa itu. Orang-orang Tionghua dewasa yang berhasrat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan zaman yang memerlukan penggunaan bahasa Indonesia juga dapat menggunakan buku-buku tersebut untuk belajar sendiri kerana bahasa pengantarnya ialah bahasa Mandarin yang pada umumnya difahami oleh mereka itu. Selain daripada itu, tesisku untuk Ujian *Doctooral* yang berjudul Perguruan Tionghua di Indonesia, 1729 - 1961, kuserahkan kepada mendiang Tuan Nio Joe Lan yang menjadi Pengarang majalah bulanan Pantjawarna di Jakarta-Kota untuk disunting dan disiarkan

di dalam majalah tersebut. Beliau sangat bersimpati kepadaku dan tesis itu diberi kesempatan untuk disiarkan dalam majalah tersebut dari No. 60 s/d No. 64 (dari bulan September 1953 sampai bulan Januari 1954).

Bab XXVII

DILANTIK MENJADI AHLI BAHASA KELAS SATU FAKULTAS SASTERA

TAHUN pelajaran di Fakultas Sastera, Universitas Indonesia di Jakarta dimulai dari 1 haribulan Ogos dan berakhir pada 31 haribulan Mei setiap tahun, tetapi kuliah baru dimulai pada awal bulan September dan libur besar jatuh pada bulan Jun dan Julai setiap tahun. Selama libur besar dalam tahun 1953 itu, aku beristirahat untuk memulihkan kesihatanku. Mulai 01/09/1953, aku diminta oleh Prof. Dr. Tjan Tjoe Som supaya bekerja di Lembaga/Bagian Sinologi. Setelah aku setuju untuk menerima baik tawaran itu, aku diusulkan oleh beliau kepada Menteri Pendidikan, Pengajaran dan Kebudayaan Republik Indonesia melalui Ketua Fakultas Sastera supaya aku dilantik menjadi Ahli Bahasa Kelas Satu dengan tugas mengajar dengan gaji Rp. 450 (empat ratus lima puluh rupiah) tiap bulan. Pada waktu itu wang rupiah masih cukup besar nilainya, kira-kira tiap tiga rupiah sama dengan satu dolar Singapura. Tugasku di Lembaga tersebut ialah memberi kuliah tentang Bahasa Tionghua Moden kepada mahasiswa/mahasiswi Tingkat I hingga Tingkat III, lapan jam seminggu banyaknya.

Jam kerja di Lembaga Sinologi seperti juga jam kerja di pejabat-pejabat Pemerintah Republik Indonesia, iaitu dimulai dari pukul

7.30 pagi hingga pukul 1.30 tengah hari, kecuali pada hari Jumaat hanya sampai pukul 11 pagi untuk memberikan kesempatan kepada kaum Muslim bersembahyang Jumaat. Pada hari Sabtu pula sampai pukul 12.00 tengah hari, mengikut kebiasaan sejak zaman pemerintahan Belanda. Maka setelah memberikan kuliah yang diadakan di antara pukul 9 pagi dan 12 tengah hari, aku mempunyai banyak waktu yang senggang dan pada waktu petang dan malam aku boleh tetap mengajar di Kursus Bahasa Indonesia dan Kursus Bahasa Mandarin yang kuadakan di Pintu Besi, Jakarta Pusat.

Aku juga diminta untuk mengajar bahasa Indonesia kepada pelajar-pelajar Bagian Sekolah Menengah Atas di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Jalan Patekoan, Jakarta-Kota. Pelajaran itu hanya tiga kali seminggu, tiap kali dua jam lamanya dan diberikan pada waktu petang. Sekolah tersebut adalah sekolah Tionghua yang pertama kali di Indonesia, dibuka pada 17/03/1901. Aku ingat bahawa dalam tahun 1930, ketika aku sudah tamat belajar di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Solo, aku tidak mampu pergi ke Jakarta untuk belajar di Tiong Hwa Hwee Kwan School di Jakarta-Kota yang mempunyai Bagian Sekolah Menengah kerana aku anak orang miskin, tetapi dalam tahun 1953 itu aku malah diundang untuk mengajar di situ. Sungguh nasib manusia seperti sudah ditakdirkan oleh Tuhan Yang Esa, segala apa yang dahulu hanya impian saja, sampai waktunya impian itu terwujud dalam bentuk yang lain.

Di Tiong Hwa Hwee Kwan School itu ada Bagian Taman Kanak-kanak, Bagian Sekolah Dasar dan Bagian Sekolah Menengah Pertama serta Sekolah Menengah Atas; jumlah muridnya lebih kurang dua ribu orang banyaknya, dan jumlah gurunya lebih daripada seratus orang. Sekolah ini adalah sekolah swasta dan diawasi oleh sebuah Badan Pengurus yang dipilih oleh ahli-ahli perkumpulan Tiong Hwa Hwee Kwan. Sebagian besar ahli-ahlinya adalah orang-orang yang pro-Kuo Min Tang dan cenderung kepada Pemerintah Nasionalis di Taiwan, sedangkan sebahagian kecil terdiri daripada orang-orang yang pro-komunis dan cenderung kepada Pemerintah Republik Rakyat Tiongkok yang berpusat di Peking. Guru-guru sekolah tersebut juga terbagi menjadi dua golongan, ada yang pro-Taiwan, ada juga yang pro-Peking, masing-masing terdiri 50% daripada jumlah guru di sekolah tersebut.

Mengenai murid-muridnya, hanya yang dari Sekolah Menengah Atas sajalah yang aktif tentang politik dan golongan pro-

Peking sajarah yang menyokong guru-guru yang berhaluan sama, sedangkan golongan yang pro-Taiwan sangat tidak aktif dan golongan lainnya adalah golongan yang neutral, dan yang tersebut akhir ini jumlahnya lebih besar daripada kedua-dua golongan yang berlawanan itu. Jadi guru yang menjadi Ketua Sekolah berada di kedudukan yang serba susah: kalau mahu pro-Peking, dia akan bermusuhan dengan ahli-ahli Badan Pengurus, golongan guru dan golongan murid yang pro-Taiwan. Kalau mahu pro-Taiwan, dia akan dimusuhi oleh ahli-ahli Badan Pengurus, golongan guru dan golongan murid yang pro-Peking. Maka pada pertengahan tahun 1953, mendiang Tuan Loa Chan Hoey, Ketua Sekolah tersebut, minta berhenti daripada jawatannya, sedangkan Timbalan Ketua Sekolah itu, Nyonya Chen Shih Hua namanya, pada 01/12/1953, ditarik izin mengajarnya oleh Pemerintah Republik Indonesia kerana sepak terajangnya yang terlalu pro-Peking. Maka Tuan Chio Kun Leong, seorang peranakan Jakarta dan tamatan sekolah Inggeris, dilantik menjadi Pengelola Sementara.

Bab XXVIII

MERANGKAP MENJADI KETUA SEKOLAH PA HWA

SEMENTARA itu Badan Pengurus Pa Hwa (singkatan Tiong Hwa Hwee Kwan School di Jalan Patekoan, Jakarta) berusaha mencari calon yang sesuai untuk dilantik menjadi Ketua Sekolah itu. Kebetulan pada waktu itu ada seorang bekas murid Pa Hwa dan bekas kawan sekolahku di Institut Chimei di Amoy, Tiongkok, baru saja lulus Ujian *Doctoraal* dari Sinologisch Instituut, Universiteit van Leiden, Yo Swie Hong namanya. Beliau telah kembali ke Jakarta dan belum mempunyai pekerjaan yang sesuai. Maka oleh Badan Pengurus Pa Hwa beliau ditawarkan jawatan Ketua Sekolah Pa Hwa, tetapi beliau minta tempoh untuk berfikir kerana beliau tahu akan kesukaran-kesukaran di Pa Hwa. Tetapi pada suatu petang, dengan tak diduga-duga, aku didatangi seorang tamu yang menjadi salah seorang ahli Badan Pengurus Pa Hwa, Tuan Yo Koen Hoey namanya. Beliau menawarkan jawatan Ketua Sekolah Pa Hwa kepadaku. Beliau menerangkan kepadaku bahawa Drs. Yo Swie Hong juga ditawarkan jawatan itu, tetapi belum ada jawapan yang pasti daripadanya. Sebab Pa Hwa sangat perlu untuk mempunyai seorang Ketua Sekolah, maka Tuan Yo atas nama Badan Pengurus, diberi kuasa untuk menghubungi aku supaya mahu dilantik menjadi Ketua Sekolah tersebut.

Kerana aku sudah mempunyai pekerjaan sebagai Ahli Bahasa Kelas Satu di Lembaga Sinologi dan Sdr. Drs. Yo Swie Hong adalah sahabatku, maka aku juga minta tempoh untuk menerima baik atau menolak tawaran tersebut. Pertama aku mohon pertimbangan Prof. Dr. Tjan Tjoe Som tentang hal tersebut. Beliau mengatakan bahawa beliau tidak berkeberatan jika aku menerima baik tawaran tersebut dengan syarat aku harus menyelesaikan tugasku di Lembaga Sinologi dahulu sebelum aku menjalankan tugas sebagai Ketua Sekolah Pa Hwa. Setelah itu aku pergi menjumpai Sdr. Drs. Yo Swei Hong untuk menanyakan sama ada beliau bersedia menjadi Ketua Sekolah tersebut. Dengan terus terang Sdr. Drs. Yo Swie Hong menyatakan bahawa beliau tidak bersedia menerima tawaran tersebut kerana beliau mungkin hendak bekerja sebagai panitera di Bank of China cawangan Jakarta. Dengan demikian aku menyatakan kepada Tuan Yo Koen Hoey bahawa aku mahu dilantik menjadi Ketua Sekolah Pa Hwa dengan syarat tugas itu akan dilaksanakan setelah aku selesai dengan pekerjaanku di Lembaga Sinologi, iaitu memberi kuliah lapan jam seminggu.

Syaratku tersebut dirundingkan oleh Badan Pengurus Pa Hwa dan semua ahli setuju akan hal tersebut. Maka mulai awal bulan Januari 1954 aku dengan rasmi menjadi Ketua Sekolah Pa Hwa, suatu kedudukan yang tinggi dalam dunia pendidikan Tionghua di Indonesia. Tetapi bebanku jadi sangat berat kerana selain mengerjakan kedua-dua tugas tersebut, aku masih harus mengajar bahasa Indonesia dan bahasa Mandarin di kursus-kursus yang diadakan pada waktu petang dan malam di Jalan Pintu Besi, Jakarta Pusat. Untunglah pada masa itu aku belum mempunyai anak, jadi isteriku yang juga menjadi guru bahasa Indonesia di Sekolah Menengah Pertama di Jalan Salemba, Jakarta Pusat, tidak terlalu berat mengurus rumah tangga kami dengan bantuan seorang babu.

Mungkin di antara para pembaca buku ini ada yang hendak mengetahui apa sebabnya aku mahu dilantik menjadi Ketua Sekolah yang berada di tengah-tengah pergelutan antara Guru Golongan Kanan dan Guru Golongan Kiri. Jawabnya begini: Sebelum menerima baik tawaran tersebut, aku minta diberi hak 100% mengenai perlantikan dan pemecatan guru-guru di sekolah tersebut. Dengan demikian kalau ada guru yang mahu mengacau, aku dapat memecatnya dengan segera, sebaliknya aku juga dapat melantik guru

baru yang bersimpati kepadaku. Alhasil syarat-syarat tersebut dipersetujui oleh Badan Pengurus Pa Hwa dan tertulis hitam di atas putih pada surat perlantikanku sebagai Ketua Sekolah. Dalam hal ini mungkin Dr. Sie Boen Lian, seorang doktor pakar mata yang temama dan yang menjadi Ketua Seksi Pendidikan dalam Badan Pengurus itu, dapat menginsafkan para ahli dalam Badan Pengurus itu supaya menyetujui syarat-syarat yang kuajukan itu. Dr. Sie Boen Lian juga menjadi sahabat karib Prof. Dr. Tjan Tjoe Som yang pada waktu itu menaruh kepercayaan yang besar kepadaku. Maka mujurlah bagiku beroleh simpati dan sokongan daripada kedua-dua mereka itu, sehingga segalanya berjalan lancar bagi perlantikan diriku menjadi Ketua Sekolah Pa Hwa.

Setelah menerima jawatan tersebut, aku telah melantik Tuan Chiang Wei-hsin, seorang Sarjana Muda lulusan sebuah universiti di Manila, Filipina, menjadi Ketua Bagian Sekolah Menengah Pertama dan Sekolah Menengah Atas, dan mendiang Tuan Chio Kun Leong kulantik jadi Timbalan Ketua sekolah-sekolah itu. Ketua bagian-bagian lain tetap terdiri daripada guru-guru yang sebelum aku menjadi Ketua Sekolah Pa Hwa sudah bertugas sebagai Ketua Bagian Taman Kanak-kanak, Ketua Bagian Sekolah Dasar di Jalan Patekoan dan Ketua Cabang Sekolah Dasar di Jalan Mangga Besar, Jakarta-Kota.

Dari bulan Januari sampai bulan Mac, 1954, segala sesuatu di Pa Hwa berjalan dengan baik, walaupun ada juga perselisihan kecil-kecilan di antara guru-guru Golongan Kanan dan Golongan Kiri, tetapi semuanya itu dapat kuatasi dengan aman dan damai. Hanya pada 01/04/1954, entah usaha siapa, larangan mengajar Nyonya Chen Shih Hwa telah ditarik balik oleh Pemerintah Republik Indonesia dan Badan Pengurus Pa Hwa, tanpa berunding dengan aku terlebih dahulu, telah melantik dia menjadi guru semula di Pa Hwa. Keputusan ini sangat menyinggung perasaanku dan kuanggap Badan Pengurus Pa Hwa telah melanggar janjinya bahawa adalah yang berhak melantik atau memecat guru di sekolah itu.

Setelah menimbang bahawa jikalau aku mahu menerima baik keputusan Badan Pengurus tersebut, susah bagiku untuk menemani Nyonya Chen Shih Hwa di Pa Hwa dengan kedudukannya sebagai guru, iaitu Ketua Bagian Pengajaran, suatu jawatan yang sudah kuadakan; dia juga pernah dijadikan Timbalan Ketua Sekolah. Jawatan ini juga sudah tiada lagi. Sebaliknya kalau aku menolak

perlantikannya kembali oleh Badan Pengurus, aku tentu akan dimusuhi oleh guru-guru Golongan Kiri dan juga bermusuhan dengan Badan Pengurus *Pa Hwa Students' Self-Control Society* yang sangat bersimpati kepada Nyonya Chen tersebut. Kerana hal-hal tersebut sangat memakan hati dan kerana kesihatanku juga agak kurang baik akibat merangkap tiga macam pekerjaan yang memakan banyak tenaga dan fikiranku, maka untuk menghindarkan diri daripada kerumitan pengelolaan di Pa Hwa, aku mengajukan permintaan berhenti daripada jawatan Ketua Sekolah Pa Hwa mulai 01/05/1954.

Setelah kejadian tersebut, aku hanya mengajar di Lembaga Sinologi dan kursus-kursus malam di Jalan Pintu Besi. Dengan demikian aku tidak perlu lagi berhadapan dengan persoalan yang memakan hati berulam jantung di Pa Hwa yang selalu dalam pergolakan, sehingga akhirnya Nyonya Chen Shih Hwa terpaksa meletakkan jawatannya dan pulang ke RRT (Republik Rakyat Tiongkok). Khabarnya izin tinggalnya di Indonesia tidak dapat diperbarui dan tidak lama setelah berada di Tiongkok, khabarnya dia menderita semacam penyakit dan akhirnya meninggal dunia di sana. Keadaan di Pa Hwa jadi tenang semula di bawah pimpinan ketua sekolah yang dahulu, iaitu mendiang Tuan Loa Chan Hoey yang diminta oleh Badan Pengurus Pa Hwa untuk memegang jawatan tersebut semula setelah aku berhenti.

Bab XXIX

MENJADI JURUBAHASA BAGI DELEGASI REPUBLIK INDONESIA DALAM PERUNDINGAN DWI-KEWARGANEGARAAN DENGAN DELEGASI REPUBLIK RAKYAT TIONGKOK

Pada suatu hari dalam bulan Januari 1955, aku dipanggil masuk ke pejabat Prof. Dr. Tjan Tjoe Som di Lembaga Sinologi, Fakultas Sastra. Beliau memberitahu kepadaku bahawa Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia memerlukan seorang yang mahir berbahasa Mandarin dan bahasa Indonesia untuk dijadikan jurubahasa kepada delegasi Republik Indonesia yang akan berunding dengan delegasi Republik Rakyat Tiongkok untuk perundingan dwi-kewarganegaraan. Beliau yang diminta oleh Kementerian tersebut untuk menawarkan pekerjaan itu kepada salah seorang pegawai atau guru di Lembaga Sinologi telah memilih aku untuk mengisi jawatan jurubahasa tersebut. Dengan senang hati aku bersetuju untuk dijadikan jurubahasa kepada delegasi tersebut.

Oleh kerana itu aku harus membuat penyelidikan tentang persoalan tersebut dengan membaca makalah-makalah tentang dwi-kewarganegaraan orang Tionghua di Indonesia supaya aku memperoleh pengetahuan yang cukup untuk melakukan tugasku dengan tepat. Hasil penyelidikanku adalah sebagai berikut:

1. Pada 28/03/1909, Kerajaan Dinasti Ch'ing (1644-1911)

mengumumkan Undang-Undang Kewarganegaraan Tiongkok yang berdasarkan *Jus Sanguinis*. Jadi orang Tionghua di Indonesia, baik yang totok mahupun yang peranakan, semuanya termasuk warganegara Tiongkok. Selain daripada itu, Kerajaan Dinasti Ch'ing juga mengusulkan kepada Kerajaan Belanda supaya di Jakarta boleh didirikan Konsulat Jeneral Tiongkok. Pemerintah Belanda yang khuatir kalau-kalau Pemerintah Tiongkok turut campur urusan orang Tionghua di Hindia Belanda (sekarang Indonesia), tetapi sukar untuk menolak permintaan itu, maka pada 10/02/1910, diumumkan-nya *Nederlands Onderdaanschap* (Undang-Undang Kerak-tyatan Belanda) yang berdasarkan *Jus Soli* yang bererti semua orang yang dilahirkan di Hindia Belanda adalah rakyat Belanda. Kerana kedua-dua undang-undang tersebut ber-lawanan antara satu sama lain, Tiongkok dan Duta Belanda di Peking mengadakan perundingan tentang persoalan tersebut. Pada waktu itu, kedudukan Tiongkok di dunia antara- bangsa sangat lemah, jadi terpaksa menandatangani Perse- tujuan Persefahaman Diplomatik dengan Duta Belanda di Peking pada 11/05/1911. Dalam Perseetujuan itu, Tiongkok mengakui bahawa Pemerintah Belanda mempunyai hak undang- undang (jurisdiction) ke atas orang-orang Tionghua yang dilahirkan di Hindia Belanda selagi mereka berada di wilayah Belanda. Pihak Belanda sebagai balasan atas pengakuan Tiongkok itu bersetuju bahawa Pemerintah Tiongkok boleh mendirikan Konsulat Jeneral di Batavia (Jakarta). Pada hakikat- nya, berdasarkan Undang-Undang Kewarganegaraannya, Tiong- kok tidak melepaskan haknya yang mengakui semua orang keturunan Tionghua adalah warganegaranya.

2. Waktu revolusi meletup di kota Wuch'ang di Tiongkok Tengah pada 10/10/1911 dan berakhir dengan jatuhnya Kera- jaan Wangsa Ch'ing dan Republik Tiongkok (The Republic of China) dengan rasminya berdiri pada 01/01/1912, Undang- Undang Kewarganegaraan Tiongkok yang tersebut di atas tetap berlaku dan dalam tahun 1928 tidak diubah oleh Peme- rintah Tiongkok Nasionalis yang di bawah pimpinan Gene- ralissimo Chiang Kai-sek. Ketika Tentera Merah di bawah pimpinan Mao Tse-tung dapat mengalahkan Chiang Kai-sek

dan mendirikan Pemerintah Pusat di Peking pada 01/10/1949, undang-undang tersebut juga tetap berlaku.

3. Pada awal tahun 1951, Pemerintah Republik Rakyat Tiongkok mengirimkan soldadu sukarela ke Korea Utara untuk membantu Republik Korea Utara memerangi tentera Sekutu yang membantu Pemerintah Korea Selatan. Tentera Tiongkok berperang mati-matian dan dapat mendesak tentera Sekutu mundur ke belakang, 38 darjah dari garis lintang sejajar (38th parallel); oleh kerana itu nama Republik Rakyat Tiongkok menjadi masyhur sehingga mendapat simpati yang sangat besar daripada penduduk Tionghua di Indonesia. Pemerintah Republik Indonesia merasa kluatir kalau-kalau Pemerintah Tiongkok yang berdasarkan faham komunis itu mahu turut campur dengan urusan penduduk Tionghua di Indonesia. Dengan melalui saluran diplomasi Pemerintah Republik Indonesia mengusulkan kepada Pemerintah Republik Rakyat Tiongkok untuk mengadakan perundingan tentang dwi-kewarganegaraan orang-orang Tionghua di Indonesia.

Perlu diterangkan di sini bahawa dalam tahun 1950, Pemerintah Republik Indonesia sudah mengakui berdirinya Republik Rakyat Tiongkok dan mengadakan hubungan diplomasi. Duta Besar Tiongkok yang pertama, Tuan Wang Jen-shu namanya, telah tiba di Jakarta pada 12/08/1950 dan pihak Indonesia telah mengutus *Charge D'affaires* Republik Indonesia di Bangkok, Tuan Isak Mahdi namanya, untuk menjadi *Charge D'affaires*nya di Peking. Pada 21/01/1951, Tuan Isak Mahdi telah tiba di Peking dan bertemu dengan Menteri Luar Negeri Tiongkok, Tuan Chou En-lai, untuk merundingkan soal mendirikan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Peking.


Politik luar negeri Tiongkok pada tahun lima puluhan adalah menghormati kedaulatan masing-masing dan untuk memainkan peranan yang penting di dunia antarabangsa, terutama di Asia Tenggara, Tiongkok berkehendak mengadakan hubungan perhubungan dengan negara-negara tetangga yang menaruh syak-sangka kepadanya kerana berdasarkan faham komunisme. Maka Pemerintah Indonesia untuk mengadakan perundingan perhubungan dwi-kewarganegaraan orang Tionghua di Indonesia diterima

baik oleh Pemerintah Republik Rakyat Tiongkok di Peking.

Perundingan itu dimulai di Jakarta pada awal tahun 1955 di antara Delegasi Republik Indonesia yang di bawah pimpinan Allahyarham Tuan Sukardjo Wirjopranoto dan Delegasi Tiongkok yang di bawah pimpinan Duta Besar Tiongkok yang baru, Tuan Huang Chen. Delegasi Tiongkok mempunyai jurubahasa sendiri yang tugasnya ialah menterjemahkan secara lisan atau bertulis apa yang diutarakan oleh Delegasi Indonesia yang menggunakan bahasa Indonesia, sedangkan tugasku ialah menterjemahkan secara lisan atau bertulis apa yang diutarakan oleh Delegasi Tiongkok yang menggunakan bahasa Mandarin.

Perundingan tersebut berjalan lebih kurang tiga bulan lamanya. Ini kerana pertemuan antara kedua-dua delegasi itu, kalau aku tidak salah ingat, hanya dilakukan tiap dua minggu satu kali saja; tetapi akhirnya kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan dan naskhah perjanjian yang terakhir dapat diselesaikan pada 21/04/1955, dan dibawa ke Bandung untuk ditandatangani oleh Menteri Luar Negeri Republik Rakyat Tiongkok, mendiang Chou En-lai, dan Menteri Luar Negeri Republik Indonesia, Meester Sunario. Pada hari itu aku juga diterbangkan dari Jakarta ke Bandung untuk menjadi jurubahasa dalam Upacara Penandatanganan Perjanjian Dwi-Kewarganegaraan antara Tiongkok dan Indonesia pada 22/04/1955, bertepatan dengan berakhirnya Persidangan Asia-Afrika yang juga diadakan di Bandung.

Intisari perjanjian tersebut ialah segala orang Tionghua yang mengikut Undang-Undang Republik Indonesia ada termasuk warganegara Indonesia, tetapi mengikut Undang-Undang Tiongkok, juga termasuk warganegara Tiongkok, akan diberi tempoh dua tahun setelah perjanjian tersebut disahkan oleh Parlimen kedua-dua negara tersebut, untuk memilih salah satu kewarganegaraan yang disukai, tegasnya boleh memilih sama ada menjadi warganegara Tiongkok atau menjadi warganegara Indonesia. Sesiapa yang setelah tempoh dua tahun itu habis tidak melakukan pemilihannya akan dianggap menjadi warganegara Tiongkok. Anak-anak yang di bawah umur 18 tahun harus melakukan pemilihan itu dalam tempoh satu tahun setelah mereka genap 18 tahun umurnya atau berkahwin sewaktu masih di bawah umur 18 tahun. Mereka akan dianggap mempunyai kewarganegaraan yang sama dengan ayahnya sebelum melakukan pemilihan itu.



Upacara penandatanganan Perjanjian Dwi-Kewarganegaraan antara Republik Indonesia dan Republik Rakyat Tiongkok pada 22 April, 1955 (sewaktu Persidangan Asia-Afrika) di pejabat Gabenor Jawa Barat di Bandung. Mendiang Tuan Chou En-Lai duduk di depan Menteri Sunario yang sedang berdiri memberi ucapan dalam bahasa Indonesia, manakala Drs. Li Chuan Sui, yang berdiri di sebelah kanan beliau, sedang menterjemahkan ucapan beliau ke dalam bahasa Mandarin.

Perjanjian tersebut disahkan oleh Suruhanjaya Kerja Kongres Rakyat Tiongkok pada 30/12/1957, iaitu 13 hari setelah perjanjian itu disahkan oleh Parlimen Indonesia. Perjanjian itu ditetapkan berlakunya untuk 20 tahun lamanya, dan kerana persoalan teknik dan suasana politik di Indonesia, tukar-menukar naskhah perjanjian yang sudah disahkan itu ditunda sampai satu setengah tahun lamanya. Perjanjian itu menjadi undang-undang yang sah di Indonesia mulai 01/06/1959, dan tarikh berlakunya ialah mulai 20/01/1962. Orang yang mahu memilih kewarganegaraan Republik Indonesia harus mengisi dan menandatangani sehelai borang dan menyediakannya kepada yang berwajib di suatu Pengadilan Negeri atau kepada yang berwajib di suatu Kedutaan atau Konsulat Republik Indonesia kalau mereka berada di luar negeri. Kalau mereka lalai melakukan pemilihan itu, dengan sendirinya mereka kehilangan kewarganegaraan Indonesiannya dan menjadi orang asing di Indonesia. Mereka yang suka memilih menjadi warganegara Republik Rakyat Tiongkok dapat pergi ke Kedutaan Besar atau Konsulat Republik Rakyat Tiongkok yang berada di Indonesia untuk melakukan pilihannya itu.

Setelah Perjanjian tersebut ditandatangani di Bandung, aku berangkat ke Jakarta dengan kereta api. Aku merasa senang hati dapat

menyumbangkan tenagaku untuk mengerjakan tugas yang berat itu. Untuk ini aku diberi surat penghargaan atas jasa-jasaku oleh Ketua Delegasi Republik Indonesia, iaitu Allahyarham Tuan Sukardjo Wirjopranoto yang dalam tahun enam puluhan menjadi wakil Republik Indonesia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Bab XXX

MENJADI PENSYARAH BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI NANYANG, SINGAPURA

HARI berganti hari, bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun, tahu-tahu tahun 1956 dan 1957 telah lampau; alangkah cepatnya berlalu sang waktu. Dalam dua tahun yang baru lewat itu, ada tiga kejadian yang mustahak bagiku untuk peringatanku, iaitu:

1. Pada 15/03/1966 di Singapura telah didirikan sebuah universiti swasta oleh penduduk Tionghua di seluruh Malaya, termasuk Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Universiti tersebut bernama Universiti Nanyang dan mempunyai tiga fakulti, iaitu Fakulti Sastera, Fakulti Perniagaan dan Fakulti Sains. Bahasa pengantarnya ialah bahasa Mandarin dan sistemnya ialah meniru sistem universiti-universiti di Amerika Syarikat seperti yang berlaku di universiti-universiti di Tionghok pada zaman Pemerintah Nasionalis yang di bawah pimpinan Generalissimo Chiang Kai-sek. Untuk mencapai gelar Sarjana Muda, para mahasiswa/mahasiswi harus belajar di situ empat tahun lamanya dengan lulus dalam ujian-ujian yang diwajibkan. Walaupun Malaya bukan di dalam daerah Republik Indonesia, tetapi kerana aku pernah bekerja di Universiti Nanyang maka perlu kusebutkan di sini.

2. Pada 02/10/1956, aku dan isteriku dianugerahi oleh Tuhan Yang Maha Esa seorang anak perempuan yang kami beri nama Lie Hwic Lan. Dengan lahirnya anakku yang satu-satunya ini, penghidupanku mengalami perubahan yang sangat besar, hal ini akan kuceritakan belakangan.
3. Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka, mencapai kemerdekaan pada 31/12/1957, dan bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan walaupun bahasa Inggeris boleh tetap digunakan sebagai bahasa rasmi selama 10 tahun lamanya.

Pada permulaan tahun 1958, anakku sudah mulai dapat berjalan dan makin lama makin besar. Melihat itu sudah barang tentu aku merasa girang, tetapi hatiku merasa bimbang juga memikirkan hari depanku dan anak isteriku. Pada waktu itu pangkatku di Fakultas Sastera masih tetap, iaitu menjadi Ahli Bahasa Kelas Satu tanpa ada harapan untuk naik pangkat kerana aku tidak membuat penyelidikan ilmiah untuk promosi, hanya gajiku mendapat tambahan tiap tahun sehingga mencapai lebih kurang lapan ratus rupiah tiap bulannya, tetapi inflasi yang terus meningkat menyebabkan tidak cukupnya gajiku untuk menutup belanja hidupku dan keluargaku. Untunglah daripada pembayaran wang kursus daripada murid-muridku, hidupku dengan keluargaku tidak sampai kekurangan, tetapi aku harus berdaya mencari jalan depan yang lapang dan terang untuk kesejahteraanku dan keluargaku; maka aku berkehendak mencari pekerjaan di luar negeri.

Setelah mendengar bahawa Universiti Nanyang telah didirikan dan dibuka di Singapura, aku menghubungi sahabatku yang bernama Liang Lung Kuang. Beliau dahulu pernah menjadi Ketua Kantor Pendidikan di propinsi Hokkien (Fukien) dalam zaman Pemerintah Tiongkok Nasionalis dan mempunyai kenalan yang menjadi Sekjen (Sekretaris Jeneral) Jawatankuasa Universiti Nanyang. P'an Kuo-Ch'u namanya. Aku mohon pertolongan beliau supaya menulis surat kepada Sekjen itu untuk menanyakan sama ada ada kekosongan jawatan lektor bahasa Melayu di universiti itu. Lebih kurang satu bulan lamanya barulah Sekjen itu menjawab surat Tuan Liang Lung Kuang itu. Isinya mengatakan bahawa di universiti itu ada kekosongan untuk lektor bahasa Melayu dan aku dipersilakan

mengajukan surat permohonan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Sudah barang tentu bukan main girangnya hatiku, kerana jikalau aku berhasil dilantik menjadi lektor di sana, tentulah penghidupanku di Singapura akan lebih baik daripada apa yang kualami di Jakarta, kerana nilai dolar Singapura tetap tinggi di dunia antarabangsa. Maka segeralah kukirimkan surat permohonanku bersama-sama beberapa buah buku karanganku kepada Ketua Jawatankuasa Universiti Nanyang di Jalan Jurong, Singapura. Setelah menunggu beberapa bulan lamanya, dalam bulan Ogos, 1958, aku menerima telegram dari universiti tersebut yang isinya menyatakan lamaranku diterima baik dan aku dianjurkan supaya mengajukan permohonan visa ke Singapura kepada Konsulat Jeneral Inggeris di Jakarta (pada waktu itu Singapura masih menjadi jajahan Inggeris). Beberapa hari kemudian, surat perlantikanku menjadi Lektor Bahasa Melayu sampai ke tanganku. Daripada keterangan yang dilampirkan pada surat itu, aku mengetahui bahawa gajiku ditetapkan sebesar lima ratus dolar Singapura tiap bulan dengan diberi tempat tinggal percuma dengan air dan elektrik termasuk di dalamnya, sedangkan tambang kapal dari Jakarta ke Singapura untuk aku dan anak isteriku akan ditanggung oleh universiti tersebut.

Setelah lewat kurang lebih dua bulan lamanya sejak aku mengajukan permohonan visa kepada Konsulat Jeneral Inggeris di Jakarta, visa tersebut dikeluarkan dan aku dengan keluarga diizinkan masuk dan tinggal di Singapura satu tahun lamanya. Visa ini dapat diperpanjangkan tiap tahun jikalau kontrak kerjaku dengan Universiti Nanyang juga diperbarui yang mengikut kebiasaan sistem sekolah atau universiti Tionghua, hanya berlaku satu tahun dengan syarat dapat diperbarui tiap tahunnya.

Kerana semua kontrak kerja bagi para mahaguru, pensyarah, penolong dan sebagainya berlaku satu tahun sahaja, iaitu dari 1 haribulan Januari sampai 31 haribulan Disember, maka surat kontrak bagiku juga cuma berlaku sampai 31/12/1958. Itulah sebabnya ketika aku bertolak ke Singapura dengan kapal terbang Garuda pada 16/10/1958, anak isteriku tidak turut serta. Jadi aku hanya seorang diri saja yang pergi ke Universiti Nanyang. Sebab-sebabnya ialah kontrak itu hanya berlaku 76 hari, dan aku belum tahu sama ada kontrak itu akan diperbaharui satu tahun lagi atau tidak, serta aku tidak mempunyai wang ringgit Singapura. Pada

waktu itu di Indonesia ada *Undang-Undang Depisan* (Currency Laws) yang melarang penduduk Indonesia mengirim wang ke luar negeri dan semua orang yang bertolak ke luar negeri tidak boleh membawa wang rupiah atau wang asing. Kerana aku tidak mempunyai sanak saudara di Pulau Singa itu, maka terpaksa aku berangkat sendirian saja, tetapi aku bermaksud untuk membawa anak isteriku ke Singapura dalam tahun 1959 kalau kedudukanku di Universiti Nanyang sudah terjamin. Selain daripada itu, untuk menjaga kalau-kalau aku tidak mendapat pembaruan kontrak kerja di Universiti Nanyang dalam tahun 1959, aku hanya mohon cuti di luar tanggungan negara, tegasnya tidak menerima gaji, kepada Yang Mulia Menteri Pendidikan Republik Indonesia, melalui Ketua Fakultas Sastera untuk satu tahun lamanya. Dengan demikian aku masih dapat kembali bekerja di Fakultas Sastera, Universitas Indonesia kalau Universiti Nanyang tidak memerlukan perkhidmatanku lagi dalam tahun 1959.

Sebelum aku berangkat, aku telah menulis surat kepada Sekretaris Jawatankuasa Universiti Nanyang untuk memberitahu nama kongsi kapal terbang dan nombor penerbangan yang akan kunaiki serta hari dan waktu tibaku di Lapangan Terbang Paya Lebar di Singapura supaya ada pegawai dari universiti tersebut yang menjemput aku. Mujur juga bagiku kerana beberapa hari sebelum aku berangkat, ada sahabat karibku dari Solo yang mempunyai kenalan baik di Singapura. Aku diberi olehnya sehelai surat untuk disampaikan kepada sahabatnya yang di Singapura itu, isinya meminta kepadanya supaya aku diberi wang lima ratus ringgit Singapura banyaknya. Ini sangat mustahak bagiku kerana aku sangat memerlukan wang untuk perbelanjaan hidup. Selain daripada itu, ketika aku berada di Lapangan Terbang Kemayoran di Jakarta Pusat, ada seorang kawanku yang bekerja di Kantor Imigresen Indonesia; beliau mempunyai wang empat ringgit Singapura yang beliau berikan kepadaku untuk wang saku kerana beliau tahu bahawa aku sama sekali tidak mempunyai wang Singapura. Wang kertas 4 helai dengan satu ringgit masing-masing nilainya itu kubawa masuk ke dalam kapal terbang Garuda tanpa mengalami pemeriksaan pegawai imigresen dan kastam kerana pada hari itu ada banyak pelancong dari Amerika Syarikat yang akan naik kapal Garuda untuk ke Singapura, jadi untuk memberikan kesan yang baik, semua penumpang diizinkan naik ke dalam pesawat terbang

Garuda tanpa mengalami pemeriksaan barang-barang yang dibawanya.

Kalau aku tidak salah ingat, kapal terbang yang kunaiki itu adalah kapal terbang Viscount, kecil tetapi laju terbangnya. Penerbangan antara Jakarta dan Singapura cuma makan waktu dua jam lamanya. Setelah aku turun dari kapal terbang itu di Lapangan Terbang Paya Lebar di Singapura, aku harus melalui Bahagian Imigresen. Pegawai yang memeriksa pasportku adalah seorang suku bangsa India. Dia ramah dan pasportku dicap boleh tinggal sampai 15/10/1959. Lalu aku masuk ke Bahagian Kastam dan berhadapan dengan dua orang pegawai, seorang pemudi Tionghua dan lainnya seorang pemuda Inggeris. Buku-buku yang kubawa diperiksa oleh pemudi itu, sedangkan barang-barang lainnya diperiksa oleh pemuda itu. Orang Inggeris itu agak hairan melihatku dan bertanya kepadaku begini: "Berapa banyak wang yang tuan bawa?" Aku menjawab: "Hanya empat dolar saja." Maka selesailah pemeriksaan itu dan aku boleh keluar dari lapangan terbang. Di luar pintu gerbang sudah ada dua orang yang menyambut aku. Yang seorang ialah Sekretaris Jawatankuasa Universiti Nanyang dan yang seorang lagi ialah Tuan Rashid Manan, lektor bahasa Melayu di universiti itu. Khabarnya dulu dia pernah menjadi Konsul Republik Indonesia di Singapura dan Kuala Lumpur. Dia berasal dari Padang di Sumatera.

Dengan motokar Universiti Nanyang, kami bertiga bertolak ke Jalan Jurong yang letaknya di sebelah barat daya pulau Singapura, lebih kurang 15 batu (24 km) jauhnya dari pusat kota Singapura. Di Batu 7 (Km 11), kami berhenti sebentar untuk makan siang, setelah itu kami meneruskan perjalanan ke Universiti Nanyang. Aku diberi sebuah rumah petak di tingkat bawah sebagai tempat tinggalku. Rumah petak itu terdiri daripada sebuah kamar tidur, sebuah ruang kerja yang sebagiannya diperuntukkan sebagai ruang makan juga dapur, kamar mandi dan tandas, semua lengkap dengan meja kerusi dan tempat tidur, tetapi cawan, mangkuk, piring, sendok, garpu, pisau tidak ada; dapur (stove) juga tidak disediakan. Untunglah aku sudah diberi makan siang, jadi masih ada waktu untuk cari tahu cara bagaimana aku harus mengatur makan makanku tiap hari. Tuan Rashid Manan yang tinggal di rumah petak di sebelahku memberi nasihat kepadaku supaya berlanggan makanan pada kantin universiti yang juga menyediakan makanan

tiga kali sehari bagi para mahasiswa/mahasiswi yang tinggal di asrama universiti.

Maka pergilah aku ke kantin tersebut dan bertemu dengan pengelolanya untuk meminta berlanggan makan siang dan malam mulai dari 16/10/1958. Ia bersetuju untuk menghantarkan makanan ke rumah petakku mulai petang hari dari tarikh tersebut dan mengizinkan aku membayar wang langganan pada hari pertama tiap bulannya. Aku hanya berlanggan untuk makan siang dan malam sahaja. Untuk makan pagi aku membeli roti daripada penjual yang tiap petang datang mengunjungi penghuni-penghuni di rumah-rumah petak itu untuk menerima pesanan barang atau bahan makanan yang diperlukan oleh mereka. Biasanya ada dua atau tiga penjual dari Batu 16 di Jalan Jurong yang datang mengunjungi kami. Aku memilih salah seorang di antaranya dan memesan roti, mangkuk, pinggan, cawan, senduk, garpu dan dapur serta teh dan kopi untuk keperluan hidupku di Universiti Nanyang. Aku diperbolehkan membayar harga-harganya pada tiap akhir bulan kerana pada hari tersebut Universiti Nanyang membayar gaji kepada semua pegawainya.

Keesokan harinya aku mengunjungi Ketua Jawatankuasa Universiti Nanyang, Dr. Chang Tien-tse namanya. Beliau bertugas sebagai Presiden Universiti Nanyang kerana Presidennya yang pertama, Dr. Lin Yu-t'ang, telah minta berhenti kerana perselisihan faham dengan Badan Pengurus Universiti Nanyang. Oleh kerana itu Jabatan Presiden ditiadakan untuk sementara waktu dan sebagai gantinya diadakan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa ahli dan dipimpin oleh seorang ketua. Dr. Chang Tien-tse adalah bekas mahasiswa di Universiteit van Leiden di Holland. Setelah itu aku mengunjungi Ketua Bahagian Pelajaran, Tuan Cheng Chung-nan, untuk merundingkan kelas-kelas mana yang harus kupegang untuk mengajar bahasa Melayu. Pada waktu itu bahasa Melayu hanya sebagai salah satu mata pelajaran yang boleh dipilih oleh para mahasiswa/mahasiswi secara mana suka; dalam bulan Oktober 1958 itu ada lebih kurang empat ratus mahasiswa/mahasiswi yang memilih Bahasa Melayu Tingkat Satu. Mereka itu dibagi dalam lapan kelas dan aku diberi tugas mengajar empat kelas sisanya empat kelas tetap dipegang oleh Tuan Rashid Manan.

Bahasa Melayu termasuk sebagai salah satu mata pelajaran dalam Departemen/Jurusan Bahasa-Bahasa Moden yang diketuai

oleh Profesor Jen T'ai yang mengajar bahasa dan sastera Inggeris. Untuk memberi selamat datang kepadaku, beliau menjamu aku makan di sebuah restoran di bandar Singapura. Kami ditemani oleh Tuan Rashid Manan yang membawa kami dengan motokarnya pulang-pergi. Ini adalah suatu kebiasaan di universiti-universiti di Tiongkok, Hong Kong, Taiwan dan Singapura.

Waktu aku meninjau perpustakaan Universiti Nanyang, terlihat olehku sebuah kedai buku kecil yang terletak di bahagian bawah gedung perpustakaan itu. Itulah cawangan City Bookstore yang di bandar Singapura. Pengelolanya adalah seorang Tionghua peranakan Singapura yang pandai bercakap Melayu. Kami saling belajar kenal dan dia menawarkan pertolongannya kepadaku untuk membawa aku dengan mobilnya ke bandar Singapura untuk menemui kawan sahabatku yang diminta tolong oleh kawan karibku di Solo untuk memberi wang lima ratus ringgit Singapura kepadaku. Hal ini berjalan dengan lancar dan ketika aku balik ke Nanyang Univeristi dengan naik bas, dalam sakuku sudah tersimpan wang sebanyak itu, cukup untuk membayar segala sesuatu yang telah kubeli dan sisanya yang masih banyak dapat kubuat persediaan pembelian pakaian dan sebagainya.

Tiga hari setelah aku tiba di Universiti Nanyang, lebih kurang pada tengah hari, datanglah beberapa mahasiswa ke rumah petaku untuk belajar kenal dan menyatakan kepadaku bahawa mereka adalah peminat bahasa dan sastera Melayu; di antaranya adalah Sdr. Lim Huan Boon, Sdr. Goh Chu Ging, Sdr. Yang Kwee Yee, Sdr. Tan Ta Seng dan Sdr. Yen Ch'ing Huang. Mereka sudah tahu akan namaku kerana ketika Sdr. Lim Huan Boon ikut rombongan mahasiswa Malaya (termasuk Singapura) yang datang ke Indonesia untuk menyaksikan Persidangan Asia-Afrika di Bandung sebagai pemerhati, terlihat olehnya di kedai buku Tionghua di Jakarta buku-buku karanganku yang berjudul Kitab Bacaan dan Tata Bahasa Bahasa Indonesia, Buku Pertama sampai Buku Ketiga. Maka dibelinya dan dibawanya balik ke Singapura untuk dipelajarinya sehingga dia dapat menyusun sebuah buku yang berjudul Pantun Melayu yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Dia juga berhasil menyusun sebuah Kamus Melayu-Tionghua yang sangat berguna bagi para peminat bahasa Melayu. Menurut cerita Sdr. Lim dan kawan-kawannya, dalam tahun 1957 mereka mendesak perkumpulannya yang bernama *Nanyang*

University Students' Union supaya mengusulkan kepada yang berwajib di Universiti Nanyang supaya bahasa Melayu ditetapkan sebagai suatu mata pelajaran fakultatif. Melihat bahasa Melayu telah ditetapkan menjadi Bahasa Kebangsaan di Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencapai kemerdekaan pada 31/08/1957, Jawatankuasa Universiti Nanyang menerima baik usul itu dan sejak permulaan tahun pelajaran 1958, bahasa Melayu telah dijadikan mata pelajaran fakultatif di Fakulti Sasteranya.

Bab XXXI

DARI SINOLOGI KE INDOLOGI

SINOLOGI adalah pengajian tentang bahasa, sejarah (politik dan kebudayaan), adat resam dan kesenian Tionghua, sedangkan *Indologi* adalah pengajian tentang bahasa, sejarah (politik dan kebudayaan), adat resam dan kesenian Hindia (terutama Hindia Belanda yang sekarang terkenal sebagai Indonesia, termasuk juga bahasa dan sastera Melayu klasik). Setelah aku dilantik menjadi pensyarah bahasa Melayu di Universiti Nanyang di Singapura, aku hanya memberi kuliah tentang bahasa dan sastera Melayu Semenanjung. Aku tidak mengajar bahasa dan sastera Tionghua lagi. Malupun dulu sebagai mahasiswa di Fakultas Sastera Universitas Indonesia di Jakarta aku mengambil ilmu *Sinologi* sebagai teras mata pelajaranku, tetapi aku juga mengambil ilmu *Indologi* sebagai mata pelajaran tambahan, jadi pernah juga mengaji bahasa dan sastera Melayu kuno atau klasik. Maka untuk menjalankan tugasku sebagai pensyarah Bahasa dan Sastera Melayu Semenanjung, aku hanya harus mengkaji bahasa dan sastera Melayu moden dengan menggunakan majalah-majalah, surat-surat khabar, novel-novel dan cerpen-cerpen serta sajak-sajak Melayu yang diterbitkan di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Selain daripada itu, aku

tidak perlu membuka kursus-kursus malam, kerana gajiku lebih daripada cukup dan tidak akan ada orang yang mahu belajar bahasa Melayu atau Mandarin pada waktu malam. Penduduk Tionghua di Singapura pada umumnya sudah faham bahasa Tionghua dan bahasa Melayu belum popular di Pulau Singa itu, apalagi letaknya Universiti Nanyang di Batu 15 di Jalan Jurong, jauh dari pusat bandar Singapura. Maka selain mengajar 12 jam seminggu, aku dapat bertekun mempelajari bahasa dan sastera Melayu moden yang berbeza daripada bahasa dan sastera Indonesia.

Pada tahun lima puluhan itu, buku-buku pelajaran bahasa Melayu di Singapura dan Malaya juga masih sangat sedikit dan tidak ada yang sesuai untuk digunakan di universiti yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Maka terpaksa aku mulai mengarang bahan-bahan pelajaran bahasa Melayu untuk kuajarkan kepada para mahasiswa/mahasiswi yang di bawah pimpinanku. Bahan-bahan itu kustensil dan kubagi-bagikan kepada mereka. Lama-kelamaan menjadi banyak dan aku berdaya untuk mencari penerbit yang mahu menerbitkannya menjadi buku, tetapi aku harus mempunyai sahabat yang dapat memperkenalkan aku kepada penerbit yang boleh dipercayai. Pada waktu itu aku belum kenal banyak orang, tetapi ketika aku mengunjungi Konsulat Jeneral Republik Indonesia di Singapura, aku berjumpa dengan dua orang bekas mahasiswaku, Sdr. Kartiman Prijatno yang menjadi Konsul Muda dan Sdr. Djoko Hartono yang menjadi Ketua Bagian Pencerangan Konsulat Jeneral Republik Indonesia di Singapura. Juga aku dikenalkan kepada seorang Tionghua yang bekerja di Bagian Imigresen di kantor itu, Sdr. Lian Ie Ping namanya. Ia adalah kenalan baik kawanku yang bekerja di Kantor Imigresen di Jakarta. Konsul muda tersebut baik sekali dan pernah menjamu aku makan di Restoran Moi Chin yang masakan cara Indonesianya enak sekali. Dengan demikian aku tidak merasa sangat kesepian walaupun aku selalu rindu akan anak dan isteriku yang masih kutinggalkan di Jakarta.

Aku juga ingin berkenalan dengan Pendeta Zainal Abidin bin Ahmad yang terkenal dengan nama Za'ba. Pada waktu itu beliau menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya yang masih bertempat di Singapura. Ketika aku masih menjadi mahasiswa di Fakultas Sastera Universitas Indonesia, aku sudah mengenal nama beliau kerana aku membaca dua buah makalahnya yang

berjudul *Modern Developments* (termuat dalam JMBRAS, Vol. XVII, Part III, 1939) dan *Recent Malay Literature* (dalam JMBRAS, Vol. XIX, Part I, 1941). Kedua-dua makalah tersebut merupakan sumber yang mustahak bagi pengetahuanku tentang sastera Melayu moden. Dengan bantuan Sdr. Djoko Hartono, aku dapat diterima oleh Pendeta Za'ba pada waktu petang dalam bulan November, 1956. Aku dibawa dengan motokar kepunyaan Sdr. Djoko Hartono yang juga menemani aku waktu aku tukar-menukar fikiran dengan Pendeta Za'ba di pejabatnya di universiti tersebut. Sebagai tanda mata, kupersembahkan kepada beliau sebuah bukuku, Kitab Bacaan dan Tatabahasa Bahasa Indonesia, Jilid Tiga yang bahagian bacaannya terdiri daripada petikan-petikan daripada kesusasteraan Melayu kuno dan kesusasteraan Indonesia. Tak beberapa lama setelah pertemuan itu, beliau dalam bulan Januari 1959 bersara dan kembali ke Kuala Lumpur.

Aku juga dapat berjumpa dengan Nona Kho Lian Tie yang dalam tahun 1950 sudah lulus Ujian Sarjana Muda Sinologi di Fakultas Sastera Universiti Indonesia dan yang sekarang bekerja di Bahagian Perpustakaan Universiti Malaya di Singapura. Kerana pertemuan-pertemuan tersebut, menyebabkan aku berbesar hati dan menaruh pengharapan yang baik bagi hari depanku.

Pernah kusebutkan bahawa di Universiti Nanyang ada sebuah perkumpulan mahasiswa/mahasiswi yang diberi bernama *Nanyang University Students' Union*. Perkumpulan itu tiap bulan menerbitkan *Mimbar Universiti* dalam bahasa Mandarin dan satu lagi dalam bahasa Inggeris. Entah apa sebabnya setelah aku menjadi pensyarah di universiti itu, Badan Pengurus Perkumpulan tersebut mengutus Sdr. Lim Huan Boon dan satu atau dua orang lainnya untuk minta aku memperbaiki makalah-makalah yang ditulis dalam bahasa Melayu oleh beberapa ahlinya untuk disiarkan dalam *Mimbar Universiti* yang dalam bahasa Melayu. Pekerjaan ini memerlukan kesabaran kerana para penulisnya belum berpengalaman mengarang dalam bahasa Melayu. Jadi aku terpaksa mesti menyusun semula kalimat-kalimat yang salah susunannya, tetapi aku senang hati mengerjakan pekerjaan itu. Oleh kerana itu aku mendapat penghargaan daripada Badan Pengurusnya dan juga daripada para penulisnya. Mengapa sebelum aku datang di Universiti Nanyang mereka tidak minta tolong kepada Tuan Rashid Manan untuk melakukan pekerjaan tersebut. Pada hematku sebabnya yang utama

mungkin kerana ia tidak mengerti bahasa Mandarin, jadi agak susah untuk bertukar fikiran melalui bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Tapi bagaimana jua pun, aku telah dapat menyumbangkan tenaga dan kepandaianku kepada perkumpulan tersebut dan secara tidak langsung aku juga membantu mengharumkan nama Universiti Nanyang.

Di Universiti Nanyang juga ada harapan naik pangkat. Jikalau aku dapat menerbitkan buku yang bersifat ilmiah, maka pangkatku sebagai pensyarah dapat dinaikkan menjadi Mahaguru Madya (Associate Professor) setelah karya itu dianggap berharga oleh sebuah jawatankuasa yang diadakan oleh universiti untuk mempertimbangkan segala permohonan naik pangkat; seterusnya daripada Mahaguru Madya dapat dinaikkan menjadi Mahaguru (Professor) dengan melalui cara yang seperti tersebut di atas.

Kerana gaji cukup dan harapan hari depan baik, maka kubulatkan tekadku untuk bekerja di Universiti Nanyang dan pengajian ilmuku kualihkan dari *Sinologi* ke *Indologi* supaya aku berhasil menerbitkan buku-buku tentang bahasa dan sastera Melayu yang ilmiah sifatnya. Dekat akhir Disember 1958, kontrak kerjaku di universiti tersebut diperpanjangkan satu tahun dan kerana libur hari Natal dan tahun baru sudah dimulai yang akan berlangsung lebih kurang satu bulan lamanya, maka aku mohon izin kepada yang berwajib di Universiti Nanyang untuk pulang ke Jakarta selama libur tersebut. Kalau tidak salah ingat, pada 20/12/1958, selagi hujan lebat, aku naik kapal terbang Garuda terbang pulang ke Jakarta dan bertemu semula dengan anak dan isteri serta sanak saudara lainnya.

Bab XXXII

MULAI MENERBITKAN BUKU-BUKU TENTANG BAHASA MELAYU

PADA pertengahan bulan Januari 1959, aku terbang balik ke Singapura untuk meneruskan pekerjaanku sebagai Pensyarah Bahasa Melayu di Universiti Nanyang. Kali ini anak dan isteriku juga belum dibawa ke Singapura kerana keadaan kewanganku di Kota Singa pu masih sangat lemah dan juga kerana isteriku bekerja menjadi guru di Jakarta. Kalau mahu minta berhenti seharusnya memberitahu kepada Badan Pengurus Sekolahnya secepatnya tiga bulan lebih awal. Oleh kerana aku merasa senang hati bekerja di Singapura yang makmur dan aman, maka aku berencana untuk membawa mereka dalam bulan Ogos 1959, iaitu pada permulaan Penggal Kedua. Jadi masih ada masa lebih kurang tujuh bulan lamanya, cukup waktunya untuk memohon pasport dan visa untuk mereka dan aku pun pada waktu itu mungkin sudah dapat menabung wang dua atau tiga ribu ringgit banyaknya.

Pengkajianku tentang bahasa dan sastera Melayu moden sedang berlangsung dan masih akan makan banyak waktu lagi untuk dapat menghasilkan apa-apa yang boleh diterbitkan. Sementara itu dengan bantuan beberapa mahasiswa yang mendirikan semacam badan penerbitan, aku dapat menerbitkan dua jenis buku kecil: Ilmu Bunyi

Bahasa Melayu dan Tatabahasa Melayu Jilid Pertama yang semuanya dapat diterbitkan pada awal tahun 1959 setelah aku balik dari Indonesia dalam bulan Januari tahun yang sama.

Sementara itu Sdr. Lim Huan Boon dan kawan-kawannya telah memperkenalkan aku kepada Tuan Tan Yock Siong yang pernah belajar di Universiti Amoy dan mendapat gelar B.A. Ia terkenal dalam dunia penerbitan di Singapura kerana pernah menjadi Ketua *The South Seas Society of Singapore* yang menerbitkan *Journal of the South Seas Society* yang isinya bersifat ilmiah. Kami sering mengadakan pertemuan dan bersetuju untuk bekerjasama dalam hal menerbitkan satu siri buku pelajaran bahasa Melayu. Aku ditugaskan menyusun naskhahnya dan dialah yang akan mengurus pencetakannya di Hong Kong. Lebih kurang dua bulan lamanya naskhah itu sudah dapat kuselesaikan dan kuberi nama Bahasa Melayu Modern (Jilid Pertama). Pada waktu itu libur musim panas sudah tiba, maka sebelum aku terbang pulang ke Jakarta untuk mengatur perpindahan anak dan isteriku ke Singapura, naskhah itu kuserahkan kepada Tuan Tan Yock Siong untuk dikirim ke Hong Kong untuk dicetak.

Libur musim panas itu memakan waktu dua bulan lamanya. Sebetulnya tempoh itu sudah cukup untuk memohon visa bagi anak dan isteriku untuk masuk ke Singapura dan mengatur pembelian tiket kapal terbang dan suntikan cacar untuk mereka serta penyerahan rumah yang kusewa di Jakarta kepada mentuaku dengan meminta persetujuan daripada tuan tanahnya, tetapi untuk mendapatkan pasport untuk anak dan isteriku ada aturan baru, iaitu aku harus minta Surat Kewarganegaraan Republik Indonesia untuk kami sekeluarga dengan mengajukan permohonan yang harus disertai dengan Surat-surat Kelahiran di Indonesia kepada Pengadilan Negeri di Jakarta. Dulu dalam bulan Julai 1958, ketika aku memohon pasport kerana hendak ke Singapura untuk bekerja di Universiti Nanyang, dengan Surat Kelahiran di Indonesia saja sudah cukup. Kerana itu waktu libur dua bulan itu tidak cukup. Aku terpaksa minta cuti istimewa kepada Universiti Nanyang 15 hari lamanya. Jadi kami sekeluarga yang seharusnya pada 31/08/1959 sudah harus tiba di Singapura, terpaksa diundurkan setengah bulan lagi. Akhirnya pada 15/09/1959, kami bertiga baru dapat terbang ke Singapura. Pada waktu itu anakku satu-satunya baru berumur 3 tahun kurang 20 hari.

Mujurlah bagiku kerana bahasa Melayu sudah ditetapkan menjadi Bahasa Kebangsaan di Singapura sejak negara Singapura berdiri dengan rasminya pada 03/06/1959, kerana itu semangat mempelajari bahasa Melayu di Singapura meningkat, terutama di kalangan pemuda-pemudi serta guru-guru. Maka buku-buku kecil yang tersebut di atas, ditambah dengan terbitnya bukuku Bahasa Melayu Moden (Jilid Pertama), laris seperti kuih dan terjual habis dalam masa yang singkat. Sayangnya royalti yang kuterima tidak banyak dan aku tidak berhak memeriksa butir-butir penjualan dan penerimaan serta pengeluaran wang yang berada di tangan penerbit, sehingga keuntungan yang sebenarnya tak dapat kuketahui dan hal ini sangat mengecewakan hatiku. Pada waktu itu aku sudah berkenalan dengan Prof. Hsu Yun-ts'iao yang menjadi mahaguru sejarah merangkap Ketua Lembaga Penyelidikan Lautan Selatan di Universiti Nanyang. Beliau banyak menerbitkan buku dan menurut pengalamannya, lebih baik kalau hakcipta dijual saja kepada penerbit dengan mendapat pembayaran sekaligus yang agak besar, manakala penulisnya masih terus dapat mengarang buku baru untuk dijual lagi hakciptanya. Jadi penulisnya tidak perlu risau hati tentang royalti yang acapkali menjadi permainan penerbit-penerbit yang tidak jujur.



Drs. Li dengan keluarganya di tempat tinggalnya di kampus Universiti Nanyang, Singapura (1960).

Kerana di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura pada tahun 1960 itu belum ada buku tatabahasa Melayu dalam bahasa Mandarin sebagai pengantarnya, maka aku bertekun mengarangnya dan dalam bulan September 1960, aku sudah dapat menyelesaikan naskahnya dan hakciptanya kujual kepada The Youth Book Company di Singapura. Buku Tatabahasa Melayu itu mengandungi 344 muka surat dan dapat kubanggakan sebagai buku Tatabahasa Melayu yang paling lengkap pada waktu itu. Buku itu juga laku sekali dan telah diulang cetak beberapa kali.

Dengan berdirinya Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan di Singapura pada 12/05/1960, di bawah pimpinan Profesor Dr. Slamet Muljana dari Indonesia, semangat belajar bahasa kebangsaan di Singapura bertambah meningkat dan aku juga lebih bergiat mengarang buku-buku untuk bacaan tambahan bagi para peminat bahasa Melayu yang ingin menambahkan kebolehannya dalam bahasa kebangsaan. Dalam tahun 1960 itu juga telah diterbitkan tiga macam buku bacaan tambahan dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu sekali dengan bahasa Mandarin (dwibahasa), judulnya ialah Cerita-cerita Tiongkok, Bahagian I (Mac 1960), Bahagian II (Oktober 1960) dan Cerita-cerita Indonesia (November 1960). Hakciptanya semuanya kujual kepada The Shanghai Book Company di Singapura. Dalam bulan Februari 1961, aku berjaya menyelesaikan naskah Belajar Bercakap Melayu, juga dalam dua bahasa (bahasa Melayu sekali dengan bahasa Mandarin), semua sekali terdiri daripada 170 muka surat dan hakciptanya kujual kepada The World Book Company di Singapura.

Perlu kuterangkan di sini bahawa tesisku yang berjudul Sejarah Perguruan Orang Tionghua Perantau di Indonesia, 1729-1951 yang bertulis dalam bahasa Mandarin, dengan perantaraan Tuan Tan Yock Siong yang tersebut di atas, dapat diterbitkan dalam *Journal of the South Seas Society*, Vol. XV, Part I (muka surat 1-14), Singapore, June 1959 dan Part II (muka surat 19-44), Singapore, December 1959. Bab I dan Bab II tesis itu yang kuterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia pernah dimuat dalam majalah bulanan Pantjawarna di Jakarta dari Nombor 60 sampai Nombor 64 (dari bulan September 1953 sampai bulan Januari 1954). Ada lagi makalahku dalam bahasa Mandarin yang berjudul Riwayat Pendek Orang Tionghua Perantau di Indonesia, dapat pula dimuat dalam bulanan bahasa Mandarin, Nanyang Wenchi, Vol. I, No. 12 (muka surat 42-57), Hong Kong, Disember, 1960.

Bab XXXIII

KUNJUNGAN ASRAF DAN ABDULLAH HUSSAIN KEPADAKU

SEMENTARA itu, dengan perantaraan Sdr. Lim Huan Boon, pada lebih kurang akhir tahun 1959, dalam satu pertemuan semasa perayaan berdirinya sebuah *Sociological Society* di Singapura, aku diperkenalkan kepada Sdr. Asraf yang menjadi Pengarang Bagian Bahasa Melayu, Oxford University Press, East Asian Branch di Kuala Lumpur. Dalam pertemuan itu, ada kupersembahkan kepadanya sebuah bukuku yang berjudul *Kitab Batjaan dan Tatabahasa Indonesia*, Jilid III. Aku juga diperkenalkan oleh Sdr. Lim Huan Boon dan Sdr. Goh Choo Ging kepada Sdr. Usman Awang (Datuk — nama penanya Tongkat Warrant) yang kebetulan berada di Singapura, mungkin sedang meninjau sanak keluarganya yang masih di Singapura. Pada waktu itu beliau bekerja di Utusan Melayu Press di Kuala Lumpur sebagai Pengarang Utusan Zaman (mingguan) dan Mastika (bulanan).


Di Singapura, pertama-tama aku menggunakan nama pena Li Chuan Shou, ini mengikut ejaan *Sistem Wade* untuk bahasa Mandarin; kemudian aku menggunakan nama pena Li Chuan Siu, mengikut ejaan Melayu yang berlaku pada waktu itu. Kerana makalah dan buku-buku tersebut, namaku mulai terkenal

di kalangan orang terpelajar dalam masyarakat di Singapura, terutama di kalangan pemuda-pemudi Tionghua yang menjadi peminat bahasa dan sastra Melayu. Tetapi di luar dugaanku, ada juga orang Melayu yang menaruh penghargaan kepada karyaku ketika pada lebih kurang awal tahun 1960, Sdr. Asraf, Pengarang Bahagian Bahasa Melayu tersebut dan Sdr. Abdullah Hussain, salah seorang penulis daripada Angkatan Sasterawan 50, mengunjungi aku di kampus Universiti Nanyang.

Setelah Sdr. Abdullah Hussain diperkenalkan kepadaku dan setelah kami beramah-ramahan, Sdr. Asraf menerangkan kepadaku maksud kunjungannya itu. Maksudnya ada dua, yang pertama ialah aku ditawarkan pekerjaan menterjemahkan sebuah novel Tionghua, *Fou Sheng Iau Chi* (Enam Peringatan Dalam Penghidupan Yang Terumbang-ambing), yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Shirley M. Black dengan judul *Chapters From A Floating Life*. Aku diminta oleh Sdr. Asraf supaya mendasarkan terjemahanku pada terjemahan dalam bahasa Inggeris itu. Maksud yang kedua adalah soal yang lebih mustahak: Sejak 01/06/1957, Asraf menjadi Pengarang Bahagian Bahasa Melayu di Oxford University Press Cawangan Asia Timur yang dalam bulan Ogos 1957, telah dipindahkan dari Singapura ke Kuala Lumpur. Pengelola Oxford University Press, Tuan R. E. Brammah, telah menyetujui rencana Asraf untuk menerbitkan buku-buku kursus bahasa Melayu dan buku-buku bacaan tambahan peringkat rendah dan menengah. Tetapi kerana pada waktu itu sukar untuk mendapatkan penulis untuk kursus bahasa Melayu, maka rencana ini ditangguhkan dahulu, hanya rencana penerbitan bacaan tambahan saja yang dapat dilaksanakan oleh Asraf sendiri dengan menterjemahkan novel kecil Inggeris *The Crocodile Dies Twice* ke dalam bahasa Melayu sebagai langkah permulaan dengan judul Buaya Mati Dua Kali. Terjemahan itu terbit dalam tahun 1958 dan termasuk dalam Siri Pustaka Pena Mas. Ternyata buku itu mendapat sambutan yang hangat daripada para pembacanya. Kemudian Asraf menerbitkan beberapa karya yang agak berat isinya dan dimasukkannya ke dalam Siri Sastra Timur dan Barat. Di antaranya ialah Mekar dan Segar (mengandungi 17 cerpen karya penulis-penulis yang tergolong dalam ASAS 50) yang terbit dalam tahun 1959. Akhirnya Asraf dapat menemukan seorang penulis muda, Daud Baharum namanya, yang bekerjasama dengan Cikgu Karim Shariff, seorang pegawai



Drs. Li dan keluarganya berkunjung ke Kuala Lumpur atas undangan Oxford University Press. Foto ini diambil di depan Hotel Majestic (1961)



Drs. Li dan keluarga berkunjung ke Melaka atas undangan Jawatankuasa Bazar Babesca Melaka (1962). Foto ini diambil di depan Rumah Roshah Melaka

Perkhidmatan Pelajaran Persekutuan. Mereka berhasil menyusun naskah pelajaran bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar Melayu dalam Tingkat Satu di Sekolah Menengah Melayu. Untuk menyempurnakan isi dalam naskah itu, Asraf minta aku mengkajinya dan membuat perbaikan, pembetulan, tambahan dan sebagainya yang dirasakan perlu. Berikutnya akan diterbitkan buku kedua dan ketiga, merupakan satu siri buku pelajaran bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar yang akan memasuki peperiksaan Bahasa Melayu Tingkat III atau Sijil Rendah Pelajaran Persekutuan.

Aku sangat terharu mendengar maksud Sdr. Asraf minta bantuan aku, seorang Sarjana Sastra keturunan Tionghua, untuk memperbaiki isi naskah pelajaran bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Melayu dan aku pun insaf bahawa buku-buku pelajaran bahasa Melayu pada permulaan tahun enam puluhan masih agak kolot isi dan susunannya, maka dengan sertamerta kuterima baik kedua-dua permintaan Sdr. Asraf itu. Terjemahan ke dalam bahasa Melayu buku *Chapters From A Floating Life* dapat kuselesaikan dalam masa enam bulan. Atas usulku, Oxford University Press di Kuala Lumpur memilih judul *Hidup Bagaikan Mimpi* sebagai judul terjemahan tersebut yang dapat diterbitkannya lebih kurang dalam pertengahan tahun 1961, dan kalau aku tidak salah ingat, Sdr. Usman Awang telah membuat sebuah ulasan dalam Berita Harian tentang terjemahanku itu.

Tentang mengkaji naskah pelajaran bahasa Melayu itu ternyata bukanlah pekerjaan yang mudah dan ringan. Banyak sekali tenaga dan fikiran yang kugunakan untuk memperbaiki isinya supaya tidak sampai ada kesalahan besar, terutama mengenai bahagian tatabahasanya yang berdasarkan tatabahasa bahasa Indonesia yang sudah mencapai banyak kemajuan. Kerana masih muda dan belum banyak pengalamannya, Sdr. Daud Baharum yang menyusun sebahagian besar naskah itu, masih kurang teliti dalam penyusunannya sehingga di sana sini terdapat kekeliruan, bahkan kadang-kadang terdapat kekeliruan yang sangat besar, misalnya dalam hal penggunaan akhiran *-kan* dan *-i* pada kata 'menidurkan' dan 'meniduri' yang perbezaan ertinya seperti perbezaan antara langit dan bumi. Tetapi dengan sabar dan tekun kukerjakan pekerjaan tersebut sampai tiga bulan lamanya baru selesai, lalu naskah yang sudah kuperbaiki itu kukirinkan kepada Sdr. Asraf di Kuala Lumpur. Kerana hampir tiap muka surat ada perbaikan atau

pembetulan, kadang-kadang juga ada tambahan, maka dengan adil Sdr. Asraf mengusulkan kepada Sdr. Karim Shariff, Sdr. Daud Baharum dan juga kepadaku, hendaknya naskhah itu diterbitkan jadi buku atas nama kami tiga orang sebagai penyusunnya dan judul buku itu hendaknya dinamakan Bahasa Melayu Hari Ini Buku 1. Setelah kami bertiga bersetuju dengan usul itu dan menandatangani surat perjanjian hal penerbitan dan royalti, maka Buku 1 itu terbit lebih kurang dekat akhir tahun 1961, jadi siap untuk digunakan di sekolah-sekolah menengah Melayu pada awal tahun 1962. Seterusnya Buku 2 terbit dalam tahun 1962 dan Buku 3 terbit dalam tahun 1963. Sambutan guru-guru di sekolah-sekolah menengah Melayu cukup memuaskan, sehingga buku-buku tersebut dapat diulang cetak beberapa kali. Maka maksud Sdr. Asraf untuk menerbitkan buku pelajaran bahasa Melayu yang baik susunannya dan yang sesuai dengan perkembangannya kerana perubahan zaman boleh dikatakan tercapai dengan memuaskan.

Bab XXXIV

NAIK PANGKAT MENJADI PROFESOR MADYA

SEKARANG baiklah aku kembali dulu kepada soal cutiku di luar tanggungan negara satu tahun lamanya, iaitu dari 01/08/1958 hingga 31/07/1959. Kerana beratnya rasa tanggungjawabku terhadap anak dan isteriku dan pendeknya kontrak bekerja di Universiti Nanyang yang harus diperbaharui tiap awal tahun, aku tidak berani minta berhenti dari Fakultas Sastera Universitas Indonesia. Maka dalam bulan Julai 1959, aku terpaksa mengajukan permohonan memperpanjang cuti itu untuk satu tahun lagi, iaitu sampai 31/07/1960. Ketua Lembaga Sinologi, Prof. Dr. Tjan Tjoe Som dan Ketua Fakultas Sastera, Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem, menaruh simpati kepada keadaan yang sedang kuhadapi, maka mereka menyetujui permohonanku dan menyampaikannya kepada Yang Mulia Menteri Pendidikan Republik Indonesia dengan usulnya yang menyatakan tidak berkeberatan atas permohonanku tersebut, oleh kerana itu permohonanku tersebut diluluskan.

Ketika masa cuti tersebut sudah hampir habis, aku sudah yakin bahawa kedudukanku di Universiti Nanyang sudah cukup sentosa kerana semangat belajar bahasa Melayu oleh mahasiswa/mahasiswi di universiti itu dan pemuda-pemudi di Singapura dan

di Persekutuan Tanah Melayu tetap hebat dan buku-bukuku yang diterbitkan di kedua-dua negara itu tidak sedikit jumlahnya dan mendapat pasaran yang baik. Jadi menurut teori, Universiti Nanyang akan tetap memerlukan tenaga untuk mengajar di situ kerana pada waktu itu untuk mendapatkan seorang Sarjana Sastera yang faham bahasa Mandarin, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah suatu hal yang sangat tidak mudah. Tetapi aku selalu berdoa semoga Tuhan Yang Maha Esa memberkati kami sekeluarga dalam kehidupan kami di Singapura.

Doaku tersebut tentulah didengar dan dikabulkan oleh Tuhan Yang Maha Esa kerana permohonanku kepada Universiti Nanyang untuk naik pangkat daripada pensyarah kepada Mahaguru Madya (Associate Professor) telah diluluskan berdasarkan karya-karyaku yang telah diterbitkan di Singapura dan di Kuala Lumpur. Maka sejak 16/10/1961, iaitu setelah genap tiga tahun bekerja di universiti itu, aku dengan rasmi menjadi Mahaguru Madya dalam Bahasa dan Sastera Melayu. Gajiku pun dinaikkan daripada RM500 menjadi RM600 tiap bulan.

Untuk mencukupi keperluan pelajar-pelajar dan pemuda-pemudi Tionghua di Singapura yang menaruh minat kepada bahasa Melayu, kususunkan satu siri buku pelajaran bahasa Melayu yang lebih baik, Pembimbing Bahasa Melayu namanya. Buku 1 terbit dalam bulan Mac 1962 dan Buku 2 terbit dalam bulan Mac 1963. Hakcipta-hakciptanya kujual kepada The World Book Company di Singapura.

Bab XXXV

AKIBAT BERDIRINYA MALAYSIA TERHADAP DIRIKU

SELAGI penghidupan kami sekeluarga di Singapura mengalami kesejahteraan, tiba-tiba timbul persoalan Ganyang Malaysia oleh allahyarham Presiden Soekarno yang mengakibatkan kami sekeluarga menderita kesukaran untuk tinggal di Singapura dan terpaksa pindah ke Sydney di Australia. Duduknya perkara begini.

Ketika pada 26/05/1961, Tunku Abdul Rahman dijamu makan tengah hari oleh Persatuan Wartawan Asing di Singapura, tiba-tiba beliau menyatakan tentang Gagasan Melayu Raya atau Malaysia. Aku tidak merasa bahawa Presiden Soekarno dari Republik Indonesia akan menentangnya kerana pada waktu itu Republik Indonesia sedang sibuk dengan soal menuntut dikembalikan Irian Barat dari tangan pemerintah Belanda. Sambutan hangat oleh Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, terhadap gagasan tersebut memungkinkan diadakan perundingan tentang dasar-dasar pencantuman antara wakil-wakil Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Dalam perundingan yang diadakan pada 23/08/1961 dan 14/09/1961, terbentuklah suatu Jawatankuasa Kerja Bersama yang ditugaskan untuk menguruskan butir-butir pencantuman.

Mengenai Sabah, Brunei dan Sarawak, pada mulanya para



Drs. Li dengan isteri dan anak bergambar di kampus Universiti Nanyang, Singapura (1962).

pemimpinnya merasa khawatir kalau-kalau percantuman negeri-negeri itu dengan Persekutuan dan Singapura dalam Malaysia nanti bererti penguasaan Sabah, Brunei dan Sarawak oleh orang-orang Melayu di Persekutuan yang ingin menggunakan kekuasaan ini untuk mengimbangi kedudukan Singapura dalam negara Malaysia. Tetapi setelah wakil-wakilnya hadir dalam Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel yang diadakan di Singapura pada 21-22/07/1961, mereka itu agaknya tertarik oleh dalil-dalil yang dikemukakan oleh wakil-wakil Persekutuan dan Singapura. Dengan itu berubahlah haluan mereka sehingga pada 23/07/1961, terbentuklah suatu Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia yang ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil dari Persekutuan, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak dengan mendiang Donald Stephens (Fuad Stephens), pemimpin Parti Kebangsaan Kadazan di Sabah, sebagai pengerusinya. Dalam mesyuaratnya yang pertama di Jesselton (Kota Kinabalu), Sabah pada 24/08/1961 tujuan yang paling mustahak daripada Jawatankuasa itu ialah mengkaji gagasan Malaysia dan mengambil daya utama untuk penggalakan perundingan gagasan itu.

Melihat gagasan Malaysia itu mendapat dokongan negara-negara dan wilayah-wilayah yang berkepentingan, Pemerintah Ing-

geris terpaksa membatalkan rancangannya untuk membentuk Persekutuan Brunei, Sabah dan Sarawak, maka pada 03/10/1961 Perdana Menteri Inggeris, Harold MacMillan, mengirimkan telegram kepada Tunku Abdul Rahman, isinya mengatakan adanya sokongan daripada Kerajaan Baginda Queen terhadap gagasan Malaysia itu. Hal ini memungkinan Tunku untuk mengemukakan sebuah usul dalam Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu pada 16/10/1961 supaya pada asasnya menyetujui rancangan Malaysia yang terdiri daripada 11 buah negeri Persekutuan, negara-negara Singapura dan Brunei serta negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Alhasil dengan undi yang terbanyak usul tersebut diterima baik oleh Dewan. Dengan demikian Tunku Abdul Rahman mendapat mandat daripada Dewan Rakyat Persekutuan untuk mengadakan perundingan dengan Kerajaan Inggeris mengenai rancangan Malaysia itu.

Pada 20/11/1961, Tunku dengan rombongannya berangkat ke London untuk berunding dengan Kerajaan Inggeris mengenai rancangan tersebut. Rundingan antara Tunku dan Perdana Menteri Inggeris tamat pada 22/11/1961. Hasilnya ialah kedua-dua kerajaan bersetuju melantik sebuah Suruhanjaya Penyiasat untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak mengenai gagasan Malaysia itu. Selain daripada itu, pandangan Sultan Brunei akan diminta juga.

Suruhanjaya Penyiasat itu dibentuk pada 16/01/1962 dengan nama Suruhanjaya Cobbold kerana diketuai oleh Lord Cobbold. Beliau dibantu oleh dua orang ahli daripada Kerajaan Inggeris dan dua orang ahli daripada Kerajaan Persekutuan. Penyiasatannya dimulai dalam bulan Februari 1962 dan makan waktu 5 bulan baru selesai. Berdasarkan Penyata Cobbold itu, Tunku dan rombongannya berangkat ke London pada 17/07/1962 untuk berunding dengan Perdana Menteri Inggeris tentang pembentukan Malaysia. Walaupun mengalami banyak kesukaran, perundingan itu dapat mengatasi kesulitan-kesulitan yang timbul kerana perbezaan syor-syor dalam penyata tersebut dan akhirnya setelah berunding 14 hari lamanya, satu persetujuan dapat dicapai pada 31/07/1962 dan satu ketetapan dapat diambil untuk membentuk negara Malaysia pada 31/08/1963.

Mendengar khabar-khabar tersebut, aku merasa girang hati kerana aku yakin dengan terbentuknya negara Malaysia nanti, bahasa Melayu yang ditetapkan menjadi Bahasa Kebangsaan lambat-laun tentu akan menggantikan bahasa Inggeris yang masih

menjadi Bahasa Rasmi. Dengan demikian akan terbukalah lapangan yang luas untuk pengajaran bahasa Melayu dan kalau kontrakku dengan Universiti Nanyang tidak diperbarui, aku akan berpeluang untuk mencari pekerjaan sebagai guru bahasa Melayu di mana-mana saja dalam wilayah negara Malaysia itu, dan buku-buku yang kukarang akan mendapat pasaran yang lebih-lebih luas, terutama bagi sekolah-sekolah Tionghua yang tidak sedikit jumlahnya.

Tiba-tiba pada 07/08/1962, Republik Filipina mengajukan permintaan kepada Kerajaan Inggeris supaya sebahagian daripada Sabah yang pernah terlepas daripada tangan Sultan Sulu dalam tahun 1878 dikembalikan kepada Filipina. Tetapi Kerajaan Inggeris berpendirian bahawa status Sabah tidak boleh diganggu-gugat.

Sementara itu Kerajaan Belanda telah bersetuju untuk mengembalikan Irian Barat kepada Republik Indonesia. Perjanjian tentang hal ini telah ditandatangani oleh wakil-wakil Belanda dan Indonesia pada 15/08/1962. Persetujuan ini telah menyebabkan Republik Indonesia mengubah sikapnya terhadap rancangan Malaysia yang telah disetujui oleh negara-negara dan wilayah-wilayah berkenaan. Dalam bulan September 1962, Dr. Subandrio, Menteri Luar Negeri Republik Indonesia, menyatakan bahawa beliau hendak mengkaji suasana yang bersangkutan untuk mencari tahu sama ada pembentukan Malaysia itu dapat menimbulkan akibat-akibat yang buruk kepada kepentingan-kepentingan Indonesia.

Selama tiga bulan lamanya setelah kenyataan Dr. Subandrio itu, Republik Indonesia tidak banyak mengkritik rancangan Malaysia tersebut, tetapi pada 08/12/1962 berlakulah pemberontakan di Brunei oleh Tentera Nasional Kalimantan Utara yang digerakkan oleh ketua Parti Rakyat Brunei, Sheikh Azahari namanya. Maksud pemberontakan itu mungkin hendak memaksa Sultan Brunei untuk mengisytiharkan berdirinya Negara Kalimantan Utara yang akan meliputi Brunei, Sabah dan Sarawak. Kejadian itu tentu-lah akan mempengaruhi soal bercantumnya Brunei dengan Malaysia. Sheikh Azahari terkenal sebagai seorang pemimpin yang anti-Malaysia dan mempunyai hubungan erat dengan pemimpin-pemimpin Indonesia. Ia kerap kali berkunjung ke Jakarta dan ketika pemberontak itu meletus, ia sedang berada di Manila. Pemberontakan itu dapat dipatahkan oleh Sultan dengan bantuan tentera Inggeris yang berjangkalan di Singapura berdasarkan perjanjian

antara Inggeris dan Brunei. Pada 20/12/1962, Sultan Brunei menanggukhan Perlembagaan Brunei dan membubarkan Majlis Mesyuarat Negeri Brunei. Sebagai gantinya baginda membentuk Majlis Darurat yang diketuai oleh baginda sendiri. Azahari yang mengisytiharkan dirinya sebagai Perdana Menteri Negara Kalimantan Utara itu terpaksa mengungsi ke Jakarta.

Waktu pemberontakan itu meletus, aku tidak yakin Tentera Nasional Kalimantan Utara akan berhasil menduduki Brunei, Sabah dan Sarawak kerana tentera yang tidak terlatih dan teratur itu bukan saja tidak besar jumlahnya, bahkan perlengkapannya pun dapat diragukan kesempumaannya; mereka tidak akan menang berperang dengan tentera Inggeris yang didatangkan ke Brunei oleh Sultan Brunei berdasarkan perjanjian antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan Inggeris. Namun demikian kejadian itu tentulah akan mempengaruhi hal masuknya Brunei ke dalam Malaysia. Kerana aku bukan pakar dalam bidang politik, maka aku terus bertekun menyelesaikan pengkajian dan perbaikan naskhah Bahasa Melayu Hari Ini, Buku 3.

Setelah Brunei menjadi aman kembali, wakil Persekutuan Tanah Melayu dan Brunei mengadakan perundingan dalam bulan Februari 1963 untuk merumuskan perkara-perkara besar yang perlu ditetapkan sebagai dasar persetujuan masuknya Brunei ke dalam negara Malaysia. Perundingan itu mengalami kesukaran, khabarnya kerana Persekutuan Tanah Melayu hanya bersedia membenarkan Kerajaan Brunei memungut royalti atas hasil minyak untuk 10 tahun lamanya dan berpendapat bahawa Kerajaan Malaysia Pusat mestilah berhak untuk mengadakan pemungutan cukai di Brunei mengikut apa yang dianggapnya sesuai. Sebaliknya, khabarnya, Brunei hanya bersedia menyumbangkan sejumlah wang daripada penghasilan negerinya kepada Kerajaan Pusat. Akhirnya soal kebenaran Sultan Brunei di antara Sultan-Sultan Melayu untuk pemilihan Yang di-Pertuan Agong juga merupakan suatu masalah yang belum dapat diselesaikan.

Sementara itu perundingan antara Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mengenai kewangan kerana percantuman ke dalam Malaysia juga mengalami kesukaran. Permintaan Persekutuan ialah sumbangan 50 juta ringgit oleh Singapura untuk pembangunan di Sarawak dan Sabah, sedangkan Singapura menuntut supaya syarat-syarat pasaran bersama (common market) ditetapkan dalam

Perlembagaan Malaysia. Penyelesaian dua soal tersebut terpaksa ditangguhkan dulu.

Sekarang marilah kita tinjau bagaimana reaksi Indonesia terhadap pemberontakan di Brunei itu. Setelah pemberontakan itu meletus pada 08/12/1962, surat-surat khabar Indonesia memihak kepada pihak pemberontak dan Presiden Soekarno menganggap pemberontakan tersebut sebagai contoh timbulnya angkatan baru (power of new emerging forces). Inilah permulaan konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia kepada rancangan Malaysia kerana dianggapnya bersifat penjajah baru yang membahayakan Indonesia. Walaupun tidak ada permakluman perang, tetapi setelah pemberontakan Brunei dapat diamankan, maka gerila-gerila Indonesia yang dibantu oleh pertubuhan-pertubuhan rahsia di Sarawak yang terpengaruh oleh komunis kadang-kadang melakukan penyerbuan ke dalam negeri Sarawak. Mereka menyerang kampung-kampung, balai-balai polis dan membunuh atau menculik penduduk di situ. Tentera Inggeris dan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa dikerahkan di perbatasan antara Sarawak dan Kalimantan Selatan. Di Manila pula, makin lantanglah suara-suara menuntut supaya sebahagian daripada Sabah dikembalikan kepada keturunan Sultan Sulu.

Aku merasa bahawa konfrontasi Indonesia tidak boleh dianggap sepi saja kerana Indonesia merupakan tetangga Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak yang sangat dekat dan kekuatan tenteranya cukup besar, apalagi kalau ditambah dengan tentera sukarelanya. Kalau diselidiki lebih lanjut, sebab-sebab Indonesia mengadakan konfrontasi terhadap rancangan Malaysia banyak juga, misalnya soal pertahanan, ekonomi, kedudukan dalam dunia antarabangsa dan lain-lain lagi. Namun jikalau dilihat dari segi ilmu jiwa, maka perasaan kurang senang Presiden Soekarno terhadap sikap Persekutuan Tanah Melayu, terhadap sikap Tampati negara tersebut kepada kaum pemberontak Indonesia dalam tahun 1958 dan kemahuan beliau untuk tampil ke muka sebagai 'Dr. Sun Yat Sen Asia Tenggara', agaknye memegang peranan besar.

Ketegangan politik antara Malaya, Filipina dan Indonesia pada awal tahun 1963 menjadi agak reda ketika Wakil Presiden merangkul Menteri Luar Negeri Filipina, Tuan Palacz, yang singgah di Bangkok dalam perjalanan balik dari Eropah, mengemukakan satu

cadangan supaya diadakan persidangan kemuncak antara Presiden Soekarno, Tunku Abdul Rahman dan Presiden Macapagal. Cadangan tersebut mendapat sambutan baik daripada semua pihak yang terlibat. Sebelum hal tersebut menjadi kenyataan, tiba-tiba dengan diam-diam Presiden Soekarno menjemput Tunku Abdul Rahman menemuinya di Tokyo untuk berunding. Persidangan kemuncak kecil ini terjadi dari 31/05/1963 sampai 01/06/1963, dan di antara gelak ketawa yang terlihat pada foto yang dimuat dalam surat-surat khabar, lahirlah suatu pernyataan bersama yang pada pokoknya mengulangi kepercayaan masing-masing kepada Perjanjian Persahabatan antara Indonesia dan Malaya dalam tahun 1959. Oleh kerana itu masing-masing pihak bersetuju untuk menyelesaikan perselisihan-perselisihan besar secara persahabatan, iaitu dengan semangat berjiran dan baik sangka melalui segala saluran yang ada dan yang ditunjukkan dalam Perjanjian tersebut.

Melihat wajah kedua-dua pemimpin besar yang berseri-seri dengan senyuman besar itu, aku turut merasa gembira dan percaya bahawa persahabatan antara kedua-dua negara itu tentulah akan pulih seperti sediakala. Oleh sebab itu ketika Sdr. Asraf dari Oxford University Press di Kuala Lumpur minta aku menterjemahkan buku sejarah Tiongkok daripada bahasa Inggeris yang berjudul CHINA karangan Tuan Ping-chia Kuo ke dalam bahasa Melayu, dengan senang hati aku menerima baik permintaan itu. Tetapi kemudian ternyata bahawa isi buku itu sangat padat, tidak mudah menterjemahkannya, jadi aku harus mencurahkan tenaga dan memusatkan fikiranku untuk penterjemahan itu, maka aku tidak mempunyai banyak waktu untuk mengikuti dengan teliti peristiwa-peristiwa politik antara Indonesia, Persekutuan Tanah Melayu dan Filipina. Hanya aku mendengar tentang rancangan Maphilindo, tentang Indonesia dan Filipina berjanji tidak akan menentang pembentukan Malaysia dan Persekutuan Tanah Melayu secara samar-samar menyanggupi untuk membenarkan pemerhati-pemerhati bebas membuat penilaian mengenai pendapat-pendapat rakyat Sabah dan Sarawak terhadap percantumannya ke dalam Malaysia. Perundingan tersebut berperingkat Menteri Luar Negeri dari ketiga-tiga negara yang berkenaan dan diadakan di Manila dari 08/06/1963 sampai 11/06/1963. Perundingan tersebut merupakan asas persetujuan bagi Persidangan Kemuncak Tiga Negara yang disetujui akan diadakan pada akhir bulan Julai 1963.

Namun begitu Tunku Abdul Rahman bertekad untuk menubuhkan Malaysia pada 31/08/1963. Beliau terbang ke London pada awal bulan Julai 1963 untuk bersama dengan Perdana Menteri Inggeris menandatangani naskhah Persetujuan rasmi yang terakhir mengenai pembentukan Malaysia. Segala perselisihan dengan Singapura dapat diselesaikan pada 08/07/1963, maka Persetujuan atau Perjanjian Pembentukan Malaysia yang rasmi dan terakhir dapat ditandatangani oleh pihak-pihak yang berkenaan menjelang tengah malam pada tarikh tersebut. Sayangnya pada saat terakhir tersebut Sultan Brunei memberitahu bahawa baginda tidak dapat turut menandatangani kerana pihak Persekutuan tidak dapat mewujudkan beberapa syarat atau jaminan yang dahulu sudah diperbincangkan, jadi akhirnya Brunei tidak ikut serta ke dalam Malaysia.

Soal Brunei tidak ikut serta ke dalam Malaysia itu membuktikan bahawa Persekutuan Tanah Melayu tidak memaksa Singapura, Sarawak dan Sabah untuk bercantum. Jadi masuknya negeri-negeri ini ke dalam Malaysia adalah atas kerelaan negeri-negeri tersebut. Persetujuan London itu dianggap oleh Presiden Soekarno sebagai suatu penghinaan kerana dianggapnya Tunku Abdul Rahman tidak memegang janji, tetapi Tunku mempertahankan diri dengan mengemukakan bahawa sungguhpun beliau setuju tentang penilaian oleh pemerhati-pemerhati bebas mengenai pendapat rakyat Sarawak dan Sabah, namun beliau pernah menegaskan kepada Presiden Soekarno ketika di Tokyo dahulu bahawa rancangan Malaysia akan dijalankan mengikut jadual yang sudah ditentukan. Namun akhirnya Tunku Abdul Rahman dan Presiden Soekarno hadir juga dalam persidangan kemuncak tiga negara yang diadakan di Manila mulai dari 30/07/1963/. Persidangan yang memakan masa 5 hari itu hampir-hampir gagal kerana Presiden Soekarno sangat tersinggung perasaannya oleh Persetujuan London itu, tetapi berkat usaha dan rayuan Presiden Macapagal serta dorongan semangat cinta damai, maka akhirnya tercapai juga Persetujuan Manila.

Tunku Abdul Rahman bersetuju menjemput U Thant, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghantar wakil-wakilnya ke Sabah dan Sarawak melakukan penyiasatan tentang kemahuan rakyat di sana mengenai percantuman Sabah dan Sarawak ke dalam negara Malaysia, dengan menimbangkan hal-hal yang bersangkutan dengan pilihan-pilihan tak langsung

di kedua-dua wilayah itu. Hal pangkalan-pangkalan tentera asing yang bersifat sementara dan bertempat di negara-negara yang berkenaan juga disetujui supaya tidak digunakan untuk membahayakan kemerdekaan salah satu negara yang tergolong dalam Maphilindo dan soal tuntutan Filipina terhadap Sabah harus diselesaikan secara adil secepat mungkin. Ketiga-tiga pemimpin itu pun bersetuju mengambil tindakan-tindakan permulaan bagi membentuk Maphilindo untuk mempererat kerjasama di antara ketiga-tiga negara itu.

Mendengar khabar-khabar tersebut, aku merasa lega hati dan percaya bahawa persahabatan antara ketiga-tiga negara tersebut tentulah menjadi erat kembali dalam masa yang tak lama pula. Tetapi Tunku Abdul Rahman terpaksa memberitahu Dewan Rakyat Persekutuan bahawa Hari Malaysia yang dicadangkan akan jatuh pada 31/08/1963 harus ditangguhkan untuk sementara waktu dan atas permintaannya, Kerajaan Inggeris terpaksa mengizinkan wakil-wakil U Thant melakukan penyiasatan di Sabah dan Sarawak yang pada masa itu masih di bawah kekuasaan Kerajaan Inggeris. Maka pada 16/08/1963, dua rombongan perwakilan U Thant tiba di Sabah dan Sarawak. Mereka berpendapat bahawa tugas mereka sedikitnya akan makan masa dua minggu untuk menyelesaikan penyiasatan. Di sini timbullah perselisihan mengenai jumlah pemerhati dari Persekutuan Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina. Kerajaan Inggeris hanya mengizinkan tiap negara mengirinkan dua orang pemerhati menyertai tiap rombongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi Indonesia yang disokong oleh Filipina menganggap jumlah itu terlalu sedikit dan menyatakan bahawa mereka akan menolak hasil penyiasatan wakil-wakil U Thant itu jika soal jumlah pengawas tidak dapat diselesaikan.

Peristiwa tersebut menyebabkan wakil-wakil U Thant menunda tugas penyiasatan mereka kerana menunggu arahan dari pada U Thant di New York. Setelah Kerajaan Inggeris bersetuju menambah seorang pembantu sebagai Setiausaha bagi tiap rombongan pemerhati dari Malaya, Indonesia dan Filipina, maka U Thant merasa puas hati dan mengarahkan wakil-wakilnya memulakan pekerjaan penyiasatan itu tanpa mempedulikan sama ada Indonesia dan Filipina menerima baik keputusan Kerajaan Inggeris itu atau tidak.

Pada 27/08/1963, mulailah rombongan U Thant melakukan

penyiasatan dengan diawasi oleh pemerhati-pemerhati dari Malaya dan Britain, sedangkan pemerhati-pemerhati dari Indonesia dan Filipina terlambat datangnya sehingga mereka itu hanya dapat menyaksikan peringkat-peringkat terakhir saja daripada penyiasatan itu.

Selagi penyiasatan berlangsung, tiba-tiba pada 29/08/1963, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan bahawa hari pengisytiharan berdirinya Malaysia ditetapkan pada 16/09/1963 kerana terpaksa harus memenuhi syarat-syarat Perlembagaan, iaitu satu tarikh yang tetap harus diadakan sebagai hari penyerahan kedaulatan Inggeris ke atas Sabah, Singapura dan Sarawak kepada Malaysia.

Tindakan tersebut benar-benar merampas kesempatan Indonesia dan Filipina untuk mengkaji laporan U Thant yang dijangka baru akan selesai pada pertengahan bulan September, 1963. Kejadian tersebut khabarnya menimbulkan kemarahan yang besar di dalam hati Presiden Soekarno dan dianggapnya sebagai suatu penghinaan yang menyakitkan hatinya.

Pada 05/09/1963, selesailah pekerjaan penyiasatan itu dan pada 13/09/1963, U Thant menyampaikan pendapatnya kepada Kerajaan-kerajaan Inggeris, Malaya, Indonesia dan Filipina. Kesimpulan yang diambil oleh U Thant ialah sebahagian besar rakyat Sabah dan Sarawak memanglah ingin bercantum dengan Malaya dan Singapura untuk membentuk negara Malaysia. Namun kesimpulan tersebut dianggap oleh Indonesia sebagai cerita bohong (hoax) saja. Maka ketika negara Malaysia diisytiharkan berdiri dengan rasminya pada 16/09/1963, Indonesia dan Filipina tidak mahu mengakuinya dan Duta-duta Besarnya meninggalkan Kuala Lumpur dengan segera sehingga mereka itu tidak kelihatan dalam upacara perisytiharan itu. Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia mengakui putusnya hubungan diplomasi dengan Indonesia dan Filipina dan memanggil pulang Duta-duta Besarnya di kedua-dua negara tersebut.

Pada hari perisytiharan tersebut, di Jakarta timbullah demonstrasi anti-Malaysia dan anti-Inggeris yang hebat sekali. Kedutaan-duta Besar Inggeris dan Malaya di sana diserbu dan menderitaerosakan besar. Perusahaan-perusahaan Inggeris dan Malaya di Indonesia diletakkan di bawah perlindungan Indonesia. Khabar-khabar tersebut menimbulkan kemarahan penduduk Malaya se-

hingga ada demonstrasi anti-Indonesia di Kuala Lumpur yang hampir tidak dapat dikawal oleh polis. Kemudian Indonesia memutuskan hubungan dagang dengan Singapura dan Pulau Pinang. Namun hairannya hubungan diplomatik antara Indonesia dan Inggeris masih tetap dipertahankan.

Selanjutnya konfrontasi dengan slogan GANYANG MALAYSIA menjadi satu kenyataan yang hebat. Subversif dan sabotaj terjadi di Malaya dan Singapura, tetapi berkat pengalaman penumpasan gerakan di bawah tanah pihak komunis oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Singapura, bahaya-bahaya ini dapat diatasi oleh polis, hanya serbuan gerila Indonesia di Sarawak dan Sabah sahaja yang kadang-kadang menimbulkan kerugian jiwa dan harta yang besar sehingga tentera Inggeris dan askar Malaysia dalam jumlah besar perlu ditempatkan di perbatasan-perbatasan kedua-dua negeri itu yang dekat dengan wilayah Indonesia.

Pada waktu itu aku dan keluargaku masih menjadi warganegara Indonesia dan pasport kami cuma sah sampai 09/07/1964. Kerana keasyikan menterjemahkan sejarah Tiongkok daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, aku alpa tidak minta perpanjangan luar biasa dua atau tiga tahun kerana timbulnya konfrontasi. Setelah aku sedar akan kealpaanku itu, semua pegawai Konsulat Republik Indonesia di Singapura sudah ditarik pulang ke Jakarta sehingga tidak ada jalan bagiku untuk minta diperpanjang sahaja pasport kami. Ketika kontrak kerjaku dengan Universiti Nanyang diperpanjang satu tahun lagi dari 01/01/1964 hingga 31/12/1964, Pejabat Imigresen Singapura cuma mahu memperpanjang visaku hingga 09/06/1964 sahaja. Jalan keluar satu-satunya bagi kami ialah mengirimkan pasport-pasport kami ke Kedutaan Besar Republik Indonesia di Bangkok untuk minta perpanjangan. Malangnya pasport-pasport kami itu akan cukup tempoh 6 tahun lamanya sejak dikeluarkan oleh Kantor Imigrasi Indonesia di Jakarta dan menurut peraturan Imigrasi Indonesia, semua pasport yang sudah cukup 6 tahun umurnya harus diganti dengan pasport baru. Waktu aku berniat terbang ke Bangkok untuk memohon pasport baru, tiba-tiba Pemerintah Indonesia mengumumkan bahawa semua warganegara Indonesia yang tinggal di Malaysia boleh tetap tinggal terus, tetapi demi mereka itu keluar dari Malaysia, dilarang oleh Pemerintah Indonesia untuk masuk lagi ke dalam wilayah Malaysia. Kedutaan Besar Indonesia di Bangkok membalas surat permohonan

perpanjangan pasport-pasport kami. Mereka bersedia memberikan pasport baru kepada kami kalau kami meninggalkan Malaysia dan pindah ke negara lain, misalnya ke Holland, tetapi kalau kami mahu tetap tinggal di Singapura, mereka cuma ada hak untuk memberi perpanjangan satu bulan sahaja, iaitu sampai 09/08/64.

Bab XXXVI

MINTA PEKERJAAN DI HOLLAND (BELANDA)

KALAU kami mahu pulang ke Jakarta, sebetulnya tidak ada persoalan tentang perumahan, kerana rumah yang dulu kami sewa di Jalan Melati 22, Jakarta Pusat, masih dijaga dan diduduki oleh mentuaku. Jadi sewaktu-waktu kami balik ke Jakarta kami boleh tinggal di rumah tersebut, tetapi pekerjaan yang terbuka bagiku dan juga bagi isteriku di Indonesia, hanyalah kembali jadi guru bahasa Indonesia di salah sebuah sekolah menengah dengan gaji yang tidak dapat mengimbangi tingginya inflasi wang rupiah Indonesia. Di Belanda, ada kemungkinan bagiku untuk bekerja di Universiteit van Leiden dan ada dua orang kemanakan perempuanku yang bersedia memberikan tempat tinggal sementara bagi kami bertiga di rumah mereka. Dengan pertolongan bekas pensyarahku dalam bidang Kesusasteraan Melayu Kuno di Universiti Indonesia dalam tahun 1952 dan 1953, pada 01/01/1964 aku mendapat pekerjaan sebagai *Scientific Officer First Class* di Jurusan Bahasa dan Kebudayaan Indonesia di Universiteit van Leiden di bawah pimpinan Prof. Dr. A. Teeuw. Setelah mendapat surat perlantikan sementara daripada mahaguru tersebut, aku pergi ke Konsulat Jeneral Belanda di Singapura untuk minta visa masuk ke negara Belanda. Setelah

selesai mengisi segala borang yang diperlukan, aku diberitahu oleh pegawai Konsulat Jeneral itu bahawa pada masa itu ada banyak sekali orang Tionghua yang mahu pindah ke Holland, terutama dari Indonesia, sebab hubungan diplomasi antara Holland dan Indonesia baru saja dibuka semula setelah Belanda mahu mengembalikan Irian Barat kepada Indonesia. Jadi permohonanku itu mungkin akan makan masa yang agak panjang sebelum ada keputusan dari Pejabat Imigresen Belanda di Den Haag, ibu kota negara Belanda.

Oleh kerana hal tersebut, aku menulis surat kepada Prof. Dr. A. Teeuw, mohon beliau pergi menemui pegawai Imigresen Belanda di Den Haag untuk mohon supaya visa bagi kami sekeluarga dapat dipercepat keluarnya. Profesor yang baik hati itu berdaya upaya sedapat mungkin untuk menolong kami, tetapi sudah dua bulan lamanya masih belum juga ada hasilnya. Kerana itu aku mohon nasihat dari Prof. Dr. J. M. van der Kroef, mahaguru dalam bidang Sains Politik daripada Universiti Bridgeport, Connecticut, Amerika Syarikat, yang kebetulan berada di Univeristi Nanyang sebagai *Visiting Professor*. Beliau menyatakan kepadaku bahawa kemungkinan yang besar bagiku untuk mendapat pekerjaan sebagai pensyarah bahasa dan sastera Indonesia dan Malaysia ialah di Australia. Aku diberinya nasihat supaya menulis surat kepada Universiti Sydney, Universiti Melbourne dan Universiti Western Australia untuk cari tahu apakah ada kekosongan pekerjaan tersebut di universiti-universiti itu. Semuanya membalas dengan mengatakan belum ada kekosongan. Aku jadi putus asa dan bersedia akan pulang saja ke Jakarta.

Dalam keadaan yang sangat menggelisahkan itu, aku tetap bersembahyang kepada Tuhan Yang Maha Esa supaya kami sekeluarga diberkati jalan keluar yang memberi kebahagiaan. Di samping bersembahyang, ada juga seorang Melayu yang menjadi sahabat karibku, Cikgu Suri Mohyani namanya. Beliau menjadi Pegawai Penyelidik di Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan di Singapura dan pernah belajar Ilmu Seni Lukis di Universiti Sydney, Australia. Beliau mengatakan kepadaku bahawa beliau bersedia menjadi penjamin (*guarantor*) kami kalau kami mahu mengajukan permohonan tinggal tetap (*permanent stay*) kepada Pejabat Imigresen Singapura. Hal ini juga kami lakukan, tetapi tidak berhasil, permohonan kami ditolak oleh pejabat tersebut tanpa diberi apa alasannya.

Bab XXXVII

MINTA PEKERJAAN DI AUSTRALIA

SELAGI kami dalam keadaan putus asa, tiba-tiba pada suatu hari dalam bulan Januari 1964, aku menerima sepucuk surat daripada mendiang Meester Hedwich W. Emanuels yang pada waktu itu menjadi Pemangku Ketua Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya di Universiti Sydney. Dalam surat itu beliau mengkhabarkan bahawa jabatannya akan menambah seorang pensyarah dan menganjurkan supaya aku mengajukan surat permohonan untuk jawatan itu. Dalam suratnya itu ada juga dilampiri risalah (brochure) mengenai jawatan itu dan cara-cara memohonnya.

Kejadian tersebut tentulah hasil usaha seorang kenalan baruku yang bernama Russell Jones, seorang sarjana muda keluaran Universiti London yang pada waktu itu bekerja sebagai pensyarah di jabatan tersebut. Beliau dalam bulan Disember tahun 1963 pernah mengunjungi Universiti Nanyang dan dikenalkan kepadaku oleh Sdri. Kho Lian Tie yang bekerja di Universiti Malaya di Singapura. Mungkin Sdr. Jones pernah membaca satu atau dua karyaku dan diberi kesan yang mendalam oleh Sdri. Kho Lian Tie yang mungkin mengatakan bahawa keahlianku dalam bidang bahasa dan sastera Indonesia dan Malaysia tidak akan lebih rendah daripada seorang

sarjana muda dalam bidang tersebut, sungguhpun mata pelajaran utamaku ialah Sinologi.

Setelah menerima surat tersebut, aku segera menemui Prof. Dr. J. M. van der Kroef yang menjadi *Visiting Professor* di Universiti Nanyang untuk mohon nasihatnya. Beliau menganjurkan aku supaya segera mengajukan surat lamaran. Beliau juga bersedia menjadi salah seorang *refereku* (dalam surat lamaran itu harus disertai 3 orang *referee* dengan diterangkan nama, alamat dan pekerjaannya). Untuk *referee* yang kedua aku mohon persetujuan Cikgu Suri Mohyani dan yang ketiga aku mohon persetujuan Sdr. Asraf yang menjadi Editor Bahagian Melayu di Oxford University Press di Kuala Lumpur. Setelah mereka semua bersetuju menjadi *refereku*, segera kukirimkan surat permohonan berserta riwayat hidupku (*curriculum vitae*) dan daftar buku-buku yang telah kukarang. Aku juga menulis surat kepada Sdr. Russell Jones, mohon pertolongannya supaya sudi memberikan komentar yang berguna bagi diriku kepada Pemangku Ketua jabatannya.

Lebih kurang 7 minggu lamanya setelah aku mengajukan surat permohonan itu, pada 11/03/1964, Sdr. Russell Jones membalas suratku. Isinya menerangkan bahawa pihak Universiti Sydney sudah menulis surat kepada *referee-referee* yang ditunjuk oleh dua orang pemohon jawatan pensyarah. Setelah laporan-laporan para *referee* itu sudah diterima, sebuah Jawatankuasa Pemilihan (*Selection Committee*) akan bersidang untuk mengambil keputusan pemohon mana yang akan dipilih dan diusulkan kepada Senat Universiti untuk dilantik sebagai pensyarah. Mengikut dugaannya, keputusan tersebut akan diambil oleh Jawatankuasa itu dalam bulan April 1964 dan ia memujikan akulah yang akan dipilih, tetapi semuanya itu terserah kepada Universiti Sydney.

Pada 14/04/1964 aku menulis surat lagi kepada Sdr. Russell Jones untuk minta khabar sama ada keputusan tersebut telah diambil. Pada 20/04/1964 ia membalas suratku untuk mengkhabarkan kepadaku bahawa Jawatankuasa tersebut telah memilih aku untuk diusulkan kepada Senat Universiti supaya dilantik menjadi pensyarah dalam jurusan Pengajian Indonesia dan Malaya. Selanjutnya ia menerangkan bahawa tak lama lagi tentulah aku akan menerima khabar rasmi daripada pihak Universiti Sydney dan akhirnya ia mengucapkan tahniah kepadaku.

Dengan adanya khabar baik tersebut, aku berencana hendak

ke Leiden dulu untuk bekerja di sana selama 6 bulan, kemudian pada awal tahun 1965 terbang ke Sydney untuk menjadi pensyarah. Dengan demikian aku dapat memenuhi janjiku kepada Prof. Dr. A. Teeuw dan setelah itu aku dapat pindah ke Sydney untuk memulai pekerjaanku sebagai pensyarah. Pekerjaan di Leiden itu bersifat sementara, biasanya cuma untuk 6 sampai 12 bulan, kecuali kedua-dua belah pihak mahu menyambung tempoh kerja itu, tetapi pekerjaan di Sydney bersifat tetap dan boleh bekerja sampai umur 65 tahun, lalu bersara.

Oleh kerana visa ke Holland belum juga keluar, dua kali aku terpaksa membatalkan tempahan kapal: pertama dengan kapal Victoria yang akan belayar dari Singapura ke Genoa di Itali pada 02/05/1964; yang kedua dengan kapal Marconi yang akan belayar dari Singapura pada 31/05/1964. Apa sebab Pemerintah Belanda tidak mahu memberi visa kepadaku dan keluargaku? Prof. A. Teeuw berkali-kali menyatakan bahawa visa itu sudah diurus dan agaknya tidak ada persoalan, tetapi ketika aku menanyakan soal itu di Konsulat Jeneral Belanda di Singapura, jawabnya selalu belum ada khabar. Maka setelah menerima khabar baik daripada Sdr. Russell Jones tersebut, tiap hari aku menunggu datangnya telegram dari Universiti Sydney.

Bab XXXVIII

DILANTIK MENJADI PENSYARAH DI UNIVERSITI SYDNEY

SETAPAK girangnya hatiku apabila pada 06/05/1964 aku menerima telegram yang berbunyi begini:

SENATE APPROVED YOUR APPOINTMENT LECTURESHIP
INDONESIAN AND MALAYAN STUDIES LETTER
FOLLOWING
REGISTRAR, UNIVERSITY OF SYDNEY, SYDNEY

Dua hari kemudian aku menerima suratnya yang menerangkan bahawa Senat yang bersidang pada 04/05/1964 telah menerima usul Jawatankuasa Pemilihan untuk melantik aku menjadi pensyarah dengan syarat aku harus diperiksa oleh seorang doktor yang ditunjuk oleh universiti untuk mengetahui kesihatanku dan x-ray paru-paruku. Pihak universiti telah meminta pertolongan pendaftaran Universiti Nanyang untuk menunjuk seorang doktor bagi maksud tersebut. Pada 09/05/1964, aku telah diperiksa oleh Dr. S. Wong di Batu 7, Jalan Bukit Timah, Singapura dan setelah itu aku diberi surat oleh Dr. Wong untuk seorang doktor lain di bandar Singapura untuk x-ray itu. Belanja perjalanan dari Singapura

sampai Sydney untuk aku dan keluargaku dan belanja pemeriksaan doktor-doktor untuk diriku harus kubayar dulu dan nanti akan dibayar balik oleh universiti setelah aku tiba di Sydney. Hal perumahan juga diterangkan bahawa aku boleh membeli sebuah rumah dengan meminjam wang dari bank yang berhubungan dengan universiti dan kerana kedudukanku di universiti adalah tetap, maka gajiku akan dikurangi untuk membayar yuran kepada *States Superannuation Board of New South Wales*. Pendaftar itu minta aku menulis surat kepadanya untuk menerangkan sama ada aku suka menerima perlantikan itu dan kalau suka bilakah agaknya aku boleh datang ke Sydney.

Pada 10/05/1964, kubalas telegram dan surat Pendaftar Universiti Sydney untuk menyatakan bahawa aku menerima baik perlantikan diriku menjadi pensyarah dengan lampiran borang pemeriksaan kesihatanku yang sudah diisi oleh Dr. H.S. Wong dan juga surat keterangan hasil *x-ray* paru-paruku oleh doktor yang bertanggungjawab. Pada 11/05/1964 aku dengan keluarga menghadap Konsul Australia yang mengurus pemberian visa untuk masuk ke Australia. Setelah selesai mengisi borang-borang, isteri dan anakku diharuskan pergi ke salah seorang doktor di Singapura yang ditunjuk oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia di Singapura. Pada hari itu juga mereka diperiksa oleh Dr. F.B.E. Kampfner di bandar Singapura dan laporannya terus kukirinkan ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi tersebut.

Pada 14/05/1964, aku menerima telegram lagi daripada Pendaftar tersebut yang berbunyi:

YOUR APPOINTMENT LECTURES IN HINDONESIAN AND
MALAYAN STUDIES THIS UNIVERSITY CONFIRMED
LETTER FOLLOWING

REGISTRAR, UNIVERSITY OF SYDNEY, SYDNEY

Dua hari kemudian aku menerima suratnya yang isinya menyatakan bahawa suratku, borang-borang kesihatan dan laporan *x-ray* sudah diterimanya dan oleh kerana semuanya memuaskan, maka perlantikan diriku sebagai pensyarah boleh disahkan (confirmed). Beliau juga menerangkan bahawa Pejabat Imigrasi Australia di Sydney sudah diberitahu akan hal tersebut dan diminta supaya sudi memberikan visa kepadaku dan keluargaku melalui Pejabat

Pesuruhjaya Tinggi di Singapura. Selanjutnya diterangkannya pula bahawa kalau *keburu* bagi kami sekeluarga naik kapal Oranje yang belayar dari Holland ke Australia melalui Singapura memang baik sekali tetapi kalau visa belum keluar pada 25/05/1964, (tarikh belayarnya kapal Oranje dari Singapura), Universiti Sydney tidak berkeberatan kalau kami sekeluarga terpaksa naik kapal terbang dari Singapura ke Sydney.

Pada 28/05/1964, aku menerima panggilan telefon daripada Konsul Australia yang mengatakan bahawa visa bagi kami bertiga ke Australia sudah keluar dan pasport-pasport kami yang kami sudah serahkan kepadanya terdahulu sudah dicap dan boleh segera diambil. Aku masih merasa berat tidak ke Belanda terlebih dahulu. Maka untuk menenangkan hatiku, sebelum aku mengambil pasport-pasport kami tersebut, aku mengunjungi Pejabat Konsul-Jeneral Belanda di bandar Singapura untuk menanyakan apakah visa kami ke Holland sudah keluar. Aku mendapat jawapan bahawa visa itu belum keluar dan aku disuruh datang lagi pada 10/06/1964. Dengan demikian legalah hatiku untuk berangkat saja ke Australia kerana Pemerintah Belanda rupanya tidak akan memberikan visa kepada kami dengan alasan yang tidak diberitahukan kepada Prof. Dr. A. Teeuw dan kepadaku. Aku anggap bahawa ini adalah hal yang sudah ditakdirkan oleh Tuhan Yang Maha Esa bahawa aku lebih baik berpindah ke Australia.

Kebetulan pada waktu itu aku mengetahui daripada iklan di surat khabar bahawa pada 05/06/1964 akan ada kapal bernama Centaur yang akan belayar dari Singapura ke Fremantle di Australia Barat dan perjalanan dari situ ke Sydney dapat disambung dengan naik kereta api, tetapi harus berganti kereta api 4 kali kerana lebarnya landasan kereta api tidak sama di negeri-negeri yang dilewati. Makan dan tempat tidur dari Perth (ibu kota Australia Barat) sampai Melbourne yang makan waktu 3 hari 3 malam akan diberi kerana belanjanya sudah termasuk dalam harga tiket, hanya perjalanan dari Melbourne ke Sydney (1 malam) dengan *Southern Aurora* sahaja harus dibayar sendiri untuk makanan dan minuman yang boleh dipesan di dalam kereta api itu.

Dengan segera aku pergi ke Cawangan Pejabat Kongsi kapal di bandar Singapura dan membeli tiket untuk tiga orang untuk naik kapal Centaur ke Fremantle dan untuk naik kereta api dari Perth ke Sydney. Universiti Nanyang ada membantu belanja perjalanan

yang sesuai jumlahnya dengan belanja pengangkutan kami dari Singapura ke Jakarta dengan tiket kelas dua kapal api. Aku juga menghubungi sebuah kongsi di Singapura yang dapat mengurus pengiriman barang-barang kami dengan kapal ke Sydney. Semuanya itu berjalan dengan lancar dan wang simpanan kami di Overseas Chinese Bank yang dibekukan oleh *Controller of Foreign Exchange* daripada Kerajaan Singapura juga diperbolehkan untuk ditukarkan menjadi wang Australia dengan bank draf yang kubawa ke Sydney.

Sekarang cuma tinggal soal membatalkan pekerjaanku yang diberi oleh Universiteit van Leiden melalui Prof. A. Teeuw. Daripada surat-suratnya kepadaku sejak 01/01/1964, aku mengetahui bahawa pada 04/06/1964 beliau akan terbang ke Kuala Lumpur dari Paris dengan ganti kapal terbang di Singapura. Beliau diundang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur untuk menjadi penasihat penyusunan kamus kebangsaan di sana untuk empat bulan lamanya. Kerana aku dengan keluarga akan belayar ke Australia pada pukul 5 bertepatan dengan 05/06/1964 dan tibanya Prof. Dr. A. Teeuw di Singapura pada pukul 7 malam pada hari itu juga, maka aku tidak dapat menemui beliau di lapangan terbang di Singapura untuk menerangkan mengapa aku tidak jadi ke Leiden dan mengapa aku telah menerima baik perliantikanku sebagai pensyarah di Universiti Sydney. Apa boleh buat, aku hanya dapat menulis surat kepada beliau untuk minta maaf dan untuk menceritakan duduknya perkara: visa ke Holland ditunggu sampai 28/05/1964 masih juga belum keluar, sedangkan visa untuk ke Australia dalam masa 15 hari saja sudah keluar. Untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraanku serta keluargaku, terpaksa aku mesti bekerja di Sydney dan membatalkan pekerjaan yang diberikan kepadaku oleh Universiteit van Leiden melalui beliau. Aku minta tolong Sdri. Kho Lian Tie yang akan menjemput Prof. Dr. A. Teeuw di lapangan terbang di Singapura pada hari dan waktu yang tersebut di atas untuk menyerahkan kepada beliau surat tersebut.

Bab XXXIX

PINDAH KE AUSTRALIA

PADA pukul 3 tanggal 05/06/1964, aku dan anak isteriku dengan dihantar oleh lebih kurang 20 orang mahasiswa dan sahabat serta beberapa orang guru dari Universiti Nanyang meninggalkan kampus Universiti Nanyang dengan motokar ke pelabuhan kapal api di bandar Singapura untuk naik kapal Centaur yang sudah siap untuk belayar. Tepat pukul 5 petang, kapal itu mengangkat sauhnya dan meninggalkan Singapura untuk belayar ke Fremantle, sebuah pelabuhan di Australia Barat, lebih kurang 20 km jauhnya dari bandar Perth. Waktu kapal itu melalui Selat Sunda, dari jauh kami dapat melihat sisa pulau di mana dahulu terletak Gunung Krakatau yang meledak dalam bulan Ogos tahun 1883, menyebabkan hampir seluruh pulau itu hancur dan lebih kurang 36,000 nyawa terkorban. Selama satu minggu di kapal itu, kami hidup dengan tenang dan dapat beristirahat secukupnya. Pada hari Jumaat pagi bertepatan dengan tanggal 12/06/1964, tibalah kapal itu di Australia Barat dengan berlabuh di Pelabuhan Fremantle. Sayangnya pada hari itu tidak ada kereta api yang pergi ke Sydney, jadi kami terpaksa tinggal tambahan satu malam di kapal dengan membayar sedikit wang.



Pada 5 Jun, 1964 Drs. Li Chuan Sui meninggalkan bandar Singapura untuk menerima jawalan sebagai pensyarah di Universiti Sydney, Australia. Foto ini menunjukkan beberapa orang pensyarah dan keluarga mereka serta mahasiswa dan mahasiswi Universiti Nanyang menghantar beliau sampai di kapal Centaur yang akan belayar ke Fremantle di Australia Barat. Drs. Li berdiri di tengah, manakala isterinya berdiri di kirinya.

Keesokan harinya, iaitu pada hari Sabtu bertepatan dengan tanggal 13/06/1964, kami meninggalkan kapal Centaur dan dengan teksi pergi ke stesen kereta api di bandar Perth untuk naik kereta api yang akan bertolak ke Sydney pada pukul 8 malam.

Kerana kami memegang tiket kelas satu, maka kami mendapat tempat tidur di dalam kereta api itu: isteri dan anakku diberi satu bilik dengan katil bersusun, satu di atas dan satu lagi di bawah, tetapi aku terpaksa ditempatkan di bilik lain bersama seorang penumpang lainnya. Setelah diberi makan malam di dalam kereta restoran, kami tidur dan keesokan harinya setelah bangun dan makan pagi, kami disuruh turun di sebuah stesen (Kalgoorlie) untuk pindah ke kereta api yang lebar relnya. Perjalanan dari Kalgoorlie ke Port Pirie yang jaraknya mungkin 2000 km memakan waktu lebih kurang 32 jam lamanya. Sepanjang jalan kereta api yang sangat lurus itu, kami dapat melihat dari kereta *observasi* betapa luasnya tanah Australia ini. Sayangnya sebahagian besar tanah ini adalah semacam padang pasir, tetapi kadang-kadang kami dapat melihat seekor dua kanggaru berloncat-loncat di padang yang tidak terlalu jauh dari jalan kereta api. Kami sangat kagum melihat betapa lurusnya jalan kereta api yang sangat panjang itu. Di Port Pirie kami ganti kereta api yang pergi ke kota Adelaide.

Ketika senjakala hampir tiba pada hari yang ketiga, kereta

api itu telah membawa kami sampai di kota Adelaide, iaitu ibu kota Australia Selatan. Di sini kami diberi makan malam di restoran yang terletak di stesen. Setelah selesai kami ganti kereta api malam yang akan membawa kami ke Melbourne, ibu kota Victoria. Kira-kira pada pukul 8 pagi bertepatan dengan tanggal 16/06/1964, tibalah kami di Melbourne dan kerana kereta api *Southern Aurora* yang akan kami naiki untuk meneruskan perjalanan ke Sydney hanya akan bertolak pada pukul 8 malam, maka kami mempunyai banyak waktu untuk meninjau bandar Melbourne. Tetapi suatu hal yang mustahak sekali ialah mengirim telegram kepada Pendaftaran, Universiti Sydney untuk memberitahu bahawa tiba kami di stesen kereta api di Sydney ialah pada pukul 9 pagi bertepatan dengan tanggal 17/06/1964. Setelah itu kami naik teksi ke zoo untuk melihat-lihat dan makan angin.

Tengah harinya kami naik teksi lagi ke China Town untuk makan tengah hari di salah sebuah restoran Tionghua. Tuan punya restoran itu mengetahui kami datang dari Singapura, maka kami dibuatkan sup campur (ayam, tahu dan sayuran) dan dua macam lauk yang semuanya lazat rasanya dan tidak mahal harganya. Setelah makan kami berjalan-jalan di bandar Melbourne dan juga melihat *War Memorial Hall* di sebuah taman di dalam bandar. Dekat pukul 5 petang kami hendak balik ke stesen, tetapi sukar sekali untuk mendapatkan teksi yang kosong kerana justeru waktu itu lalulintas tersibuk (peak hour traffic). Banyak orang yang menggunakan teksi untuk pulang atau keperluan lainnya. Mujurlah bagi kami ada seorang Tionghua yang kami temui di tengah jalan yang berjaya mendapatkan sebuah teksi untuk kami di depo teksi yang terdekat.

Kira-kira pukul 7 malam kami tiba di stesen, lalu masuk ke restoran di dalam stesen itu untuk beristirahat dengan minum-minum. Dekat pukul 8 malam kami naik ke dalam gerbang penumpang kereta api *Southern Aurora*; tempat duduknya boleh dijadikan tempat tidur setelah kereta api itu bertolak pada pukul 8 malam. Kami makan malam di kereta makan dengan belanja sendiri. Kereta api itu adalah kereta api ekspres, tetapi gerbang-gerbangnya bergoncang kerana dinding-dindingnya mungkin terbuat daripada aluminium. Setelah makan malam di kereta makan, kami tidur. Isteri dan anakku mendapat bilik tidur untuk dua orang, aku mendapat bilik tidur bujang (single). Aku semalam-malaman tidak

dapat tidur dengan nyenyak kerana goncangan yang keras itu. Pada keesokan harinya, iaitu pada hari Rabu bertepatan dengan 17/06/1964, kami dapat menikmati makan pagi di kereta makan itu dan pada pukul 9 pagi, *Southern Aurora* masuk ke kota Sydney dan berhenti di *Central Station*nya yang terletak di dekat pusat kota. Ketika kami turun dari kereta api itu, Sdr. Emanuels dengan isterinya bersama dengan Sdr. Russell Jones menemui kami dan membawa kami ke sebuah gedung kepunyaan Universiti Sydney. Gedung itu terbagi menjadi beberapa petak yang masing-masing terdiri daripada dua atau tiga bilik tidur, lengkap dengan katil, dapur, tandas, bilik mandi dan alat pemanas dengan kuasa elektrik. Kami diberi petak nombor 3 dan diperbolehkan tinggal di situ dengan membayar wang sewa mingguan untuk tiga bulan lamanya.

Bab XL

PERTEMUAN-PERTEMUAN DAN PERMULAAN TUGAS MENGAJAR

PADA hari Rabu itu Sdr. Emanuels dan isterinya mengundang kami makan tengah hari di rumah yang disewanya di kota satelit Beecroft yang hanya lebih kurang 10 km jauhnya dari gedung universiti tersebut. Setelah makan, isteri dan anakku dihantar balik ke tempat tinggal kami dan aku dibawa ke Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya, Universiti Sydney untuk dikenalkan dengan beberapa Assisten Ahli di situ. Kemudian Sdr. Emanuels membawa aku ke Pejabat Konsul Indonesia di Martin Place untuk diperkenalkan dengan Pak Ali Marsaban, Atase Kebudayaan dan Pak Kodrat, Ketua Bagian Imigrasi. Pasport-pasport kami pula diserahkan kepada Sdr. Poerwanto, pembantu Pak Kodrat untuk urusan pasport. Kami minta supaya kami diberi pasport-pasport baru yang berlaku untuk dua tahun lamanya. Pak Kodrat menerima baik permintaan kami dan berjanji bahawa dalam satu minggu pasport-pasport baru akan dikeluarkan dan diberikan kepada kami.

Pada hari Sabtu malam bertepatan dengan 20/06/1964, Sdr. Emanuels dan isterinya mengadakan jamuan selamat datang kepada kami sekeluarga yang juga dihadiri oleh semua ahli Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya yang terdiri daripada pengarah,

tutor (sepenuh masa dan sambilan) dan *teaching fellows* serta Panitera Departemen. Semua tutor sambilan yang berjumlah 4 atau 5 orang itu adalah pelajar Rancangan Colombo (Colombo Plan Students) yang datang ke Australia dari Indonesia untuk memperdalamkan kepandaian dalam bahasa Inggris. Di jabatan tersebut, mereka memberi pelajaran praktikal bahasa Indonesia, semacam latihan bercakap bahasa Indonesia, tetapi mereka harus pulang ke Indonesia setelah masa belajarnya di Australia habis yang biasanya tidak lebih daripada satu tahun lamanya.

Mulai 22/06/1964, aku diberi tugas untuk mengajar Latihan Bahasa Indonesia kepada mahasiswa/mahasiswi Tingkat I dan Bacaan Bahasa Indonesia kepada mahasiswa/mahasiswi Tingkat II dan IV (Kepujian) serta Tingkat III (Lulus). Pelajaran-pelajaran tersebut kuberikan dengan lancar sampai akhir minggu pertama dalam bulan November 1964. Pada waktu itu semua kuliah di universiti ini dihentikan dan segala peperiksaan atau ujian dimulai pada hari Isnin kedua dalam bulan November itu. Setelah hasil ujian para mahasiswa/mahasiswi di tiap-tiap jabatan dipertimbangkan dan diambil keputusan tentang lulus atau tidaknya tiap-tiap mahasiswa/mahasiswi yang mengambil mata pelajaran di jabatan berkenaan, para pensyarah dan pengajar di jabatan itu boleh ber-



*Drs Ia dengan keluarga ber-
gambar di kampus Universiti
Sydney (1965)*

bur sampai pertengahan bulan Februari tahun berikutnya.

Perlu kuterangkan di sini bahawa pada awal bulan September 1964, aku dengan keluargaku telah pindah dari gedung universiti dan menyewa sebuah flat beralamat 40, Prince Street, Randwick. Anakku pun pindah sekolahnya dari Drummorne Primary School ke Randwick Primary School. Dia diterima belajar di Tingkat II. Kerana anak kami masih kecil, isteriku yang berijazah guru dan berdiploma guru bahasa Indonesia belum ada kesempatan untuk melamar menjadi guru bahasa Indonesia di sekolah menengah negeri, tetapi gajiku masih cukup untuk menutup belanja rumah tangga dan membayar wang sewa flat. Dengan demikian hidup kami di Sydney menjadi tenang dan bahagia, terutama setelah kami diberi izin tinggal (stay permit) delapan tahun lamanya. Pada waktu itu aturan Imigresen di Australia masih ketat, iaitu setelah tinggal dua tahun baru boleh mengajukan permohonan tinggal tetap (permanent stay) dan barang siapa yang ingin mohon menjadi warganegara Australia harus sudah tinggal di Australia 15 tahun lamanya. Tetapi izin tinggal sementara yang sah 8 tahun lamanya sudah cukup memuaskan bagi kami, kerana dalam masa 8 tahun itu siapa tahu timbul lain kemungkinan yang membawa kebahagiaan bagi kami.

Bab XLI

PERKEMBANGAN DI JABATAN KAMI DAN PENERBITAN BUKUKU

DALAM bulan Januari 1965, Dr. F. H. van Naerssen, Ketua Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya, Universiti Sydney, telah kembali dari Belanda setelah *cuti sabbatikalnya* (sabbatical leave) untuk memperdalam ilmunya selama satu tahun habis. Di universiti-universiti di Australia, para mahaguru dan pensyarah boleh mengambil cuti sabbatikal satu tahun dengan gaji penuh dan sumbangan belanja perjalanan keluar negeri setelah bekerja 6 tahun lamanya. Pada waktu itu di jabatan kami cuma ada seorang *reader* (semacam pangkat ilmiah yang setaraf dengan Associate Professor), 3 orang pensyarah, seorang *teaching fellow* dan 4 orang tutor sambilan, sedangkan jumlah mahasiswa/mahasiswi tidak kurang daripada tiga ratus orang banyaknya. Di antaranya tidak kurang daripada dua ratus orang yang mengambil pelajaran di Tingkat I. Kelas-kelas bahasa di Tingkat I kebanjiran murid dan kekurangan guru. Permohonan Ketua Jabatan untuk diberi tambahan dua orang pensyarah dan 4 orang tutor tidak diluluskan oleh yang berwajib, tetapi akhirnya diberi izin untuk menambah seorang pensyarah dan seorang tutor kanan tetap (permanent full-time senior tutor).

Untuk melantik pensyarah dan tutor tetap tersebut akan memakan banyak waktu, sedangkan dalam bulan Februari tahun 1965 itu sudah ada lebih kurang 200 mahasiswa/mahasiswi yang mendaftarkan namanya untuk mengambil pelajaran di Tingkat I di Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya. Semasa mesyuarat jabatan dalam bulan tersebut tidak ada pensyarah yang mahu mengajar bahasa Indonesia untuk Tingkat I, maka terpaksa aku mengajukan diri untuk menerima tugas itu jikalau aku dibantu oleh seorang tutor sementara (temporary tutor) yang bekerja sepenuh masa. Oleh kerana tutor sementara itu cuma diberi kontrak kerja satu tahun, tetapi kontrak itu dapat diperbarui tiap-tiap tahun, maka pihak yang berkuasa di Universiti Sydney mahu menerima baik permintaan Dr. F. H. van Naerssen tentang hal ini. Maka 210 orang mahasiswa/mahasiswi Tingkat I itu kubagi menjadi 4 kelas untuk kuliah bahasa, jadi tiap kelas terdiri daripada 50 orang sedangkan kelas-kelas untuk Latihan Bercakap Bahasa Indonesia kuserahkan kepada Sdri. Trees Tan yang dilantik menjadi tutor sepenuh masa sementara untuk membaginya menjadi 21 kelas kecil untuk latihan bahasa tersebut dengan dibantu oleh beberapa tutor sambilan.

Dalam tahun 1965 itu belum ada buku pelajaran bahasa Indonesia yang tercetak menjadi buku, tetapi banyak bahan pelajaran bahasa itu yang distensil. Maka aku bertekad untuk menerbitkan buku pelajaran bahasa Indonesia daripada bahan-bahan yang kustensil dan kuajarkan kepada mahasiswa-mahasiswi Tingkat I. Pada akhir bulan April, 1965, naskah untuk Buku 1 sudah selesai aku karang dan stensil, tetapi kerana naskah itu tertulis dalam bahasa Inggeris, maka aku minta tolong seorang *Research Fellow* di jabatan kami, S.O. Robson namanya, untuk memperbaiki bahasa Inggerisku yang kugunakan dalam naskah tersebut.

Sekarang cuma tinggal soal mencari penerbit yang mahu menerbitkan naskahku itu menjadi buku. Untunglah bagiku ada seorang kerani perempuan di Carslaw Building, tempat aku bekerja, Nona Susan Wiles, yang membantu aku menghubungi Dr. Colin Roderick, Ketua Bahagian Penerbitan, toko buku Angus & Robertson Ltd. di 221, George Street, Sydney. Beliau dengan ramah-tamah menerima kunjunganku dan beberapa hari setelah kuserahkan kepadanya naskah tersebut, pada 05/05/1965, dengan rasmi beliau menyatakan mahu menerbitkan naskah itu menjadi buku. Judul buku itu agak panjang, maka daripada judul *Guide To The Mastery*

of the National Language of Indonesia, kami ubah menjadi *Introducing Indonesian*. Buku yang pertama terbit pada 07/12/1965. Penerbitan pertama hanya 1000 naskah banyaknya dan dalam masa 6 bulan sudah terjual habis, lalu diulang cetak.

Bab XLII

KESEMPATAN MEMBELI RUMAH, NAIK PANGKAT DAN PENERBITAN KESUSASTERAAN MELAYU BARU

SEMENTARA itu dengan wang pinjaman daripada bank yang menjadi jurubank (banker) kepada Universiti Sydney, pada 31/08/1965 aku dapat membeli sebuah rumah di 43, Hinkler Street, Maroubra, lebih kurang 10 km jauhnya dari Universiti Sydney. Aku diwajibkan membayar 10% daripada harga pembelian itu, sedangkan bank tersebut hanya memberikan pinjaman sebesar £5400, tetapi bakinya akan dibayar oleh universiti sebagai *Second Mortgage*. Kerana umurku pada waktu itu sudah 50 tahun, maka aku diwajibkan menjelaskan bayaran *First and Second Mortgages* dalam masa 10 tahun. Pembayaran yang beransur-ansur itu ditolak daripada gajiku tiap-tiap bulan (kemudian diubah tiap dua minggu). Kerana bajak penghasilan dan potongan (yuran) *superannuation* juga ditolak daripada gajiku, maka bakinya hampir tidak cukup untuk menutup perbelanjaan hidup, jadi kami harus hidup dengan sederhana sekali. Pada 07/09/1965, kami pindah ke rumah yang kubeli dan bebaslah aku daripada pembayaran wang sewa flat di Sandwick. Ini merupakan keringanan yang sangat bererti.

Sebelum kejadian tersebut, pada 05/07/1965, Pendaftar Universiti Sydney mengirim surat edaran kepada para pensyarah,



1931. Ti dan keluarga bergambar di samping rumahnya di Hinkler Street, Manubra, Sydney (1931)

mempersilakan mereka mengajukan permohonan untuk naik pangkat menjadi Pensyarah Kanan (Senior Lecturer). Syarat-syarat untuk naik pangkat yang akan dipertimbangkan oleh suatu Jawatankuasa yang berhak memutuskan siapa yang dianggap boleh diusulkan kepada Dewan Mahaguru (Professorial Board) untuk dinaikkan pangkatnya ialah pemohon harus mempunyai penerbitan atau hasil kajiannya yang bersifat ilmiah dan berharga, ditambah pula harus telah memberi sumbangan yang berguna bagi tatusaha dan/atau kemajuan jabatannya. Pada waktu itu belum ada aturan bahawa pemohon harus sudah bekerja di Universiti Sydney paling kurang tiga tahun lamanya.

Kerana aku sangat memerlukan tambahan gaji untuk membantu menutup belanja hidupku dan keluargaku, maka aku telah mengambil keputusan untuk mengajukan permohonan itu, tetapi aku harus ingat bahawa Meester Emanuels yang telah bekerja 3 tahun lamanya dan pernah menjadi Pemangku Ketua satu tahun lamanya belum juga dinaikkan pangkatnya, jadi masih tetapi menjadi pensyarah. Maka untuk mengindahkan senioritinya, aku harus menjemput beliau untuk bersama-sama mengajukan permohonan naik pangkat ke tingkat Pensyarah Kanan. Aku sangat gembira kerana akhirnya beliau bersetuju akan usulku itu.

Mengenai karya yang bersifat ilmiah, aku telah menyelesaikan dan menyelidikanku tentang kesusasteraan Melayu baru pada 17/02/1965 dengan menggunakan bahan-bahan yang dapat dikumpulkan di Singapura ketika aku bekerja di Universiti Nanyang. Naskahnya terdiri daripada 154 muka surat dan terbagi menjadi empat bab (chapters).

Naskah itu akan kuusahakan supaya dapat diterbitkan di Kuala Lumpur dengan judul Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945. Tentang sumbanganku bagi tatusaha dan/atau kemajuan Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya, aku dapat mengemukakan bahawa dalam bulan Februari 1965, ketika tidak ada pensyarah lainnya yang mahu dibebani dengan tugas mengajar lebih kurang 200 mahasiswa/mahasiswi Tingkat I, akulah yang mahu menerima tugas itu dan aku juga telah selesai mengarang bahan pelajaran bahasa Indonesia untuk tingkat itu. Naskah untuk aku 1 sudah siap pada akhir bulan April, 1965 dan telah diterima oleh Angus and Robertson Limited di Sydney untuk penerbitannya.

Berdasarkan fakta-fakta tersebut, pada 26/07/1965 aku dengan rasmi mengajukan permohonan kepada Universiti Sydney melalui Dr. F. H. van Naerssen (Ketua Jabatan) dan Puan M.A. Telfer (Pendaftar). Aku juga telah minta Prof. Dr. Slamet Muljana di Universitas Indonesia di Jakarta dan Cikgu Suri Mohyani dari Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan di Singapura untuk mengkaji naskhahku tersebut dan mengirim ulasannya kepada Universiti Sydney melalui Dr. F. H. van Naerssen.

Dalam bulan September 1965, aku menghubungi Sdr. Arena Wati, Pengarang Pustaka Antara di Kuala Lumpur, untuk menanyakan sama ada Pustaka Antara bersedia menerbitkan dua naskhahku yang berjudul Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945 dan Pengantar Ilmu Tatakata Melayu. Dalam masa 4 (empat) hari setelah kukirim suratku itu, Sdr. Arena Wati telah menjawab bahawa ia merasa sangat gembira menerima pertanyaanku itu dan ia minta supaya kedua-dua naskhah itu segera kukirinkan kepadanya untuk dikaji dengan teliti. Pada 30/09/1965, kukirinkan naskhah-naskhah itu kepadanya untuk dikaji dengan teliti dan pada 04/10/1965, Sdr. Arena Wati telah memberi keputusannya begini: Naskhah pertama dapat diterima oleh Pustaka Antara untuk penerbitannya kerana isinya menggalakkan dan sesuai dengan program penerbitannya dan aku diminta supaya segera menyusun sambungannya, iaitu Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Modern, 1945-1965. Mengenai naskhah yang kedua, kerana bersifat buku pelajaran untuk sekolah menengah, Pustaka Antara tidak dapat menerbitkannya, walaupun isinya amat menarik dan berguna.


Aku merasa gembira sekali dengan keputusan tersebut dan aku bersyukur bahawa aku telah memilih penerbit yang pengarangnya begitu efisien, jujur dan simpatik. Dijangkakan bahawa buku Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945 akan selesai dicetak dan terbit dalam bulan Jun 1966.

Bab XLIII

KEKECEWAAN, HARAPAN BARU DAN GALAKAN

PADA 02/11/1965, aku menerima surat daripada Pendaftar Universiti Sydney yang isinya mengatakan bahawa permohonanku untuk naik pangkat ke tingkat Pensyarah Kanan tidak berhasil. Daripada Dr. F.H. van Naerssen aku dapat mengetahui sebabnya permohonanku gagal sedangkan permohonan Sdr. Emanuels berhasil, ialah kerana aku baru bekerja satu tahun dan dalam sejarah Universiti Sydney, belum pernah ada pensyarah yang baru bekerja satu tahun dapat dinaikkan pangkatnya. Walaupun aku sangat kecewa atas keputusan itu, tetapi aku tidak beriri hati terhadap berhasilnya Sdr. Emanuels dinaikkan pangkatnya menjadi Pensyarah Kanan. Keputusan Universiti Sydney untuk menaikkan pangkatnya itu adalah adil dan tepat, kerana bukan saja beliau telah bekerja genap tiga tahun lamanya, bahkan beliau pernah menjadi Pemangku Ketua selama tahun 1964.

Kekecewaanku itu ditambah dengan suatu hal yang sangat menyedihkan hatiku, iaitu Sdr. Russell telah minta berhenti dari Universiti Sydney dan akan pindah ke Leiden, Holland untuk menyelesaikan tesisnya yang akan disampaikan kepada *matemanya* di London, iaitu Universiti London, untuk mencapai



gelar Ph.D. Untunglah dalam pertengahan tahun 1965 itu Sdr. Soemarjono, yang dilantik menjadi Tutor Kanan, telah tiba di Sydney, jadi aku tidak merasa sangat kesepian. Tetapi pada 20/12/1965, Universiti Nanyang di Singapura ada memuat iklan dalam akhbar Straits Times mencari seorang *Professorial Head* dan seorang profesor untuk Jabatan Pengajian Melayunya. Sudah barang tentu hatiku tertarik oleh iklan itu kerana kedudukan *Professorial Head* atau profesor adalah jua lebih bagus daripada pangkat Pensyarah Kanan atau Pensyarah. Maka pada 03/01/1966, aku mengirim surat kepada Pendaftar Universiti Nanyang di Singapura untuk melamar jawatan *Professorial Head*. Aku juga minta Sdr. Asraf dari Oxford University Press di Kuala Lumpur dan Cikgu Suri Mohyani dari Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan di Singapura untuk menjadi *referee-refereku*.

Pada 06/07/1966, buku Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945 telah terbit di Kuala Lumpur dan pada hari itu juga Sdr. Arena Wati mengirimi aku senaskhah buku itu dengan pos udara sebagai hadiah dan berjanji akan mengirim lima naskhah lagi dengan pos laut. Ini sesuai dengan kebiasaan bahawa penerbit memberikan enam buah naskhah sebagai hadiah kepada penulisnya. Dalam suratnya bertarikh 06/07/1966, yang dilampirkan dalam buku tersebut, beliau menulis pada akhir surat itu begini: "Kami berdoa semoga saudara sihat selalu, dan dapat bekerja dengan lancar, mudah-mudahan buku berikutnya dapat siap naskhahnya tahun ini juga dan dapat diterbitkan tahun depan. Kita amat memerlukan buku begini." Semuanya itu merupakan galakan kepadaku untuk menyelesaikan penulisan naskhah buku sambungannya yang berjudul Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Modern, 1945-1965 secepat mungkin.

Perlu kuterangkan di sini bahawa pada akhir tahun 1966 ini, Sdr. Dr. B. Simandjuntak telah dilantik menjadi pensyarah di jabatan kami. Ini sesuai dengan keputusan Universiti Sydney dalam tahun 1965. Dr. Simandjuntak adalah lulusan Ph.D dari Universiti Oxford di England dan sebelum datang ke Sydney pernah menjadi Guru Besar di salah sebuah sekolah menengah di Bandar Seri Begawan di Brunei. Aku merasa senang hati mendapat kawan baru yang tugasnya ialah memberi kuliah dalam bidang sejarah Malaysia khususnya dan Indonesia umumnya). Sejak awal tahun 1966 itu, tugasku ialah menggantikan tugas Sdr. Russell Jones untuk

memberi kuliah tentang bahasa dan sastra Melayu kuno dan moden, termasuk mengajar tulisan jawi kepada mahasiswa/mahasiswa Tingkat II dan III. Ketika aku masih menjadi mahasiswa di Fakultas Sastra, Universiti Indonesia di Jakarta, aku pernah belajar tulisan jawi daripada alahyarham bapak Nur Sutan Iskandar, bekas Pengarang Balai Pustaka di Jakarta. Jadi kuliah Bahasa Indonesia dan Latihan Bahasa Indonesia telah diambil alih oleh Sdr. Soemarjono dengan pembantu-pembantunya.

Bab XLIV

BALIK KE UNIVERSITI NANYANG ATAU TETAP DI UNIVERSITI SYDNEY

KEMBALI kepada lamaranku untuk kedudukan *Professorial Head*, Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Nanyang, Singapura, yang diajukan pada 03/01/1966, sudah enam bulan lamanya belum juga ada khabar ceritanya, tiba-tiba pada 04/07/1966 Pendaftar-nya, Mr. Wang Tso, menulis surat kepadaku yang isinya mengatakan bahawa lamaranku masih dalam pertimbangan. Sudah barang tentu aku merasa kesal hati terhadap kelambatan Universiti Nanyang untuk mengambil sesuatu keputusan. Maka ketika Pendaftar Universiti Sydney pada 05/07/1966 mengirimi kepadaku sehelai surat edaran yang mempersilakan para pensyarah mengajukan permohonan naik pangkat menjadi Pensyarah Kanan, aku mengambil keputusan untuk mengajukan permohonan itu bagi kali yang kedua. Ini terjadi pada 29/07/1966. Tiba-tiba dengan tidak terduga juga, Pendaftar Universiti Nanyang pada 15/08/1966 menulis kepadaku, menyatakan bahawa lamaranku untuk jawatan *Professorial Head* tidak berhasil, tetapi Universiti Nanyang akan merasa senang kalau aku mahu dipertimbangkan untuk kedudukan Profesor Pengajian Melayu dengan kontrak tiga tahun yang setelah habis tempohnya boleh diberi perpanjangan tiap lima tahun sekali.

Menimbang bahawa permohonanku untuk naik pangkat menjadi Pensyarah Kanan belum tentu terkabul, maka aku segera membalas surat tersebut, menyatakan bahawa aku suka dipertimbangkan untuk jawatan profesor. Tetapi dalam hatiku telah ada keputusan, mana saja yang terlebih dulu mengabulkan permohonanku, tentulah akan kuterima baik. Tiba-tiba pada 12/09/1966, Sdr. Emanuels meninggal dunia, mungkin kerana putus asa menghadapi kesukaran dalam perkahwinan dan percintaan. Pada lebih kurang pukul 10 pagi, ketika Setiausaha Jabatan membuka pintu pejabatnya, didapatinya Sdr. Emanuels telah meninggal dunia di atas kerusinya, mungkin kerana minum ubat tidur berlebih-lebihan. Aku sangat terharu kerana kehilangan seorang sahabat yang ramah-tamah dan budiman. Sayangnya beliau tidak mahu bertukar-tukar fikiran dengan kawan-kawannya yang mungkin dapat membantu mengatasi kesukarannya itu. Tetapi nasi sudah menjadi bubur, kami tidak dapat berbuat apa-apa selain sangat berdukacita dan secara gotong-royong kami meneruskan tugasnya mengajar yang masih harus diselesaikan.

Mengingat bahawa Dr. F. H. van Nacrssen adalah salah seorang ahli dalam Jawatankuasa yang akan mempertimbangkan semua permohonan naik pangkat daripada pensyarah-pensyarah yang mengajukan permohonan, aku merasa bahawa aku harus memperlihatkan kepada beliau surat dari Universiti Nanyang yang mengatakan bahawa mereka dengan senang hati akan mempertimbangkan aku untuk dilantik menjadi Profesor Pengajian Melayu. Tindakanku ini tentu akan menggalakkan beliau untuk menyakinkan kepada Jawatankuasa tersebut bahawa tidak baik akibatnya kalau Universiti Sydney kehilangan dua orang pensyarah, yang satu kerana meninggal dunianya Sdr. Emanuels dan yang satu lagi ialah aku akan berhenti bekerja dan pindah ke Universiti Nanyang. Kebetulan juga pada 16/09/1966, buku karanganku yang berjudul *Introducing Indonesian, Book II* telah terbit dan dapat kutambahkan kepada semua karyaku yang perlu diketahui oleh Jawatankuasa tersebut. Harapanku untuk naik pangkat tidak sia-sia dan betapa girangnya hatiku ketika pada 06/12/1966 aku menerima surat daripada Pendaftar Universiti Sydney yang menyatakan bahawa permohonanku untuk menjadi Pensyarah Kanan telah diluluskan oleh Senat atas rekomendasi Jawatankuasa yang dilantik oleh Dewan Mahaguru (Professional Board). Kenaikan pangkat itu berlaku mulai 01/01/1967. Dengan

demikian aku telah memecahkan rekod tentang kebiasaan di Universiti Sydney bahawa pensyarah yang dapat dinaikkan pangkat menjadi Pensyarah Kanan harus sudah bekerja sedikitnya tiga tahun. Kalau aku tak salah ingat, kebiasaan tersebut akhirnya dijadikan peraturan yang rasmi.

Sejak bulan Oktober 1965, aku sudah mulai mengkaji buku-buku dan bahan-bahan yang berhubungan dengan sejarah pergerakan dan kesusasteraan Melayu moden untuk tempoh 1945-1965 yang banyak sekali jumlahnya dan tidak sedikit yang susah diperoleh kerana tidak dicetak lagi (out of print) atau terserak-serak dalam majalah atau surat khabar yang harus diusahakan pengumpulannya. Oleh kerana aku sudah berjanji dengan Sdr. Arena Wati bahawa aku bersedia menulis sambungan Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945, maka mahu tak mahu aku harus menepati janji itu. Maka selain memberi kuliah di Universiti Sydney, kugunakan semua tempoh senggangku untuk mengkaji buku-buku dan bahan-bahan tersebut yang mana boleh didapati dan menyusunnya menjadi naskhah setindak demi setindak.

Tiba-tiba pada 07/02/1967, aku menerima surat daripada Mr. Wang Tso, Pendaftar Universiti Nanyang, yang isinya merasmikan perlantikanku menjadi Profesor Pengajian Melayu mulai 01/04/1967 sampai 31/03/1970, jadi hanya tiga tahun lamanya, tetapi jikalau kedua-dua pihak bersetuju, kontrak itu dapat diperpanjang tiap lima tahun sekali. Jikalau aku dapat menjadi warganegara Singapura atau penduduk tetap di Singapura, kontrak pembaruan itu akan dijadikan kontrak tetap sampai masa bersara pada waktu aku berumur 60 tahun; dan kalau universiti masih memerlukan perkhidmatanku dan kesihatanku masih baik, universiti mahu memberi perpanjangan setahun sekali sampai aku mencapai usia 65 tahun. Gajiku tiap bulan ditetapkan berjumlah \$1250, ditambah *tunjangan* (bantuan) keluarga S\$400, tetapi akan dikurangi 15% daripada gaji pokok untuk sewa perumahan di kampus; tiap tahun ada tambahan S\$50 untuk gaji pokok sampai maksimum \$1500.

Walaupun aku dalam bulan Ogos 1966 telah berazam akan menerima baik mana saja yang lebih dulu mengabdikan permohonanku, tetapi pangkat profesor adalah lebih tinggi daripada pangkat *Associate Professor* atau Pensyarah Kanan. Oleh kerana itu hatiku menjadi bimbang dan dengan sendirinya aku berfikir panjang. Maka

aku bersembahyang kepada Tuhan Yang Maha Esa supaya memberi ilham kepadaku untuk mengambil suatu keputusan yang jitu mengenai soal pindah bekerja di Singapura atau tetap saja di Sydney. Hampir satu minggu lamanya barulah aku yakin bahawa aku tidak harus gila pangkat tanpa mengingat bahawa Pejabat Imigresen di Singapura dalam tahun 1964 pernah menolak permohonanku untuk tinggal tetap dan Pemerintah Singapura tidak mempunyai *State Superannuation Fund*, ditambah pula Universiti Nanyang tidak punya *Staff Members' Housing Scheme* yang dapat memberi pinjaman wang untuk membeli rumah dan *last but not least*, persekolahan anakku yang tunggal patut ditimbang dengan teliti. Tidak baik bagi dia berpindah-pindah sekolahnya, dulu dari Singapura pindah ke Sydney, dan sekarang mahu dipindahkan lagi dari Sydney ke Singapura dengan kemungkinan kelak kemudian hari akan dipindahkan lagi ke Sydney kalau kontrak kerjaku di Universiti Nanyang tidak diperpanjang. Alhasil pada 14/02/1967, dengan bulat hati aku menulis surat kepada Pendaftar Universiti Nanyang untuk mengucapkan terima kasih atas penghormatan yang diberikannya kepadaku kerana melantik aku menjadi profesor, tetapi suratnya terlalu lambat datangnya sehingga aku sudah menerima baik kenaikan pangkat yang diberikan kepadaku oleh Universiti Sydney, maka aku mempunyai *morale obligation* untuk tetap bekerja di Universiti Sydney dan dengan sangat menyesal aku tidak dapat menerima baik perlantikan itu.

Bab XLV

BERTUNGKUS-LUMUS

MENGARANG BUKU DAN AKIBATNYA

SETELAH urusan dengan Universiti Nanyang beres, hatiku menjadi tenang dan dapat meneruskan penulisan naskhah Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden, 1945-1965. Untungnya pekerjaanku di Universiti Sydney menjadi agak ringan dengan pertolongannya Sdr. Drs. R. C. de Jongh sebagai pensyarah dan Dr. Ph. van Akkeren sebagai Pensyarah Kanan dalam tahun 1967. Mereka datang dari Belanda. Perlu kuterangkan di sini bahawa dalam tahun 1966, ada lagi khabar baik, iaitu lenyapnya konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dengan ditandatanganinya Perjanjian Perdamaian antara kedua-dua negara pada 11/08/1966 di Kementerian Luar Negeri di Jalan Pejambon, Jakarta oleh Adam Malik dan Tun Abdul Razak. Oleh kerana itu Prof. Dr. Tjan Tjoe Siem, bekas Ketua Fakultas Sastera Universitas Indonesia di Jakarta dapat dilantik menjadi *Professorial Head Malay Studies*, Universiti Nanyang di Singapura, sedangkan Prof. Dr. Slamet Muljana dapat dilantik menjadi *Professor Malay Studies* tersebut. Aku turut bersukacita atas penyediaan Universiti Nanyang mendapat tenaga pengajar yang dapat menggantikan.

Setelah bertungkus-lumus lebih kurang dua tahun lamanya,

selesailah sudah naskah tersebut dan pada akhir bulan Mei 1967, naskah itu telah kukirinkan kepada Sdr. Arena Wati untuk di-
semak dan dikirinkan kepada percetakan untuk diterbitkan se-
lekas mungkin. Dengan perhatian yang luar biasa oleh Sdr. Arena
Wati, buku Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu
Moden, 1945-1965 telah selesai dicetak dan dijahit oleh pencetak-
nya, iaitu MPH Printers Sdn. Bhd. di Singapura pada 20/05/1968
dan senaskhah buku hadiah yang dikirim dengan pos udara oleh
Sdr. Arena Wati telah kuterima pada 05/06/1968 dengan perasaan
lega dan bersyukur. Buku itu setebal 551 halaman. Pustaka Antara
ada memuat iklan yang besar dalam akhbar Berita Harian tentang
terbitnya buku tersebut. Menurut khabar yang kuterima daripada
kawan-kawan di Kuala Lumpur, terbitnya buku tersebut agak
menggemparkan dunia sastera di Malaysia kerana sehingga tahun
1968, belum pernah ada penerbitan semacam itu sejak Malaya
mencapai kemerdekaan pada 31/08/1957, apalagi yang ditulis oleh
seorang sarjana sastera keturunan Tionghua. Banyak orang yang
memuji, tetapi juga tidak sedikit orang yang mengkritik dengan
mengatakan bahawa penulisan buku itu kurang teliti dan sebagainya.
Aku tidak perlu menjawab kritikan itu kerana Sdr. Arena Wati telah
berbuat begitu dengan berkata kepada orang-orang yang meng-
kritik, begini: "Kalau saudara mengatakan bahawa buku karangan
Drs. Li kurang teliti penulisannya, baiknya saudara menulis dan
menerbitkan buku semacam itu dengan lebih teliti, jangan cuba
mengkritik saja; hendaknya saudara maklum bahawa Drs. Li ber-
tungkus-lumus selama dua tahun, hampir lupa makan dan lupa
tidur, barulah berhasil menyelesaikan penulisannya itu."

Memang hanya Sdr. Arena Wati sajalah yang mengerti betapa
beratnya pekerjaan mengkaji bahan-bahan sejarah pergerakan dan
kesusasteraan, kemudian menyusun hasil pengkajian yang sudah
dianalisa itu menjadi naskhah yang harus ditaip. Tiap hari sehabis
memberi kuliah, aku terus duduk di pejabatku untuk mengerjakan
penulisan naskhah itu. Hari Sabtu dan hari Ahad dari pagi hingga
malam juga kugunakan untuk penulisan itu, kadang-kadang kalau
ada ilham datang, dengan segera kutulis sampai selesai sehingga
terlambat makan dan terlambat tidur. Aku masih ingat betapa
kecewanya hati anakku yang tunggal dan baru berusia 11 tahun
kerana tidak berhasil mengajak aku bermain-main, hanya kusuruh
dia menonton televisyen saja. Sampai sekarang kalau aku ingat akan

hal itu, aku merasa agak berdosa terhadap anakku itu. Sebagai akibat bekerja berat tanpa rehat itu, aku mendapat semacam penyakit yang harus dibedah oleh ahli bedah di hospital.

Oleh doktor keluarga kami aku diperkenalkan kepada Prof. Ludbrook, mahaguru ilmu bedah di Universiti New South Wales yang setelah memeriksa kesihatanku, menetapkan bahawa aku harus masuk Hospital Prince Henry pada 15/01/1968. Hospital itu hanya lebih kurang 5 km jaraknya dari rumahku, jadi mudah bagi isteri dan anakku untuk melawat aku. Pada tarikh tersebut aku masuk ke hospital itu dan diharuskan berpuasa sejak tengah malam pada hari itu kerana keesokan harinya pembedahan akan dilakukan. Semalam-malaman aku tidak dapat tidur dengan nyenyak kerana memikirkan bahawa segala pembedahan, baik besar mahupun kecil, semuanya ada risikonya. Dimisalkan pembedahan itu tidak berhasil dan mendatangkan bahaya, bagaimanakah akibatnya terhadap anakku yang baru berusia 12 tahun dan isteriku yang sudah tidak muda lagi? Akhirnya aku menyerahkan diriku kepada Tuhan Yang Maha Pengasih dan berdoa supaya aku diberi keselamatan sepanjang pembedahan itu. Untungnya aku ada masuk insurans nyawa (life insurance) dan *State Superannuation Fund*. Jadi dimisalkan aku meninggal dunia di meja bedah, penghidupan isteri dan anakku ada jaminannya. Maka aku tertidur juga menjelang fajar menyingsing keesokan harinya.

Kerana pada tarikh 16/01/1968 itu adalah hari untuk pembedahan yang harus dilakukan oleh Prof. Ludbrook dan pesakit-pesakitnya yang akan dibedahnya tidak sedikit, maka aku harus menunggu sampai lebih kurang pukul 1 tengah hari barulah sampai giliranku untuk dibawa masuk ke dalam bilik bedah. Di depan pintu bilik bedah, kereta sorong yang digunakan untuk membawa aku berhenti sebentar. Prof. Ludbrook datang memberi salam kepadaku, lalu datang seorang doktor ubat bius (anaesthetist) yang menyuntik tanganku. Dalam masa 30 detik aku sudah tidak sedarkan diri, tahu-tahu aku dibisiki jururawat yang mengatakan kepadaku: "*Your operation is finished; you are now in the recovery room.*" Dalam keadaan setengah sedar aku yang terbaring di atas kereta sorong, disorong balik ke bilik tidurku, di mana isteri dan anakku sudah menunggu. Aku tertidur lagi dan sedar pada tengah malamnya, barulah merasa sakit di bahagian badan yang dibedahku. Keesokan harinya aku sudah disuruh bangun untuk belajar jalan.

Akhirnya pada 22/01/1968, aku sudah diperbolehkan pulang dan beristirahat di rumah. Pada waktu itu aku mendengar khabar bahawa Sdr. M. Balfas pada 16/01/1968 sudah tiba di Sydney untuk menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya, Universiti Sydney. Aku ingat bahawa pada 09/12/1967 aku pernah berjumpa dengan Sdr. Idrus di Kedutaan Besar Republik Indonesia di Canberra sewaktu diadakan pertemuan para warganegara R.I. yang mengajar di Australia. Beliau menjadi Pensyarah Kanan di Universiti Monash di Melbourne. Aku merasa hairan mengapa Idrus dan Balfas pindah ke Australia, sedangkan Malaysia sebetulnya memerlukan tenaga mereka untuk memajukan perkembangan kesusasteraan Melayu. Mungkin kerana di Australia lebih banyak peluang untuk kebahagiaan individu. Aku sendiri pun terpaksa pindah dari Singapura ke Sydney. Kedua-dua mereka sekarang sudah meninggal dunia.

Bab XLVI

BERKUNJUNG SEMULA KE SINGAPURA DAN KUALA LUMPUR

WAKTU kuliah di Universiti of Sydney dimulai pada awal bulan Mac 1968, kesihatanku sudah pulih dan dapat memberikan kuliah seperti biasa, tetapi aku mesti membatalkan niatku untuk menulis apa-apa lagi supaya fikiranku betul-betul tenang dan badan tidak kekurangan tenaga. Namun begitu apabila pada 05/06/1968 aku menerima senaskhah buku hadiah daripada Sdr. Arena Wati, iaitu karyaku sendiri yang baru terbit dengan judul *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Modern, 1945-1965*, semangatku sebagai penulis berkobar pula kerana khabarnya bukuku itu agak menggemparkan dunia penulisan dan sasterawan di Malaysia dan Singapura. Aku ingin menulis sebuah karya yang lebih mendalam, tidak hanya berupa IKHTISAR saja. Aku harus pergi ke Singapura dan Kuala Lumpur untuk mencari dan mengumpulkan bahan-bahan yang berkenaan dengan karya yang akan kukerjakan itu.

Kunyatakan keinginanku itu kepada *Lee Foundation* di Singapura dan mohon diberi bantuan belanja perjalanan ke Singapura dan Malaysia. Alhasil aku diberi wang A\$500.00 untuk maksud tersebut. Dengan demikian aku hanya menambah beberapa ratus dolar Australia untuk membeli tiket kapal terbang ke Singapura

pulang-pergi, kerana perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur pulang-pergi akan kulakukan dengan naik kereta api supaya tidak terlalu banyak wang keluar. Aku bertolak dari Sydney pada 27/12/1968 dengan naik kapal terbang Malayan Airways dan apabila kapal terbang mendarat di Lapangan Terbang Paya Lebar di Singapura, ada beberapa orang bekas kawan sekerja dan mahasiswa Universiti Nanyang yang menjemput aku di pintu keluar lapangan terbang tersebut. Aku menginap di rumah Sdr. Drs. Tan Ta Sen di daerah Bukit Timah. Keesokan harinya aku meninjau Universiti Nanyang dan bertemu dengan beberapa orang bekas kawan sekerja. Tiga hari kemudian aku pindah menginap di sebuah flat di daerah Katong yang disewa oleh Sdr. Kwee Wee Teng dan Sdr. Chiu Kim Hua. Mereka adalah siswazah Universiti Nanyang dan sebelum aku berangkat dari Sydney, aku telah berjanji akan menginap di tempat tinggalnya juga. Aku juga mengunjungi Cikgu Suri Mohyani di Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan di bandar Singapura. Beliau sangat gembira bertemu lagi dengan aku. Kebetulan buku terjemahanku tentang empat cerpen *Lu Hsun* dengan pengenalan yang lengkap dan berjudul *Ab-So Hsiang-Lin dan Cerpen-Cerpen Lain* baru saja terbit dan aku diberi hadiah sepuluh naskhah untuk peringatan. Harga buku itu hanya satu dolar Singapura. Seribu naskhah yang dicetak oleh Pejabat Cetak Negara Singapura terjual habis dalam masa beberapa bulan saja.

Pada 07/01/1969, aku bertolak dengan kereta api ke Kuala Lumpur dan ketika aku turun di Stesen Kereta Api Kuala Lumpur, Sdr. Arena Wati dan seorang bekas muridku di Jakarta yang pada waktu itu ada membuka perusahaan tenun di Petaling Jaya sudah menunggu di *peron* (tempat menunggu). Aku menginap di rumah Sdr. Yau Yan Sau, tuan punya perusahaan tenun tersebut. Keesokan harinya Encik Aziz (sekarang Datuk), tuan punya Pustaka Antara, mengadakan jamuan makan tengah hari di suatu flat yang biasanya digunakan untuk menerima tamu yang mahu menginap di situ; banyak penulis dan sasterawan yang hadir dan diperkenalkan kepadaku.

Pada 09/01/1969 Sdr. Asraf, Pengarang Bahagian Melayu di Oxford University Press menjemput aku makan di sebuah restoran Melayu yang khabarnya dimiliki oleh isteri Tunku Abdul Rahman. Kerana di Sydney dalam tahun 1968/1969 belum ada restoran Melayu dan sudah lama aku tidak ada kesempatan untuk

makan rendang, sate dan gado-gado, maka nafsu makanku tidak kecil dan aku makan sampai kenyang sekali. Setelah itu kami berjalan kaki untuk mencari teksi. Waktu itu kebetulan tengah hari dan matahari terik sekali panasnya sehingga aku merasa lelah sekali. Setelah dapat teksi aku diturunkan di depan bangunan Pustaka Antara, kerana aku sudah berjanji dengan Sdr. Arena Wati untuk bersama-sama pergi menemui Drs. (sekarang Prof. Datuk Dr.) Ismail Hussain di pejabat Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya di Lembah Pantai. Selagi kami bercakap-cakap dengan beliau, tiba-tiba aku diserang sesak dada (chest pain). Dengan segera Drs. Ismail Hussain menelefon pihak kantin universiti agar dibawakan dua biji tablet *cardan* untuk kuminum dengan air. Tablet pertama tidak menolong, tetapi setelah menelan tablet kedua, nafasku pulih kembali. Lalu Sdr. Arena Wati menasihatkan aku supaya menghentikan interviu dan pulang ke Petaling Jaya. Waktu kami minta diri kepada Drs. Ismail Hussain, beliau menjemput aku datang ke rumahnya untuk makan malam esoknya. Kuterima baik jempukan itu.

Selagi Sdr. Arena Wati menemani aku turun tangga dari pejabat tersebut, tiba-tiba kami bertemu dengan Sdr. Goh Then Chye, bekas mahasiswa Universiti Nanyang yang pada waktu itu menjadi pensyarah (sekarang Profesor Madya) bahasa Tionghua di Universiti Malaya. Beliau mempunyai motokar. Apabila beliau mengetahui bahawa aku baru saja diserang sakit dada, beliau segera membawa aku dan Sdr. Arena Wati ke sebuah klinik di Petaling Jaya. Di situ ada banyak doktor, tetapi yang pada waktu itu tidak sibuk hanya seorang doktor wanita. Aku percaya saja bahawa doktor wanita pun dapat menolong aku. Khabarnya beliau adalah siswazah Universiti Sydney. Setelah selesai pemeriksaannya, aku disuruh beristirahat dan diberi tablet kecil-kecil untuk dimakan setelah makan nasi. Sdr. Goh dan Sdr. Arena Wati menghantarkan aku ke tempat tinggalku di rumah Sdr. Yau Yan Sau. Pada waktu itu aku tidak sedar bahawa aku baru saja kena semacam serangan jantung yang tidak hebat, *angina* namanya, sama dengan serangan yang pernah dialami dalam tahun 1939 di Solo, juga sembuh dengan makan tablet *cardan* saja. Sayangnya doktor wanita tersebut tidak memberi keterangan yang cukup, hanya memberi ubat saja, tetapi aku tetap bersyukur kepada Tuhan kerana aku telah luput daripada bahaya maut.

Pada pukul 6 petang bertepatan dengan 10/01/1969, Sdr. Goh Then Chye datang ke tempat tinggalku dengan maksud hendak membawa aku ke rumah Drs. Ismail Hussain untuk menghadiri perjamuan makan malam bersama dengan beberapa orang mahasiswa dari Sarawak. Oleh kerana badanku masih lemah, maka terpaksa aku minta Sdr. Goh menyampaikan permintaan maafku kepada Drs. Ismail Hussain kerana tidak dapat menetapi janji untuk hadir kerana kesihatanku tidak mengizinkan. Khabarnya banyak sekali makanan dan minuman yang telah disediakan. Aku harap beliau tidak akan berkecil hati atas ketidak-hadiranku itu!

Setelah beristirahat lebih kurang satu minggu lamanya, aku sudah merasa kuat untuk diinterview di depan kamera di dalam bilik gedung Televisyen Malaysia tentang penulisan bukuku yang berjudul *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Modern, 1945-1965*. Hal ini terjadi pada 17/01/1969 dan pada malamnya interview tersebut disiarkan di Televisyen Malaysia. Jadi kunjunganku ke Malaysia kali ini benar-benar mendapat perhatian para penulis dan sasterawan Melayu, bahkan Televisyen Malaysia pun mahu menginterview aku dan menyiarkannya dalam siarannya.

Setelah dapat mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan, aku balik ke Singapura dengan kereta api pada 20/01/1969. Sdr. Yau Yan Sau dan Sdr. Arena Wati semuanya berada di peron untuk mengucapkan selamat jalan kepadaku. Di stesen kereta api di Singapura, aku disambut oleh Sdr. Kwee Wee Teng yang membawa aku ke flatnya untuk penginapanku selama tiga hari. Menurut nasihat Prof. Hsu Yun-ts'iao, baiknya aku membagi dua hal penginapanku di Singapura kerana ada dua orang siswazah Universiti Nanyang yang bersedia menerima aku bermalam di tempat tinggal mereka. Dengan demikian kami semua bersetuju mengambil jalan tengah, iaitu secara bergiliran aku menginap di tempat tinggal masing-masing. Ini sungguh suatu cara yang agak luar biasa!

Setelah tiga malam menginap di flat Sdr. Kwee Wee Teng pada 23/01/1969, Drs. Tan Ta Sen datang untuk membawa aku menginap di rumahnya. Sementara itu aku berjumpa dengan Sdr. Lim Huan Boon, bekas penolong pensyarah bahasa Melayu di Universiti Nanyang; ia mengatakan kepadaku bahawa anak lelakinya, Michael namanya, sudah diterima masuk di sebuah Sekolah Menengah Atas di Adelaide, ibu kota Australia Selatan dan akan terbang ke Australia pada 28/01/1969; ia minta aku supaya mengubah

hari pulangku ke Sydney dari tarikh 26/01/1969 ke tarikh 28/01/69. Aku tidak dapat memenuhi permintaannya itu kerana dalam bulan Januari 1969 itu ada banyak sekali pelajar dari Malaysia dan Singapura yang akan terbang ke Australia untuk masuk universiti, jadi tidak mudah untuk mengubah tarikh berangkat. Maka Sdr. Lim hanya minta aku supaya sudi menginap di rumahnya satu malam agar dapat bercakap-cakap tentang keadaan di Australia. Apa bolch buat! Aku terpaksa pindah dari rumah Drs. Tan Ta Sen pada 25/01/1969, iaitu hari terakhir aku berada di Singapura. Hal perpindahan itu agaknya menyinggung perasaan Drs. Tan Ta Sen dan isterinya kerana mengikut kemahuan mereka, hari terakhir tinggalku di Singapura seharusnya di rumah mereka. Aku merasa menyesal atas perpindahanku itu dan sampai hari ini aku masih ingat betapa kecewanya Drs. Tan Ta Sen dan isterinya atas keputusanku itu. Tetapi aku telah minta maaf!

Pada 26/01/1969, lebih kurang pukul 8 pagi, Sdr. Lim Huan Boon menghantar aku ke Lapangan Terbang Paya Lebar. Di depan pintu masuk sudah menunggu orang-orang yang akan memberi selamat jalan kepadaku, iaitu Prof. Hsu Yun-ts'iao, Tuan Wu T'ee-jen, suami-isteri Drs. Tan Ta Sen dan suami-isteri Sdr. Kwee Wee Teng. Setelah mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan minta diri kepada mereka, aku masuk ke tempat *check-in* untuk memukarkan tiketku supaya diberi *boarding pass*. Hairannya setelah tiketku diperiksa dan ditahan, aku tidak diberi *boarding pass*, hanya disuruh tunggu dulu. Tak lama kemudian, semua penumpang yang sudah mendapat *boarding pass* disuruh naik bas untuk dibawa ke kapal terbang Air New Zealand yang berada agak jauh dari bilik menunggu itu. Aku agak khuatir kalau-kalau aku tidak mendapat tempat di kapal terbang itu dan keberangkatanku mungkin ditangguhkan. Hatiku agak terhibur apabila aku tahu ada seorang penumpang wanita yang juga disuruh tunggu, ia pun agak gelisah.

Akhirnya lima minit sebelum waktu keberangkatan kapal terbang, datanglah seorang kerani wanita yang memberikan *boarding pass* kepada kami. Warnanya merah, bukan putih, ertinya kami diberi tempat duduk di Kelas Satu tanpa membayar tambahan apa-apa. Ketika nyonya itu dan aku masuk ke dalam kapal terbang, nampak kepada kami ruangan Kelas Ekonomi sudah penuh sesak dengan penumpang, sedangkan dalam ruangan Kelas Satu masih ada dua tempat duduk kosong yang diberikan kepada kami. Sudah

barang tentu kami merasa sangat gembira. Itulah balasan Air New Zealand kepada kami kerana menunggu lama sekali dengan hati yang berdebar-debar, kkuatir kalau penerbangan pulang kami ditangguhkan. Selama penerbangan lebih kurang tujuh setengah jam dari Singapura ke Sydney, terus-menerus kami diberi makanan dan minuman yang boleh kami pilih daripada daftar makanan dan minuman, termasuk minuman keras seperti *wine*, *sherry* dan sebagainya.

Lebih kurang pukul 5 petang waktu Sydney, kapal terbang selamat mendarat di Lapangan Terbang Kingsford Smith di daerah Mascot, Sydney. Betapa senangnya hatiku dapat tiba di rumah dengan selamat dan bertemu kembali dengan isteri dan anak, lebih-lebih lagi ketika aku mengetahui bahawa anakku, Sylvia, telah dibenarkan oleh Kementerian Pelajaran Negara New South Wales untuk masuk Tingkat I di Randwick Girls' High School yang letaknya lebih kurang 4 km dari rumahku. Sebetulnya ia didaftar untuk dimasukkan ke Tingkat I di Maroubra Junction Girls' High School yang letaknya hanya lebih kurang 1km dari rumahku, tetapi kerana Sylvia adalah lulusan dari Randwick Girls' Primary School dan sebahagian besar kawan-kawan sekolahnya ditempatkan di Randwick Girls' High School, maka sebelum aku bertolak ke Singapura dan Malaysia, aku telah mengajukan permohonan kepada Kementerian Pelajaran Negara New South Wales supaya Sylvia diizinkan masuk belajar di sekolah itu juga.

Bab XLVII

MEMBUAT PERJALANAN KELILING DUNIA

BERENCANAKU untuk menulis buku tentang Kesusasteraan Melayu sejak Berdirinya Malaysia, 1963-1968, terpaksa kutangguhkan dulu kerana aku harus mengurus dan merencanakan perjalananku dengan keluarga keliling dunia melalui Amerika Syarikat dalam bulan Jun 1970. Semua guru daripada pensyarah hingga profesor diberi kesempatan untuk memperoleh *cuti sabatikal* satu tahun lamanya setelah berkhidmat di universiti genap 6 tahun lamanya dengan mendapat gaji penuh dan bantuan belanja perjalanan. Ini memerlukan rencana perjalanan dan anggaran belanja. Kerana penghasilan harus tetap dibayar dengan gaji dan ansuran *mortgage* rumah juga demikian, maka aku hanya mengambil 50% daripada jumlah gajiku setahun dan bakinya akan dimasukkan ke dalam akaunku pada C.B.C. Bank di Universiti Sydney, dan bank bank yang kuberi kuasa untuk membayar segala bil yang menjadi kewajipanku untuk membayar. Tentang rumah, *Kongsi Asuransi* nya mengizinkan dikosongkan untuk satu bulan, jadi haruslah diserahkan kepada sebuah *Real Estate Agent* untuk menyewakannya kepada orang yang mahu menyewa rumah itu dengan hak penuh untuk menerima wang sewa, melakukan pengawasan dan

memanggil tukang untuk membetulkan apa-apa yang rosak. Semuanya itu makan banyak waktu dan setelah selesai barulah aku dengan keluargaku dapat bertolak ke luar negeri untuk pesiar sambil membuat penyelidikan barang sesuatu yang berkenaan dengan *research project*ku.

Setelah segala urusan dengan Universiti Sydney, C.B.C. Bank dan *Real Estate Agent* selesai, pada 12/06/1970 bertolaklah kami sekeluarga ke San Francisco dengan naik kapal Oriana yang belayar ke bandar tersebut dengan melalui Auckland (New Zealand), Suva (Fiji), Honolulu (Hawaii) dan Vancouver (Canada). Pelayaran itu makan waktu 17 hari lamanya dan di tiap-tiap pelabuhan di bandar-bandar tersebut, kami dapat naik ke darat untuk bersiar-siar beberapa jam lamanya. Pada 29/06/1970, tibalah kami di pelabuhan San Francisco dan dijemput oleh Tuan dan Nyonya Tan Hwat Tiang serta anak perempuannya, Renny. Tuan dan Nyonya Tan adalah kenalan baik mentuaku sewaktu di Solo dan Bandung. Kami menginap di rumahnya di Oakland 13 hari lamanya dan acapkali dibawa bersiar-siar ke banyak tempat yang ternama di San Francisco, termasuk Universiti California di Berkeley dan Universiti Stanford di Palo Alto, *Golden Gate Bridge* dan *Japanese Garden* yang sangat menarik hati dan tak mudah dilupakan.

Perjalanan dari San Francisco ke New York dapat dilakukan dengan naik kapal terbang, kereta api atau bas. Ketika aku di Sydney, daripada kawan-kawan yang pernah ke Amerika Syarikat, aku mendapat khabar bahawa cara yang paling murah tetapi dapat melihat banyak tempat ialah dengan naik *Greyhound Bus* yang tiketnya dapat dibeli di Sydney dengan harga A\$90 (=US\$100) untuk 30 hari lamanya. Tidak ada batasan tentang persinggahan; katanya paling baik tidur di dalam bas malam satu malam, lalu esoknya tinggal di hotel satu malam, secara bergiliran supaya tidak keletihan. Di beberapa kota yang akan kami lewati, ada juga beberapa orang sahabat atau bekas guru dan siswazah Universiti Nanyang yang bersedia memberikan penginapan kepada kami di rumah mereka. Maka pada pukul 9 pagi bertepatan dengan 12/07/1970, kami bertolak dari San Francisco ke Los Angeles dengan *Greyhound Bus* yang menggunakan *freeway*. Sepanjang jalan tak banyak yang dapat dilihat, hanya kadang-kadang terlihat dari jendela bas Lautan Pasifik yang biru aimya. Di tengah jalan bas berhenti di perhentian yang ada dijual makanan dan minuman dengan harga yang murah.

Semua penumpang harus turun untuk makan minum atau beristirahat lebih kurang satu jam lamanya. Setelah itu bas meneruskan perjalanannya dan lebih kurang pada pukul 5 petang sudah sampai di Santa Monica, sebuah kota satelit bagi bandar besar Los Angeles. Kami dijemput oleh Nyonya Sian Tien The, bekas sahabat kami di Maroubra, Sydney. Kami menginap di rumahnya 4 malam lamanya dan dapat ikut *tour* untuk melihat Disneyland, Universal Studio dan kota Los Angeles.

Pada pukul 5 petang bertepatan dengan 16/07/1970, kami bertolak dari *Greybound Bus Terminal* di Los Angeles untuk pergi ke Flagstaff, di mana kami dapat tukar bas untuk pergi ke *Grand Canyon*. Malam itu kami tidur di dalam bas dan pagi-pagi keesokan harinya kami sudah sampai di Flagstaff, lalu kami membeli tiket bas persendirian (*private bus*) pulang-pergi untuk pergi ke *Grand Canyon*. Sesampainya di sana, kami ikut *tour* untuk melihat-lihat *Grand Canyon* yang sangat menakjubkan. Sehabis *tour* dan makan tengah hari, kami meninggalkan *Grand Canyon* untuk balik ke Flagstaff di mana kami menginap di sebuah motel. Malangnya ketika kami mengambil beg-beg kami dari stesen *Greybound* di kota itu, ternyata ada satu beg yang dibawa bas pagi itu terus ke bandar Albuquerque. Kebetulan beg itu adalah beg anak kami, tetapi pegawai stesen itu berjanji bahawa beg itu akan dibawa kembali oleh bas dari Albuquerque ke Flagstaff dan kami disuruh datang lagi ke stesen itu pada pukul 10 malam untuk mengambil beg itu. Ini adalah suatu pengalaman yang pahit bagi kami.

Pada 18/07/1970 pukul 10 pagi, kami naik bas lagi untuk pergi ke Oklahoma City dengan melalui Arizona dan New Mexico. Di daerah Arizona itu bas itu kadang-kadang dijalankan sepanjang jalan raya yang sangat lebar dan banyak gunung yang puncaknya ditutupi batu besar, mirip yang kerap aku lihat dalam wayang gambar koboi perang dengan orang Indian. Selagi aku menikmati pemandangan yang indah itu, tiba-tiba bas itu berhenti di suatu stesen dan masuklah beberapa orang Indian. Di antaranya ada seorang perempuan Indian yang gemuk. Alangkah terkejutnya hatiku ketika ia memilih dan duduk di sebelahku. Baru sekali inilah aku melihat orang Indian sebagai sesama manusia. Aku sama sekali tidak berkeberatan tetapi lama-kelamaan perempuan Indian itu menyanyi-nyanyi dan ketika aku bercakap dalam bahasa Inggeris kepadanya untuk minta dia berhenti menyanyi-nyanyi, dia sama

sekali tidak ambil peduli, maka terpaksa aku pindah tempat duduk yang masih banyak yang kosong di dalam bas itu. Lebih kurang setengah jam kemudian, bas itu berhenti lagi di sebuah stesen dan orang-orang Indian itu turun di situ. Ini adalah suatu pengalaman istimewa yang tak akan kualami jikalau aku naik kapal terbang dari San Francisco ke New York.

Malam itu kami tidur di dalam bas dan lebih kurang pukul 11 pagi keesokan harinya, sampailah kami di stesen *Greyhound Bus* di Oklahoma City. Kami turun dari bas dan menginap di sebuah hotel, Black Hotel namanya. Ini bukan bererti hotel istimewa untuk orang kulit hitam, tetapi adalah sebuah hotel yang diselenggarakan oleh sebuah kongsi orang kulit hitam. Hotel itu bersih dan pegawai-pegawainya sangat ramah-tamah, tetapi hawa sangat panas dan kebetulan hari minggu, sehingga kedai-kedai semuanya tutup. Ketika kami keluar dari hotel untuk berjalan-jalan, angin yang bertiup dengan membawa hawa panas itu tidak dapat kami tahan, maka kembalilah kami ke hotel dan menghabiskan waktu dengan makan dan tidur di hotel itu sampai besoknya.

Pada tengah hari bertepatan dengan 20/07/1970, kami bertolak dari Oklahoma City dengan *Greyhound Bus* untuk pergi ke Ann Arbor untuk meninjau Universiti Michigan. Malam itu kami tidur dalam bas dan dengan melalui St. Louis, pagi-pagi keesokan harinya sampailah kami di Chicago. Kami turun untuk makan pagi dan setelah itu kami tukar bas untuk pergi ke Ann Arbor. Lebih kurang pukul 3 petang sampailah kami di Ann Arbor dan menginap di rumah Prof. W. A. Saunders, bekas kawan sekerjaku di Universiti Nanyang di Singapura. Dalam pada itu, beg-beg kami yang *kuchek-inkan* di Oklahoma City telah dibawa oleh bas lain ke Detroit yang lebih kurang 40 km jauhnya dari Ann Arbor. Pegawai *Greyhound Bus* di Ann Arbor mengatakan bahawa beg-beg itu akan dibawa oleh bas dari Detroit ke Ann Arbor besok paginya. Jadi malam itu kami terpaksa pinjam pakaian tidur Prof. W. A. Saunders dan isterinya. Pada 22/07/1970, pukul 10 pagi, Prof. Saunders membawa aku dengan motokamya ke stesen *Greyhound Bus* untuk mengambil beg-beg kami. Ini adalah kemalangan yang kedua mengenai pengangkutan beg-beg kami kerana kelalaian pegawai *Greyhound Bus* di Chicago.

Aku tidak mempunyai kenalan di Jabatan Pengajian Asia Tenggara di Universiti Michigan, jadi aku hanya dapat melihat sambil

lalu saja di situ. Pada 23/07/1970, Nyonya Saunders bersama adik perempuannya membawa kami bertiga dengan kereta ke Detroit, lalu menuju ke Windsor (Canada) dengan melalui terowongan dan Pejabat Imigrasi Canada. Di Windsor ada seorang bekas muridku di Patekoon Tiong Hwa Hwee Kwan School di Jakarta yang dalam tahun enam puluhan berhijrah ke Singapura dan menjadi pensyarah bahasa Indonesia di Kolej Ngee Ann, kemudian dia mendapat pekerjaan dengan perpustakaan di Universiti Windsor yang jaraknya kurang lebih 15 km saja dari bandar Detroit. Di Windsor kami menginap di rumah Meester Boen Khin Lin, iaitu bekas muridku yang tersebut di atas. Ia bergelar Sarjana Hukum atau dalam bahasa Belandanya *Meester in de Rechten*.

Di Windsor kami hanya melihat sepintas lalu bahagian perpustakaan Universiti Windsor dan taman bunga di bandar itu. Pada hari minggu ada beberapa pasang mempelai yang melakukan upacara perkahwinan di taman itu. Kami tinggal tiga malam di rumah Sdr. Boen dan pada 26/07/1970, kami bertolak ke Buffalo, sebuah bandar di dalam negara Amerika Syarikat. *Greyhound Bus* yang kami naiki melalui Air Terjun Niagara sewaktu mahu memasuki daerah Amerika Syarikat dan setelah kami turun dari bas di stesen Buffalo, kami menginap di sebuah hotel. Mengikut risalah yang kami terima daripada ejen perjalanan (travel agent), pada pukul 5 petang ada *sightseeing bus* ke Air Terjun Niagara, tetapi ketika kami tunggu di luar hotel sampai pukul 5 petang, bas tersebut tak kunjung datang, hanya ada bas biasa yang penghabisan yang dapat membawa kami ke air terjun itu, tetapi pulangnya harus dengan teksi. Apa boleh buat, kami terpaksa naik bas penghabisan itu untuk pergi ke air terjun yang sangat termasyhur itu. Pemandangan di situ memang sangat indah, sayangnya kami tidak tahu bahawa air terjun itu lebih bagus kalau dilihat dari sebelah Canada.

Lebih kurang pada pukul 9 malam, kami meninggalkan Air Terjun Niagara dan mencari teksi untuk pulang ke hotel. Kebetulan ada sepasang suami isteri dari Israel yang juga sedang mencari teksi untuk balik ke hotelnya. Tak lama menunggu datanglah sebuah teksi yang mahu membawa kami balik ke bandar Buffalo yang letaknya lebih kurang 20 km dari air terjun itu. Kami berlima bersetuju untuk bersama-sama membayar tambang teksi yang berjumlah 10 dolar Amerika; mereka membayar 40% dan kami

bertiga membayar 60%.

Keesokan harinya ada orang yang datang ke hotel menawarkan *one day tour* ke Air Terjun Niagara. Kami terpaksa menolaknya kerana petangnya kami akan bertolak ke Washington D.C. dengan *Greyhound Bus* malam. Pada pukul 3 petang bertepatan dengan 27/07/1970, kami *check-out* dari hotel dan dengan teksi pergi ke stesen *Greyhound Bus* di Buffalo. Tiga beg kami serahkan kepada pegawai stesen itu untuk dimasukkan ke dalam bas yang pada pukul 5 petang akan bertolak ke ibu kota Amerika Syarikat. Ketika waktunya sudah sampai untuk bas itu bertolak, kami melihat banyak penumpang yang membawa beg mereka untuk diserahkan kepada pemandu bas yang setelah memberi resit lantas memasukkan beg-beg itu ke tempat *bagasi* di bahagian bawah bas itu. Dengan segera aku memeriksa tempat *bagasi* itu dan mendapati bahawa beg-beg kami masih di dalam stesen itu, maka aku segera menemui pegawai stesen itu dan minta dia supaya memasukkan beg-beg kami ke dalam bas itu. Pemandu bas itu sangat baik orangnya dan dengan sabar ia menunggu sampai beg-beg kami sudah selesai dimasukkan ke tempat *bagasi* tersebut barulah ia memulakan perjalanan menuju ke Washington D.C.

Malam itu kami tidur di dalam bas dan pada lebih kurang pukul 8 pagi bertepatan dengan 28/07/1970, sampailah kami di stesen *Greyhound Bus* di Washington D.C. Setelah cuci muka dan makan pagi, aku menelefon sebuah syarikat pelancongan yang mengadakan *one day tour*. Setelah tempahan kami diterima, kami cepat-cepat pergi ke pejabat syarikat pelancongan itu dengan teksi dan dapat ikut serta dalam *tour* itu yang dimulai dari pukul 9 pagi. Kami dapat melihat *U.S. Capitol Building, the Lincoln Memorial, White House* dan *Arlington National Cemetery* di mana kami dapat melihat kubur Presiden John F. Kennedy dan kubur adiknya, Robert Kennedy. Yang paling makan waktu dan kena panas matahari ialah ketika berdiri berderet di luar *White House* (Rumah Putih) untuk mendapat giliran memasuki istana Presiden Amerika Syarikat itu, tetapi kami puas hati juga kerana dapat melihat tempat-tempat yang ternama di Washington D.C., walaupun hanya secara sepintas lalu. Pada lebih kurang pukul 5 petang, selesailah *tour* itu dan kami dihantarkan dengan bas ke stesen *Greyhound Bus* untuk bertolak ke Philadelphia. Beg-beg kami yang sejak pagi itu masih disimpan di stesen bas, segera kami ambil dan masukkan ke dalam bas yang

akan membawa kami ke Philadelphia. Malam itu, lebih kurang pukul 8, kami sudah sampai di stesen *Greyhound Bus* di Philadelphia dan dijemput oleh Nyonya Fung-Ling Shiah dan suaminya yang bernama Paul Shiah. Kami menginap di rumah mereka tiga malam lamanya. Nyonya Fung-Ling adalah siswazah Universiti Nanyang dan berasal dari Jakarta; pernah menjadi *Asisten Abli* di *Department of Modern Languages* di universiti tersebut, di mana aku bekerja sebagai Profesor Madya. Rumah mereka di kota satelit Folsom, lebih kurang setengah jam perjalanan dengan motokar dari kota Philadelphia. Di Folsom, tidak ada apa-apa yang luar biasa, kami hanya mahu mengunjungi kawan lama, tetapi ada juga sebuah taman yang besar dan bagus yang letaknya tidak terlalu jauh dari Folsom sehingga Nyonya Fung-Ling dapat membawa kami pergi ke situ untuk makan angin. Dia lulus Ujian Sarjana Muda Jurusan Bahasa dan Sastera Inggeris di Universiti Nanyang pada akhir tahun 1959 dan pada akhir tahun 1960, setelah bekerja sebagai *Asisten Abli* satu tahun lamanya, dia mendapat kesempatan untuk belajar *Library Science* di Universiti Cornell di Amerika Syarikat. Setelah lulus ujian penghabisannya, dia bekerja di universiti itu dan beberapa tahun kemudian dia kahwin dengan Paul Shiah. Dia kenal banyak siswazah Universiti Nanyang yang belajar atau bekerja di New York atau kota lainnya.

Dengan perantaraan Nyonya Fung-Ling, aku dikenalkan melalui surat-menyurat kepada Sdr. Chin Loon Leo yang isterinya, Sook Mien namanya, adalah bekas siswazah Universiti Nanyang. Mereka tinggal di New York juga. Ketika mereka tahu bahawa aku dengan isteri dan anak akan datang di New York dan memerlukan tempat penginapan, mereka menawarkan sebuah flat yang disewa oleh dua orang siswazah Universiti Nanyang yang sudah menjadi suami isteri, Sdr. Lee Yau Tat dan Sdri. Liang Yi Ts'ui namanya. Sdr. Lee bekerja dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pada masa itu sedang berada di Bangkok untuk melakukan suatu tugas. Flat itu sedang kosong kerana isterinya ikut juga pergi ke Bangkok. Kunci flat itu dipegang oleh Sdr. Chin Loon Leo dan dia diberi kuasa untuk menjemput kami bertiga menempati flat itu untuk satu minggu lamanya. Pada 30/07/1970, Nyonya Fung-Ling menelefon Sdr. Chin Loon Leo di New York, mengabarkan bahawa tiba kami bertiga di bandar itu ialah pada esoknya pukul 3 petang dengan *Greyhound Bus* dari Philadelphia dan akan

sampai di stesen bas itu di New York pada pukul 5 petang, jadi awal satu hari daripada tarikh yang dulu sudah ditetapkan. Dia meminta Sdr. Chi Loo Leo menjemput kami di stesen tersebut pada pukul 5 petang untuk dibawa ke flat yang disewa oleh Sdr. Lee Yau Tat.

Setelah percakapan melalui telefon selesai, maka bersiap-siaplah kami untuk bertolak dari rumah Nyonya Fung-Ling pada pukul 10 keesokan harinya. Pada pagi 31/07/1970, Sdr. Paul Shiah dengan keluarganya menghantarkan kami dengan motokarnya ke stesen *Greyhound Bus* di Philadelphia. Kami *check-in*kan beg-beg kami supaya dapat dibawa dengan bas yang akan berangkat tak lama lagi, tetapi kami bertiga menggunakan waktu lebih kurang lima jam lamanya untuk melihat-lihat bandar Philadelphia yang bersejarah. Kami dapat melihat *The Congress Hall*, di situlah dulu Kongres Negara Amerika Syarikat diadakan bagi kali yang pertama dan George Washington dilantik menjadi Presiden bagi kali yang kedua. Kami juga dapat melihat *The Liberty Bell Pavilion* dan *Independence Hall*. Di tempat yang tersebut akhir itu dulu Perisytiharan Kemerdekaan (*Declaration of Independence*) ditandatangani.

Dekat pukul 1 tengah hari kami makan tengah hari di sebuah restoran dan setelah itu kami balik ke stesen bas. Kami naik bas yang bertolak dari Philadelphia pada pukul 3 petang menuju ke New York yang jaraknya dari Philadelphia hanya 90 batu (144 km) saja. Lebih kurang pukul 5 petang kami sampai di stesen *Greyhound Bus* di New York. Beg-beg kami sudah sampai terlebih dulu dan dengan mudah dapat kami ambil dan bawa keluar untuk menunggu kedatangan Sdr. Chin Loon Leo dengan keluarganya. Tak lama kemudian Sdr. Leo datang dengan isteri dan anak lakinya yang baru berumur 4 atau 5 tahun. Dengan motokarnya kami dibawa ke flat yang sudah dijanjikan. Flat itu di tingkat 10 dan lengkap dengan perabot, jadi kami hanya perlu membeli bahan-bahan makanan untuk dimasak sendiri.

Sebagai tanda selamat datang kepada kami, malam itu kami dijamu makan oleh keluarga Leo di salah sebuah restoran *Tionghua* di *China Town*. Keesokan harinya kami naik kapal pesiar yang mengelilingi pulau Manhattan. Kami juga naik ke tingkat tertinggi *Empire State Building* untuk melihat kota New York dari atas. Pada malamnya, setelah Sdr. Leo sudah selesai dengan pekerjaannya di sebuah bank, kami dibawa makan angin dengan naik motokarnya

ke Brooklyn, Harlem dan tempat-tempat lain lagi. Pada hari Sabtu dan minggu, kami dibawa melihat wilayah Bronx dan Queens. Yang sangat menarik ialah ketika kami dibawa ke *U.S. Military Academy* di West Point. Sayangnya kami tidak mempunyai cukup waktu untuk melihat *Statue of Liberty* yang terletak di sebuah pulau kecil dan dapat dilihat dari Pelabuhan New York. Mujur juga kami dapat pergi ke New Haven untuk mengunjung Sdri. Kho Lian Tie yang sudah pindah dari Singapura dan bekerja di Universiti Yale di kota itu.

Setelah tinggal di New York 6 hari lamanya, pada 06/08/1970 kami belayar ke Southampton (England) dari New York dengan naik kapal Queen Elizabeth 2; jadi sama sekali 38 hari lamanya kami berada di U.S.A. Mujur juga bagi kami dapat melihat dua orang bintang filem yang ternama, Richard Burton dan Elizabeth Taylor yang juga naik kapal besar itu untuk pergi ke Paris melalui La Havre. Pada pukul 5 petang bertepatan dengan 06/08/1970, kapal Queen Elizabeth 2 meninggalkan Pelabuhan New York dan belayar menuju ke Eropah. Ketika kapal itu belayar keluar pelabuhan, terlihat oleh kami *Statue of Liberty* yang terletak di sebuah pulau. Pada waktu itu barulah kami merasa sayang kerana tidak berkunjung ke sana ketika masih di New York; apa boleh buat! Kami hanya dapat berazam hendak pergi ke sana jikalau pada kemudian hari kelak kami dapat mengunjungi bandar New York lagi.

Kapal Queen Elizabeth 2 jauh lebih besar dan bagus daripada kapal Oriana. Kabin kami mempunyai jendela yang menghadap laut, ada pula bilik mandi dan tandas di dalam kabin itu. Pelayaran dari New York ke Southampton memakan waktu 6 hari lamanya. Pada pagi hari bertepatan dengan 12/08/1970, kapal itu pun berlabuh di Southampton. Semua penumpang turun dan perjalanan ke bandar London dapat diteruskan dengan naik kereta api. Dua jam lamanya kami naik kereta api itu dan dekat tengah hari kami sampai di London. Sdr. Dr. Russell Jones menjemput kami untuk dibawa ke rumahnya dan bertemu dengan anak dan isterinya. Setelah itu beliau membawa kami ke pejabatnya di *School of Oriental and African Studies* di Universiti London. Kemudian kami dijamu makan tengah hari di kantin SOAS tersebut.

Lebih kurang pukul 2 petang, kami naik teksi ke stesen kereta api untuk mengambil beg-beg kami, lalu meneruskan perjalanan

ke sebuah kota kecil (Feltham) di daerah Middlesex untuk menginap di rumah kewanitaan isteriku, Jenny, yang telah kahwin dengan seorang pemuda Inggeris, Tim Lincoln namanya. Jenny bekerja dengan kongsi kapal terbang Alitalia di lapangan terbang Heathrow di London dan Tim bekerja dengan sebuah *travel agency*. 7 hari lamanya kami tinggal di Feltham (London). Tim pernah membawa kami meninjau ke *Hamton Court* dengan bas. Kami merasa kagum melihat taman yang seperti perhiasan indahnyanya di istana itu. Tim juga kenal dengan beberapa orang mahasiswa/mahasiswi yang menggunakan waktu senggangnya untuk membawa pelancong-pelancong melihat-lihat kota London dan tempat-tempat yang ternama di luar bandar besar itu dengan belanja yang tidak mahal (di antara £10 dan £20 sehari, termasuk motokarnya yang digunakan oleh pemandu itu untuk maksud tersebut). Kami pernah dibawa melihat *The Changing of Guards* di depan Istana Buckingham, *Westminster Abbey*, *Trafalgar Square* dan *The Tower of London*. Pemandunya adalah seorang mahasiswa yang masih muda. Hari lainnya kami dibawa oleh seorang mahasiswi untuk mengunjungi Universiti Oxford, kuburan Sir Winston Churchill di Blenheim dan tempat lahir pujangga William Shakespeare di Stratford-on-Avon serta kuburnya di dalam Stratford Church. Alkisah tulisan di atas batu nisannya itu ditulis oleh pujangga itu sendiri sebelum beliau meninggal yang bunyinya begini:

*Good friend, for Jesus sake forbear
To digg the dust enclosed here
Blest be the man that spares the stones
And curst be he that moves my bones*

Pada umumnya pujangga Inggeris yang agung, apabila meninggal dunia dikuburkan di *Westminster Abbey*, tetapi tidak ada orang yang mahu mengambil risiko memindahkan tulang-tulangnya ke *Westminster Abbey* kerana takut kena sumpah Shakespeare. Kami juga merasa kagum melihat kubur Sir Winston Churchill, seorang ahli politik yang sangat ternama, adalah begitu sederhana.

Setelah agak faham dengan keadaan di London, kami pergi sendiri ke Universiti Cambridge dengan naik kereta api. Pemandangan di universiti itu sungguh indah! Jadi kami telah melihat dua universiti yang ternama di England dan kerana mengikut rencana

perjalanan kami keliling dunia, kami hanya dapat tinggal di London satu minggu sahaja, lalu kami akan terbang ke Belanda untuk berziarah dan tinggal dengan dua kemanakanku yang tinggal di Dordrecht, sebuah kota dekat bandar Rotterdam. Kemudian kami akan ikut serta *14-Day European Tour* yang diselenggarakan oleh *Cosmos Tour Company* di London. Tempahan kami kepada syarikat itu diurus oleh Tim Lincoln yang berhasil mendapat persetujuan daripada syarikat tersebut bahawa kami bertiga akan ikut serta dalam *tour* tersebut dari Paris, bukan dari London.

Setelah urusan tersebut selesai, kami terbang dari London ke Amsterdam pada 19/08/1970 dengan KLM. Penerbangan itu hanya makan waktu lebih kurang 90 minit lamanya dan setelah mendarat di lapangan terbang Schiphol di Amsterdam, kami dijemput oleh Sdr. Chong Yock Sin, bekas mahasiswa Universiti Nanyang di Singapura, yang pada waktu itu sedang belajar bahasa dan sastera Indonesia di Rijkuniversiteit di Leiden dan yang sudah akan menghadapi *Ujian Doctoraal*. Dia dengan teksi membawa kami ke Heemstede, sebuah kota kecil lebih kurang 20 km jauhnya dari bandar Amsterdam. Di kota itu tinggal Tuan H.C. Beekman, bekas guru isteriku di Sekolah Guru Kristian di Solo. Kami sudah berjanji akan tinggal di rumah yang dia diami dengan seorang kawannya, Nona J. Misset, untuk satu minggu lamanya.

Dalam Zaman Pendudukan Jepun di Indonesia, Tuan H.C. Beekman di *internir* oleh Pemerintah Jepun. Tentang Nona J. Misset, hubungannya sebelum Perang Pasifik ia bekerja sebagai guru bahasa Belanda di sebuah Sekolah Menengah Belanda di Jakarta. Ia juga di *internir* oleh Jepun dan setelah Jepun menyerah kalah tanpa syarat, ia dibebaskan. Kedua-dua mereka kemudian bersara dan pulang ke Belanda. Kerana mereka berdua sudah lanjut usianya, maka selama satu minggu lamanya kami tinggal di rumah mereka, mereka hanya membawa kami makan angin ke sebuah kota sahaja, Haarlem namanya dan menikmati minuman kopi secara Belanda. Beliau menggunakan cawan kecil berisi air kopi yang harum baunya. Beliau tiba pada suatu hari datangnya seorang Indonesia asli, Soetikno namanya. Beliau juga bekas murid Tuan H.C. Beekman dan pada waktu itu berpangkat Jeneral dalam Angkatan Darat Republik Indonesia. Beliau juga bekas kawan sekolah isteriku, jadi bertemu semula setelah berpisah 28 tahun lamanya, iaitu sejak Jepun menundukkan kota Solo dalam bulan Mac 1942. Ini sungguh suatu kejadian

yang menggembirakan dan mengharukan.

Setelah satu minggu lamanya tinggal di kota Heemstede, kami berangkat ke Dordrecht untuk tinggal dengan kemanakan perempuanku, Lie Annie dan Lie Ay Sien yang sudah beberapa tahun lamanya menetap di negara Belanda. Kota Dordrecht dekat bandar Rotterdam yang mempunyai pelabuhan yang besar, letaknya dari Dordrecht hanya belasan km saja. Kami pernah makan angin ke situ dua kali. Setelah tinggal di Dordrecht 23 hari lamanya, pada 12/09/1970, kami naik kereta api dari kota itu ke bandar Paris untuk ikut serta dengan *Cosmos European Tour* yang akan tiba di Paris dari London pada malam itu. Kami sudah diberitahu nama dan alamat hotel yang akan didiami oleh *tour* itu untuk dua malam lamanya.

Kira-kira pukul 8 malam pada hari tersebut, bas yang digunakan oleh *Cosmos* tiba di hotel tersebut dan bersama-sama dengan lebih kurang 20 orang pelancong lainnya, kami dibawa ke sebuah restoran untuk makan malam. Pagi-pagi keesokan harinya kami ikut *tour* lain pergi melihat istana di Versailles yang dulu didiami oleh raja-raja Perancis. Istana itu sungguh besar dan taman di depannya luas dan indah. Tengah hari kami balik ke Paris dan makan dengan belanja sendiri di sebuah restoran Tionghua. Petangnya dibawa dengan *Cosmos Bus* untuk melihat *Arc de Triomphe*, *Eiffel Tower*, *Champs Elysees* dan *Notre Dame Cathedral*. Malamnya setelah makan malam, dengan bayaran tambahan, kami dibawa melihat kabaret yang agak mengghairahkan kerana banyak wanita muda yang *topless* menari di atas pentas.

Setelah dua hari di Paris, pada pukul 9 pagi bertepatan dengan 14/09/1970, rombongan pelancong *Cosmos* berangkat ke kota Lucerne di Switzerland. Perjalanan dengan bas itu memakan waktu lebih kurang 30 jam lamanya. Dekat sempadan negara Switzerland, kami bermalam di sebuah hotel. Keesokan harinya kami memasuki negara Switzerland dengan berhenti sebentar di kota Basle, lalu meneruskan perjalanan ke kota Lucerne; pada tengah harinya kami tiba di Lucerne dan makan tengah hari di situ. Kota itu terletak di tepi Danau Lucerne. Kami berjalan kaki melihat danau itu dan melintas jambatan kuno daripada kayu yang panjang sekali, yang khabarnya dibuat dalam abad ke-14. Setelah makan tengah hari, kami diberi kesempatan untuk naik perahu bermotor untuk belayar mengelilingi Danau Lucerne tersebut. Petangnya kami dibawa ke

sebuah hotel di luar kota Lucerne. Hotel itu kecil saja tetapi pemandangan di sekelilingnya sangat indah dan hawanya sangat segar. Kami tinggal di situ hanya satu malam saja dan keesokan harinya kami berangkat dengan *Cosmos Bus* ke kota Genoa di negara Itali, tempat kelahiran Christopher Columbus yang menemukan beberapa pulau di Hindia Barat (West Indies) dan Benua Amerika bahagian selatan dan tengah.

Suatu kejadian yang bersifat penghinaan oleh seorang pelayan restoran di sebuah restoran di kota Lucerne tak dapat kulupakan, walaupun hal itu terjadi pada 15/09/1970, lebih kurang pada 22 tahun yang lalu. Begini ceritanya: Kita orang Indonesia, mungkin juga orang Malaysia, apabila makan tengah hari, kerana hawa sangat panas, biasanya minum air ais atau ais teh; tetapi orang Eropah biasanya minum air anggur (wine). Di restoran, harga makanan tengah hari atau malam dibayar oleh *Cosmos Tour Company*, tetapi harga minuman (anggur, limonad atau teh ais) harus bayar sendiri kalau minta dibawakan oleh pelayan. Pada waktu itu ada seorang pelancong, seorang India yang namanya aku sudah lupa, minta kepada pelayan supaya dibawakan segelas air biasa untuk diminum. Kerana air biasa harus diberi dengan percuma, agaknya pelayan itu enggan memberinya dengan percuma, lalu katanya kepada pelancong itu: "*You can get water in the toilet.*" Tentu saja orang India itu merasa terhina dan mengeluh kepada *Tour Director* yang hanya dapat mengadukan hal itu kepada tuan punya restoran. Hasilnya bagaimana, aku tidak tahu dan aku enggan bertanya.

Di Genoa, rombongan kami hanya berhenti untuk bermalam kerana besoknya kami akan dibawa ke kota Rome yang agak jauh jaraknya dari kota Genoa. Hotel tempat kami bermalam itu memungut bayaran dua ratus *lire* kepada sesiapa yang mahu mandi. Kami tidak tahu akan peraturan itu, maka ada beberapa pemuda termasuk anakku, Sylvia, masuk saja ke dalam kamar mandi. Waktu aku mendapat giliran untuk mandi, penjaganya sudah ada di depan bilik mandi dan aku mesti membayar dua ratus *lire* untuk mandi. Hal semacam itu hanya terjadi kepada pelancong yang ikut serta dalam *tour* yang murah; kalau *tour* yang mahal, mandi di dalam hotel sudah termasuk dalam harga *tour* itu.

Dalam tahun 1970 itu aku tidak tahu *tour* mana yang mahal dan mana yang murah kerana baru pertama kali melancong ke

Eropah yang terdiri daripada banyak negara dan tiap negara mempunyai bahasa sendiri, bahkan di Switzerland ada tiga macam bahasa yang dipergunakan, iaitu bahasa Perancis, bahasa Jerman dan bahasa Itali. Pada 17/09/1970, rombongan kami meninggalkan kota Genoa untuk pergi ke Rome, ibu kota negara Itali. Pada tengah harinya kami berhenti di kota Pisa untuk makan tengah hari dan melihat *The Leaning Tower* (Menara Condong Pisa) yang tingginya 180 kaki (54.8 m) dan condongnya daripada garis tegak lurus (perpendicular) tidak kurang dari 16 kaki (4.8 m). Melihat itu, bukan main kagumnya hatiku! Pada waktu itu aku baru berusia 56 tahun, jadi masih kuat mendaki ke puncak menara itu bersama dengan isteri dan anakku. Melihat kota Pisa dari puncak menara itu sangat menarik hati; khabarnya sekarang ada larangan untuk pelancong mendaki ke puncak menara itu kerana tambah lama tambah banyak condongnya.

Setelah sampai waktunya untuk berangkat lagi, kami meninggalkan kota Pisa untuk pergi ke Rome. Perjalanan itu agak panjang dan pada lebih kurang pukul 9 malam baru bas kami sampai di luar kota Rome. Di situ kami berhenti dan bermalam di sebuah hotel yang jaraknya dari pusat kota Rome tidak kurang daripada 20 km jauhnya, tetapi sangat lebih murah tarifnya daripada hotel yang di dalam kota. Keesokan harinya kami dibawa melihat *alun-alun* dan Gereja St. Peter (St. Peters Square and Basilica), bekas Teater Bulat (The Coliseum), Pancuran Trevi (Trevi Fountain) dan *catacombs*. Mengikut cerita orang, barang siapa membaling ke dalam pancuran itu tiga keping wang logam dengan membelakanginya, tentulah ia akan datang ke Rome lagi di kemudian hari; ini ternyata bahawa aku dengan isteri datang melawat Rome lagi dalam tahun 1982 dan anakku Sylvia dengan suaminya meninjau Rome dalam tahun 1989. Tentang *catacombs* adalah semacam gua yang panjang dengan jalan terusan yang sempit. Khabarnya dibuat oleh orang-orang Kristian dan Yahudi lebih kurang dua ribu tahun yang lalu, letaknya di luar kota Rome. Dulu dijadikan kuburan dan juga untuk melakukan upacara kebaktian kepada tuhan sewaktu agama Kristian masih dilarang oleh kerajaan Rome; kadang-kadang juga dijadikan tempat bersembunyi oleh orang-orang Kristian atau Yahudi. Suasana dalam *catacombs* itu agak menyeramkan dan bau hawa udaranya agak kurang enak. Aku tidak suka berada lama di situ dan ketika dalam tahun 1982 aku dan isteriku datang

di Rome lagi, hanya isteriku yang masih mahu melihat *catacombs* itu, sedangkan aku menunggu di luar saja.

Pada 19/09/1970, rombongan kami meninggalkan Rome untuk pergi ke kota Florence dan menginap di hotel satu malam. Esoknya kami dibawa melihat *Cathedral* dan *Gallery of Fine Arts* yang di dalamnya ada patung David yang termasyhur, buatan Michelangelo serta menikmati pemandangan kota dari lapangan *Piazzale Michelangelo*. Setelah makan tengah hari, kami meneruskan perjalanan ke kota Venice dan bermalam di sebuah hotel di luar kota Venice. Setelah makan malam kami ikut *optional tour* ke kota dan naik *gondola*, tetapi terusan-terusan yang dilewati oleh *gondola* itu agak hamis baunya.

Keesokan harinya rombongan kami dibawa ke pusat kota Venice, iaitu *Alun-alun St. Mark, Istana Datuk Bandar* (Doges' Palace), Menara Loceng (The Clock Tower) dan Jambatan Keluh-Kesah (The Bridge of Sighs). Akhirnya kami dibawa dengan perahu bermotor ke pulau Murano untuk melihat pembuatan gelas dengan tiupan di *Glassblowing Factory*. Semuanya itu memberikan pengalaman yang berkesan sekali. Pada petang harinya rombongan kami meninggalkan Venice untuk pergi ke Vienna, ibu kota negara Austria. Perjalanan itu agak jauh dan pada malamnya kami berhenti di kota Tolmezzo untuk bermalam di sebuah hotel.

Keesokan harinya, bertepatan dengan 22/09/1970, rombongan kami berangkat ke Vienna, ibu kota negara Austria. Pada pukul 9 pagi, kami berangkat dan pada lebih kurang pukul 4 petang sampailah kami di Vienna. Setelah makan malam di sebuah restoran dekat hotel, kami dibawa ke Taman Hiburan Prater untuk naik *kinir ria* raksasa (giant ferris wheel). Keesokan harinya kami dibawa melihat istana Schonbrunn dan sehabis makan tengah hari kami keluar lagi untuk melihat *Vienna Woods*, tempat pemeliharaan anak-anak yatim (kalau aku tidak salah ingat). Malam terakhir di Vienna ada *optional tour* untuk mengunjungi sebuah gedung muzik yang pancaragamnya memainkan lagu-lagu Johann Strauss, termasuk *The Blue Danube, Tales from the Vienna Woods, The Emperor Waltz* dan lain-lain lagi.

Setelah tinggal dua malam di Vienna, *Cosmos European Tour* kami sudah hampir habis. Pada 24/09/1970, rombongan kami berangkat ke Brussels, ibu kota negara Belgium dengan menginap di Regenbergs satu malam dan Bonn, ibu kota negara Jerman Barat

satu malam. Di Regenberg dan Bonn, kami tidak dibawa keluar, hanya diberi kebebasan untuk melihat-lihat keadaan kota, terutama untuk melihat pameran melalui tingkap-tingkap kaca kedai (*window shopping*) kerana ketika kami sampai di dua kota tersebut, hari sudah hampir malam. Pada 26/09/1970, rombongan kami sampai di Brussels dan setelah *check-in* di hotel, kami dibawa melihat-lihat *Grand Place, Royal Palaces, Atomium* dan *Manneken Pis*. Kemudian kami dibawa ke sebuah restoran untuk makan tengah hari. Setelah itu kami bebas untuk melihat-lihat kota dan malamnya setelah makan malam, ada *optional tour* untuk melihat semacam pertunjukan. Keesokan harinya, pada pukul 9 pagi, rombongan itu balik ke London melalui pelabuhan di Ostende, sedangkan kami bertiga pulang ke Dordrecht dengan naik kereta api. Setelah sampai di Dordrecht, kami mendapat tawaran daripada kawan isteriku untuk tinggal di sebuah flat di Amsterdam kerana seorang nona yang menempati flat itu mahu tinggal bersama dengan kawan isteriku tersebut. Maka pada 28/09/1970, kami bertiga meninggalkan kota Dordrecht untuk pergi ke Amsterdam, sebuah kota besar yang terkenal di dunia. Perjalanan dengan kereta api hanya makan waktu lebih kurang 90 minit lamanya.

Di Amsterdam kami tinggal di 110HS Wolbrantskerkweg, Osdorp. Dengan kereta api elektrik *Osdorp* ke *Central Station* di Amsterdam hanya makan waktu 20 minit. Dari situ kami boleh berjalan kaki atau naik kereta api lainnya ke pusat kota. Selama 19 hari di Amsterdam, kami pernah ke Leiden dua kali untuk menemui Prof. Dr. A. Teeuw dan dua orang mahasiswa dari Australia. Kami juga pergi ke Voorschoten satu kali untuk menemui Dr. R. Roolvink dan isteri serta anaknya. Kerana tidak ikut *tour*, kami bersiar-siar sendiri untuk melihat gambar-gambar yang dilukis oleh Rembrandt, Van Gogh dan sebagainya di *State Museum* dan naik *Canal Cruise* yang memperlihatkan simpang siurnya sistem saluran air di Amsterdam yang mirip keadaan saluran-saluran air di kota Venice. Oleh sebab itu kota Amsterdam terkenal juga sebagai *The Venice of the North*.

Pada 14/01/1970, kami mengundang makan malam di rumah atau flat kami tiga pasang orang Australia yang belajar di Leiden, iaitu suami isteri P. Worsley, suami isteri S. Robson dan suami isteri K. Foulcher. Semuanya itu sudah kami kenal ketika kami berada di Sydney. Jamuan makan malam itu juga merupakan jamuan selamat

berpisah kerana kami akan terbang ke Kuala Lumpur pada 17/10/1970.

Sebetulnya kami akan singgah di Athens dalam perjalanan ke Kuala Lumpur, tetapi sebelum kami berangkat ada rampasan dua buah kapal terbang yang terbang dari Amsterdam. Maka untuk menjaga keselamatan, kami terbang langsung dari Amsterdam ke Kuala Lumpur dengan Qantas. Pada 18/01/1970, lebih kurang pukul 5 petang, kami tiba di Kuala Lumpur dengan selamat dan disambut oleh Sdr. Yau Yan Sau, bekas muridku di *Modern Languages Institute* di Jakarta, tetapi pada waktu itu ia ada membuka *Oriental Knitting Factory* di Petaling Jaya, lebih kurang 15 batu (24 km) jauhnya dari pusat bandar Kuala Lumpur. Kami menginap 10 malam lamanya di tempat peranginan yang terletak dekat dengan kilang tersebut.

Pada 20/10/1970, aku pergi ke Oxford University Press untuk menemui Sdr. Asraf dan Sdr. Daud Baharum, kemudian aku pergi ke Pustaka Antara untuk menemui Encik Aziz (sekarang Datuk) dan Sdr. Arena Wati (sekarang Tuan Haji). Dalam pertemuan-pertemuan tersebut, kami ada merundingkan hal perkembangan sastera Melayu setelah Malaysia terbentuk dan pasaran buku-buku sastera Melayu pada waktu itu.

Pada 21/01/1970, Sdr. Yau Yan Sau membawa kami dengan motokarnya ke Port Dickson dengan singgah di Kajang untuk menikmati sate Kajang yang masyhur sedapnya. Pantai Port Dickson tidak sangat panjang pesisirnya dan pada waktu itu tidak banyak orang yang bersiar-siar di situ. Suasananya sangat sunyi dan kurang memberi kesan yang mendalam. Pada 24/10/1970, Sdr. Yau menyuruh seorang pegawai kanannya membawa kami dan dua orang juruteknik perajutan (knitting technician) yang bekerja di kilangnya dan yang akan pulang ke Taiwan kerana sudah habis kontraknya untuk pergi bersiar ke Pulau Pinang dengan motokar. Kami menginap satu malam di Ipoh dan keesokan harinya dalam perjalanan ke Pulau Pinang, kami singgah di Kuala Kangsar untuk melihat istana Sultan. Di Pulau Pinang kami menginap satu malam dan sebelum balik ke Kuala Lumpur kami berkesempatan naik *kereta api funicular* untuk melihat pemandangan di puncak Bukit Bendera (Penang Hill). Pada petang harinya kami pulang ke Kuala Lumpur dengan menginap satu malam lagi di Ipoh.

Sang waktu berlalu dengan cepatnya, dan tahu-tahu 10 hari

sudah habis, maka pada 29/10/1970, kami terbang ke Singapura untuk menetap lebih kurang setengah tahun lamanya. Di Singapura kami menyewa sebuah rumah teres di Jalan Kuras di daerah Sembawang.

Bab XLVIII

169 HARI DI SINGAPURA

MENGIKUT rancangan perjalanan keliling dunia yang kubuat di Sydney, kami bertiga akan menetap untuk lebih kurang setengah tahun lamanya di Singapura supaya aku berkesempatan untuk mengumpulkan bahan-bahan tentang perkembangan sastera Melayu sejak berdirinya negara Malaysia. Atas bantuan Sdr. Seow Aik Khim, seorang saudagar di Kota Singa itu, kami dapat menyewa sebuah rumah deret di Jalan Kuras di daerah Sembawang. Walaupun letaknya rumah itu agak jauh dari pusat bandar Singapura, tetapi pengangkutan dengan bas adalah sangat mudah. Pada 29/10/1970, dari Lapangan Terbang Paya Lebar kami dibawa oleh suami isteri Seow ke rumah itu yang cukup besar untuk kami bertiga kerana ada tiga bilik tidur, bilik mandi, tandas, dapur dan ruangan rehat dan beranda. Sebabnya aku memilih Singapura sebagai tempat tinggal sementara ialah kerana aku pernah bekerja di Universiti Nanyang di pulau itu dari 16/10/1958 sampai 04/06/1964. Di Kota Singa itu aku mempunyai banyak kenalan, baik orang Tionghua mahupun orang Melayu, terutama sasterawan-sasterawan Melayu yang kebetulan. Dengan demikian kalau perlu aku dapat mengharapkan bantuan mereka dalam usahaku untuk mengkaji sastera Malaysia.

Kerana kami sudah menjadi warganegara Australia dan memegang pasport Australia, maka kami dapat masuk ke Singapura dengan mudah, tetapi visa itu cuma sah dua minggu lamanya. Untuk mendapatkan visa tinggal 6 bulan, kami harus pergi ke Pejabat Imigresen Singapura untuk mengisi borang permohonan. Pegawai imigresen yang mengurus permohonan kami itu, setelah memeriksa fail kami, merasa hairan kerana kami telah mendapat kewarganegaraan Australia sebab dulu dalam tahun 1964 permohonan kami kepada pejabatnya untuk menetap di Singapura sebagai penduduk biasa telah ditolak dengan mentah-mentah dan kerana itu beliau mahu menyetujui permohonan kami untuk tinggal 6 bulan lamanya di Singapura tanpa banyak soal.

Selama 169 hari di Singapura itu aku telah mengalami dua kejadian yang menyedihkan, yang pertama adalah aku menerima panggilan telefon dari Jakarta yang mengatakan ibu isteriku mendapat serangan otak (stroke) pada 05/12/1970 yang menyebabkan badannya menjadi lumpuh. Pada 07/12/1970 kami pergi ke Kedutaan Besar Republik Indonesia untuk mohon visa ke Indonesia dan membeli tiket Garuda untuk ke Jakarta. Selain daripada itu, kami pergi lagi ke Pejabat Imigresen Singapura untuk mohon permit masuk semula, kerana banyak hal yang mesti diurus, maka baru pada 19/12/1970 kami dapat terbang ke Jakarta. Demi tiba di Lapangan Terbang Kemayoran, kami naik teksi pergi ke hospital tempat ibu mentuaku dirawat. Walaupun waktu melihat kami beliau masih ingat, namun beliau sudah tidak dapat bercakap kerana urat saraf yang mengontrol kebolehan bercakap sudah tidak dapat bekerja lagi akibat serangan otak itu. Doktor yang merawat beliau berbuat sedapat mungkin untuk memulihkan kesihatannya. Kerana kami dua kali sehari (pagi dan petang) mengunjungi beliau di hospital itu, maka kami menginap di rumah salah seorang kerabat yang letaknya dekat dengan hospital itu.

Setelah tinggal di Jakarta 23 hari lamanya, kami terpaksa balik ke Singapura kerana anakku harus mempelajari pelajaran-pelajarannya yang dikirimkan kepadanya oleh *Correspondence School* di Sydney. Sekolah dengan surat-menyurat itu diakui oleh Kementerian Pelajaran di Sydney. Jadi kalau hasil peperiksaannya baik, sekembalinya ke Sydney ia boleh meneruskan pelajaran di Randwick Girls' High School lagi tanpa kehilangan statusnya, tegasnya ia boleh duduk di Tingkat III (waktu kami berangkat ke luar negeri dalam

bulan Jun 1970, ia duduk di Tingkat II).

Pada 11/01/1971, dengan naik kapal terbang Qantas, kami terbang dari Jakarta ke Singapura dan balik ke rumah sewaan kami di Jalan Kuras, Sembawang. Dari hari itu sampai 16/03/1971, penghidupan kami di Singapura aman dan tenang. Banyak kawan yang datang berkunjung dan membawa kami makan di restoran. Pada 08/02/1971, Sdr. Chong Yock Sin datang berkunjung. Ia telah lulus *Doctoraal Examen*nya di Leiden dan sekarang tinggal di rumah orang tuanya di Singapura. Kami merasa senang hati atas berhasilnya pelajarannya di Leiden. Walaupun penghidupan kami cukup berbahagia di Singapura, tetapi kami tetap merasa sedih mengingat ibu mentuaku yang masih belum sembuh daripada sakitnya. Kesedihanku bertambah berat apabila aku pula menderita sakit mata dan setelah diperiksa oleh Dr. H. S. Wong di Bukit Timah dan diberi ubat, beliau menyarankan kepadaku supaya jantungku juga diperiksa dengan ECG. Hasilnya ternyata bahawa aku ada menderita *coronary thrombosis* (sejenis pembekuan darah dalam pembuluh darah) dan dinasihati agar aku mesti segera berhenti merokok dan dilarang bekerja berat atau mengangkat barang-barang yang berat-berat. Selain daripada itu aku harus berolahraga tiap hari serta mengurangi makanan daging yang berlemak. Aku juga diberi tablet yang harus ditaruh di bawah lidah kalau merasa sakit di bahagian dada.

Aku mulai menghisap rokok dalam tahun 1937 dan pada hari setelah peperiksaan dengan ECG itu, aku dengan segera berhenti menghisap rokok. Selama tiga hari tidak merokok, aku merasa sangat tidak enak badan kerana ketagihan rokok, tetapi mulai hari keempat hilanglah rasa ketagihan itu. Mengikut pengalamanku, merokok memang dapat mendatangkan ilham waktu menulis makalah atau mengarang buku. Aku terpaksa menghentikan penulisan buku tentang sastera Malaysia kerana berat sekali membaca semua novel, kumpulan cerpen, kumpulan sajak dan makalah-makalah serta surat-surat khabar, majalah-majalah dan sebagainya yang tidak sedikit jumlahnya setelah berdirinya negara Malaysia.

Pada pagi 14/04/1971, Sdr. Seow Aik Khim datang mengunjungi dan mengatakan bahawa kelmarin malam, lebih kurang pukul 9, ada panggilan telefon dari Jakarta, diterima oleh pelayan perempuannya yang tidak mengerti bahasa Melayu atau Inggeris. Kerana di rumahku tidak ada telefon, maka aku segera pergi ke sebuah

kedai yang taukenya aku kenal untuk meminjam telefonnya untuk membuat panggilan ke Jakarta, tempat adik iparku tinggal. Yang menerima panggilan itu ialah ibu mentua adik iparku. Dia memberitahu bahawa ibu mentuaku telah meninggal dunia di hospital di Bandung (beliau dipindahkan dari Jakarta ke Bandung kerana adik iparku yang lain ada menjadi doktor di hospital tempat ia bekerja) pada pukul 4 petang bertepatan dengan 13/04/1971 dan akan dikeremaskan pada pukul 10 pagi tanggal 15/04/1971. Kerana tidak cukup tempoh untuk mohon visa ke Indonesia dan membeli tiket kapal terbang ke Jakarta, maka kami minta mentua iparku itu menyampaikan kepada semua famili yang pada waktu itu sudah berkumpul di Bandung bahawa kami tidak akan tergesa-gesa datang ke Bandung untuk menyaksikan upacara pembakaran itu, tetapi kelak kalau sampai waktunya untuk menebarkan abunya ke tengah laut, kami tentu akan hadir. Tentang mataku yang kelopaknyanya sebelah kiri acapkali berkedip-kedip, kata doktor mata yang memeriksanya, mungkin ada urat saraf yang tersepit dan hanya dapat diatasi dengan makan ubat valium. Aku juga dinasihatkan agar tidak membaca buku dan sebagainya lebih daripada satu jam lamanya setiap hari.

Bab XLIX

MELAWAT SUMATERA, JAWA DAN BALI

OLEH kerana kejadian-kejadian yang tersebut di atas, kami terpaksa harus meninggalkan Singapura selekas mungkin. Tiket KLM yang kami beli di Sydney dalam bulan Jun 1970 dapat kami gunakan untuk pulang ke Sydney melalui Medan, Jakarta, Surabaya dan Bali tanpa membayar wang tambahan. Maka pada 18/04/1971, kami terbang ke Medan dengan Garuda yang ada hubungan baik dengan KLM. Di Medan kami dijemput oleh Dr. Oei Seng Ham yang menjadi famili kami kerana perkahwinan adik perempuannya dengan adik lelaki isteriku. Sdr. Ng Oen Bien, anak lelaki bekas kawan sekerjaku di Universiti Nanyang juga berada di lapangan terbang untuk menyambut kami. Pada 19/04/1971, kami dibawa dengan motokar ke Brastagi, dihantar oleh kerabat daripada pihak Sdr. Ng Oen Bien. Pemandangan di Brastagi cukup baik tetapi tidak dapat meninggalkan kesan yang mendalam.

Pada 20/04/1971, kami menyewa teksi untuk pergi ke Prapat dan menginap satu malam di hotel yang letaknya di tepi Danau Toba. Danau itu sangat luas dan aku sudah dinasihati oleh pegawai hotel bahawa pada petang hari ombak di danau itu sangat besar. Entah bagaimana aku dapat dipujuk oleh pemilik sebuah perahu



Drs. Li dan keluarga bergambar dengan staf Fakultas Sastra, Universitas Sumatera Utara (1971).

bermotor untuk berkeliling di danau itu dengan naik perahu bermotornya. Hal itu adalah suatu kesalahan besar yang kubuat kerana memang betul ombaknya sangat besar dan menakutkan sehingga setelah singgah di Pulau Samosir, kami segera balik ke hotel. Ketika aku bangun pagi pada keesokan harinya, kulihat ada banyak orang yang naik perahu layar atau perahu bermotor untuk bersiar-siar di danau itu, sedangkan pada kelmarin petang hanya kami bertiga dengan seorang pemilik perahu yang kami naiki berada di danau yang luas sekali itu. Suasana di danau itu yang kelmarin petang sangat sunyi, kini berubah menjadi ramai sekali. Aku agak menyesal atas kealpaanku sendiri kerana tidak mengindahkan peringatan pegawai hotel itu. Apa boleh buat, kerana nasi sudah menjadi bubur dan pada siang harinya kami bertiga balik ke Medan dengan teksi lagi.

Pada pagi 22/04/1971, kami pergi mengunjungi Fakultas Sastra Universiti Sumatera Utara untuk berkenalan dengan mahaguru dan pensyarah-pensyarah di situ. Setelah itu kami dihantar oleh Dr. Oei Seng Ham ke lapangan terbang untuk terbang ke Jakarta dengan Garuda. Pukul 3 petang pada hari itu, kami sampai di Lapangan Terbang Kemayoran dan disambut oleh adik ipar yang membawa kami ke rumah kami yang dulu, iaitu di Jalan Melati

22, Senen, di daerah Jakarta Pusat. Rumah itu sewaktu itu masih tetap diduduki oleh bapa mentuaku. Demi masuk ke dalam rumah, nampak olehku sebuah *guci* (labu) yang berisi abu mendiang ibu mentuaku. Sangat pilu hatiku melihat *guci* itu dan kami bertiga hanya dapat mengheneningkan cipta di hadapannya dengan doa mudah-mudahan rohnya diberkati oleh Tuhan Yang Maha Esa.

Pada 25/04/1971 bersama dengan bapa mentua dan adik-adik ipar, kami bertiga membawa *guci* tersebut ke Tanjung Periok. Sesampainya di pantai laut, kami menyewa sebuah perahu untuk menebarkan abu mendiang ibu mentuaku itu di tengah laut. Dengan demikian, selesailah upacara penguburan secara pembakaran seorang insan yang kukasihi. Kerana aku masih mempunyai seorang adik perempuan di Solo, maka pada 29/04/1971, kami bertiga naik bas malam ke Semarang. Sesampainya di Semarang pada pukul 5 pagi, kami pergi ke rumah seorang kerabat yang dengan senang hati menerima kedatangan kami kerana sudah lama tidak bertemu. Pagi itu ia membawa kami ke sebuah warung untuk makan *nasi gudek* yang sangat lazat rasanya, mungkin kerana sudah sejak tahun 1958 kami tidak pernah makan *nasi gudek* yang sangat terkenal sehingga Kota Yogyakarta dinamakan Kota Gudek. Setelah makan pagi itu kami dibawa ke Gedung Batu di luar kota Semarang untuk melihat Kelenteng Sam Po Kong. Dalam sejarah, Sam Po Kong disebut Laksamana Cheng Ho yang antara tahun 1405 dan 1433 Masehi pernah belayar dengan armadanya ke pulau-pulau di Asia Tenggara dan lain-lainnya. Beliau dengan armadanya yang terdiri daripada 25 jong besar dan 27,800 *opsir* dan kelasinya pernah mengunjungi pulau Jawa; sudah barang tentu pelabuhan Semarang termasuk di dalamnya.

Pada petang harinya kami bertiga naik kereta sewaan ke Solo, lebih kurang 100 km jauhnya dari kota Semarang untuk bertemu dengan adik perempuanku satu-satunya. Sahabat karibku dari sejak masa kecilku, Sdr. So Thian Pie, telah menempah sebuah bilik tidur besar di Hotel Trio untuk kami. Setelah bertemu dengan beliau dan kerabat serta sahabat lainnya, keesokan harinya Sdr. So meminjamkan keretanya untuk kami gunakan pergi ke Yogyakarta dengan ditemani oleh anak perempuan dan menantunya untuk melihat Candi Borobudur dan Candi Perambanan serta tempat istirahat di Kaliurang dan kampus Universitas Gajah Muda. Waktu kami hendak makan *nasi gudek*, ternyata sudah terjual habis dan

terpaksa makan ayam goreng 'mbok Berek yang juga enak rasanya. Sekembali ke Solo, kami berkesempatan melihat Bengawan Solo dekat Jambatan Juruq, lebih kurang 5 km dari pusat kota Solo.

Di Solo kami hanya tinggal dua malam sahaja dan pada 03/05/1971, kami naik kereta api malam, *Bima Night Train*, balik ke Jakarta. Pada pukul 7 pagi keesokan harinya, kami telah tiba di Stesen Gambir di Jakarta Pusat, lalu kami naik teksi balik ke rumah bapa mentuaku di Jalan Melati. Setelah tinggal 6 malam di Jakarta dan bertemu dengan banyak sahabat lama serta meninjau kampus Fakultas Sastera Universitas Indonesia di Rawamangun, pada pukul 11 pagi kami terbang ke Surabaya. Penerbangan itu hanya makan waktu satu jam lamanya dan sesampainya di lapangan terbang Surabaya, kami disambut oleh 4 orang bekas kawan sekolahku di Institut Chimei di Amoy, Tiongkok di antara tahun 1931 dan 1934. Bukan main gembiranya hatiku kerana dapat berjumpa dengan kawan-kawanku itu setelah berpisah lebih kurang 37 tahun lamanya. Mereka adalah Sdr. Liem Lian Kie, Tjeng Gwan An, Tjeng Gwan Seng dan Tjan Bing Swie. Anak laki-laki Sdr. Tjan yang sudah menjadi doktor di Porong juga ikut menyambut, begitu juga anak menantu laki-laki Sdr. Liem Lian Kie. Malamnya keempat-empat bekas kawan sekolah di Tiongkok itu dengan isteri mereka membawa kami dengan motokar mereka ke tempat beristirahat di Tretes yang dingin hawanya. Keesokan harinya semuanya balik ke Surabaya kecuali kami bertiga yang dengan kereta kepunyaan Dr. Tjan John pergi ke Mojoagung yang letaknya di sebelah barat kota Surabaya, lebih kurang 80 km dari Surabaya untuk mengunjungi adik iparku dan Tante Siauw Koen Hong yang dulu kami menumpang tinggal di rumahnya di Semarang, tetapi Oom Siauw Koen Hong sudah meninggal dunia. Kami juga pergi ke kuburnya dekat Mojoagung untuk memberi hormat dan mendoakan supaya rohnya diberkati oleh Tuhan Yang Maha Esa.

Pada pukul 2 petang hari itu kami bertiga balik ke Surabaya dan menginap di rumah Sdr. Liem Lian Kie yang isterinya juga bekas kawan sekolahku di Tiongkok. Pada 12/05/1971, kami ditemani oleh Sdr. Liem Lian Kie dan Sdr. Tjeng Gwan Seng mengunjungi kerabat-kerabatku di Kedung Tarukan, Surabaya. Malamnya Sdr. Tjeng Gwan An dan isterinya mengundang kami dan kawan-kawan lainnya makan malam di restoran. Kami semua-

nya bergem-bira dan bersyukur dapat bertemu lagi setelah berpisah 37 tahun lamanya. Sungguh cepat sekali lewatnya sang waktu, tahu-tahu kami semua sudah lebih 50 tahun usia masing-masing.

Pada pukul 8 pagi tanggal 13/05/1971, kami bertiga dengan kawan-kawan naik motokar pergi ke Malang dengan singgah di Pasuruhan untuk mengunjung dua orang bekas kawan sekolah di Tiongkok, iaitu Sdr. Liem Boen San dan Sdr. Pik Tji Tjiauw; kami juga singgah di Taman Selecta. Sesampainya di Malang, kami pergi ke rumah Dr. Liem Thian An yang sedang sakit buah pinggangnya. Hanya aku sahaja yang masuk ke dalam kamarnya untuk bercakap-cakap dan mengenang waktu ia dan aku masih muda. Kami semuanya juga pergi ke rumah Sdr. Oei Hing Tjiauw yang dalam masa pendudukan Jepun pernah menjadi muridku di Solo. Isteriku berhasil menemui Sdri. Kwik Ing Tjiok yang menjadi guru di Malang. Mereka berdua pernah bersama menerima pelajaran di Sekolah Guru Kristian di Solo. Kerana mereka kawan baik dan saling rindu kerana lama tidak bertemu, maka waktu kami balik ke Surabaya, ia ikut kami dan bersama-sama bermalam di rumah Sdr. Liem Lian Kie.

Pada pukul 2.35 petang tanggal 14/05/1971, kami terbang ke Denpasar, Bali, dihantar sampai ke lapangan terbang Surabaya oleh suami isteri Tjeng Gwan An, suami isteri Dr. John Tjan (Tjwan Swie Tjwan) dan Sdr. Liem Lian Kie. Kapal terbang Garuda yang kami naiki itu kecil saja, *Fokker Friendship* namanya, tetapi selama 55 minit penerbangan itu, kami dijamu kuih-kuih basah Indonesia yang sangat sedap rasanya dan yang sudah lebih daripada belasan tahun kami tidak pernah makan. Pukul 3.30 petang mendaratlah kapal terbang di Denpasar dan kami disambut oleh Sdr. Liem Thian Oen (sekarang ganti nama jadi Samuel Elim) dan kawannya untuk pergi ke Hotel Denpasar tempat kami bermalam. Sdr. Liem juga bekas kawan sekolahku di Tiongkok dan juga sudah 37 tahun tidak pernah bertemu.

Atas pertolongan Sdr. Liem Thian Oen, pada pukul 9 pagi tanggal 15/05/1971, kami dapat menyewa sebuah motokar untuk bertemasya. Pertama kami ditemani oleh Sdr. Liem untuk melihat Tarian Barong, semacam wayang orang ala-Bali. Kemudiannya kami pergi ke Kelungkung dan Bekasih untuk melihat kuil-kuil; pemandangan di Bekasih sangat indah dan letaknya di bawah kaki

Gunung Agung. Petangnya kami melihat pantai di Sanur. Keesokan harinya, juga mulai pukul 9 pagi, kami pergi ke Tampaksiring untuk melihat istana Presiden Soekarno, tetapi sebelum diperbolehkan masuk kami harus menyerahkan pasport-pasport kami kepada *Ketua Opstr* di pos pengawal. Dari belakang istana itu kami dapat melihat sebuah kolam mandi yang terletak di bawah. Kemudian kami pergi ke Kintamani untuk melihat sebuah danau dan sebuah gunung api yang masih aktif, dari jauh kami dapat melihat gunung api itu memancarkan semacam lahar ke udara tiap belasan menit; sungguh menakjubkan hati kami! Petangnya kami pergi ke Bedulu untuk mengunjungi Sdr. Drs. M. M. Sukarto yang bekerja di universiti di Denpasar.

Pada pukul 10 malam tanggal 16/05/1971, Sdr. Liem Thian Oen suami isteri menemani kami pergi ke lapangan terbang. Pada pukul 11 malam, kapal terbang Qantas penerbangan 727 sampai. Setelah mengucapkan terima kasih dan selamat berpisah, kami pun naik ke dalam kapal terbang itu yang segera terbang balik ke Australia untuk membawa penumpang-penumpangannya ke kota Sydney. Pada tanggal 17/05/1971, pukul 8.30, kami tiba di Lapangan Terbang Kingsford-Smith, Sydney. Hanya ada dua orang kawan yang menyambut ketibaan kami, iaitu Sdr. Danny Wong dari Sabah dan tunangannya yang bernama Suzy. Dengan teksi kami berlima pergi ke 43, Hinkler Street, Maroubra, iaitu rumah kami yang telah kami tinggalkan sejak 12/06/1970. Jadi sama sekali 338 hari lamanya kami berada di luar negeri. Dengan demikian selesailah perjalanan keliling dunia kami.

Bab L

SITUASI BARU DI JABATAN PENGAJIAN INDONESIA DAN MALAYA

KETIKA cuti belajarku (study leave) habis pada 11/06/1971, aku kembali menjalankan tugas mengajar sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya di Universiti Sydney. Pada waktu itu kudapati Professor F.H. van Naerssen telah bersara sejak 01/01/1971 dan Sdr. Drs. R. C. de Jongh yang menjadi Pemangku Ketua Jabatan (Acting Head of Department). Mending Prof. van Naerssen adalah seorang sarjana yang baik hatinya dan selalu ramah tamah kepada semua tenaga pengajar di bawah pimpinannya. Sebetulnya pada akhir tahun 1970, beliau sudah harus bersara kerana sudah mencapai umur lebih daripada 65 tahun, tetapi peraturan Unviersiti Sydney mengizinkan perpanjangan masa bekerja seorang mahaguru satu atau dua tahun lagi kalau perkhidmatannya masih diperlukan.

Daripada khabar-khabar angin aku mendengar bahawa pihak Universiti Sydney sedang mendekati Professor Harry J. Benda di Universiti Yale untuk dilantik menjadi mahaguru di jabatan kami. Tiba-tiba pada 29/10/1971, Professor van Naerssen datang berkunjung ke jabatan kami dan dalam pertemuan beliau dengan aku, beliau mengkhabarkan bahawa Professor Harry J. Benda telah

meninggal dunia, mungkin kerana kena serangan jantung. Maka kemungkinan kedua ialah Dr. R. Roolvink di Universiteit van Leiden untuk menjadi mahaguru di jabatan kami. Beliau pada awal tahun enam puluhan pernah menjadi profesor Pengajian Melayu di Universiti Malaya di Kuala Lumpur. Khabar angin yang terakhir itu ternyata tidak betul kerana yang dipilih ialah Dr. Peter J. Worsley, seorang bekas mahasiswa di jabatan kami dan menjadi *Research Fellow* kami setelah ia memperoleh gelar B.A. Honours. Pada akhir tahun 1964 ia dengan isterinya berangkat ke Universiteit van Leiden di Holland untuk mencapai gelar *Doctor of Letters and Philosophy*. Ketika aku dengan keluarga berada di Amsterdam, ia dengan isterinya dan suami isteri S.O. Robson serta suami isteri K. Foulcher pernah kami undang makan malam di flat yang kami diami di Osdorp, Amsterdam pada 14/10/1970. Pertemuan itu adalah sebagai jamuan selamat berpisah kerana pada 17/10/1970 kami akan terbang ke Kuala Lumpur. Khabarnya Sdr. Peter J. Worsley, setelah mencapai gelar tersebut, ada menjadi *Research Fellow* di Universiteit van Leiden. Mendengar khabar bahawa ia akan menjadi mahaguru di jabatan kami, aku tidak terkejut kerana aku percaya nasib seseorang adalah di tangan Tuhan Yang Maha Esa.

Tugasku di jabatan tetap seperti dulu, iaitu memberikan kuliah-kuliah bahasa Malaysia dan Sastera Melayu Moden sebagai mata pelajaran yang diwajibkan kepada mahasiswa/mahasiswi Tingkat II dan III, sedangkan Sastera Melayu Klasik dijadikan mata pelajaran pilihan (optional subject). Kadang-kadang kalau jabatan kekurangan tenaga pengajar, aku juga diminta mengajar bahasa Indonesia. Purata aku mengajar dua jam sehari, tetapi untuk bahasa Indonesia ada kelas malam yang biasanya dimulai dari pukul 6.30 atau 7.30 malam, tetapi hanya satu atau dua kali seminggu. Untuk memudahkan mahasiswa/mahasiswi yang mengkaji Sastera Melayu Moden, aku telah mendapat bantuan daripada Pustaka Antara di Kuala Lumpur yang mahu menerbitkan buku kecilku yang berjudul *A Bird's-Eye View of the Development of Modern Malay Literature, 1921-1941*. Buku yang kutulis dalam bahasa Inggeris itu telah terbit dalam tahun 1970, tetapi hadiah daripada Pustaka Antara yang berupa enam naskah buku tersebut baru sampai ke tanganku ketika aku sudah kembali dari perjalananku keliling dunia.

Bab LI

MENGARANG BUKU PENGGALAKAN PERKEMBANGAN SASTERA MELAYU

WALAUPUN doktor melarang aku membaca buku, makalah, surat khabar dan majalah lebih daripada satu jam setiap hari, sedikit demi sedikit aku berhasil menyelesaikan penulisan sambungan buku yang tersebut di atas dengan bantuan seorang kawan sekerjaku yang bernama Mrs. Billie Mulherin, B.A. (Brisbane) dan seorang siswazah Universiti Sydney yang bernama Mr. Errol Hodge. Buku itu selesai kutulis pada 05/06/1974, sepuluh tahun setelah aku meninggalkan bandar Singapura untuk bekerja di Universiti Sydney. Judulnya ialah *An Introduction To the Promotion and Development of Modern Malay Literature, 1942-1962*, yang diterbitkan oleh Penerbitan Yayasan Kanisius di Jalan P. Senopati 24 di Yogyakarta, Indonesia, dalam bulan September, 1975. Buku yang tertulis dalam bahasa Inggeris itu mengandungi 269 halaman dan 20 foto penulis atau sasterawan Melayu di Malaysia. Banyak orang yang merasa hairan mengapa buku tentang sastera Melayu itu tidak diterbitkan di Singapura atau Kuala Lumpur. Antaranya ialah Dr. William R. Roff (sekarang profesor), iaitu penulis buku yang berjudul *The Origins of Malay Nationalism*, yang menulis surat langsung kepadaku dari Universiti Columbia di New York untuk menyatakan kehairanannya sambil

membeli sebuah buku itu daripadaku.

Sebab-musababnya aku minta Penerbitan Yayasan Kanisius di Yogyakarta untuk menerbitkan karyaku itu ialah kerana bekas kawan kuliahku di Universitas Indonesia, Dr. S. Soebardi yang pada waktu itu bekerja sebagai Pensyarah Kanan di Australian National University di Canberra, telah berhasil menerbitkan tiga buah karyanya yang berjudul *Learn Bahasa Indonesia* (Buku 1 s/d Buku 3) melalui Penerbitan Yayasan Kanisius di Kota Gudek itu. Selain daripada itu, aku juga ingin supaya sarjana-sarjana dan sasterawan-sasterawan Indonesia yang berminat terhadap perkembangan sastera Melayu di Malaysia dan Singapura mendapat kesempatan untuk dengan mudah memperoleh bahan kajian tentang sastera Melayu moden yang jarang terdapat di Indonesia.

Mengimbas kembali (flash back) tentang penerbitan *An Introduction To the Promotion and Development of Modern Malay Literature, 1942-1962*: Ketika manuskripnya sudah hampir selesai kutulis pada awal tahun 1974, aku pernah minta Sdr. Arena Wati, Pengarang Pustaka Antara di Kuala Lumpur mempertimbangkan apakah ada kemungkinan manuskrip itu diterbitkan menjadi buku oleh Pustaka Antara sebagai sambungan *A Bird's-Eye View of the Development of Modern Malay Literature, 1921-1941* yang telah diterbitkan oleh Pustaka Antara pada permulaan tahun 1970. Dia menjawab bahawa pada waktu itu harga kertas mahal dan ongkos cetak tinggi, maka aku dinasihatkan supaya mencari penerbit lainnya dulu. Tak lama kemudian aku mendengar khabar bahawa Sdr. Arena Wati telah pindah ke Kota Kinabalu untuk bekerja di Yayasan Sabah. Aku merasa kehilangan seorang kawan yang biasanya menolong menerbitkan buku-bukuku mengenai sastera Melayu, tetapi setelah aku tahu Penerbitan Yayasan Kanisius di Yogyakarta mahu menerbitkan karya-karya Sdr. Dr. Soebardi, maka pada 12/11/1974 aku menulis surat kepada mereka menawarkan manuskripku itu untuk mereka terbitkan. Pada 18/11/1974 Editornya yang bernama Paul W. Boedi Harga membalas suratku itu yang mengatakan bahawa sebelum mereka dapat memutuskan sanggup atau tidaknya menerbitkan karyaku itu, beliau minta aku mengirimkan naskhah bukuku itu supaya dapat dipertimbangkan oleh Team Pemeriksa Naskhahnya. Pada 28/11/1974 naskhah tersebut telah kukirimkan kepada Editor Penerbitan Kanisius dan aku berdoa kepada Tuhan Yang Maha Esa agar supaya naskhah itu diterima

baik untuk diterbitkan oleh Kanisius.

Untuk bersedia dengan payung sebelum hujan kalau-kalau naskhah itu ditolak, aku membuat rencana untuk menerbitkannya sendiri di Singapura; perbelanjaan cetak seribu naskhah mungkin hanya RM1500 Singapura. Di Singapura ada sebuah yayasan, iaitu *Lee Foundation* yang biasanya mahu memberi bantuan wang bagi sarjana, mahasiswa atau sasterawan yang kekurangan wang untuk menerbitkan karyanya yang tinggi mutunya. Syaratnya untuk mohon bantuan itu ialah harus ada surat universiti atau Ketua Jabatan yang telah menilai naskhah itu dan menyarankan supaya si pemohon diberi bantuan kewangan. Aku segera minta Prof. P. Worsley, Ketua Jabatan kami untuk memberikan aku sehelai *letter of recommendation*. Beliau setuju dan aku diberi olehnya surat itu yang menurut pendapatku agak lemah bunyinya. Aku yakin bahawa pada cuti tahunan dari Disember 1974 sampai awal Mac 1975, aku mesti pergi ke Indonesia, Malaysia dan Singapura. Kebetulan anakku, Sylvia, baru saja selesai menempuh peperiksaan *Higher School Certificate Examination* yang kalau lulus, ia akan diperbolehkan masuk universiti. Ia juga sedang dalam cuti tahunan, maka pada 12/12/1974, aku bersama isteri dan anak membuat perjalanan ke Bali, Surabaya, Solo, Semarang, Yogyakarta, Jakarta, Kuala Lumpur dan Singapura. Isteri dan anakku mempunyai wang tabungan sendiri dan dapat digunakan untuk membayar tiket kapal terbang dan belanja-belanja lainnya.

Setelah singgah di Bali (2 hari), Surabaya (3 hari), Solo (2 hari) dan Semarang (2 hari), pada 21/12/1974, kami tiba di Yogyakarta. Keesokan harinya aku sendiri pergi ke pejabat Penerbitan Yayasan Kanisius untuk bertemu dengan Editornya yang menyatakan kepadaku bahawa naskhahku masih di dalam pertimbangan Team Pemeriksa Naskhah. Dikatakannya pula bahawa keputusannya akan disampaikan kepadanya dalam masa lebih kurang dua minggu lamanya. Kerana aku dengan isteri dan anak akan ke Jakarta dan Kuala Lumpur serta Singapura, maka kuberikan kepadanya alamatku di Singapura supaya kalau aku tiba di Singapura, keputusan itu sudah keluar dan disampaikan dengan surat kepadaku di alamat yang kuberikan itu.

Pada 25/12/1974, kami bertolak ke Kuala Lumpur dan menginap di rumah Sdr. Yau Yan Sau 6 malam lamanya. Sebetulnya aku mempunyai beberapa kenalan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

di Kuala Lumpur, tetapi aku tidak berminat untuk menyerahkan salinan naskhahku itu kepada DBP kerana aku tidak harus berdua hati, kecuali kalau naskhahku itu akhirnya ditolak oleh Penerbitan Yayasan Kanisius. Pada 05/01/1975 kami terbang ke Singapura dan bermalam di rumah Sdr. Seow Aik Khim satu minggu lamanya. Pada 11/01/1975, aku menerima surat daripada Kanisius yang menyatakan bahawa Tim Pemeriksa Naskhah bersejua supaya Kanisius menerbitkannya menjadi buku dan hal ini menjadi suatu kenyataan apabila pada akhir bulan September, 1975, aku menerima dua naskhah buku itu daripada Yayasan tersebut yang dikirim dengan pos udara. Bukan main gembiranya hatiku ketika itu!

Pada 12/01/1975, kami terbang pulang ke Sydney dengan penuh semangat kegembiraan, tetapi kegembiraan itu segera menjadi kesedihan kerana mendengar khabar Prof. Dr. F.H. van Naerssen telah meninggal dunia di Holland kerana diserang penyakit jantung pada 07/06/1974. Beliau adalah seorang sarjana yang baik hatinya dan selalu mahu membantu *lektor-lektor* dan pelatih-pelatih yang di bawah pimpinannya. Selain daripada itu, Sdr. M. Belfas yang sudah berkahwin dengan bekas mahasiswiku dalam tahun 1964, Nona Wendy Solomon namanya, telah pergi ke Indonesia dan mungkin juga ke Holland kerana memperoleh cuti belajar satu tahun lamanya. Akulah yang diminta oleh Prof. P. Worsley untuk mengambil alih tugasnya, iaitu mengajar sastera Indonesia. Aku mendengar khabar bahawa beliau dengan keluarganya tinggal dengan menyewa rumah di Ciawi yang jauhnya lebih kurang 20 km dari kota Bogor. Hawa di sana agak sejuk dan aman situasinya, tetapi tiba-tiba aku mendapat khabar bahawa beliau telah meninggal dunia di Jakarta (dibawa dari Ciawi) pada 05/06/1975, juga kerana serangan jantung atau asma. Khabar sedih datang pula ketika aku mendengar khabar bahawa Sdr. Idrus yang menjadi Lektor Kanan di Universiti Monash di Melbourne juga meninggal dunia dengan mendadak di Sumatera, tetapi tarikh meninggalnya aku sudah lupa, mungkin satu atau dua bulan setelah meninggalnya Sdr. M. Belfas. Khabarnya Sdr. Idrus mendapat cuti belajar satu tahun dan balik ke kampung halamannya di Sumatera untuk membuat penyelidikan ilmiah tentang sesuatu masalah di Sumatera yang hasilnya akan ditulis menjadi tesis untuk memperoleh gelar Ph.D. dari Universiti Monash tersebut. Aku hanya dapat

membuat kesimpulan bahawa jiwa dan nasib manusia adalah di tangan Tuhan Yang Maha Esa! Inna Li'llaahi Wa Inna Ilaihi Raajiun!

Bab LII

MENERBITKAN *ESSENTIALS* *OF INDONESIAN GRAMMAR*

PERLU kuterangkan di sini bahawa dalam bulan Januari 1975, ketika aku singgah di Singapura, aku bertemu dengan seorang bekas mahasiswaku di Universiti Nanyang. Ia mempunyai sebuah perusahaan percetakan dan ia berkata kepadaku bahawa ia bersedia mencetak karyaku lainnya menjadi buku dengan perbelanjaan cetak yang lebih murah daripada percetakan lainnya. Mengingat pada tahun 1975 itu belum ada buku tentang Tatabahasa Indonesia yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan diterbitkan di Australia, maka aku mulai menulis manuskrip untuk Tatabahasa Bahasa Indonesia dalam bahasa Inggeris dengan rencana untuk meminta bekas mahasiswaku tersebut mencetaknya atas perbelanjaanku sendiri. Manuskrip itu sudah siap pada 12/06/1976, genap 12 tahun lamanya setelah aku dengan keluarga mendarat di Fremantle di Australia Barat dari Singapura. Untuk memperingati kejadian itu, aku mengambil keputusan untuk memasukkan 3 foto yang bersejarah bagi diriku ke dalam buku yang akan kuterbitkan dengan tajuk *Essentials of Indonesian Grammar* dan menempatkan gambar allahyarham Prof. Meester Muhammad Yamin (1903-1962) pada kulit buku bahagian depan kerana kuanggap allahyarham sebagai seorang yang berjasa

ketika mengetuai Kongres Pemuda 1928 di Jakarta sehingga cita-cita Satu Negara, Satu Bangsa dan Satu Bahasa diterima baik dengan sebulat suara oleh Kongres tersebut. Setelah manuskrip itu selesai, kuminta mahasiswiku di Universiti Sydney, Mrs. Denice Melville, untuk memperbaiki bahasa Inggeris yang kugunakan dalam manuskrip itu. Kemudian manuskrip itu dengan foto-foto kukirimkan ke *Eastern Art Printing* di Singapura untuk dicetak menjadi buku.

Sudah barang tentu aku sendiri tidak dapat menjual buku itu di pasaran buku di Australia, Singapura dan Malaysia. Maka untuk penjualan di Sydney aku telah minta *University Co-Operative Bookshop Limited* menjadi *sole agent*ku untuk penjualan buku itu. Di Singapura aku minta *Hashim Bookshop* untuk menjualkan buku itu dan di Kuala Lumpur aku minta *University Co-operative Bookshop* untuk menjualkannya. Buku tersebut telah selesai dicetak dan dijahit menjadi buku oleh *Eastern Art Printing Co.* di Singapura pada awal bulan September, 1976 dan aku harus membayar kepada percetakan tersebut S\$5,901.02 (= A\$2,209.81), ditambah pula wang pengambilan dua kotak buku di pelabuhan Sydney daripada *customs agents* sebanyak A\$96.23. Walaupun jumlah wang itu agak berat bagiku pada waktu itu, tetapi aku merasa puas hati dan bangga sekali dapat menerbitkan buku atas usaha dan wang sendiri. Sayangnya lakunya buku tersebut tidak laris seperti pisang goreng yang masih panas, tetapi aku berfilsafat 'biar lambat asal laku', lama-kelamaan tentu terjual habis juga! Buku itu mengandungi 192 muka surat (termasuk bibliografi 2 muka surat dan indeks 9 muka surat).

Bab LIII

MENGHADIRI PERSIDANGAN PENULIS-PENULIS ASEAN DI KUALA LUMPUR

PADA 12/06/1977, aku sudah bekerja selama 6 tahun sejak kembali-ku dari cuti belajarku yang pertama. Maka pada 12/06/1977 itu sebetulnya aku sudah berhak mohon cuti belajar yang kedua, juga satu tahun lamanya dengan gaji penuh, tetapi pada waktu itu anakku, Sylvia sedang belajar di Universiti New South Wales dan akan menempuh peperiksaan *Bachelor of Commerce in Accounting, Finance and System* sehingga ia tidak akan dapat ikut aku dan isteriku berpergian ke luar negeri; tambahan pula aku sudah harus bersara pada 03/08/1979, maka aku tidak jadi mohon cuti tersebut kepada Universiti Sydney. Tiba-tiba dalam bulan Julai 1977, aku menerima surat undangan daripada Sdr. Baha Zain, Pengarah Persidangan Penulis-Penuils ASEAN untuk hadir pada persidangan tersebut yang akan diadakan di Kuala Lumpur dari tanggal 1 hingga 3 Disember, 1977. Kerana di universiti ada liburan tahunan dari Disember 1977 hingga Februari 1978, aku boleh berpergian ke luar negeri dengan belanja sendiri, asal saja aku memberitahu tentang hal itu kepada Ketua Jabatan dan Pendaftar Universiti.

Australia tidak termasuk dalam negara-negara ASEAN, dan undangan kepadaku yang berkewarganegaraan Australia boleh

dianggap sebagai penghargaan atas diriku kerana aku banyak menulis buku tentang bahasa dan sastera Melayu yang diterbitkan di Kuala Lumpur. Maka aku mengambil keputusan untuk ikut hadir dalam persidangan tersebut. Di samping itu, aku juga ingin singgah di beberapa kota di Indonesia untuk menziarahi famili dan sahabat. Maka aku membeli tiket kapal terbang Sydney-Pulau Pinang pulang-pergi. Semasa pergi boleh singgah di Kuala Lumpur dan pulanginya boleh singgah di Medan, Singapura, Jakarta, Yogyakarta, Surabaya dan Bali. Pada waktu itu harga tiket kapal terbang untuk perjalanan tersebut hanya A\$956, tetapi atas rekomendasi *Chinese Academics Association* di Sydney, *Lee Foundation* di Singapura memberi aku bantuan wang A\$500 untuk pembelian tiket tersebut.

Persidangan tersebut diorganisasikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) untuk memperingati Sepuluh Tahun Berdirinya ASEAN dengan tema utama yang berbunyi *ASEAN Understanding Through Literature* (Persefahaman ASEAN Melalui Sastera). Seramai 16 orang penulis dari negara-negara ASEAN diundang untuk menulis kertas kerja utama yang akan memusatkan kepancawamaan masalah-masalah linguistik dan sastera yang mempesonakan. Tujuan persidangan itu, antara lain ialah:

1. Memperkembangkan pengertian, kemuhibahan dan kerjasama antara penulis-penulis yang kreatif, sarjana-sarjana sastera dan peminat-peminat sastera dari negara-negara ASEAN.
2. Tukar-menukar maklumat-maklumat dan gagasan-gagasan yang bersangkutan-paut dengan kesusasteraan ASEAN.
3. Mengkaji kemungkinan pembentukan sebuah Persatuan Penulis ASEAN.

Pada 27/11/1977, terbanglah aku dari Sydney untuk ke Kuala Lumpur, tetapi setibaku di lapangan terbang Kingsford-Smith di Sydney lebih kurang pada tengah hari, aku diberitahu bahawa kapal terbang MAS (DC 10) mengalami kerosakan dan sedang dibetulkan di lapangan terbang di Melbourne. Setelah menunggu dua jam lamanya di lapangan terbang Sydney, aku dan penumpang-penumpang lainnya dipersilakan naik kapal terbang Qantas yang akan membawa kami ke Melbourne. Pada hari itu, lebih kurang pukul 5 petang, kami mendarat di Melbourne dan masih disuruh menunggu kerana pembaikan DC 10 itu belum selesai dan tiap

penumpang diberi sehelai kupon untuk makan malam di restoran di lapangan terbang Melbourne itu. Lebih kurang pada pukul 6 petang kami dipersilakan masuk ke dalam kapal terbang MAS itu yang segera berangkat untuk ke Kuala Lumpur, tetapi setelah terbang lebih kurang 20 minit, kapal terbang itu berpatah kembali ke lapangan terbang Melbourne dan demi mendarat segera dibaiki lagi. Apa yang rosak tidak diberitahukan kepada penumpang yang semuanya merasa cemas, tetapi 45 minit kemudian, kapal terbang itu sudah boleh berangkat ke Kuala Lumpur dan lebih kurang pada pukul 2.30 pagi bertepatan dengan 28/12/1977 selamatlah kami mendarat di lapangan terbang Subang, Kuala Lumpur. Mujur bagiku Sdr. Yau Yan Sau sudah menunggu kedatanganku dan kami segera naik teksi ke rumahnya dan terus masuk bilik untuk tidur.

Setelah beristirahat satu setengah hari lamanya di Petaling Jaya, pada pagi hari Khamis tanggal 01/12/1977, aku ditemani Sdr. Drs. Chong Yock Sin pergi ke Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyaksikan acara perasmian Persidangan Penulis ASEAN. Banyak sekali orang yang hadir, sasterawan dan diplomat serta ahli politik dan birokrat telah memenuhi setiap kerusi. Mereka yang tidak dapat duduk, tegak berserak-serak menghadangi pintu masuk. Jumlah hadirin lebih kurang 300 orang banyaknya. Sungguh sangat mengagumkan!

Ketika persidangan dimulai, ada tiga orang tokoh yang berganti-ganti berpidato, iaitu Prof. Ismail Hussein (Datuk), Tuan Haji Hassan Ahmad (Datuk) dan Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie. Selama persidangan berlangsung dari 01-03/12/1977, para peserta telah mendengar dan membahas 12 kertas kerja yang umumnya membincangkan sastera moden, sastera tradisional dan bacaan untuk anak-anak. Pada hari Sabtu tanggal 03/12/1977, persidangan itu selesai dengan penandatanganan Deklarasi Penulis ASEAN oleh wakil-wakil dari negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Sidang sunyi senyap waktu mereka menandatangani Deklarasi tersebut dan setelah urusan itu selesai, menggemparlah tepukan yang gemuruh! Isi Deklarasi Kuala Lumpur itu ialah untuk merakamkan hasrat untuk menubuhkan Persatuan Penulis-Penulis ASEAN. Draf perlembagaannya akan disediakan oleh Perwakilan Malaysia untuk kemudian akan diserahkan kepada Jawatankuasa Penggubal yang terdiri daripada wakil-wakil dari Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand untuk diteliti. Jawatankuasa

Penggubal tersebut akan bertemu di Manila sebelum bulan April 1978 untuk melengkapkan perlembagaan dan menentukan tarikh mesyuarat penubuhan Persatuan Penulis-penulis ASEAN yang dicadangkan.

Setelah Persidangan Penulis-Penulis ASEAN selesai, pada 05/12/1977 aku akan terbang ke Pulau Pinang. Waktu aku bangun pada paginya sebelum berangkat, tiba-tiba aku mendengar khabar bahawa semalam ada kapal terbang MAS Boeing 737 yang meledak di ruang udara di Kampung Tanjung Kupang, Johor. Kapal terbang itu terbang dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, tetapi sesampainya di ruang udara lapangan terbang Subang, kapal terbang itu terbang terus ke arah Singapura, kemudian meledak di ruang udara kampung tersebut. Apa sebabnya belum dapat diketahui; yang dapat diketahui ialah semua penumpang dan juruterbang serta anak kapalnya semuanya mati, termasuk seorang Menteri dalam kabinet kerajaan Malaysia, iaitu Datuk Sri Ali Haji Ahmad, B.A. (Hons.). Kalau aku tidak salah ingat, pada waktu itu beliau menjadi Menteri Pertanian dan juga menjadi salah seorang pengasas PENA (Persatuan Penulis Nasional) yang tertubuh di Kuala Lumpur pada 12/02/1961. Kerana kecelakaan kapal terbang itu, penerbanganku dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang diundurkan dari pukul 1 tengah hari sampai lebih kurang pukul 5 petang dan kapal terbangnya bukan kapal terbang Boeing 737, tetapi kapal terbang yang menggunakan kipas (propeller) yang biasanya disebut kapal terbang kipas. Petang itu hujan lebat dan halilintar menyambar-nambar. Aku agak takut untuk berangkat, tetapi Sdr. Yau Yan Sau yang memberi tempat penginapan kepadaku di Petaling Jaya mententeramkan hatiku dengan berkata bahawa nyawa kita di tangan Tuhan Yang Maha Esa, kalau belum sampai waktunya untuk dipanggil pulang, tentulah penerbanganku akan selamat. Maka berangkatlah aku dengan naik kapal terbang kipas yang bergoncang-goncang terbangnya dan berhenti sebentar di lapangan terbang Ipoh, lebih kurang pukul 7 malam barulah aku sampai di Pulau Pinang. Sebelum aku berangkat dari Sydney, aku sudah berhubungan melalui surat dengan Sdr. Shahnnon Ahmad (Datuk), tetapi beliau membalas bahawa mulai 08/11/1977, beliau dengan isterinya hendak pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu Haji dan akan kembali pada akhir bulan Disember 1977. Maka aku segera menghubungi Tan Sri Haji Hamdan Sheikh Tahir, Naib Canselor

Universiti Sains Malaysia di Minden, Pulau Pinang, minta menginap satu malam di Rumah Tetamu Universiti dan kalau ada masa hendak bertemu dengannya untuk bertukar-tukar fikiran tentang pendidikan di Malaysia dan Australia. Aku kenal dengan beliau ketika beliau ke Australia dan meninjau Universiti Sydney.

Ketika aku turun dari kapal terbang kipas itu, Puan Rogayah bt. Hussin, Pegawai Pentadbir Peribadi kepada Naib Canselor, telah menyuruh drebar motokar universiti untuk menjemput aku. Dia tahu adanya kecelakaan kapal terbang tersebut di atas dan tahu juga kelambatan tibanya kapal terbang yang kunaiki; dia membawa aku ke Rumah Tetamu Universiti dan berjanji besok pagi akan datang menjemput aku untuk dihantar ke lapangan terbang Pulau Pinang kerana aku akan terbang ke Medan pada pukul 8.45 pagi. Malam itu Tan Sri Haji Hamdan ada mesyuarat yang harus dihadiri, jadi beliau telah memberi pesanan kepada penjaga rumah tetamu itu untuk menyatakan kepadaku penyesalannya tidak dapat berjumpa dengan aku.

Pada 06/12/1977, aku terbang dari Pulau Pinang ke Medan yang penerbangannya hanya memakan waktu lebih kurang 40 minit lamanya. Sesampainya di Medan aku dijemput oleh sanakku Dr. Oei Seng Ham dan menginap satu malam di rumahnya. Maksudku yang utama mengunjungi Medan ialah hendak berjumpa dengan Puan Yeh Lien Sim yang dalam tahun 1932/1933 menjadi kawan belajar di Institut Chimei di Amoy, Tiongkok. Persahabatan kami cukup mesra, tetapi sayang sekali lebih kurang pada pertengahan tahun 1933 ia terpaksa balik ke kampung halamannya di Tanjung Pura, Langkat (Sumatera) kerana ibunya sakit berat. Ketika ia akan belayar dari Amoy ke Belawan, Sumatera dengan kapal Belanda, Van Heutsz, aku dengan beberapa orang kawan sekolah menghantar dia naik ke kapal itu. Selama dia sudah di Tanjung Pura, aku sering surat-menyurat dengan dia, dan ketika aku sudah balik ke Solo dalam bulan November 1934, aku mendengar khabar ia sudah berada di Shanghai dan belajar di sebuah Sekolah Menengah Atas. Tak lama kemudian aku menerima suratnya dari Shanghai dan ia menganjurkan aku supaya aku juga pergi ke Shanghai untuk meneruskan pelajaranku. Memang itu adalah harapan dan tujuanku. Aku membalas suratnya dengan mengatakan kepadanya bahawa demi wang simpananku cukup, aku akan segera belayar ke Shanghai. Kami terus bersurat-suratan dan dalam salah satu suratnya ia

mengatakan bahawa tiap ada kapal datang dari Hindia Belanda dan ia harus ke pelabuhan Shanghai untuk menyambut kedatangan kawan-kawan lainnya, ia sangat mengharap dapat melihat wajahku di antara wajah-wajah yang lain, tetapi selalu gagal. Aku terharu sekali atas pernyataannya itu! Ketika Perang Tiongkok-Jepun meletus pada 07/07/1937, ia pulang dan mendapat pekerjaan di salah sebuah sekolah Cina di Semenanjung. Hubungan kami putus setelah pecahnya Perang Pasifik dan Jepun menduduki Malaya dan Indonesia.

Daripada seorang bekas kawan sekolahku di Amoy, aku mengetahui bahawa sekarang ia ada di Medan, nombor dan nama jalan tempat tinggalnya juga dapat kuketahui. Maka setelah Dr. Oei bersama aku naik keretanya ke sebuah hospital tempat ia bekerja, ia mengatakan kepadaku boleh menggunakan keretanya sampai pukul 1 tengah hari, iaitu waktu kerjanya di hospital sudah selesai dan hendak pulang ke rumahnya. Dengan kereta itu pertama-tama aku pergi ke sebuah bank untuk tukar wang dan bertemu dengan Sdr. Ng Oen Bien, Ketua Bagian Tukaran Asing. Ia dulu tinggal di Singapura dan ayahnya adalah kawan sekerjaku di Universiti Nanyang. Sdr. Ng menyambut kedatanganku dengan senang hati dan menjemput aku untuk makan malam di restoran dan mempersilakan aku membawa 5 atau 6 orang kawanku untuk makan bersama. Setelah itu aku pergi ke Jalan Tapanuli untuk mengunjungi Puan Yeh Lien Sim. Waktu kereta berhenti di depan rumahnya, aku terlihat seorang wanita sedang membersihkan halaman rumahnya. Melihat wajah wanita itu, aku segera tahu bahawa itu adalah Puan Yeh Lien Sim. Ia mempersilakan aku masuk untuk bercakap-cakap dan daripada percakapan itu, aku mengetahui bahawa ia sudah kahwin dengan seorang Tionghua yang menjadi guru bahasa Inggeris dan sudah mempunyai empat orang anak, tiga laki-laki dan seorang perempuan. Pada waktu itu aku merasa pilu kerana dia dan aku bukan jodoh. Dimisalkan kami memang jodoh, tentulah dapat bertemu dan menjadi suami isteri seperti bunyi peribahasa 'asam di gunung, garam di laut, bertemu dalam belanga'.

Tak lama kemudian suaminya yang bernama David Leo datang dan kami saling berkenalan. Aku katakan kepada mereka bahawa aku juga sudah kahwin dan mempunyai seorang anak perempuan. Lalu kami bertiga dengan kereta pergi ke Jalan Bandung untuk menemui Sdr. Tjan Hong Kiao yang dalam tahun

1932/1934 juga belajar di Institut Chimei di Amoy. Ia juga sudah kahwin, tetapi pada waktu itu suaminya baru berpergian. Malamnya mereka bertiga, Dr. Oei dan aku makan bersama Sdr. Ng Oen Bien dan seorang kawannya. Keesokan harinya, lebih kurang pukul 7 pagi, aku dihantar dengan kereta oleh Sdr. Ng ke lapangan terbang di Medan kerana aku akan terbang ke Singapura dengan pesawat Singapore Airlines. Pemeriksaan barang bawaan sangat ketat, badan juga diperiksa. Itu adalah akibat kecelakaan kapal terbang MAS 737 yang pada tanggal 4 Disember 1977, terbang dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, tetapi meledak di Johor.

Pada tengah harinya aku sudah tiba di Singapura dan menginap di rumah Sdr. Seow Aik Khim 10 hari lamanya dan berkesempatan untuk melawat Universiti Nanyang dan mengunjungi beberapa orang sahabat karib dan bekas kawan sekerja.

Pada tanggal 17/12/1977, aku terbang ke Jakarta untuk mengunjungi bapa mentuaku dan sanak saudaraku di Jakarta dan Bandung. Dari Bandung adik iparku membawa aku dengan keretanya ke Pelabuhan Ratu yang terletak di tepi Lautan Hindi di Jawa Barat Bahagian Selatan; kemudian kami singgah di Taman Mini Indonesia Indah yang sangat indah.

Pada tanggal 26/12/1977, aku terbang ke Yogyakarta dan waktu aku turun di lapangan terbang Mahguwo, kemanakanku yang bernama Drs. Agus Hartono telah berada di situ untuk menjemput aku. Keesokan harinya ia dengan isterinya menghantarkan aku ke Solo dengan keretanya. Kota Solo adalah kota kenang-kenanganku semasa aku masih muda. Aku masih mempunyai seorang adik perempuan yang tinggal dengan anaknya di kota itu, tetapi aku menginap di rumah sahabat karib bapa mentuaku. Pada tahun baru 1978, aku dengan tamu lainnya, dua orang nona Jepun yang bernama Yoshiko Ueda dan Nobuko Ogura dibawa oleh suami isteri tuan rumah dan anak lelaki serta menantunya ke tempat istirahat di Tawangmangu yang terletak di lereng Gunung Lawu yang indah pemandangannya dan sejuk hawanya. Mereka sudah biasa berjualan makanan dan minuman pada tiap tahun baru kerana banyak pelancong yang datang ke situ.

Keesokan harinya nona-nona Jepun itu menyewa sebuah van yang dapat memuat enam atau tujuh orang untuk pergi ke Borobudur. Suami isteri tuan rumah dan aku menemani nona-nona Jepun itu ke Borobudur yang pada waktu itu ada sebahagian yang

sedang diperbaiki, tetapi kami dapat naik ke tingkat yang paling atas yang di tengah-tengah lantainya ada sebuah *stupa* besar, di dalamnya ada sebuah patung Buddha yang sedang duduk bersemedi (meditating). Di sekitar *stupa* besar itu ada banyak *stupa* kecil yang di dalamnya berisi patung juga. Khabarnya Candi Borobudur itu dibangun atas perintah raja yang beragama Buddha di antara tahun 760 dan 820 Maschi.

Sehabis melihat dengan puas Candi Borobudur itu, kami naik van itu ke kota Yogyakarta untuk melihat istana Sultan Yogya. Kami diperbolehkan masuk untuk melihat bahagian-bahagian yang tertentu saja dan yang terbuka untuk umum dengan membeli tiket. Setelah selesai melihat-lihat, kami pergi ke lapangan terbang Mahguwo untuk menghantar Yoshiko dan Nobuko naik kapal terbang untuk ke Bali. Dari Bali mereka akan terbang balik ke Tokyo. Kemudian suami isteri tuan rumah pulang ke Solo dengan van itu dan aku dijemput oleh kemanakanku untuk menginap satu malam di rumahnya yang terletak di Jalan Cemarajajar, Yogyakarta.

Keesokan harinya, iaitu pada tanggal 03/01/1978 pagi, aku terbang ke Surabaya dan menginap 4 malam di rumah Sdr. Tjeng Gwan Seng, bekas kawan sekolahku di Institut Chimei di Amoy, Tiongkok pada awal tahun tiga puluhan. Aku tidak mempunyai keperluan apa-apa yang mustahak di Surabaya kecuali mengunjungi sanak saudara dan sahabat handai. Pada pukul 11.30 pagi bertepatan dengan tanggal 06/01/1978, aku terbang ke Denpasar, Bali dan dijemput oleh Sdr. Liem Thian Un dan anak laki-laki Sdr. Tjioe Hong Tjin yang juga bekas kawan sekolahku di Amoy, seperti juga Sdr. Tjeng Gwan Seng. Dalam perjalanan dengan motokar dari lapangan terbang Denpasar ke rumah Sdr. Tjioe Hong Tjin, terlihat olehku upacara pembakaran mayat yang dikunjungi oleh banyak orang. Kami tidak berhenti untuk ikut menyaksikan upacara itu, tetapi hatiku tiba-tiba merasa hampa dan rawan bercampur sedih kerana kelmarinnya Nona Yoshiko dan Nobuko baru saja meninggalkan pulau Bali dan pulang ke Jepun. Perkenalan kami di Solo dan Borobudur serta Yogya yang hanya dua hari lamanya itu meninggalkan kesan yang mendalam di dalam hatiku, tetapi pada malamnya aku terbang pulang ke Sydney dengan kapal terbang Garuda yang baru (DC 10) dan pada pukul 7.15 pagi tanggal 08/01/1978, aku sudah sampai di Sydney dan bertemu pula dengan isteri dan anakku. Hatiku menjadi tenang pula dan keesokan

harinya aku sudah mulai membuat persiapan-persiapan untuk kuliah-kuliah dalam tahun pelajaran 1978 itu.

Bab LIV

MELAWAT REPUBLIK RAKYAT TIONGKOK

DI SYDNEY ada sebuah perkumpulan bernama *Chinese Academics Association*. Setelah Revolusi Kebudayaan di Tiongkok berhenti apabila Mao Tse-tung meninggal dunia pada 09/09/1976, ada beberapa ahli perkumpulan tersebut yang pergi ke Tiongkok untuk melawat dan sepulangnya mereka mengusulkan kepada Perkumpulan tersebut supaya mengadakan *Educational and Scientific Tour* untuk ahli-ahli perkumpulan yang ingin melihat keadaan di Tiongkok, terutama yang mengenai sistem pendidikan dan kemajuan yang berkenaan dengan ilmu pengetahuan. Perbelanjaan perjalanan untuk 22 hari berjumlah A\$1650 tiap orang; ini termasuk perbelanjaan kapal terbang Sydney - Hong Kong - Sydney dan 20 hari perjalanan di Tiongkok (hotel, makan satu hari 3 kali dan perbelanjaan kapal terbang, kereta api, bas dan sebagainya selama di Tiongkok). Perjalanan itu akan diadakan selama cuti 3 minggu pada akhir penggal pertama di Universiti Sydney, iaitu dari tanggal 11/05/1978 sampai 03/06/1978.

Aku dengan isteri ikut serta dalam *tour* tersebut setelah mendapat persetujuan daripada Ketua Jabatanku dan juga daripada Naib Canselor Universiti Sydney. Rombongan kami terdiri daripada 14



Drs. Li dan isteri duduk di atas katil yang pernah digunakan tempat tidur oleh Comandannya Chiang Kai sek ketika beliau ditawan di Si An dalam bulan Disember 1950 (Mei 1984)



Drs. Li, isteri dan puterinya Dr. Frank Liu bergambar di Medan Tian An Men di Pekang (Mei 1984)




Drs. Li berdiri di depan sebuah Paseban Agung di dalam istana lama di Peking (Mei 1978).



Drs. Li dan isteri bergambar di depan makam Mao Tse-Tung di Peking (Mei 1978).



Drs. Li (nomor 2 dari kanan beris depan) bergambar di antara pelancong pelancong di Tembok Besar China (Mei 1978)



Drs. Li dan isteri bergambar di tangga makam Dr. Sun Yat-sen di Nanking (Mei 1978)

orang dan aku sebagai ahli yang tertua dilantik menjadi Ketua Rombongan dan Dr. Frank Liu Setiausaha Rombongan. Pada tanggal 11/05/1978, rombongan kami bertolak ke Hong Kong dengan kapal terbang Boeing 707 Cathay Pacific. Penerbangan itu makan waktu lebih kurang 9 jam lamanya. Pada pukul 7 malam, kami turun di lapangan terbang di Kowloon dan dijemput oleh pegawai *China Travel Service* dan dibawa ke sebuah hotel di Kowloon dengan sebuah van. Pada pukul 7 pagi keesokan harinya, kami dihantarkan oleh pegawai tersebut ke stesen Kowloon untuk naik kereta api ke Canton (Guangzhou). Pada waktu itu belum ada kereta api langsung dari Kowloon ke Canton, jadi kami harus turun di sebuah stesen yang masih di dalam daerah Kowloon, iaitu di Sun Chun, lalu berjalan kaki melewati sebuah jambatan yang menjadi sempadan antara Republik Rakyat Tiongkok dan Hong Kong yang diperintah oleh Gabenor Jeneral Inggeris. Beg-beg pakaian kami diangkut dengan gerabak sorong oleh kuli-kuli dari stesen Sun Chun sampai tengah jambatan itu, lalu ditukar oleh kuli-kuli dari bahagian RRT (Republik Rakyat Tiongkok) untuk dibawa ke bahagian kastam RRT. Setelah beg-beg itu diperiksa, diangkut lagi oleh kuli-kuli itu ke dalam gerabak barang kereta api yang akan ke Canton. Sementara itu kami disuruh masuk ke sebuah bilik dan dipersilakan duduk, lalu pasport tiap-tiap orang diperiksa dan dicap oleh pegawai imigresen RRT. Kemudian kami boleh tukar wang kami kepada *renminbi* (dolar RRT) dan kerana *tour* kami akan dimulai dari Canton, maka makan tengah hari di stesen tersebut mesti bayar sendiri yang sangat murah (hanya lebih kurang AS\$1.70 tiap orang). Lebih kurang pada pukul 1 siang kami berangkat ke Canton dari Sun Chun dengan kereta api RRT. Perjalanan itu makan waktu lebih kurang tiga setengah jam lamanya dan setiba kami di stesen Canton, ada seorang pegawai wanita daripada *China Travel Service* yang menjemput kami dengan bas kecil dan membawa kami ke sebuah hotel di Canton. Lalu kami berunding dengan seorang pengurus organisasi itu untuk menetapkan daftar perjalanan kami; kesimpulannya begini:

Di Canton 2 malam; terbang ke Si-An (tinggal 3 malam); terbang ke Peking (tinggal 4 malam); terbang ke Nanking (tinggal 1 malam); naik kereta api ke Shanghai (tinggal 3 malam); naik kereta api ke Hangchow (tinggal 2 malam); naik kereta api malam ke Kweilin (tidur 1 malam dalam kereta api dan tinggal 3 malam

di Kweilin) dan balik ke Canton dari Kweilin dengan kapal terbang (tinggal 1 malam di Canton).

Di Canton selain kami dibawa melihat taman yang indah, juga dibawa melihat pertunjukan akrobatik. Di Si-An kami dibawa ke luar kota untuk melihat tempat yang mungkin menjadi kuburan Kaisar Shih Huang-Ti, iaitu kaisar yang pertama kali dapat mempersatukan Tiongkok dan terkenal dengan nama Dinasti Ch'in dalam sejarah. Baginda bertakhta dari tahun 246 sampai tahun 210 Sebelum Masihi. Kuburan baginda belum ditemui, sebab banyak bukit di daerah itu yang sudah digali, hanya barang-barang kuno dan patung-patung tenteranya sahaja yang ditemui. Selain daripada itu, kami juga dibawa melihat bilik tidur Generalissimo Chiang Kai-sek ketika beliau ditawan oleh jeneral-jeneral yang anti-perang saudara. Mereka memaksa Chiang mengakhiri perang saudara dengan komunis dan mengambil keputusan untuk berperang dengan Jepun. Malamnya kami dijemput melihat opera. Pada hari ketiga, sebahagian ahli rombongan kami meninjau Fakulti Kedokteran, tetapi aku dengan beberapa ahli lainnya lebih suka melihat sebuah pagoda tempat pendeta Hsuan-Tsang menterjemahkan kitab-kitab agama Buddha daripada bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Cina. Beliau pergi ke India dalam tahun 629 dan balik ke Ch'ang-An (Si-An) pada tahun 645 Masihi dengan membawa kitab-kitab itu untuk diterjemahkan. Kami naik ke tingkat yang paling atas dan melihat kota Si-An yang sekarang ini; jalan-jalannya lebar dan lurus. Pada tanggal 17/05/1978, kami naik kapal terbang yang agak kuno ke Peking. Sesampainya di ibu kota RRT itu kami dibawa ke *Overseas Chinese Hotel* yang masih penuh ditempati oleh pelancong-pelancong dari luar negeri yang sebahagian besar akan meninggalkan kota Peking ke lain tempat sehabis makan tengah hari. Namun begitu ada sebuah bilik tidur yang kosong, jadi beg-beg kami boleh dimasukkan ke dalamnya dan kami setelah makan tengah hari di hotel itu, segera dibawa dengan bas kecil ke bekas istana Dinasti Ch'ing yang terletak dekat Tien-An-Men. Istana itu besar sekali, terdiri daripada beberapa balai penghadapan lengkap dengan singgahsana, bilik tidur kaisar, halaman, rumah panjang dan taman. Mengikut sejarah, dalam istana itu ada tiga ribu dayang-dayang dan ratusan orang *kebiri*. Sayang taman bunganya agak kecil. Setelah melihat sepintas lalu saja, kami dibawa masuk ke sebuah gedung besar untuk melihat jenazah Mao Tse-tung yang tersimpan dalam

peti berkaca. Selain kedua-dua matanya tertutup, wajah beliau tetap seperti biasa saja. Kemudian kami dibawa balik ke hotel dan sudah ada bilik-bilik tidur yang kosong untuk kami tempati.

Keesokan harinya kami dibawa ke stesen kereta api Peking untuk naik kereta api yang akan bertolak ke Tembok Besar (*Great Wall*). Di dalam kereta api kami diberi makanan tengah hari, satu bungkus bagi tiap orang. Setelah kereta api berhenti di sebuah stesen, kami turun di situ, lalu naik bas ke pintu masuk bahagian *Great Wall* yang boleh dilihat oleh pelancong-pelancong. Setelah berada di *Great Wall*, terlihat olehku menara-menara yang terpisah-pisah. Jarak dari satu menara ke lain menara tidak terlalu jauh, mungkin hanya setengah kilometer, tetapi jalan yang lebar di *Great Wall* itu agak licin dan meninggi. Aku dan isteriku serta kawan-kawan lainnya kebanyakannya hanya berjalan naik sampai menara yang pertama saja.

Mengikut catatan sejarah, *Great Wall* itu didirikan sebagai halangan yang maha besar untuk menahan serbuan bangsa Hsiung Nu atau Hun dari Mongolia. Pada zaman-zaman yang silam, memang sudah ada benteng-benteng yang didirikan oleh raja-raja yang berkepentingan, tetapi letaknya terpisah-pisah jauh. Maka Kaisar Shih Huang-Ti memerintahkan ratusan ribu pekerja untuk menyambung benteng-benteng tersebut dan menambah pula dengan benteng-benteng yang baru. *Great Wall* itu diperbuat daripada batu, batu-bata dan tanah. Panjangnya 1,500 batu (2400 km) dan menjalar dari daerah Kansu di sebelah barat ke pesisir di Mancuria manakala tingginya 20 kaki (6 m). Di atasnya ada jalan yang 15 kaki (4.5 m) lebarnya dengan menara-menara pertahanan setiap berapa ratus ela saja. Pada zaman Ch'in itu, soldadu-soldadu yang ditugaskan menjaga tembok itu berjumlah seperempat juta banyaknya. Khabarnya, dari bulan, *Great Wall* itu dapat dilihat oleh angkasawan. Sungguh sangat mengagumkan!

Keesokan harinya rombongan kami dibawa dengan bas untuk melihat *Ming Tomb* (Makam-makam Kaisar Kerajaan Ming). Aku tidak dapat ikut kerana aku diberi kesempatan untuk melawat ke *Peking Foreign Languages Institute* (sekarang Beijing Foreign Studies University) untuk bertemu dengan pensyarah-pensyarah Bahagian Bahasa dan Sastera Indonesia dan Bahagian Bahasa dan Sastera Malaysia. Letaknya institut itu ialah di bahagian barat kota Peking dan jaraknya lebih kurang 20 km dari hotel kami. Daripada per-

bualan yang ramah-tamah, aku mengetahui bahawa jumlah mahasiswa/mahasiswi yang belajar bahasa dan sastera Indonesia atau Malaysia tidak banyak, tetapi bahagian-bahagian tersebut tetap dipertahankan berdirinya.

Pada tanggal 21/05/1978, kami meninggalkan kota Peking untuk terbang ke kota Nanking (Nanjing) dengan kapal terbang jet yang agak baru. Penerbangan itu hanya makan waktu satu jam dan dari jendela kapal terbang, kami dapat melihat Sungai Kuning (Yellow River atau Huang He), yang mengalir berkeluk-keluk ke laut. Setelah makan tengah hari di hotel, kami pergi ke makam Dr. Sun Yat-sen yang terletak di atas bukit, tetapi ada tangga daripada batu yang memudahkan orang-orang yang mahu naik ke puncak bukit itu. Dulu jenazah Dr. Sun disimpan di dalam peti kaca yang dibuat oleh Rusia dan diberikan kepada Pemerintah Tiongkok di Peking dalam tahun 1925, tetapi setelah Generalissimo Chiang Kai-sek dapat menyatukan Tiongkok dalam tahun 1928, jenazah itu mulai rosak dan terpaksa diangkut ke Nanking untuk dikuburkan di atas bukit yang dinamakan *Chung Shan Ling* (Bukit Chung Shan) kerana alias Dr. Sun Yat-sen ialah Chung Shan. Waktu rombongan kami sampai di puncak bukit itu, terlihat oleh kami kuburan itu yang di atasnya ada patung mendiang Dr. Sun dalam keadaan baring (tidur).

Pada pukul 9 keesokan paginya, kami dibawa dengan bas ke tepi Sungai Ch'ang Chiang (Chang Jiang) untuk melihat jambatan panjang yang terdiri daripada dua tingkat: Tingkat bawah untuk jalan kereta api dan tingkat atas untuk motokar, lori, kenderaan-kenderaan lain dan orang yang mahu menyeberang. Jambatan itu panjang sekali dan sungguh mengagumkan bahawa RRT dapat membuatnya. Setelah makan tengah hari kami dibawa dengan bas untuk melihat bekas gedung Pemerintah Kuomintang di mana Generalissimo Chiang Kai-sek berkuasa sebelum dikalahkan oleh tentera komunis. Setelah itu kami dibawa melihat tempat bekas istana Dinasti Ming, tetapi gedung-gedungnya sudah musnah, mungkin dibakar oleh tentera Manchu yang menggulingkan Dinasti Ming dalam tahun 1644 Masihi. Kami juga berkesempatan untuk melihat Universiti Nanking secara sepintas lalu. Petangnya kami naik kereta api untuk pergi ke Soochow.

Mengikut cerita dalam novel-novel Tionghua, kota Soochow terkenal sebagai tempat adanya gadis-gadis yang cantik molek dan

taman-taman bunga yang indah-indah. Kami menginap satu malam di sebuah hotel, dan keesokan harinya, iaitu tanggal 23/05/78, kami dibawa melihat taman-taman itu dan juga melihat sebuah kilang barang-barang sulaman (embroidery). Setelah makan tengah hari, kami naik kereta api untuk pergi ke bandar raya Shanghai. Perjalanan itu makan waktu lebih kurang dua jam lamanya dan sampainya di stesen Shanghai, kami dijemput oleh wakil *China Travel Service* dan dibawa ke sebuah hotel. Keesokan harinya kami dibawa ke tempat pameran jentera-jentera dan motokar-motokar buatan Tiongkok, kemudian kami dibawa melihat Universiti Futan. Keesokan harinya seorang daripada ahli rombongan kami dijemput untuk berpidato di universiti tersebut, sedangkan aku dengan isteri pergi melihat bekas tempat tinggal Pujangga Lu Hsun yang dianggap sebagai Bapa Kesusasteraan Baru Tiongkok. Rumahannya itu sangat sederhana sekali, lalu kami pergi berziarah ke kuburnya yang tidak jauh dari rumahnya itu.

Penduduk di Shanghai berjuta-juta orang jumlahnya. Jalan-jalan raya penuh sesak dengan berbagai-bagai jenis kenderaan dan di kaki-kaki lima penuh orang yang berjalan kaki. Kami diberi kesempatan untuk melihat-lihat kedai-kedai dan di antara kami ada juga yang membeli kain sutera atau barang-barang lainnya. Setelah tinggal 3 malam di Shanghai, pada tanggal 26/05/1978 kami dibawa ke kota Hangchow dengan naik kereta api lagi. Lebih kurang lima jam lamanya perjalanan dengan kereta api itu dan sewaktu rombongan kami tiba di stesen Hangchow, hari sudah malam dan makanan malam sudah disediakan bagi kami demi kami sampai di hotel. Keesokan harinya kami pergi melihat Danau Barat (West Lake) yang sangat masyhur dan tiap tahun ada ratusan ribu pelancong yang melawat ke situ. Danau itu memang indah dan di sekitarnya ada banyak pagoda dan *kellenteng*. Kami naik perahu bermotor untuk mengelilingi danau itu. Kami tinggal dua malam di Hangchow dan pada 28/05/1978, kami naik kereta api malam untuk melawat ke Kweilin di Tiongkok Selatan. Lebih kurang pada pukul 5 petang keesokan harinya, kami sampai di kota Kweilin. Waktu kereta api sudah hampir sampai di kota itu, terlihat oleh kami pemandangan yang luar biasa, iaitu banyak gunung-gunung yang runcing puncaknya, sangat indah dilihat dari jauh.

Pukul 9 pagi keesokan harinya, rombongan kami dibawa naik perahu bermotor untuk belayar di Sungai Li agar dapat me-

lihat dengan lebih dekat keindahan gunung-ganang yang luar biasa itu. Setelah mendarat di suatu tempat, kami dibawa melihat gua-gua di kaki dua bukit. Setelah tinggal 3 malam di Kweilin, pada tanggal 01/06/1978, kami terbang balik ke Canton. Keesokan harinya kami balik ke Hong Kong dengan naik kereta api RRT sampai Sun Chun. Setelah melalui pemeriksaan kastam dan pasport, kami berjalan melalui jambatan yang menjadi sempadan antara RRT dan Hong Kong, lalu kami naik kereta api kepunyaan Pemerintah Hong Kong ke Kowloon. Di Kowloon rombongan kami berpisah dan masing-masing mencari hotel yang disukai. Aku dengan isteri dijemput oleh suami isteri Dr. Gan Heng Ngo yang telah menempah bilik di Hotel Miramar untuk kami berdua, tetapi kerana kami ditempatkan di bahagian yang moden dengan tarif yang mahal, maka kami hanya tinggal satu malam sahaja. Keesokan harinya kami pindah ke Hotel Ambassador yang tarifnya tidak terlalu mahal kerana Dr. Gan kenal dengan ejen *Vaya Tour* yang dapat memberikan potongan kepada tamu yang mahu tinggal di hotel itu.

Setelah tinggal dua malam di Kowloon, pada tanggal 04/06/1978, kami terbang pulang ke Sydney dengan kapal terbang Cathay Pacific. Lebih kurang pada pukul 10 pagi bertepatan dengan tanggal 05/06/1978, kami selamat mendarat di lapangan terbang Kingsford-Smith di Sydney dan pulang ke rumah kami di Hinkler Street, Maroubra. Sangat senang hati kami berdua bertemu pula dengan anak kami Sylvia, yang selama 24 hari kami berada di luar negeri, kami tumpangkan kepada suami isteri Peter Chan di Kensington.

Kesanku tentang penghidupan rakyat di RRT ialah sangat sederhana tetapi tidak sampai mati kelaparan walaupun kadangkadang terdapat kekurangan makanan yang berzat. Keadaan yang miskin tetap miskin dan yang kaya makin kaya tidak ada lagi. Gaji pegawai, guru dan pekerja sangat rendah, tetapi masa kerja agak panjang dan dikembari dengan terpecah-belahnya kehidupan keluarga, menyebabkan merosotnya semangat, dan dalam beberapa hal menyebabkan juga kelesuan tubuh. Dalam tahun tiga puluhan, ketika aku sedang belajar di Amoy, walaupun pemerintahan didasarkan atas demokrasi, tetapi rasuah bermaharajalela dan rakyat yang miskin makin miskin, sedangkan yang kaya makin kaya sehingga banyak orang yang kelaparan dan tidak jarang yang mati di tepi

jalan. Aku mengharap Tiongkok akan menjadi negara yang kuat dan makmur serta maju di kemudian hari kelak!

Bab LV

CUTI BELAJAR TERAKHIR (BERKUNJUNG KE KOTA-KOTA BESAR DI ASIA TENGGARA)

SETELAH aku mulai mengajar lagi dari tanggal 06/06/1978, ada dua perkara besar yang mesti kupertimbangkan dengan serius, iaitu: (1) soal bersara dan akibatnya, dan (2) soal cuti belajar yang terakhir sebelum bersara. Tiap pegawai di Universiti Sydney, baik dari Bahagian Tenaga Pengajar (Teaching Staff) mahupun dari Bahagian Tenaga Pentadbiran (Administrative Staff), dimestikan bersara pada waktu usianya genap 65 tahun. Jikalau selama bekerja di universiti itu pegawai itu ada menjadi ahli Tabung Pencen Negeri New South Wales (State Superannuation Fund of New South Wales), pada waktu mahu bersara ia boleh memilih sama ada mengambil jumlah pencen sekaligus atau menerima pencen tiap dua minggu sekali. Ada juga peraturan yang membolehkan pegawai yang berkepentingan untuk mengambil sebahagian daripada jumlah sekaligus itu dan bakinya diambil sebagai pencen tiap dua minggu sekali. Tentang cuti belajar bagi tenaga pengajar, tiap sudah bekerja enam tahun, boleh bercuti satu tahun, tetapi setelah cutinya habis, ia harus bekerja lagi paling sedikit satu tahun juga lamanya.

Setelah menimbang segala kemungkinan, aku mengambil keputusan untuk bersara pada tanggal 12/07/1979, iaitu 22 hari

sebelum aku mencapai usia 65 tahun. Selain daripada itu aku juga memilih untuk mengambil jumlah pencen sekaligus dengan meninggalkan RM34.00 tiap dua minggu sebagai pencen yang terkecil yang dimestikan oleh peraturan tabung pencen itu. Jumlah wang yang akan kuterima akan kugunakan untuk membeli sebuah rumah yang dekat dengan kedai-kedai, bank-bank dan tempat praktik doktor serta pejabat pos. Kemudahan-kemudahan itu sangat mustahak bagi orang tua yang bersara. Mengenai rumah di Hinkler Street yang kubeli dengan bantuan pihak universiti, lebih kurang dalam tahun 1975, sudah kubayar habis dan akan kusewakan kepada orang lain supaya aku boleh menerima wang sewa tiap bulannya; ini perlu bagi sumber belanja hidupku.

Mengenai cuti belajar, aku mendapat persetujuan Prof. P. Worsley, Ketua Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya, untuk pergi ke kota-kota besar di Asia Tenggara selama dua bulan, iaitu mulai tanggal 10/12/1978 hingga 09/02/1979. Masa itu bertepatan dengan masa liburan di sekolah-sekolah dasar dan menengah serta universiti di negeri New South Wales. Jadi isteriku yang menjadi guru bahasa Indonesia di Correspondence School dan anakku yang sudah selesai menempuh Ujian Sarjana Muda di Universiti New South Wales berkesempatan pergi ke luar negeri bersama dengan aku. Rencana perjalanan kami adalah sebagai berikut:

Sydney – Jakarta (tinggal 6 hari) – Kuala Lumpur (tinggal 4 hari) – Singapura (tinggal 3 hari) – Hong Kong (tinggal 3 hari) – Macau (tinggal 1 hari) – Hong Kong (tinggal 3 hari) – Taiwan (tinggal 5 hari) – Kota Kinabalu (tinggal 4 hari) – Bandar Seri Begawan (tinggal 2 hari) – Kuching (tinggal 3 hari) – Singapura (tinggal 6 hari) – Kuala Lumpur (tinggal 4 hari) – Jakarta (tinggal 3 hari) – Bandung (tinggal 2 hari) – Solo (tinggal 3 hari) – Semarang (tinggal 2 hari) – Yogyakarta (tinggal 1 hari) – Surabaya (tinggal 4 hari) – Bali (tinggal 1 hari) – balik ke Sydney.

Pada tanggal 16/12/1978, kami bertiga bertolak ke Jakarta dengan Garuda. Keperluan kami singgah di Jakarta, selain mengunjungi sanak saudara bagiku mustahak juga untuk membeli buku-buku baru mengenai kesusasteraan Indonesia. Pada tanggal 22/12/1978, kami bertiga terbang ke Kuala Lumpur dengan Cathay Pacific dan tinggal di rumah Sdr. Yau Yan Sau. Keperluanku di Kuala Lumpur ialah untuk membeli buku-buku baru tentang sastera Malaysia dan juga untuk bertukar-tukar fikiran mengenai



Drs. Li, isteri dan puterinya duduk di atas bangku batu di dalam Taroko Gorge di Taiwan (Januari 1979).



Drs. Li dan keluarga bergambar di pelantar sebuah rumah panjang dari suku bangsa Dayak di Kuching, Sarawak (Januari 1979).



Mrs. Li dan isterinya bergambar dengan puterinya yang baru saja menerima ijazah Sarjana Muda dari Universiti New South Wales (April 1979).

kemajuan penulisan novel, cerpen, sajak dan sebagainya dengan beberapa orang sasterawan yang kukenal. Kemudian kami pergi dengan naik motokar kepunyaan tuan rumah ke Genting untuk bersiar-siar dan main *poker* (slot machine). Pada tanggal 26/12/1978, kami terbang ke Singapura dengan Singapore Airlines dan menginap di Hotel Mandarin di Orchard Road. Di Kota Singa itu tidak banyak toko baru yang telah diterbitkan, tetapi aku dapat bertemu dengan Prof. Hsu Yun-ts'iao dan kawan-kawan lainnya. Pada tanggal 29/12/1978, kami terbang ke Hong Kong dengan Singapore Airlines dan tinggal di Hotel Miramar 3 hari lamanya. Sekali ini kami ditempatkan di bilik tidur di bahagian lama hotel. Pada tengah malamnya kami diganggu oleh bunyi orang mengetuk sesuatu terus-menerus, tetapi pada waktu itu tidak ada rumah bangunan yang sedang dibina, jadi mungkin bilik itu berhantu. Kecelakaan akhirnya kami minta pindah ke bilik tidur lain yang agak jauh dari bilik yang berhantu itu.

Aku mempunyai seorang bekas muridku di Solo dalam Zaman Jepang yang pergi ke RRT dalam tahun lima puluhan dan pernah

menjadi guru bahasa Indonesia di Universiti Peking. Kemudian dia tamat belajar di sebuah Kolej Perubatan dan pada waktu itu dia berpraktik di Macau. Aku ingin mendengar ceritanya tentang pengajaran bahasa Indonesia di Tiongkok. Maka pada tanggal 01/01/1979 (Tahun Baru), kami bertiga pergi ke Macau dengan naik perahu tambang bermotor yang makan waktu dua jam lamanya baru sampai di pelabuhan Macau. Kami dijemput oleh Dr. Rodolfo Tjahayamulia, bekas muridku di Solo dalam tahun 1943/1944. Beliau membawa kami bersiar-siar dengan motokarnya mengelilingi kota Macau dan bersama-sama masuk juga ke dalam sebuah kasino, di mana kami bertiga (kecuali anakku Sylvia) berpeluang main *poker machine*. Dr. Tjahayamulia menceritakan sengsaranya ketika di Tiongkok ada Revolusi Kebudayaan, maka beliau dengan familinya berusaha dan berhasil mengungsi ke Macau dan diperbolehkan berpraktik di kota itu. Tentang mengajar bahasa Indonesia di Universiti Peking memang ada, namun mahasiswa/mahasiswinya tidak banyak. Kami tinggal di hotel satu malam dan keesokan harinya kami balik ke Hong Kong dan tinggal di Holiday Inn tiga malam lamanya atas perantaraan Sdr. Khouw Boen Lan yang menjadi cjen *Vaya Tour* (Jakarta) di Hong Kong. Kami mendapat bilik tidur yang baik yang menghadap Nathan Road yang penuh dengan pelancong dan orang-orang Hong Kong.

Selama di Hong Kong kami juga ikut *Half Day Hong Kong Tour* yang diselenggarakan oleh *Vaya Tour* bagi pelancong-pelancong dari Indonesia. Selain daripada itu kami juga ikut bersiar ke *Ocean Park* untuk naik kereta kabel dan melihat pertunjukan di *Sea World*. Pada tanggal 05/01/1979, kami terbang ke Taipei (ibu kota Republic of China di Taiwan) dengan Cathay Pacific. Pemeriksaan kastam di Taipei agak ketat, tetapi kami tidak mengalami kesukaran apa jua pun kerana barang-barang kami tidak banyak. Di pintu keluar lapangan terbang itu sudah menunggu suami isteri Prof. Li Liang Kung yang dulu menjadi kawan sekerjaku di Universiti Nanyang di Singapura. Kami menginap di Lincoln Mansion 5 malam lamanya. Mengikut cerita orang, di kota Wulai (27 km di sebelah tenggara Taipei) dan di kota Hua-Lien (lebih kurang 150 km di sebelah selatan Taipei), ada segolongan bumiputera yang bahasa lisannya mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu, tetapi sayangnya aku tidak berhasil mendapatkan buku-buku mengenai bahasa bumiputera Taiwan itu, sebabnya ialah kerana

mereka tidak mempunyai alfabet. Pemandangan yang menarik di Taiwan ada banyak, tetapi kami hanya berpeluang melihat *Taroko Gorge* dan *Sun and Moon Lakes* sahaja. *Taroko Gorge* dekat kota Hua-Lien; kami harus naik kapal terbang pulang pergi. Dari Hua-Lien ke *Taroko Gorge* kami naik bas, tetapi untuk melihat *Sun and Moon Lakes* kami harus menyewa teksi. Pemandangan di *Taroko Gorge* sungguh indah dan sangat menarik dan pembayaran A\$150 tiap orang untuk perjalanan itu tidak mahal, tetapi pemandangan di *Sun and Moon Lakes* agak mengecewakan. Dari sebuah *kelenang* besar di atas bukit kami memandang ke bawah dan nampak oleh kami dua buah danau yang berdekatan satu sama lain; yang satu besar dan lainnya kecil, boleh diumpamakan sebagai matahari dan bulan. Walaupun tambang teksi mahal, tetapi sebagai pengalaman ada ertinya juga.

Pada tanggal 10/01/1979, kami terbang balik ke Hong Kong dan tinggal di Holiday Inn lagi untuk 3 hari lamanya. Kali ini kami hanya menghabiskan waktu berbelanja di kedai-kedai dan pada tanggal 13/01/1979, kami terbang ke Kota Kinabalu dengan MAS yang setengah kosong kerana banyak penumpang yang tidak sempat naik sebagai akibat *go slow action* oleh pegawai-pegawai MAS, terutama yang mengenai *check-in*. Kami mendesak kerani *check-in* itu berulang-ulang dan memperoleh *boarding pass* 10 minit sebelum kapal terbang 707 kepunyaan MAS itu berlepas. Demi kami masuk ke dalam kapal terbang dan mengambil tempat duduk, juruterbang kapal terbang itu segera menghidupkan enjin dan bertolaklah kami ke Kota Kinabalu.

Lebih kurang pada pukul 4 petang bertepatan dengan tanggal 13/01/1979, kami sampai di lapangan terbang di Kota Kinabalu dan dijemput oleh Sdr. Arena Wati yang dengan motokamya membawa kami ke hotel yang perbelanjaan sewa bilik tidur kami untuk 3 malam dibayar oleh Yayasan Sabah.

Di Kota Kinabalu ada cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah mengutus Sdr. Abdullah Hussein ke bandar tersebut untuk menggalakkan penulis-penulis tempatan dalam penulisan novel, cerpen dan sajak. Aku juga diminta memberi ceramah mengenai pengajaran bahasa dan sastera Indonesia dan Melayu di Universiti Sydney. Akhirmya kami juga dijemput menghadiri jamuan makan yang diadakan oleh Yayasan Sabah untuk memberi selamat datang kepadaku dan familiku.

Pada tanggal 17/01/1979, kami terbang ke Bandar Seri Begawan, ibu kota negara Brunei. Di bandar ini juga ada Dewan Bahasa dan Pustaka yang berdiri sendiri, bukan cawangan DBP di Kuala Lumpur. Aku belajar kenal dengan Pengarangnya (kalau aku tak salah ingat, beliau bernama Ghazali Ruslan) yang memberi hadiah buku-buku terbitan Dewan itu kepadaku. Aku pula membalas dengan memberikan karya-karyaku sendiri kepada Dewan itu. Selama dua hari di Brunei, aku dan keluarga ditemani oleh Tuan Haji Abd. Rahman Yusof dan Sdr. Abd. Hamid b. Haji Jalil untuk melihat dari jauh tempat pengambilan minyak dari dalam tanah. Kami juga dibawa melihat sebuah masjid dan kedai-kedai. Pada tanggal 18/01/1979, Yang Berbahagia Tuan Haji Yahya, Timbalan Yang Dipertua Jabatan Hal-Ehwal Agama Negara Brunei (sebagai penyajak beliau terkenal dengan nama Yahya MS) mengadakan jamuan makan malam di rumahnya untuk memberi selamat datang kepadaku dan keluargaku. Ramai penulis, penyajak dan guru yang hadir dalam jamuan itu dan aku juga diminta memberi pidato tentang pengajian Indonesia dan Malaysia di Universiti Sydney.

Setelah tinggal dua hari di Brunei, pada tanggal 19/01/1979, kami terbang ke Kuching, ibu kota negeri Sarawak. Di bandar ini juga ada cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pengarahnya juga mengadakan jamuan makan siang untuk memberi selamat datang kepada kami. Selain daripada itu aku juga diminta memberi ceramah kepada pelajar-pelajar Maktab Perguruan di Kuching. Kami juga berpeluang melihat sebuah rumah panjang suku bangsa Dayak dan melihat juga Muzium Kuching yang agak temana. Waktu kami di Kuching, kawan kuliah anakku, Simon Poon-Kiat Lim, yang berasal dari Kuching dan yang menjaga rumah kami selama kami di luar negeri, telah menelefon kepada orang tuanya di Kuching, mengatakan bahawa dalam surat khabar di Sydney sudah tersiar nama semua mahasiswa dan mahasiswi yang lulus dalam Ujian Sarjana Muda Universiti New South Wales. Namanya dan Sylvia ada sama. Jadi anakku akan menerima gelar Sarjana Muda dalam satu upacara pemberian ijazah yang biasaya diadakan dalam bulan April tiap tahun. Pada tanggal 22/01/1979, kami meninggalkan bandar Kuching dengan perasaan gembira untuk balik ke Australia melalui bandar Singapura lagi.

Di Singapura kami menginap di *Young Women Christian Association Hostel* 4 malam dan pada tanggal 26/01/1979, isteri dan

anakku terbang pulang ke Sydney terlebih dulu, tetapi aku masih ada urusan di Kuala Lumpur, maka aku tinggal dua malam lagi di Kota Singa itu. Pada waktu itu kebetulan ada perayaan Tahun Baru Cina, banyak penduduk Tionghua di Singapura yang sudah terbang ke Kuala Lumpur dan bandar-bandar lainnya di Malaysia untuk merayakan tahun baru itu dengan sanak saudara di Semenanjung; jadi aku dengan mudah dapat membeli tiket Singapura – Kuala Lumpur – Singapura. Nanti setelah aku sudah menyelesaikan urusanku di Kuala Lumpur dan balik ke Singapura lagi, tiket keliling Asia Tenggara masih boleh digunakan untuk terbang pulang ke Sydney melalui Jakarta, Surabaya dan Bali.

Pada tanggal 28/01/1979, aku terbang ke Kuala Lumpur dengan Singapore Airlines dan dijemput oleh Sdr. Yau Yan Sau di lapangan terbang Subang, Kuala Lumpur. Aku menginap empat malam di rumahnya di Petaling Jaya dan setelah urusanku selesai, aku dapat berjumpa dengan bekas mahasiswaku di Lembaga Sino-logi, Universitas Indonesia yang bernama Djoko Hartono. Ia pada waktu itu menjadi Ketua Bagian Penerangan, Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur. Aku mengunjungi dia di pejabatnya dan bersama-sama makan tengah hari di kantin kedutaan itu. Kami berbual-bual dengan bebas dan bersama-sama mengenang kehidupan kami pada tahun lima puluhan ketika dia masih belajar bahasa dan sastera Tionghua di bawah pimpinanku. Pada waktu aku hendak balik ke Jakarta melalui Singapura, semua tempat duduk dalam kapal terbang SIA dari Kuala Lumpur ke Singapura sudah habis ditempah kerana orang-orang Singapura yang berada di Malaysia selama Tahun Baru Cina banyak yang mahu balik ke Kota Singa itu. Maka aku mencuba mencari keterangan di pejabat Garuda Indonesia Airways cawangan Kuala Lumpur, tentang penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Jakarta. Pengelola pejabat tersebut menerangkan bahawa pada 01/02/1979 petang, ada kapal terbang Garuda yang terbang dari Jeddah ke Jakarta melalui Kuala Lumpur. Beliau sangat baik hati dan menelefon Pejabat SIA di Kuala Lumpur untuk mengambil *oper* tiket-tiket SIA untuk penerbanganku dari Kuala Lumpur ke Jakarta melalui Singapura. Setelah persoalan tersebut dipersetujui oleh Pejabat SIA Kuala Lumpur, maka aku diperbolehkan terbang terus ke Jakarta dari Kuala Lumpur dengan Garuda. Lebih kurang pada pukul 5 petang bertepatan dengan tanggal 01/02/1979, aku naik kapal terbang tersebut dan mendarat

di lapangan terbang di Jakarta pada pukul 9 malam.

Selama 9 hari di Jakarta dan 2 hari di Bandung, aku mengumpulkan buku-buku yang dapat kubeli di Kuala Lumpur, Hong Kong dan Singapura serta hadiah buku-buku daripada Dewan Bahasa dan Pustaka di Brunei, ditambah pula dengan pilihan buku-bukuku daripada simpananku di Jakarta, semuanya kukirimkan ke Sydney sebagai *unaccompanied baggage* dengan kapal terbang melalui *travel agent*. Setelah itu aku terbang ke Yogyakarta dan setelah mendarat aku pergi ke Solo dengan naik kereta kepunyaan kemanakanku di Kota Gudek itu untuk menziarahi adik perempuanku. Pada tanggal 17/02/1979 aku balik ke Yogyakarta dan menginap di rumah Sdr. Yoe Ping Lie, bekas kawan sekolahku di Amoy. Keesokan harinya aku terbang ke Surabaya dan menginap 4 malam di rumah bekas mahasiswaku di Universiti Nanyang. Akhirnya pada tanggal 23/02/1979, aku terbang pulang ke Sydney setelah terbang ke Bali dan menginap satu malam di hotel. Pada tanggal 24/02/1979, kapal terbang Garuda yang membawa aku sampai di lapangan terbang di Sydney. Mulai tanggal 26/02/1979, aku sudah bertugas lagi di Universiti Sydney. Perlu kuterangkan di sini bahawa cuti belajarku telah disetujui oleh Universiti Sydney untuk diperpanjang sampai tanggal 25/02/1979.

Selama 69 hari di luar negeri, aku merasa puas hati kerana telah dapat mengumpulkan banyak buku bahan kajianku dan senang hati telah dapat berjumpa dengan sahabat lama dan baru serta sanak saudara. Sayangnya aku tidak berpeluang untuk meninjau ke Manila, ibu kota Filipina kerana aku tidak mempunyai kenalan di sana dan tidak pernah ada hubungan dengan universiti-universiti di negara itu walaupun aku tahu bahawa bahasa Tagalog, bahasa rasmi negara itu, ada juga sangkut-pautnya dengan bahasa Melayu.

Bab LVI

BERSARA

DALAM Bab LIV telah kusebut bahawa aku akan bersara pada tanggal 12 Julai, 1979 dengan mengambil sekaligus jumlah pencenku dan hanya meninggalkan \$34 untuk pencen tiap dua minggu. Sebetulnya pencenku tiap dua minggu ialah \$617.93. Setelah ditolak \$34 untuk pencenku tiap dua minggu, maka bakinya kuminta dijadikan sekaligus (lump-sum) yang berjumlah lebih kurang \$145,772.00 kerana tiap \$1 pencen menjadi \$250 kalau dijadikan sekaligus. Aku juga harus membayar jelas sebahagian wang yuran Tabung Pencen yang masih belum terbayar olehku. Daripada Universiti Sydney aku juga menerima Bayaran Perkhidmatan Lama (Long Service Payment) yang berjumlah \$9,074.00.

Dengan wang yang sebanyak itu aku dapat membeli sebuah rumah bertingkat dua di 11 Alma Road, Maroubra, lebih kurang satu setengah km jauhnya dari rumahku di Hinkler Street. Pada tanggal 03/08/1979, iaitu tepat pada hari lahirku yang ke-65, aku dengan isteri dan anakku pindah dari Hinkler Street ke Alma Road yang semuanya dalam lingkungan daerah Maroubra. Rumahku di Hinkler Street kusewakan kepada orang lain.

Aku mengucap syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa yang

telah menakdirkan aku untuk bekerja dan menetap di Australia. Dimisalkan dalam tahun 1964 aku dan familiku diberi izin tinggal tetap oleh pejabat imigrasi di Singapura atau terpaksa pulang ke Jakarta dan bekerja di sana, tentulah aku tidak akan mampu untuk membeli rumah kerana Tabung Simpanan Pekerja (Provident Fund) di Singapura dan Tabung Pencen di Jakarta tidak akan memberikan wang sekaligus sebesar jumlah tersebut dan aku takkan mampu membeli rumah di Singapura atau di Jakarta.

Satu hal lainnya yang menggembirakan aku ialah anakku yang tunggal, Sylvia, telah berjaya menerima gelar *Bachelor of Commerce in Accounting, Finance and Systems* dari Universiti New South Wales pada tanggal 05/04/1979. Tidak lama kemudian dia telah mendapat pekerjaan di *Taxation Office* di Sydney, lalu pindah bekerja sebagai *Cost Investigator* di *Department of Defence, Federal Government of Australia*.


Walaupun semuanya itu adalah akibat konfrontasi antara Republik Indonesia dan Malaysia, namun takdir yang ditetapkan oleh Tuhan Yang Maha Esa untuk aku dan familiku tidaklah dapat



Drs. Li (tengah) bergambar bersama 4 orang pensyarah di Peking Foreign Languages Institute (sekarang Beijing Foreign Studies University), (Oktober 1979).



Li dan isteri bergambar di perhentian bas pelancong di bawah reruntuhan Acropolis di Athens, Yunani (1982).



Due uomini in abito scuro (a destra) si fermano per fotografare (a sinistra) il nuovo treno Shinkansen, Giappone (1983).

dinafikan. Aku juga harus mengucapkan beribu-ribu terima kasih kepada Allahyarhamah Cikgu Suri Mohyani di Singapura, Sdr. Kho Lian Tie yang menjadi Ahli Perpustakaan di Universiti Malaya dalam tahun 1964, Sdr. Asraf, Pengarang Bahagian Melayu, Oxford University Press di Kuala Lumpur, Sdr. Russell Jones yang menjadi Pensyarah di Universiti Sydney dalam tahun 1964 dan mendiang Meester Hedwich W. Emanuels yang menjadi Pemangku Ketua, Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya, Universiti Sydney dalam tahun 1964 atas bantuan-bantuan mereka secara langsung atau tak langsung, sehingga aku berhasil dilantik menjadi pensyarah di Universiti Sydney dalam bulan Mei 1964.

Last but not least, kebaikan hati Prof. J. M. van der Kroef terhadap diriku harus kuceritakan juga di sini. Beliau adalah mahaguru di *Department of Political Science* di *Universiti Bridgeport*, Connecticut, U.S.A. Dari pertengahan tahun 1963 beliau dilantik menjadi *Visiting Professor* oleh Universiti Nanyang. Beliau datang dengan isteri dan dua orang anaknya, seorang laki-laki dan seorang lagi perempuan yang semuanya masih kecil, lebih kurang 7 atau 8 tahun usianya. Aku acapkali mengunjungi beliau di tempat tinggalnya yang disediakan oleh Universiti Nanyang. Setelah beliau mengetahui kesukaranku kerana konfrontasi antara Republik Indonesia dan Malaysia, beliau menasihati aku supaya menulis riwayat hidupku (*curriculum vitae*) dan menstensiulkannya menjadi semacam bahan cetakan dan menulis surat kepada beberapa universiti di Australia untuk minta pekerjaan sebagai pensyarah kalau ada kekosongan. Tiap surat harus dilampiri riwayat hidupku itu. Dalam bulan Oktober 1963, aku menulis surat-surat itu dan mengirimkannya kepada Pendaftar, Universiti Sydney, Universiti Melbourne dan Universiti Australia Barat.

Walaupun hasilnya kosong dan aku merasa sangat kecewa, namun kesannya ada juga: Pada tanggal 13/11/1963, Pendaftar Universiti Sydney membalas permohonanku dengan mengatakan bahawa suratku telah dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan Pengajian Indonesia dan Malaya dan dia merasa menyesal kerana tidak ada kekosongan. Beliau ialah Dr. F. H. van Nacrsen yang sudah akan mengambil cuti belajar dan pergi ke Belanda. Kemudian pada tanggal 16/01/1964, aku menerima surat daripada Meester H.W. Emanuels, Pemangku Ketua Jabatan tersebut. Isinya mengatakan bahawa dalam bulan Disember 1963, sudah ada kekosongan untuk

seorang Pensyarah dan seorang Tutor Kanan dan beliau mempersilakan aku untuk mengajukan surat permohonan kepada Pendaftar Universiti Sydney. Beliau juga melampirkan sehelai salinan iklan mencari pensyarah dan Tutor Kanan untuk jabatan itu. Pada tanggal 20/01/1964, aku menulis surat permohonan untuk jawatan pensyarah kepada Nona Margaret A. Telfer, Pendaftar universiti tersebut. Hasilnya ialah pada tanggal 05/05/1964, aku dengan isteri dan anak meninggalkan Kota Singa untuk bekerja di Universiti Sydney dengan naik kapal Centaur. Dengan demikian nasihat Professor J. M. van der Kroef itu akhirnya mendatangkan hasil yang baik bagi diriku dan aku harus berterima kasih juga kepada beliau.

Sebagai penutup Bab LV ini, perlu kuterangkan di sini bahawa beberapa bulan sebelum aku bersara, aku menerima surat dari Kedutaan Besar Republik Rakyat Tiongkok di Canberra. Isinya menyatakan bahawa minatku untuk mengajar di *Foreign Languages Institute* di Peking yang disampaikan kepada Kementerian Pelajaran RRT di Peking oleh Konsul Wu Hung Ch'iao di Konsulat Jeneral RRT di Sydney telah diluluskan dan aku diberi kontrak satu tahun dengan gaji RMB 650 tiap bulan dan diberi tempat tinggal di hotel dengan percuma. Perbelanjaan perjalanan pulang-pergi akan ditanggung oleh Kementerian tersebut. Diterangkan juga bahawa setelah kontrak habis tempohnya, kalau kedua-dua belah pihak bersetuju dapat diperpanjangkan. Betapa gembiranya hatiku menerima surat itu, tetapi kalau kusorot balik keadaanku dalam tahun 1934, aku merasa sedih juga kerana pada waktu itu aku berminat untuk masuk ke Fakulti Kedokteran di Universiti St. John di Shanghai atau The Union Medical College di Peking, tetapi untuk mencapai gelar B.S. (Bachelor of Science) dan M.D. (Doctor of Medicine) di salah sebuah sekolah kedokteran tersebut, perbelanjaannya sangat mahal dan masa belajarnya paling sedikit tujuh tahun. Oleh kerana tidak ada wang, aku terpaksa pulang ke Indonesia dan bekerja sebagai kerani atau guru hinggalah Jepun menduduki Indonesia. Sekarang keadaan berubah dan aku akan pergi ke Peking sebagai *Visiting Professor*.

Aku harus ingat akan kebaikan hati Konsul Wu Hung Ch'iao yang dalam bulan Jun 1978 menginterview aku tentang kesanku mengenai keadaan di Tiongkok ketika aku menjadi ketua rombongan *Educational and Scientific Tour* ke Tiongkok yang dianjurkan oleh *The Chinese Academic Association* di Sydney. Selama interview

itu, aku ada menyatakan minatku untuk menjadi Profesor Tamu di *Peking Foreign Languages Institute* di Peking dan sebagai penguat maksudku itu, kuberikan kepadanya sehelai salinan surat perlantikan diriku menjadi Profesor Pengajian Melayu bertarikh 31/01/1967 oleh Universiti Nanyang di Singapura dan sebuah buku yang berjudul *Essentials of Indonesian Grammar* yang di dalamnya ada foto penandatanganan Perjanjian Dwi-Kewarganegaraan antara Republik Indonesia dan Republik Rakyat Tiongkok. Pada foto itu kelihatan aku yang sedang menterjemahkan pidato Meester Sunario daripada bahasa Indonesia ke bahasa Mandarin di hadapan Menteri Luar Negeri RRT dan jurubahasanya semasa Persidangan Asia-Afrika diadakan di Bandung dalam bulan April, 1955.

Sudah barang tentu perlantikan menjadi Professor Tamu di Peking untuk satu tahun lamanya itu kuterima baik dan pada tanggal 02/09/1979, aku bertolak ke Peking melalui Jakarta, Singapura, Kuala Lumpur dan Hong Kong. Pada waktu itu, dari Hong Kong ke Canton sudah ada kereta api terus (direct train) tanpa ganti kereta api di sempadan negara. Perjalananku dari Hong Kong ke Peking diatur oleh *China International Travel Service* atas arahan Menteri Pelajaran di Peking. Pada tanggal 20/09/1979, aku terbang dari Canton ke Peking dan sesampainya di ibu kota RRT itu, aku ditempatkan di Hotel Friendship di bahagian barat kota Peking.

Pada tahun pelajaran 1979/1980 itu, institut tersebut tidak menerima mahasiswa/mahasiswi baru untuk Seksi Indonesia dan Seksi Malaysia. Jadi aku hanya bertugas untuk memberi kuliah tentang Perkembangan Sastra Melayu Moden kepada para pensyarah dan pengajar di Seksi Malaysia. Pada umumnya mereka sudah fasih berbahasa Indonesia kerana mereka adalah siswazah Jurusan Indonesia di Universiti Peking yang mahaguru dan para pensyarahnya berasal dari Indonesia. Sayang di Seksi Malaysia itu sangat kekurangan karya-karya sastra Melayu moden, maka kudermakan puluhan naskhah buku simpananku sendiri kepada Seksi Malaysia itu. Di institut tersebut ada Seksi Jepun, Seksi Inggeris, Seksi Perancis, Seksi Jerman, Seksi Afrika dan sebagainya. Banyak mahaguru dan pensyarah asing yang bekerja di institut itu, semuanya diberi tempat tinggal di Hotel Friendship yang sangat besar; ada juga klinik, toko dan kantin yang cukup baik dan para guru asing tiap pagi diangkut dengan bas ke institut, pulangnyanya ke hotel

juga diangkut dengan bas. Tiap beberapa minggu kami diangkut dengan bas untuk bersiar-siar, termasuk meninjau *Great Wall, Ming Tomb, Old Palace* dan sebagainya. Kalau sakit hanya membayar RMB 0.20 untuk rawatan doktor dan ubat.

Dekat habisnya tahun pelajaran, aku mengajarkan tulisan jawi kepada murid-muridku. Waktu cuti besar dalam musim panas sudah akan dimulai, aku ditawari mahu atau tidak ikut *tour* ke Tiongkok Barat yang diselenggarakan oleh institut. Perbelanjaan perjalanan ditanggung oleh institut. *Tour* itu akan melawat ke Tun Huang di propinsi Kansu dengan melalui kota Loyang, Si-An dan pulangnye melalui ibu kota Mongolia Dalam. Tun Huang adalah tempat pengajian dan perlindungan para penganut agama Buddha sejak kurun ke-8. Ada gua yang berisi lebih kurang seribu bilik batu yang di dalamnya ada patung-patung Buddha dan ada sebuah bilik batu yang berisi manuskrip-manuskrip tentang agama Buddha, karya-karya lainnya mengenai kesenian, pemerintahan dan sebagainya. Aku terpaksa menolak tawaran itu kerana aku harus segera pulang ke Sydney untuk mengurus soal perkahwinan anakku. Maka waktu cuti besar dimulai pada 01/07/1980, aku tidak minta perpanjangan kontrak kerja dan terbang balik ke Sydney dengan singgah di Shanghai dan Hong Kong. Pada 10/07/1980, aku sudah berada di Sydney lagi. Betapa girangnya hatiku dapat bertemu pula dengan isteri dan anakku.

Setelah anakku kahwin dengan seorang pemuda Tionghua dari Kuching, aku dan isteriku bebas daripada segala tanggungan. Maka dari tahun 1982 hingga tahun 1987, kami berdua membuat perjalanan ke Eropah (termasuk Yunani, Sepanyol dan Scandinavia) sebanyak tiga kali, ke Jepun satu kali dan ke Canada serta Amerika Syarikat dua kali. Pernah juga kami belayar dari Acapulco (Mexico) ke St. Thomas (salah sebuah pulau dalam Gugusan Kepulauan Virgin (Virgin Islands, USA), melalui Terusan Panama, satu kali.

Dan akhirul-kalam, sekali lagi bersyukurlah aku kepada Tuhan Yang Maha Esa yang memberkati kami dalam penghidupan kami.

BIBLIOGRAFI

- Barber, N., *Sinister Twilight: The Fall of Singapore*, Fontana/Collin, London & Glasgow, 1970.
- Cressey, G.B., *China's Geographic Foundation*, McGraw-Hill Book Company, New York & London, 1934.
- Dahm, B., *History of Indonesia in The Twentieth Century*, Paul Mall Press, London, 1971.
- Duyvendak, J.J.L., *Wegen & Gestalten der Chinesische Gesciedenis*, Elsevier, Amsterdam & Brussel, 1948.
- Goodrich, L.C., *A Short History of The Chinese People*, George Allen & Unwin Ltd., London.
- Kuo, P.C., *Tiongkok*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
- Legge, J.D., *Indonesia*, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1963.
- Lie, T.S., *A History of Overseas Chinese Education in Indonesia*, published in the *Journal of the South Seas Society*, Vol. XV, Part I (p. 1-14), Singapore, June 1959, and Part II (p. 19-44), Singapore, December, 1959.
- Universiti Nanyang Tenth Anniversary Souvenir*, Editorial Committee, Universiti Nanyang, Singapore, 1966.
- Pluvier, J.M., *Confrontation - A Study in Indonesian Politics*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
- Sanusi Pane, *Sejarah Indonesia, Jilid I*, Balai Pustaka, Djakarta, 1955; *Jilid II*, Balai Pustaka, Djakarta, 1956.
- Vlekke, B.H.M., *Nusantara*, Fifth Edition, Les Editions A. Manteau, Bruxells, 1961.
- Zainuddin, A., *A Short History of Indonesia*, Third Edition, Cassell Australia Ltd., Victoria & Sydney, 1971.

KARYA-KARYA LAIN OLEH PENULIS BUKU INI

1. **Perguruan Tionghua Perantau di Indonesia, 1729-1951** (bahasa Tionghua), termuat dalam *Journal of the South Seas Society*, Jilid XV, **Bagian Pertama** (muka surat 1-14), Singapura, Jun 1959; **Bagian Kedua** (muka surat 19-44), Singapura, Disember 1959.
2. **Kitab Batjaan dan Tatabahasa Bahasa Indonesia**, buku pelajaran untuk pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pertama Tionghua, terbitan The World Book Company, Jakarta: **Buku 1**, 1953 (153 halaman); **Buku 2**, 1953 (146 halaman); **Buku 3**, 1954 (221 halaman).
3. **Sejarah Pendek Orang Tionghua di Indonesia** (bahasa Tionghua), termuat dalam majalah *Nanyang Wenchi*, Jilid I, No. 12 (muka surat 42-57), Hong Kong, Disember 1960.
4. **Tata Bahasa Melayu** (bahasa Tionghua), terbitan The Youth Book Company, Singapura, 1960 (344 halaman).
5. **Cerita-Cerita Tionggok** (bahasa Melayu dan Tionghua), terbitan The Shanghai Book Company, Singapura: **Bagian Pertama**, Mac 1960, 77 halaman; **Bagian Kedua**, Oktober 1960 (73 halaman).
6. **Cerita-cerita Indonesia** (bahasa Melayu dan Tionghua), terbitan The Shanghai Book Company, Singapura, November 1960 (125 halaman).
7. **Belajar Bercakap Melayu** (bahasa Melayu dan Tionghua), terbitan The World Book Company, Singapura, 1961 (170 halaman).
8. **Hidup Bagaikan Mimpi** (terjemahan ke dalam bahasa Melayu daripada *Shen Fu's Chapters from A Floating Life*), terbitan Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1961 (179 halaman).

9. **Bahasa Melayu Hari Ini**, buku pelajaran bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia, disusun dengan kerjasama Cikgu Karim Shariff dan Sdr. Daud Baharum, terbitan Oxford University Press, Kuala Lumpur: **Buku 1**, 1961 (173 halaman); **Buku 2**, 1962 (187 halaman); **Buku 3**, 1963 (226 halaman).
10. **Tiongkok**, karangan Ping-Chia Kuo dalam bahasa Inggeris tentang sejarah Negara China, terjemahan ke dalam bahasa Melayu diterbitkan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur dalam tahun 1965 (121 halaman).
11. **Introducing Indonesian**, buku pelajaran bahasa Indonesia dalam bahasa Inggeris yang mula-mula sekali diterbitkan di Sydney oleh Angus & Robertson: **Book 1**, 1965 (115 halaman); cetakan ketiga, 1967 (120 halaman); **Book 2**, 1966 (184 halaman); cetakan kedua, 1967 (184 halaman).
12. **Bahasa Melayu Baharu**, buku pelajaran bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan IV dan V di Malaysia, disusun dengan kerjasama Sdr. Daud Baharum, terbitan Oxford University Press, Kuala Lumpur: **Buku 1**, 1966 (226 halaman); **Buku 2**, 1968 (259 halaman).
13. **Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945**, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966 (246 halaman); cetakan kedua, 1972 (195 halaman).
14. **Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden, 1945-1965**, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1967 (552 halaman); cetakan kedua, 1978 (564 halaman).
15. **Ah-so Hsiang-lin dan Cerpen-cerpen Lain**, terjemahan ke dalam bahasa Melayu empat buah cerpen karangan Pujangga Lu Hsun dalam bahasa Tionghua dan didahului dengan kupasan yang mendalam oleh penterjemah, terbitan Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura, 1968, (XXVI + 88 halaman).
16. **A Bird's-Eye View of the Development of Modern Malay Literature, 1921-1941**, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970 (58 halaman).

17. **Bekal Ujian**, buku pelajaran bahasa Melayu untuk pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia, disusun dengan kerjasama Sdr. Daud Baharum, Fajar Bakti, Kuala Lumpur: **Buku 1**, 1970 (126 halaman); **Buku 2**, 1970 (131 halaman); **Buku 3**, 1971 (133 halaman).
18. **An Introduction to the Promotion and Development of Modern Malay Literature, 1942-1962**, diterbitkan di Indonesia oleh Penerbitan Yayasan Kanisius, Yogyakarta, 1975 (269 halaman + 26 foto).
19. **Essentials of Indonesian Grammar**, Pustaka Malindo Publications, Sydney, 1976 (192 halaman + 3 foto).
20. **Lampu Yang Tak Kunjung Padam**, terjemahan enam cerpen Pujangga Lu Hsun daripada bahasa Tionghua dan Inggeris ke dalam bahasa Melayu dengan diberi **Pengenalan** (29 halaman) oleh penterjemahnya, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984 (XXXVI + 148 halaman).

